HENRY HAZLITT

JALAN PINTAS KE DALAM ILMU EKONOMI

MEMAHAMI ASAS-ASAS EKONOMI DALAM TEMPOH PALING SINGKAT



Jalan Pintas ke dalam Ilmu Ekonomi

MEMAHAMI ASAS-ASAS EKONOMI
DALAM TEMPOH PALING SINGKAT

HENRY HAZLITT

Diterjemah oleh:
AMIN AHMAD

IDEAS
Institute for Democracy and Economic Affairs

AkademiMERDEKA.org

IDEAS
Institute for Democracy and Economic Affairs
D6 Taman Tunku, Bukit Tunku
50480 KUALA LUMPUR
Tel: +6 03 6201 8896 / 8897
Faks: +6 03 6211 0222
Laman web: www.ideas.org.my

Pertama kali diterbitkan pada Mac 2013

ISBN 967-10094-6-8

Diterjemahkan oleh Amin Ahmad daripada Henry Hazlitt, *Economics in One Lesson* (1946).

Rekabentuk dan rekaletak oleh teckhee@gmail.com

Dicetak oleh
Vinlin Press Sdn Bhd
No 2, Jalan Meranti Permai 1
Meranti Permai Industrial Park
Batu 15, Jalan Puchong
47100 Puchong, Selangor

Kandungan

Kata Pengantar Edisi Pertama

Buku ini meneliti kesilapan-kesilapan berfikir (*fallacies*, atau salah taakulan, juga boleh disebut sebagai falasi) dalam ekonomi yang akhir-akhir ini kian tersebar sehingga ia *hampir*[1] diterima sebagai sesuatu yang lumrah dan benar. Hanya percanggahan-percanggahan dalam cara berfikirnya yang menghalang falasi-falasi berkenaan daripada benar-benar menjadi sesuatu yang lumrah. Sebabnya mudah: untuk soal-soal yang menyentuh perkara-perkara amali dalam kehidupan harian, mustahil untuk sesuatu kesilapan dipertahankan secara terus-menerus. Percanggahan-percanggahan ini telah memecah-belahkan kalangan yang berpegang dengan premis-premis yang sama kepada seratus 'mazhab' ekonomi yang berlainan. Bagaimanapun, perbezaan antara satu mazhab baru dengan mazhab yang lainnya hanyalah pendukung mazhab baru itu terlebih dulu sedar tentang perkara-perkara tidak masuk akal yang sedang cuba dicapai oleh premis pemikiran mereka yang salah. Sejak membentuk mazhab baru, mereka mula menjadi tidak konsisten pula, iaitu sama ada secara tidak sedar meminggirkan premis-premis yang salah atau dengan menerima hakikat bahawa secara logiknya kesimpulan-kesimpulan daripada premis-premis itu kurang mengganggu fikiran atau kurang hebat.

Bagaimanapun, tiada sebuah kerajaan besar pun di dunia sekarang yang dasar ekonominya tidak dipengaruhi oleh kesilapan-kesilapan dalam pemikiran ekonomi, meskipun tidak secara keseluruhan. Mungkin cara paling mudah dan pasti untuk kita memahami ekonomi ialah dengan menganalisa kesilapan-kesilapan ini, terutama kesilapan induk yang melahirkan kesilapan-kesilapan yang lain. Inilah andaian buku ini, seperti yang terbayang pada tajuknya yang agak ambisius dan agresif.

1 [Penegasan oleh penterjemah.]

Maka buku ini boleh dianggap sebagai satu penjelasan. Ia bukan sebuah percubaan untuk mengemukakan idea-idea utama yang baru dan asli. Sebaliknya, ia sekadar menjelaskan bahawa banyak idea-idea yang kini dilihat sebagai inovasi cemerlang dan maju sebenarnya adalah kesilapan-kesilapan lama yang cuba untuk dihidupkan semula dan seterusnya membuktikan bahawa orang yang tidak belajar daripada sejarah buruk akan mengulanginya.

Saya tidak merasa segan untuk menyifatkan makalah saya ini sebagai "klasik", "tradisional" dan "ortodoks": sekurang-kurangnya ini adalah gelaran-gelaran yang akan cuba ditolak oleh kalangan yang kesilapan-kesilapan pemikirannya diteliti dalam buku ini. Namun, pembaca-pembaca yang ingin menggali sebanyak mungkin kebenaran tidak akan takut dengan gelaran-gelaran yang dilemparkan orang. Sudah tentu mindanya akan terbuka kepada idea-idea baru, di samping idea-idea lama; namun dia takkan merasa rugi jika tidak melayan kegilaan terhadap perkara-perkara yang luarannya sahaja baru dan asli. Seperti disebutkan Morris R. Cohen: "Kalau kita menganggap pandangan-pandangan semua pemikir terdahulu boleh diabaikan begitu saja, maka kita tidak boleh berharap orang lain akan menghargai pula karya kita sendiri."[1]

Memandangkan buku ini ditulis sekadar untuk menjelaskan asas-asas ekonomi, maka saya memanfaatkan secara bebas idea-idea para penulis lain tanpa menyebut nama mereka secara terperinci. Pendekatan ini tidak dapat dielakkan apabila seseorang menulis dalam suatu bidang yang telah banyak digeluti oleh banyak pemikir terbaik dunia. Namun saya begitu terhutang budi dengan tiga orang pengarang. Justeru itu nama mereka harus saya sebutkan di sini. Dari segi kerangka penjelasan yang dijadikan asas untuk hujah-hujah dalam buku ini, esei Frédéric Bastiat, *Ce qu `on voit et ce qu'on ne voit pas,* yang ditulis seratus tahun lalu telah banyak membantu saya. Malah buku ini boleh dianggap sebagai usaha memodenkan, mengembangkan dan mengitlakkan (generalisasi) pendekatan yang kita lihat pada risalah Bastiat itu. Kedua, saya terhutang budi pada Philip Wicksteed: khususnya untuk penyusunan bab-bab berkenaan upah dan

1 *Reason and Nature (New York: Harcourt, Brace & Co., 1931), hal. x.*

bab penutup yang banyak dibuat berdasarkan karya beliau, *Commonsense of Political Economy.* Ketiga, pada Ludwig von Mises. Risalah asas ini secara umum banyak memanfaatkan tulisan-tulisan beliau, namun yang paling memudahkan kerja saya ialah penjelasan beliau tentang bagaimana inflasi kewangan merebak.

Begitu juga dalam menganalisa falasi-falasi yang ada. Saya merasa tidak begitu perlu untuk menyebut nama tokoh-tokoh yang terjebak menghasilkan falasi kerana untuk berbuat demikian kita perlu berbuat adil terhadap setiap seorang tokoh yang dikritik, memuatkan petikan kata-kata mereka secara tepat bagi setiap poin yang mereka kemukakan, menyebut syarat-syarat yang mereka gariskan, kesamaran-kesamaran individu, ketidaktekalannya, dan banyak lagi. Maka, cukuplah jika dinyatakan penghargaan terhadap mereka dalam ruang ini. Justeru itu, saya berharap tiada sesiapa akan berasa kecewa kerana dalam bahagian-bahagian berikutnya saya tidak menyebut nama-nama Karl Marx, Thorstein Veblen, Major Douglas, Lord Keynes, Professor Alvin Hansen dan lain-lain. Tujuan utama buku ini bukanlah untuk mendedahkan kesalahan-kesalahan khusus penulis tertentu, sebaliknya untuk membincangkan bentuk kesilapan ekonomi yang paling kerap dilakukan, paling meluas tersebar dan yang paling memberi kesan. Lagi pun, apabila falasi-falasi telah tersebar, sumber asalnya tidak lagi dikenali. Dalam keadaan itu, unsur-unsur tersirat atau terselindung yang boleh dikesan pada tulisan-tulisan orang yang paling bertanggungjawab menyebarkannya telah pun luput; suatu doktrin diringkaskan sehingga segala macam persyaratan, kesamaran, atau perkiraan matematik menjadi jelas. Justeru itu saya berharap tidak akan dituduh berlaku tidak adil jika saya tidak membentangkan sesuatu doktrin yang 'bergaya' persis seperti yang dirumuskan oleh Lord Keynes atau pengarang-pengarang khusus yang lain. Di sini kita ingin memperkatakan tentang kepercayaan-kepercayaan yang dipegang oleh kumpulan-kumpulan yang mempunyai pengaruh politik dan kepercayaan-kepercayaan yang menjadi landasan tindakan-tindakan kerajaan, bukan asal-usul kepercayaan-kepercayaan terbabit.

Akhir sekali, saya berharap pembaca akan memaafkan saya kerana amat jarang memetik angka-angka daripada statistik dalam halaman-halaman selepas ini. Buku ini akan menjadi terlalu tebal jika saya cuba untuk membentangkan pengesahan-pengesahan statistik dalam membincangkan kesan daripada tarif-tarif serta ketetapan-ketetapan harga [oleh kerajaan], inflasi dan pengawalan ke atas komoditi-komoditi seperti arang batu, getah dan kapas. Tambahan pula sebagai 'orang akhbar', saya amat sedar betapa cepatnya statistik menjadi lapuk dan digantikan dengan angka-angka lebih baru. Sesiapa yang berminat tentang masalah ekonomi yang terperinci dianjurkan untuk membaca perbincangan semasa yang "realistik" tentang masalah-masalah itu yang siap dengan pembentangan statistik: mereka akan mendapati tidak sukar untuk menterjemah sesuatu statistik dengan tepat berdasarkan prinsip-prinsip asas yang mereka pelajari.

Saya telah cuba untuk menulis buku ini dalam gaya yang mudah dan sedapat mungkin membebaskannya daripada hal-hal teknikal, sambil menjaga ketepatan hujah-hujah di dalamnya, agar ia boleh difahami sepenuhnya oleh para pembaca yang tidak begitu mengenal ilmu ekonomi.

Buku ini sememangnya disusun untuk menjadi satu unit yang padu, namun tiga bab daripadanya telah diterbitkan sebagai artikel berasingan. Maka di sini saya ingin berterimakasih kepada *New York Times*, *American Scholar* dan *New Leader* atas keizinan yang diberikan untuk mencetak semula bahan-bahan yang telah mereka terbitkan. Saya juga amat berterimakasih kepada Profesor von Mises yang telah membaca manuskrip ini dan memberikan saranan-saranan yang sangat membantu. Sudah pasti, tanggungjawab atas semua pandangan yang terdapat dalam buku ini keseluruhannya menjadi milik sendiri.

Henry Hazlitt
New York
25 Mac 1946

Pengantar Penterjemah

Peluang ke Amerika Syarikat untuk mengikuti kursus falsafah, sejarah, ekonomi, dan undang-undang kebebasan yang dianjurkan oleh Cato University pada musim panas tahun 2008 telah menambahkan keyakinan saya untuk aktif mempromosi *libertarianisme* (atau lebih dikenali sebagai liberalisme klasik di United Kingdom) – kedaulatan undang-undang, kerajaan terhad, kebebasan individu dan ekonomi pasaran bebas – di Malaysia.

Ia diperkukuh lagi dengan bacaan lanjut ke atas karya-karya berkaitan, khususnya *What is Seen and What is Not Seen* yang ditulis oleh Frederic Bastiat lebih 150 tahun lalu. Sejak itu saya bertekad untuk cuba mendalami persoalan ekonomi dengan lebih tekun.

Sebagai seorang yang tidak dilatih khusus dalam bidang ekonomi, tentulah bacaan asas yang baik penting untuk membantu. Ketika mencari senarai bacaan asas yang baik inilah saya diperkenalkan dengan tulisan Henry Hazlitt, *Economics in One Lesson*.

Henry Hazlitt: Sepintas lalu

Hazlitt hidup hampir satu abad, lahir pada November 1894 dan meninggal dunia pada Julai 1993. Tempoh ini cukup panjang untuk beliau melihat dan bahkan mendekati banyak peristiwa bersejarah yang sebahagiannya sangat berguna untuk dipelajari oleh kita, generasi semasa dan generasi akan datang.

Beliau membesar dalam keadaan sukar. Semasa kecil, ayahnya meninggal dunia. Mujur beliau dapat mengikuti pengajian di sebuah sekolah swasta di Philadelphia yang dibangunkan khas untuk anak yatim. Kemudian ibunya berkahwin lagi dan mereka sekeluarga berpindah ke Brooklyn. Beliau belajar di sekolah kerajaan sampai ke peringkat kolej.

Hazlitt tidak sempat menghabiskan pengajiannya di kolej. Beliau terpaksa berhenti selepas bapa tirinya meninggal dunia. Beliau perlu bekerja untuk menyara diri dan ibunya. Namun minatnya kepada pengetahuan mendorong dirinya untuk belajar sendiri melalui pembacaan di rumah.

Beliau mula bekerja di *The Wall Street Journal*. Peluang tersebut, meskipun dengan jawatan kecil, membolehkannya mengembangkan minat dalam pengetahuan. Melalui tugas kerjanya, ditambah dengan pembacaan serta perbincangan dengan pelbagai pihak, Hazlitt telah berhasil mengumpulkan keyakinan untuk menulis *Thinking as a Science* pada usia 21 tahun.

Hazlitt kemudian menyertai Perang Dunia 1 bersama pasukan tentera udara, sebelum kembali lagi untuk meneruskan kerja intelektual – menulis, mengarang dan menyunting.

Lanjutan daripada pemikiran sebelum dan semasa situasi perang, pemikiran ramai ketika itu kuat mempercayai pergantungan kepada kerajaan. Maka karya *Socialism* yang ditulis oleh Ludwig von Mises pada tahun 1938 dan *The Road to Serfdom* oleh Friedrich Hayek enam tahun selepas itu menjadi cukup penting dalam merungkai permasalahan politik-ekonomi ketika itu.

Hazlitt mempunyai peranan penting dalam membantu karya-karya ini tersebar, di samping melebarkan pengaruh kedua-dua tokoh tersebut kepada khalayak di Amerika Syarikat. Tidak hairanlah apabila Hazlitt terlibat dalam Mont Pelerin Society sejak persidangan pertama kelompok itu serta diberi kepercayaan oleh Leonard E. Read untuk menjadi Naib Presiden Pengasas Foundation for Economic Education.

Antara ketegasan Hazlitt yang paling menonjol ketika itu ialah bantahannya terhadap sistem Bretton-Woods, natijah pemikiran Keynes yang mendominasi rundingan pasca-perang dan membawa kepada pengasasan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Selepas diberi kata dua oleh penerbit akhbar *New York Times* untuk tidak lagi mengkritik keputusan rundingan tersebut, beliau yang ketika itu memimpin akhbar tersebut memilih berhenti kerja.

Hazlitt meneruskan usaha membela dan menyebar luas idea ekonomi pasaran bebas sehingga beberapa tahun menjelang akhir hayatnya. Selain berdebat dengan sejumlah tokoh penting yang bercanggah pandangan dengan pasaran bebas, beliau turut terlibat dalam mengembangkan idea ekonomi pasaran bebas melalui majalah *The Freeman* dan *Newsweek* yang dipimpinnya.

Buku ini

Buku ini pertama kali diterbitkan pada tahun 1946 dan jelas mengambil inspirasi daripada cara Bastiat menangani kesalahan berfikir kebanyakan orang dalam bidang ekonomi. Ia baik untuk dijadikan rujukan asas bagi sesiapa yang mahu memahami ekonomi pasaran bebas secara murni.

Saya percaya kesalahan berfikir dalam ekonomi penting untuk difahami oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Peningkatan minat terhadap isu politik ekonomi di Malaysia perlu didorong oleh sejumlah bahan bacaan asas yang berguna. Justeru itu, saya memilih buku ini untuk diterjemahkan.

Dengan membaca buku ini, diharapkan para pembaca dapat menyedari corak kesalahan yang sama dalam banyak situasi politik ekonomi di negara ini – kandungan dasar, penjelasan isu-isu, pidato dan debat, janji-janji atau penulisan untuk tujuan menyokong, membantah atau mengemukakan idea bagi meyakinkan khalayak ramai untuk diambil sebagai dasar kerajaan.

Dengan menyedari bahawa kebanyakan kesalahan berfikir dalam ekonomi berpunca daripada satu akar yang sama – hanya menghitung manfaat tempoh singkat, atau/dan hanya kepada kelompok tertentu sambil mengabaikan kesan jangka masa panjang, atau/dan kepada semua pihak – analisa Hazlitt ini mengajar kita untuk berwaspada dengan ekonomi popular yang mempunyai kesan buruk bagi masa depan semua.

Selamat membaca.

Amin Ahmad
IDEAS

Bahagian I

Inti Pelajaran

Bab Satu

Inti pelajaran

1

Berbanding mana-mana bidang lain yang diketahui manusia, ekonomi adalah bidang yang paling banyak dihantui oleh falasi atau kesilapan berfikir. Ini bukan kebetulan. Bidang ekonomi adalah bidang yang sememangnya payah, dan ia menjadi seribu kali lebih payah dengan adanya satu faktor yang tidak terdapat dalam bidang-bidang seperti fizik, matematik atau perubatan – iaitu kecenderungan kelompok-kelompok dalam masyarakat untuk memelihara kepentingan diri masing-masing. Suatu kelompok mempunyai kepentingan ekonomi tertentu yang hampir sama dengan setiap kelompok yang lain, tetapi pada masa yang sama setiap mereka juga mempunyai kepentingan-kepentingan yang saling bercanggahan bagi suatu kelompok dengan kelompok yang lain. Ada sesetengah dasar awam memberi manfaat jangkamasa panjang kepada semua pihak, dan ada pula sesetengah dasar yang hanya dapat menguntungkan satu kelompok dengan mengorbankan kelompok yang lain. Kelompok yang akan mendapat faedah daripada dasar sebegini dan mempunyai kepentingan di dalamnya akan menghujahkan kebaikan dasar-dasar tersebut. Kelompok ini akan menggaji pemikir-pemikir terbaik yang mampu mereka gaji untuk meluangkan masa membela dasar-dasar yang menguntungkannya. Ia akhirnya sama ada akan berhasil meyakinkan orang ramai bahawa hujah-hujahnya adalah mantap atau mengelirukan keadaan sehingga hampir mustahil untuk orang memikirkan subjek berkenaan secara jernih.

Selain kecenderungan untuk menjaga kepentingan diri masing-masing yang tidak berkesudahan ini, ada faktor utama kedua yang setiap hari mencambahkan kesilapan-kesilapan berfikir dalam bidang ekonomi: kecenderungan manusia untuk melihat kesan segera sesuatu dasar, atau kesannya ke atas sesebuah kelompok khas, sehingga cuai untuk memikirkan kesan jangkamasa panjang dasar terbabit terhadap bukan saja kelompok khas tersebut, malah juga terhadap semua kelompok yang lain dalam masyarakat. Kesilapan di sini ialah kegagalan untuk melihat kesan-kesan sekunder.

Perkara inilah yang membezakan antara pandangan ekonomi yang bagus dengan yang buruk. Ahli ekonomi yang buruk hanya melihat perkara yang dapat dilihat dengan sekilas mata; sedangan ahli ekonomi yang bagus melihat jauh ke depan. Ahli ekonomi yang buruk hanya melihat kesan langsung bagi sesuatu pendekatan yang dikemukakan, sedangkan ahli ekonomi yang bagus melihat kesan jangkasama panjang dan kesan-kesan tidak langsung. Ahli ekonomi yang buruk hanya melihat kesan sesuatu dasar ke atas sebuah kelompok tertentu, sedangkan ahli ekonomi yang bagus turut meninjau kesan dasar tersebut ke atas semua kelompok.

Perbezaan ini mungkin jelas kelihatan. Langkah berjaga-jaga dengan melihat semua kesan bagi sesuatu dasar terhadap semua pihak tampak sebagai sesuatu yang asas. Tidakkah semua orang tahu bahawa dalam kehidupan peribadi kita terdapat pelbagai perkara yang boleh memuaskan nafsu untuk jangka singkat sedangkan akhirnya adalah bencana? Bukankah setiap seorang budak kecil tahu jika makan terlalu banyak gula-gula dia boleh jatuh sakit? Tidakkah mereka yang mabuk tahu bahawa ketika bangun pada keesokan harinya perut akan berasa memulas dan kepala berasa seperti hendak pecah? Tidakkah penagih alkohol tahu bahawa dia sedang merosakkan hati dan memendekkan jangka hayatnya sendiri? Tidakkah Don Juan tahu bahawa dia mendedahkan dirinya kepada segala bentuk risiko, termasuk ugutan dan juga penyakit? Akhir sekali, untuk membawa satu contoh yang lebih dekat dengan ekonomi, meskipun masih di peringkat peribadi: tidakkah manusia yang pemalas dan pemboros tidak tahu bahawa di sebalik kehidupan bersenang-lenang itu mereka sedang menuju masa depan yang penuh dengan hutang-piutang dan kemiskinan?

Begitupun, apabila kita memasuki bidang ekonomi awam, kebenaran-kebenaran asas ini kita abaikan. Ada orang-orang yang dianggap sebagai ahli ekonomi yang bijaksana pada hari ini yang mencemuh langkah berjimat-cermat dan sebaliknya mencadangkan agar rakyat seluruh negara berbelanja besar-besaran sebagai cara untuk menyelamatkan ekonomi; dan apabila ada orang bertanya tentang kesan-kesan daripada dasar-dasar ini dalam jangkamasa panjang, ahli-ahli ekonomi yang bijaksana ini menjawab acuh tak acuh: "Dalam jangkamasa panjang semua kita akan mati." Celoteh dangkal seperti ini diterima sebagai sindiran yang cerdas dan madah berhikmah.

Padahal sebaliknya kita telah mula merasai kesan jangkamasa daripada dasar-dasar yang dibuat di masa lalu. Hari ini adalah hari esok yang telah ahli ekonomi buruk kelmarin minta kita abaikan. Kesan jangka panjang daripada sebahagian dasar ekonomi boleh dilihat dalam jangkamasa beberapa bulan. Sebahagian lagi memerlukan masa beberapa tahun untuk dapat dilihat kesannya. Sebahagian yang lain pula tidak akan kelihatan sehinggalah beberapa dekad kemudiannya. Namun, dalam apa jua keadaan, kesan-kesan jangka panjang pasti terkandung pada sesuatu dasar, sepasti anak ayam yang lahir daripada telur, sepasti bunga yang tumbuh daripada benih.

Oleh yang demikian, dari sudut ini, keseluruhan persoalan ekonomi boleh diringkaskan kepada satu pelajaran, dan pelajaran ini boleh diringkaskan lagi kepada satu ayat: *Seni dalam bidang ekonomi meliputi keupayaan untuk melihat bukan sahaja kesan segera tetapi juga kesan jangka panjang daripada apa juga tindakan atau dasar; ia juga meliputi keupayaan untuk mengenal pasti kesan-kesan dasar terbabit bukan sahaja terhadap satu kelompok, malah juga terhadap semua kelompok.*

2

Sembilan daripada sepuluh falasi ekonomi yang kini sedang mengancam dunia adalah kesan daripada pengabaian terhadap pelajaran ini. Semua falasi ini berpunca daripada satu atau dua falasi utama, atau kedua-duanya: iaitu hanya melihat kesan segera daripada sesuatu tindakan atau cadangan, dan hanya melihat kesan terhadap kelompok tertentu dan mengabaikan kelompok lain.

Benar, kesilapan sebaliknya juga boleh berlaku. Dalam mempertimbangkan sesuatu dasar, kita perlu memberi tumpuan bukan *hanya* terhadap kesan jangka panjang dasar berkenaan ke atas masyarakat secara keseluruhan. Ini adalah kesilapan yang sering dibuat oleh para ahli ekonomi klasik. Ia menghasilkan sikap tidak peduli terhadap nasib kelompok-kelompok yang menerima kesan segera daripada dasar-dasar atau pembangunan-pembangunan yang terbukti bermanfaat secara umum dan dalam jangkamasa panjang.

Namun, jika dibandingkan dengan kesilapan jenis pertama yang disebutkan tadi, hanya segelintir orang melakukan kesilapan jenis kedua ini; dan sebahagian besar daripada segelintir orang ini adalah ahli-ahli ekonomi profesional. Falasi yang jauh lebih kerap muncul pada hari ini; falasi yang terus-terusan muncul dalam hampir setiap perbualan yang menyentuh tentang hal-ehwal ekonomi; kesilapan yang dapat didengar pada ribuan syarahan politik; ibu bagi kesilapan dalam pendekatan ekonomi 'baru', ialah pemberian tumpuan terhadap kesan-kesan jangka pendek daripada dasar-dasar berkenaan kelompok khusus dan pengabaian atau sikap meremehkan kesan jangka panjang ke atas masyarakat secara umum. Ahli-ahli ekonomi 'baru' bermegah menganggap pendekatan mereka sebagai pendekatan yang hebat dan jauh lebih maju daripada pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh ahli-ahli ekonomi 'klasikal' atau 'ortodoks' kerana mereka mempertimbangkan kesan-kesan jangka pendek yang sering diabaikan oleh ahli-ahli ekonomi sebelum mereka. Padahal mereka sendiri melakukan kesilapan yang jauh lebih parah dengan mengabaikan atau memandang remeh tentang kesan-kesan

jangka panjang bagi pendekatan mereka. Mereka mengabaikan hutan ketika sibuk meneliti pokok-pokok yang khusus. Kaedah dan kesimpulan mereka sering hanyalah merupakan tindak balas terhadap sesuatu permasalahan semasa. Mereka kadangkala terperanjat apabila menyedari pandangan mereka cocok dengan amalan merkantilisme abad ke-17.[1] Mereka sebenarnya terjebak dalam kesilapan-kesilapan masa lalu yang kita harapkan telah dibasmi oleh para ahli ekonomi klasik.

3

Sering orang mengeluh mengatakan ahli-ahli ekonomi yang buruk lebih pandai membentangkan pandangan-pandangan mereka yang silap kepada orang awam berbanding ahli-ahli ekonomi yang bagus yang mengemukakan kebenaran. Orang juga sering mengadu bahawa para demagog (orang yang berucap untuk membangkitkan perasaan khalayak – pent.) lebih pintar mengemukakan karut-marut ekonomi dari pentas berbanding orang-orang jujur yang cuba menjelaskan salah-silap pada sesuatu pandangan. Namun, sebab asas bagi perkara ini bukanlah suatu misteri.

Para demagog dan ahli ekonomi yang buruk mengemukakan kenyataan-kenyataan yang separuh benar. Mereka hanya bercakap tentang kesan segera daripada sesuatu dasar yang dikemukakan atau kesannya terhadap hanya satu kelompok. Sejauh itu mereka mungkin benar. Untuk menunjukkan kelemahan-kelemahan pandangan mereka, perlu dijelaskan bahawa dasar yang mereka kemukakan itu akan memberi kesan tidak enak dalam jangkamasa panjang, atau bahawa ia hanya boleh menguntungkan suatu kelompok dengan cara mengorbankan kelompok lain. Bererti kenyataan yang separuh benar tadi perlu dilengkapkan sehingga menjadi sepenuhnya benar dengan memperjelaskan kelemahan-kelemahannya.

1 [Teori Merkantilisme abad lampau percaya bahawa perdagangan menjana kemakmuran dan dirangsang oleh pengumpulan imbangan dagangan yang menguntungkan yang harus digalakkan oleh kerajaan menerusi dasar perlindungan ke atas barangan yang dihasilkan dalam negeri – pent.]

Namun, untuk menjelaskan kesan-kesan utama sesebuah dasar yang dicadangkan ke atas setiap orang, masa yang diperlukan biasanya terlalu panjang, rumit dan berjela-jela. Kebanyakan pendengar mendapati jalan pemikiran yang panjang ini sukar dimengerti dan mereka cepat merasa bosan dan hilang tumpuan. Ahli-ahli ekonomi yang buruk melayan kelemahan dan kemalasan berfikir khalayak dengan menggesa mereka untuk tidak cuba memikirkan hujah-hujah lawan mereka atau cuba untuk menilai kekuatan hujah-hujah tersebut kerana semua itu adalah "fahaman lapuk", atau "*laissez-faire*", atau "cubaan kapitalis untuk membela dirinya", atau apa saja tohmahan lain yang mereka rasa boleh memberi kesan.

Kami telah menyatakan sifat asas bagi pelajaran pertama ini dan falasi-falasi yang wujud secara abstrak. Ia belum cukup untuk memberikan kefahaman yang mantap dan orang akan terus gagal mengenalpasti falasi-falasi berkenaan, melainkan jika diperturunkan contoh-contoh berkaitan. Menerusi contoh-contoh ini kita akan beranjak daripada masalah-masalah paling asas dalam bidang ekonomi kepada yang lebih rencam dan sukar. Menerusi contoh-contoh ini kita akan belajar mengesan dan mengelak daripada terjebak dalam kesilapan-kesilapan berfikir yang paling ketara sampailah kepada kesilapan-kesilapan yang lebih rencam dan sukar difahami. Dalam bab seterusnya kami kemukakan contoh-contoh berkaitan.

Bahagian II

Menerapkan Pelajaran

Bab Dua

Tingkap yang pecah

Mari kita mulakan dengan gambaran paling mudah: kita ikut jejak Bastiat dengan memilih sebuah tingkap yang pecah.

Katakan seorang budak telah memecahkan sebuah tingkap kedai roti. Lalu pemilik kedai berlari keluar dengan rasa marah, namun budak itu telah melarikan diri. Orang ramai datang dan mula melihat lubang pada tingkap tersebut dan pecahan kaca yang berterabur di atas roti dan bahan-bahan lain. Selepas beberapa ketika orang ramai merasakan mereka perlu merenung kejadian tersebut secara falsafi. Hampir pasti ada sebahagian orang yang datang melihat itu mengatakan kepada seseorang yang lain atau kepada tuan kedai itu bahawa ada hikmah daripada insiden tersebut. Ia akan memberi peluang niaga kepada pembuat kaca. Bertitik-tolak dari pandangan itu, mereka mula menghuraikannya lebih lanjut. Berapakah kos sebuah kaca cermin yang baru? Dua ratus lima puluh dolar? Itu jumlah yang agak besar. Jika kaca tingkap itu tidak pecah, apa akan terjadi kepada perniagaan kaca? Kemudian, tentunya, ia berlanjutan. Pembuat kaca itu akan membelanjakan 250 dolar tadi untuk membeli sesuatu daripada peniaga lain, dan wang yang sama akan dibelanjakan oleh peniaga lain itu untuk membeli daripada peniaga yang lain lagi, dan seterusnya, tak terhingga. Tingkap yang dipecahkan itu akan mendatangkan wang dan menghasilkan pekerjaan pada skala lebih besar. Mungkin kerumunan orang ramai itu membuat kesimpulan bahawa budak nakal yang melontar bata itu sebenar-benarnya bukanlah satu ancaman terhadap orang ramai, sebaliknya dia pembawa rahmat.

Sekarang mari kita lihat pula isu ini dengan cara berbeza. Sekurang-kurangnya orang ramai itu betul semasa membuat kesimpulan pertama. Perbuatan vandalisme ini menambah peluang perniagaan buat pembuat kaca. Pembuat kaca tentulah gembira kerana kejadian itu. Namun pekedai roti itu akan kehilangan 250 dolar yang asalnya dirancang untuk membeli sut pakaian baru. Disebabkan beliau perlu menggantikan tingkap yang pecah, maka sut (atau keperluan lain yang senilai harganya) yang diingininya itu tidak dapat dibeli. Sepatutnya dia mempunyai tingkap dan wang 250 dolar, tetapi kini beliau hanya memiliki tingkap. Atau, kini dia hanya memiliki tingkap, sedangkan dia sepatutnya sekarang memiliki tingkap dan sepasang sut baru memandangkan dia telah merancang untuk membeli sut pada petang itu. Jika kita mengira tuan kedai itu sebagai sebahagian daripada masyarakat, bererti masyarakat itu kini telah hilang peluang untuk menambah khazanah berbentuk sepasang sut baru.

Secara ringkas, ini bermakna bahawa tukang kaca itu meraih untung kerana tukang jahit terlepas peluang perniagaan. Tidak ada "pekerjaan" baru yang dicipta. Orang ramai dalam kerumunan berkenaan hanya memikirkan tentang dua pihak yang terlibat dalam transaksi itu, iaitu pembuat roti dan pembuat kaca. Mereka lupa bahawa ada pihak ketiga yang mungkin terlibat, iaitu tukang jahit. Mereka lupa kepadanya kerana dia sememangnya tidak lagi berpelung untuk terlibat. Dalam beberapa hari lagi mereka akan melihat sebuah tingkap baru. Mereka tidak akan melihat kemunculan sepasang lagi sut kerana sut itu tidak akan dibuat. Mereka hanya melihat benda yang segera tampak pada pandangan.

Bab Tiga

Rahmat kemusnahan

Selesailah bab tingkap yang pecah. Sebuah kesilapan yang asas. Padahal kesilapan itu boleh dihindari jika orang mengambil masa sejenak untuk merenung. Bagaimanapun, falasi tingkap pecah ini dan beratus-ratus lagi kesilapan yang mirip dengannya, adalah kesilapan berfikir yang paling kerap terjadi dalam sejarah ilmu ekonomi. Malah kini ia lebih banyak terjadi berbanding di masa lalu. Kita selalu melihat kesilapan berfikir ini dilakukan oleh para pemimpin industri yang hebat-hebat, oleh dewan-dewan perniagaan, oleh para pemimpin kesatuan buruh, oleh para penyunting dan kolumnis akhbar, oleh para pengulas radio dan televisyen, oleh pakar-pakar perangkaan yang menggunakan teknik perangkaan paling terperinci, oleh para profesor ekonomi di universiti-universiti terbaik kita. Dengan cara masing-masing mereka bertele-tele memperkatakan kelebihan-kelebihan kemusnahan.

Meskipun sesetengah mereka enggan mengakui bahawa ada faedah-faedah tertentu boleh diraih daripada tindakan-tindakan kecil yang memusnahkan, mereka melihat faedah-faedah yang cukup besar daripada tindakan-tindakan pemusnahan secara besar-besaran. Mereka memberitahu kita betapa kita lebih makmur dari segi ekonomi dalam suasana perang berbanding dalam suasana aman. Mereka melihat bagaimana perang diperlukan untuk menghasilkan "keajaiban-keajaiban pengeluaran." Mereka juga melihat dunia pasca-perang yang pastinya kian makmur dengan munculnya lambakan permintaan yang terkumpul atau tertunda di waktu perang. Di Eropah, selepas Perang Dunia Ke-2,

mereka dengan girang menghitung sekian banyak rumah dan bandar yang telah menyembah bumi "yang perlu dibangunkan semula." Di Amerika, mereka menghitung jumlah rumah yang tertunda pembinaannya di waktu perang, sarung kaki-sarung kaki nilon yang tidak dapat dibekalkan, tayar dan kereta yang telah lusuh, serta radio dan peti ais yang sudah usang. Semuanya mereka jumlahkan.

Semua itu perkara lapuk yang kita kenal, iaitu falasi tingkap pecah, cuma berjubah baru dan jauh lebih gemuk. Kali ini ia disokong dengan sekian banyak kesilapan lain yang berkaitan. Ia mencampur-adukkan *keperluan* dengan *permintaan*. Semakin banyak yang dimusnahkan oleh perang, semakin banyak kekurangan dan semakin besar pula keperluan pasca-perang. Tidak tersangkal lagi. Namun keperluan bukanlah permintaan. Keperluan semata-mata tidak cukup untuk menghasilkan permintaan dalam ekonomi, turut diperlukan ialah kuasa membeli. Keperluan China hari ini jauh lebih besar daripada keperluan Amerika. Tetapi kuasa membeli China dan juga "perniagaan-perniagaan baru" yang dapat dirangsangnya adalah jauh lebih kecil berbanding Amerika.

Jika kita mengenepikan poin ini, satu lagi falasi akan muncul, dan para penyokong tingkap pecah biasanya akan meyambut falasi ini. Mereka menanggapi "kuasa membeli" hanya dari sudut wang. Kini wang boleh boleh dicetak. Malah, ketika buku ini ditulis, perniagaan percetakan wang merupakan salah satu industri terbesar di dunia — jika produknya diukur dari segi kewangan. Padahal semakin banyak wang dihasilkan dengan cara ini, semakin merosot nilai matawang terbabit. Kemerosotan nilai ini boleh diukur pada kenaikan harga komoditi. Memandangkan kebanyakan orang telah terbiasa menghitung kekayaan dan pendapatan mereka dalam bentuk wang, mereka merasa diri mereka kaya apabila jumlah wang bertambah, walaupun benda yang mereka miliki semakin sedikit dan semakin sedikit pula benda yang boleh mereka beli dengan wang tersebut. Kebanyakan pencapaian ekonomi yang 'baik' yang dikaitkan dengan perang sebenarnya terhasil berikutan inflasi di zaman perang. Pencapaian-pencapaian ini sebenarnya boleh juga dicapai menerusi inflasi pada kadar yang sama di waktu aman. Ilusi wang ini akan kami perkatakan lebih lanjut nanti.

Terdapat hal yang separuh benar dalam falasi permintaan yang 'tertunda' ini, sama seperti adanya perkara separuh benar pada falasi tingkap pecah. Tingkap yang pecah memang telah membuka peluang perniagaan kepada pembuat kaca. Kemusnahan akibat perang membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada para pengeluar barangan tertentu. Kemusnahan rumah dan bandar-bandar membuka lebih banyak peluang perniagaan untuk industri pembinaan. Ketidakupayaan menghasilkan kereta, radio dan peti sejuk semasa perang akan melambakkan permintaan *terhadap barangan tersebut* selepas perang.

Kebanyakan orang akan melihat perkara ini sebagai peningkatan permintaan secara menyeluruh, meskipun *matawang terbabit telah merosot kuasa belinya*. Padahal yang sebenarnya terhasil adalah *peralihan* permintaan terhadap barangan tersebut daripada barangan jenis lain. Orang Eropah yang menempuh perang akan membina lebih banyak rumah baru kerana mereka terpaksa membinanya. Tetapi dalam membina rumah-rumah baru ini tenaga kerja dan keupayaan pengeluaran yang tersisa untuk menghasilkan perkara-perkara lain berkurangan. Dengan membeli rumah baru, kuasa mereka untuk membeli benda-benda lain berkurangan. Apabila perniagaan meningkat ke satu arah, ia semestinya akan disertai dengan kemerosotan di arah yang lain (kecuali dalam hal di mana tenaga pengeluaran boleh dirangsang secara umum oleh keperluan-keperluan mendesak).

Ringkasnya, perang telah mengubah arah pergerakan ekonomi selepas perang; ia mengubah keseimbangan dalam industri; ia mengubah struktur industri. Lama-kelamaan perkara ini akan turut memunculkan akibat-akibatnya sendiri. Pengagihan permintaan sekali lagi akan terhasil apabila terhasil keperluan-keperluan terhadap rumah dan barangan lain yang boleh dipakai untuk suatu jangkamasa yang lama. Namun industri-industri yang merupakan pilihan sementara ini akan mengecut semula untuk membolehkan industri-industri yang memenuhi keperluan-keperluan lain berkembang.

Bermakna, yang penting untuk diingat ialah bahawa yang akan terhasil bukan hanya perbezaan pada corak permintaan pasca-perang dan pra-perang. Permintaan tidak hanya akan beralih daripada satu komoditi ke komoditi yang lain. Di kebanyakan negara, jumlah keseluruhannya akan menguncup.

Hal ini tidak dapat dielak jika kita mempertimbangkan hakikat bahawa permintaan dan penawaran tidak lain merupakan perkara yang sama, cuma kelihatan berbeza apabila dilihat dari dua sudut yang berlainan. Penawaran menghasilkan permintaan kerana pada dasarnya *ia sendiri adalah* permintaan. Kita menghasilkan barang-barang untuk ditawarkan supaya kita boleh menukarkannya dengan barangan lain yang kita mahukan. Dari segi ini, penawaran gandum oleh para peladang adalah seerti dengan permintaan mereka terhadap kereta dan barangan lain. Penawaran kereta pula seerti dengan keperluan orang-orang dalam industri automobil terhadap gandum dan barangan lain. Semua ini adalah lazim dalam pembahagian kerja dan ekonomi pertukaran zaman moden.

Sememangnya hakikat asasi ini tidak dapat dilihat oleh kebanyakan orang (termasuk oleh sebahagian orang yang dianggap sebagai ahli ekonomi yang bijak) kerana mata mereka dikelabui oleh bahan perantaraan bagi pertukaran di zaman moden, iaitu wang. John Stuart Mill dan penulis-penulis klasik yang lain adakalanya gagal untuk memahami sepenuhnya akibat-akibat daripada penggunaan wang, tetapi sekurang-kurangnya mereka dapat melihat hakikat sebenar di sebalik hijab wang. Dari sudut ini, mereka mendahului banyak pengkritik mereka hari ini yang kebingungan dengan wang tanpa tahu memanfaatkannya. Inflasi – iaitu pengeluaran lebih banyak wang sehingga membawa kepada peningkatan upah dan harga – boleh *kelihatan* seperti pembentukan lebih banyak permintaan. Tetapi dari segi pengeluaran sebenar dan pertukaran benda-benda yang sebenar, inflasi tidak menghasilkan lebih banyak permintaan. Bagaimanapun, permintaan yang muncul pasca-perang tidak dapat dilihat oleh kebanyakan orang mereka dikelabui oleh peningkatan upah, meskipun peningkatan itu tidak memberi makna kerana harga [barangan dan perkhidmatan] juga turut meningkat.

Sekali lagi kami ulangi, nilai sebenar permintaan pasca-perang di kebanyakan negara sebenarnya menguncup jika dibandingkan dengan permintaan di masa pra-perang, kerana penawaran selepas perang akan berkurangan. Ini boleh dilihat dengan jelas pada Jerman dan Jepun yang bandar-bandar besar di kedua-duanya telah menjadi padang jarak padang tekukur. Singkatnya, bukti jelas boleh dilihat pada kes-kes ekstrem. Jika kerosakan yang menimpa England lebih parah daripada yang dideritainya, jika semua bandar-bandar besarnya telah dihancurkan, jika semua kilangnya, semua modal dan barangan penggunanya telah lenyap sehingga tahap ekonominya rakyatnya separas tahap ekonomi rakyat China, tentu tidak banyak orang akan bercakap tentang permintaan tertunda yang berlambakan setelah perang. Ketika itu tentu jelas bahawa kuasa pembeli telah dilenyapkan seiring dengan lenyapnya daya pengeluaran. Inflasi kewangan yang mendadak yang meningkatkan harga sehingga beribu kali ganda memang mampu melonjakkan angka 'pendapatan negara' dari segi angka kewangan ke takat lebih tinggi berbanding sebelum perang. Tetapi orang yang tertipu dengan angka dan menyangka diri mereka lebih kaya kini berbanding sebelum perang tidak mungkin dapat disedarkan dengan hujah rasional. Prinsip yang sama boleh diterapkan untuk kemusnahan akibat perang pada skala yang lebih kecil.

Benar, kemungkinan ada faktor-faktor pengimbang. Penemuan dan kemajuan teknologi sewaktu perang misalnya mampu meningkatkan daya pengeluaran individu atau negara pada titik-titik tertentu. Malah benar juga bahawa kemusnahan akibat perang melencongkan permintaan pasca-perang dari satu saluran ke saluran yang lain. Sebahagian orang masih terus-menerus tertipu, merasakan keadaan ekonomi mereka membaik kerana adanya peningkatan upah dan harga yang diakibatkan oleh pencetakan wang secara berlebihan. Namun, kepercayaan bahawa kemakmuran sebenar boleh dicapai menerusi 'permintaan gantian' bagi benda-benda yang telah dimusnahkan atau tidak dapat dihasilkan di waktu perang adalah kepercayaan yang ketara silap.

Bab Empat

Kerjaraya membawa kepada cukai

1

Tiada kepercayaan yang lebih kuat dan berpengaruh di dunia hari ini daripada kepercayaan terhadap perbelanjaan oleh kerajaan. Di mana-mana saja perbelanjaan oleh kerajaan dikemukakan sebagai penawar bagi semua penyakit ekonomi. Industri swasta separa kaku? Kita boleh atasinya dengan perbelanjaan kerajaan. Ada pengangguran? Itu jelas kerana "kuasa membeli swasta tidak memadai." Penawarnya jelas – kerajaan perlu berbelanja. Kerajaan hanya perlu berbelanja secukupnya untuk mencukupi 'kekurangan' yang ada.

Telah banyak tulisan diterbitkan berasaskan cara berfikir yang salah ini dan, seperti yang sering terhasil daripada doktrin-doktrin sebegini, ia menjadi sebahagian daripada rangkaian besar kesilapan-kesilapan yang saling menopang antara satu dengan yang lain. Kita tidak sempat untuk meneroka seluruh rangkaian tersebut di tahap ini; kita akan menyentuh cabangnya kemudian nanti. Tetapi di sini kita boleh meneliti kesilapan induk, iaitu akar tunjang bagi seluruh rangkaian berkenaan, yang telah melahirkan kesilapan ini.

Setiap sesuatu yang kita dapat, selain daripada anugerah alam, perlu dibayar dengan cara tertentu. Dunia ini penuh dengan ahli-ahli ekonomi yang otak mereka sarat dengan rencana untuk mendapatkan sesuatu secara percuma. Mereka memberitahu kita bahawa kerajaan boleh berbelanja dan terus berbelanja tanpa perlu mengenakan cukai; bahawa ia boleh terus menimbunkan hutang tanpa perlu melunaskannya, kerana "kita berhutang dengan diri sendiri." Doktrin luar biasa ini akan kita sentuh nanti. Di sini kita terpaksa bersikap dogmatik dan menyatakan bahawa pengalaman lalu membuktikan betapa mimpi-mimpi enak sebegitu akhirnya hancur apabila negara muflis atau inflasi yang naik mendadak sehingga tak terkawal lagi. Di sini kita cuma perlu sebutkan bahawa semua perbelanjaan kerajaan akhirnya harus ditampung oleh hasil-hasil percukaian; bahawa menangguhkan hutang hanya akan memburukkan masalah; dan bahawa inflasi itu sendiri tidak lain hanyalah salah satu daripada bentuk percukaian – malah ia adalah bentuk percukaian yang paling ganas.

Di sini kita tunda dulu perbincangan tentang rangkaian kesilapan-kesilapan berfikir berasaskan hutang kerajaan dan inflasi. Untuk perbincangan dalam bab ini kita terima dulu kenyataan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan oleh kerajaan lambat-laun perlu dilunaskan menerusi cukai [ke atas rakyat]. Menerusi cara pandang ini kita akan mampu melihat 'keajaiban' perbelanjaan kerajaan dalam rupa yang lain.

Sejumlah wang rakyat perlu dibelanjakan untuk menggerakkan fungsi-fungsi asasi kerajaan. Kerjaraya – kerja membina jalan, jambatan, terowong, gedung senjata, pengkalan tentera laut, dewan perwakilan (parlimen dan dewan undangan negeri), jabatan polis dan bomba – perlu digerakkan untuk menyediakan perkhidmatan asas bagi orang awam. Saya tidak ingin menyentuh tentang kerja-kerja awam ini yang dijalankan untuk tujuan-tujuan yang jelas dan khusus. Saya hanya ingin menyentuh tentang kerja-kerja awam yang dianggap sebagai cara untuk "menyediakan peluang pekerjaan" atau untuk menambah kekayaan masyarakat, seolah-olah tiada jalan lain untuk tujuan itu.

Sebuah jambatan dibina. Jika ia dibina untuk memenuhi permintaan orang ramai, atau jika ia boleh menyelesaikan masalah lalu-lintas atau pengangkutan yang sukar diatasi jika ia tidak dibina, atau jika ia lebih

diperlukan daripada perkara-perkara yang boleh dibeli oleh para pembayar cukai jika wang mereka tidak dipotong sebagai cukai untuk tujuan membina jambatan itu, maka pembinaannya tidak harus dibantah. Tetapi jambatan yang dibina dengan tujuan utamanya untuk "menyediakan peluang pekerjaan" adalah sejenis jambatan yang berbeza. Jika penyediaan peluang kerja menjadi tujuan, "keperluan" menjadi perkara sampingan. 'Projek-projek' perlu *direka-cipta.* Kerajaan tidak lagi akan memikirkan tentang di mana jambatan *mesti* dibina. Sebaliknya ia akan mula memikirkan di mana jambatan *boleh* dibina. Para pendukung doktrin perbelanjaan kerajaan akan mencari-cari sebab yang masuk akal untuk membina jambatan tambahan bagi menghubungkan Easton dan Weston.[1] Lambat-laun perkara yang sebenarnya tidak diperlukan menjadi kemestian. Kalangan yang meragui adanya keperluan terhadap jambatan tambahan tersebut akan dikecam sebagai penghalang kemajuan.

Dua hujah dikemukakan untuk pembinaan jambatan tersebut, satu hujah telah selalu didengar sebelum ia dibina dan satu lagi hujah selepas ia telah siap dibina. Hujah pertama ialah untuk menyediakan peluang kerja. Ia akan menyediakan, katakan, 500 peluang kerja selama setahun. Ertinya, peluang kerja ini tidak akan wujud jika jambatan tidak dibina. Ini perkara yang boleh dilihat secara langsung.

Tetapi jika kita melatih diri kita untuk melihat melampaui akibat-akibat sampingan, melampaui kalangan yang mendapat manfaat secara langsung daripada projek kerajaan ini, dan sebaliknya melihat kepada kalangan yang mendapat kesan secara tidak langsung, maka gambaran lain akan muncul. Benar, sekumpulan pekerja pembinaan jambatan akan mendapat peluang kerja. Tetapi jambatan itu perlu dibiayai oleh cukai. Setiap ringgit yang dibelanjakan untuk jambatan itu diambil daripada para pembayar cukai. Jika jambatan itu menelan belanja $1,000,000, maksudnya pembayar cukai kehilangan $1,000,000. Jika wang itu tidak diambil daripada mereka, ia boleh mereka gunakan untuk mendapatkan benda-benda yang benar-benar mereka perlukan.

1 [Untuk gambaran lebih dekat dengan Malaysia, bayangkan misalnya dalam keadaan tidak ada kesesakan di Jambatan Pulau Pinang kerajaan mencari-cari alasan untuk membina jambatan kedua.]

Justeru itu, bagi setiap kerja awam yang terhasil daripada projek jambatan, lenyap satu kerja swasta di tempat lain. Kita boleh melihat orang-orang yang diupah untuk membina jambatan. Kita boleh melihat mereka bekerja. Hujah peluang pekerjaan yang dikemukakan para pendukung doktrin perbelanjaan kerajaan menjadi terang dan mungkin meyakinkan kebanyakan orang. Tetapi ada perkara-perkara yang tidak dapat kita lihat, kerana ia terhalang daripada wujud. Perkara-perkara ini adalah peluang-peluang kerja yang telah lenyap kerana 1,000,000 dolar telah diambil daripada para pembayar cukai. Boleh disebut bahawa yang berlaku sebenarnya adalah *pelencongan* peluang kerja kerana projek jambatan. Bertambah pembina jambatan; berkurangan pekerja kilang kenderaan, juruteknik radio, pembuat pakaian, peladang.

Setelah itu kita sampai kepada hujah kedua. Jambatan telah wujud. Kita andaikan saja ia sebuah jambatan yang indah dan bukannya hodoh. Ia wujud menerusi keajaiban perbelanjaan kerajaan. Ia tentu tidak terbina jika kita tunduk kepada para penghalang kemajuan, bukan? Negara akan tetap miskin.

Sekali lagi, di mata orang yang tidak mampu melihat melampaui pandangan mata kasar, kelihatan seolah-olah hujah para pendukung doktrin perbelanjaan kerajaan adalah lebih baik. Mereka mereka boleh melihat jambatan berkenaan. Tetapi jika mereka melatih diri untuk melihat lebih jauh, mereka akan mampu membayangkan perkara-perkara lain yang mungkin terhasil jika tidak terhalang oleh projek jambatan. Mereka akan mampu melihat rumah-rumah yang tidak dapat dibina, kereta-kereta dan radio-radion yang tidak dapat dipasang, pakaian-pakaian yang tidak dapat dijahit, dan barangkali juga barangan makanan yang tidak dapat dijual atau ditanam. Untuk melihat benda-benda yang terhalang daripada tercipta ini diperlukan daya imaginasi yang tidak dimiliki oleh banyak orang. Barangkali kita pernah terfikirkan tentang benda-benda ini, tetapi gambarannya dalam otak kita tidak sejelas jambatan yang kita gunakan setiap hari untuk ke tempat kerja. Sebenar-benarnya yang berlaku di sini ialah satu benda telah tercipta dan benda-benda lain tidak.

2

Jalan berfikir yang sama boleh diterapkan untuk jenis-jenis kerja awam yang lain. Ia boleh diterapkan, misalnya, untuk projek pembinaan rumah bagi rakyat berpendapatan rendah dengan menggunakan dana awam. Yang sebenarnya terjadi di sini ialah wang diambil menerusi cukai ke atas keluarga berpendapatan tinggi (dan barangkali juga sebahagiannya daripada keluarga berpendapatan rendah) untuk memaksa mereka mensubsidi keluarga-keluarga berpendapatan rendah yang terpilih bagi membolehkan mereka mendiami rumah yang lebih baik dengan sewa yang sama atau lebih rendah berbanding sebelumnya.

Saya tidak berhasrat untuk membincangkan di sini pro dan kontra perumahan awam. Saya hanya ingin menonjolkan kesalahan pada dua hujah yang paling kerap dikemukakan oleh para penyokong projek perumahan awam. Satu hujah menyebut bahawa ia "mencipta peluang kerja;" dan satu hujah lagi menyebut bahawa ia menghasilkan kemakmuran yang tidak akan terhasil tanpa projek terbabit. Kedua-dua hujah ini salah kerana ia tidak mempertimbangkan kerugian-kerugian yang terhasil menerusi percukaian. Sebanyak mana peluang kerja yang diwujudkan oleh wang cukai yang dipakai untuk perumahan awam, sebanyak itu jugalah lenyap peluang kerja di bidang-bidang lain. Ia juga menyebabkan banyak rumah persendirian tidak dapat dibina, banyak mesin basuh baju dan peti sejuk tidak dapat dipasang, selain mengurangkan cukup banyak komoditi dan perkhidmatan.

Semua kesilapan berfikir ini tidak boleh diselindungkan dengan cara menyebut bahawa, misalnya, perumahan awam tidak perlu didanai secara sekaligus, sebaliknya ia boleh dibiayai menerusi subsidi pajak tahunan. Tetapi saranan ini sekadar memberi maksud bahawa kos pembinaan dibahagi-bahagikan sepanjang jangkamasa beberapa tahun dan bukan sekaligus. Tetapi ini hanya memberi erti bahawa wang diambil daripada pembayar cukai sedikit demi sedikit sepanjang beberapa tahun dan bukan sekaligus. Permainan hujah teknikal sebegini tidak relevan dengan hujah utama yang kita sedang bincangkan.

Para penyokong perumahan awam mempunyai kelebihan psikologi yang besar kerana orang ramai boleh melihat buruh-buruh bekerja ketika rumah sedang dibina dan melihat rumah setelah ia siap dibina. Orang menghuni rumah-rumah itu dan dengan bangga membawa kawan-kawan mereka melihat-lihat bilik-bilik di dalamnya. Peluang kerja yang musnah akibat wang cukai yang digunakan untuk pembinaan rumah itu tidak dapat dilihat, begitu juga barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat disediakan kerananya. Melihat rumah-rumah itu dan manusia-manusia gembira di dalamnya kita terpaksa mengerah fikiran untuk membayangkan kemakmuran yang tidak dapat dicipta kerananya. Tidak mengejutkanlah jika para pejuang perumahan awam mencemuh dunia imaginasi dan teori yang kita kemukakan ketika mereka menuding ke arah perumahan awam yang wujud. Seperti jawapan suatu watak dalam *Saint Joan*, karya Bernard Shaw, ketika dia diberitahu tentang teori Pythagoras yang menyebut bahawa bumi ini bulat dan berputar mengelilingi matahari: "Bahlul sungguh! Butakah matanya?"

Sekali lagi kita perlu menerapkan cara berfikir yang sama ke atas projek-projek seperti Tenessee Valley Authority. Projek ini begitu besar sehingga bahaya ilusi optikalnya juga menjadi besar. Ini dia sebuah empangan yang gagah, sebuah jalinan besi dan konkrit yang menakjubkan yang "lebih hebat daripada apa jua yang mampu dibina dengan modal swasta," objek kegilaan para jurugambar, syurga para sosialis, simbol keajaiban projek pembinaan, pemilikan dan pengendalian awam. Ini dia jentera-jentera penjana kuasa yang gagah. Ini dia sebuah wilayah yang telah diangkat ke tahap ekonomi lebih tinggi, membawa masuk kilang-kilang dan industri-industri yang takkan wujud jika tidak kerananya. Semua puji-pujian para penyokong projek ini dikemukakan sepenuhnya sebagai manfaat ekonomi, tanpa korban.

Tidak perlulah kita memperkatakan secara mendalam tentang merit TVA atau projek-projek awam lain yang sepertinya. Tetapi kali ini kita memerlukan daya imaginasi khusus yang nampaknya hanya dimiliki oleh segelintir orang, iaitu untuk menyemak 'wang keluar' dalam buku akaun. Jika cukai dikenakan ke atas orang ramai dan syarikat-syarikat

dan kemudian dibelanjakan untuk satu bahagian tertentu dalam negara, mengapa kita harus merasa takjub jika bahagian tersebut menjadi lebih kaya dan menganggap hal itu sebagai satu keajaiban? Kita harus ingat bahawa ada bahagian-bahagian lain dalam negara terbabit yang menjadi lebih miskin kerananya. Perkara sebegitu hebat yang kononnya "tidak mampu dibina dengan modal swasta" itu pada hakikatnya dibina dengan modal swasta (persendirian) – iaitu modal yang diambil dari cukai (jika wang terbabit dipinjam sekalipun, pinjaman itu akhirnya harus dibayar dengan menggunakan wang cukai). Sekali lagi kita perlu mengerah imaginasi untuk melihat stesen-stesen janakuasa persendirian, rumah-rumah persendirian, serta mesin taip dan radio yang tidak berpeluang untuk muncul kerana wang telah diambil daripada rakyat di seluruh negara untuk membina Norris Dam yang fotogenik itu.

3

Sengaja saya memilih skim-skim perbelanjaan awam yang paling digemari sebagai contoh – iaitu skim-skim yang paling kerap dan paling bersungguh-sungguh didorong oleh para pendukung doktrin perbelanjaan kerajaan dan yang paling dipandang tinggi oleh orang ramai. Saya tidak memperkatakan tentang ratusan projek membazir yang kononnya bermanfaat dan dilancarkan dengan tujuan "membuka peluang kerja," kerana seperti yang biasa kita lihat, manfaat projek-projek itu sendiri tidak lagi menjadi persoalan yang penting. Selain itu, semakin membazir sesuatu projek dan semakin tinggi kos tenaga manusianya, semakin ia memenuhi tujuan untuk menyediakan peluang kerja. Dalam keadaan sedemikian adalah sangat tidak mungkin projek-projek yang difikirkan oleh para birokrat terbabit akan menjana lebih banyak kemakmuran dan kebajikan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan untuknya, berbanding jika jumlah wang yang sama – yang tentunya berada di tangan mereka jika mereka tidak dipaksa untuk menyerahkan sebahagian daripada pendapatan mereka kepada negara – dibelanjakan oleh para pembayar cukai sendiri untuk membeli atau menghasilkan perkara-perkara yang mereka sendiri kehendaki.

Bab Lima

Cukai menjejaskan daya pengeluaran

Kekayaan yang dijana menerusi projek kerajaan tidak mungkin sepenuhnya dapat menyamai kekayaan yang sepatutnya boleh dihasilkan jika tidak kerana cukai dikenakan untuk membiayai projek berkenaan. Orang sering mendakwa bahawa berbelanja untuk projek kerajaan samalah seperti menyeluk wang dari saku kanan negara untuk dimasukkan ke saku kiri. Padahal hakikatnya tidak semudah itu. Para pendukung doktrin perbelanjaan kerajaan misalnya memberitahu kita bahawa jika pendapatan negara ialah sebanyak $200,000,000,000 (mereka sentiasa mengelembungkan angka pendapatan) maka pendapatan dari cukai berjumlah $25,000,000,000 setahun hanya mewakili sebanyak 25 peratus daripada pendapatan keseluruhan negara yang dipindahkan dari tangan orang persendirian untuk kepentingan awam. Mereka melihat negara seperti sebuah syarikat usahasama yang besar dan seolah-olah dasar kewangannya tidak lebih seperti transaksi dalam buku akaun. Mereka lupa bahawa yang mereka lakukan adalah mengambil wang daripada A untuk diberikan kepada B. Atau mereka sebenarnya tahu, tetapi sewaktu sedang ghairah berceloteh tentang faedah-faedah daripada proses pemindahan wang kepada B dan tentang segala perkara menakjubkan yang tidak dapat kita kecapi jika wang tersebut tidak dipindahkan kepadanya, mereka melupakan kesan pemindahan dana itu terhadap A. B dilihat; A dilupakan.

Dalam dunia moden kini, cukai yang dikenakan ke atas setiap orang tidak sama kadarnya. Cukai pendapatan membentuk hanya sebahagian kecil daripada pendapatan negara dan cukai-cukai jenis lain dikenakan untuk menokok jumlah pendapatan negara. Cukai-cukai jenis lain ini tidak dapat tidak memberi kesan ke atas tindakan dan daya usaha pihak yang terpaksa menanggungnya. Apabila sesebuah syarikat rugi satu ringgit dan terpaksa menanggung seratus peratus daripada kerugian tersebut, sedangkan ketika ia untung satu ringgit ia berhak menyimpan hanya 60 sen daripadanya, dasar-dasar syarikat tersebut akan terjejas, terutama jika ia tidak mampu menggunakan keuntungan yang dijananya untuk mengimbangi kerugian. Ia tidak mampu mengembangkan operasinya, atau hanya mampu mengembangkan operasi-operasi yang berisiko rendah. Orang yang menyedari keadaan ini menghindar daripada memulakan perusahaan baru. Bererti, majikan-majikan sedia ada tidak akan mampu membuka lebih banyak peluang kerja dan majikan-majikan baru tidak akan muncul kerana sebahagian orang memutuskan untuk tidak memulakan perniagaan. Kilang-kilang juga tidak dapat dilengkapkan dengan jentera dan kelengkapan yang lebih baik dalam tempoh yang munasabah [kerana kemampuan kewangan terjejas akibat cukai]. Akhirnya, para pengguna yang terhalang daripada mendapat produk-produk yang lebih baik dan murah, manakala kenaikan kadar upah pula terencat.

Kesan yang hampir sama juga akan terhasil apabila pendapatan individu dikenakan cukai sehingga 50, 60, 75 atau 90 peratus. Orang akan mula mempersoalkan diri mereka sendiri mengapa mereka perlu bekerja sehingga enam, lapan, atau sepuluh bulan setiap satu tahun untuk kerajaan dan hanya enam, empat, atau dua bulan untuk diri serta keluarga mereka sendiri. Jika setiap seringgit yang mereka rugi akan hilang seratus-peratus, sedangkan mereka hanya boleh menyimpan sepuluh sen daripada setiap seringgit keuntungan, mereka akan memutuskan untuk tidak mengambil risiko dengan modal yang mereka miliki. Selain itu, jumlah modal yang ada juga akan mengecil, kerana ia dicukai sebelum sempat ia dikumpulkan. Ringkasnya, modal yang sepatutnya boleh digunakan untuk membuka peluang kerja dalam sektor swasta terhalang daripada terkumpul dan sedikit

jumlah yang terkumpul pula tidak sanggup dilaburkan untuk memulakan perusahaan baru. [Menerusi sistem percukaian] para pendukung doktrin perbelanjaan kerajaan sendiri mencipta masalah pengangguran yang konon ingin mereka atasi.

Sudah tentu sejumlah cukai tertentu perlu dikenakan untuk membolehkan kerajaan menjalankan tugasnya. Kadar cukai yang munasabah untuk tujuan ini tidak akan terlalu menjejaskan daya pengeluaran. Dengan sedikit cukai yang dikenakan, kerajaan boleh menawarkan perkhidmatan yang dapat memelihara daya pengeluaran dan meningkatkannya. Semakin besar peratus pendapatan negara diperolehi menerusi cukai, semakin besar ia mengecutkan daya pengeluaran dan peluang kerja. Apabila keperluan terhadap cukai terlalu besar, sukar untuk membentuk sistem percukaian yang tidak akan menjejaskan daya pengeluaran.

Bab Enam

Pinjaman kredit menjejaskan pengeluaran

1

Kadangkala kita perlu merasa bimbang dengan "galakan" yang diberikan oleh kerajaan terhadap perniagaan sepertimana kita gerun bimbang dengan sikap berseteru kerajaan terhadap perniagaan. Galakan biasanya berbentuk pemberian pinjaman kerajaan secara langsung atau jaminan ke atas pinjaman swasta.

Pinjaman kerajaan sering menimbulkan kerumitan kerana ia melibatkan kemungkinan terhasilnya inflasi. Analisis ke atas kesan-kesan inflasi kita akan bincangkan di bab lain nanti. Dalam bab ini, untuk mempermudah perbincangan, kita andaikan bahawa kredit yang kita bincangkan ini tidak menghasilkan inflasi. Seperti kita akan lihat nanti, inflasi pada asasnya tidak mengubah kesan-kesan daripada dasar-dasar yang kita bincangkan, walaupun ia merumitkan analisis.

Saranan pemberian pinjaman yang biasa dikemukakan di parlimen ialah pinjaman untuk para peladang. Di mata ahli-ahli parlimen, para peladang tidak mampu mendapatkan pinjaman yang cukup. Pinjaman yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat pajakan swasta, syarikat-syarikat insuran atau bank-bank tempatan tidak pernah 'memadai'. Parlimen sentiasa menemukan jurang-jurang baru yang tidak dirapatkan oleh lembaga-lembaga pemberi pinjaman yang ada, tidak kira sebanyak mana sekalipun pinjaman telah disediakan. Para peladang mungkin telah ditawarkan dengan cukup

banyak pinjaman jangka panjang atau jangka pendek, tetapi ada saja ahli parlimen yang mendapat bahawa tidak banyak pinjaman jangka sederhana disediakan; atau mendapati bahawa kadar faedahnya terlalu tinggi; atau kononnya pinjaman swasta hanya diberikan kepada para peladang yang kaya dan telah mapan. Maka lembaga-lembaga pemberi pinjaman yang baru atau jenis-jenis pinjaman perladangan yang baru pun diwujudkan oleh para ahli dewan perundangan.

Kita akan lihat bahawa keyakinan terhadap dasar-dasar sebegini berpunca daripada dua pandangan cetek. Pertama, pandangan yang melihat persoalan hanya dari sudut pandang para peladang yang meminjam. Kedua, pandangan yang hanya mempertimbangkan bahagian pertama pada transaksi.

Di mata para peminjam yang jujur, semua pinjaman akhirnya perlu dilunaskan. Semua pinjaman adalah hutang. Cadangan ke arah meningkatkan jumlah pinjaman tidak lain adalah cadangan untuk meningkatkan beban hutang. Orang tidak akan begitu tertarik dengan pinjaman jika ia lebih biasa disebut dengan namanya yang kedua, iaitu sebagai hutang.

Kita tidak perlu berbincang di sini tentang pinjaman-pinjaman biasa yang diberikan kepada para peladang menerusi sumber-sumber swasta, iaitu dalam bentuk pemajakan; kemudahan pembayaran ansuran untuk membeli kenderaan, peti sejuk, radio, pembajak, dan lain-lain jentera pertanian; atau pinjaman bank untuk menyokong peladang sementara dia dapat menuai, memasarkan dan menjual hasil tuaiannya. Di sini kita akan bincangkan hanya pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada peladang sama ada secara langsung oleh agensi kerajaan atau dijamin olehnya.

Pinjaman-pinjaman ini terbahagi kepada dua jenis. Pertama, pinjaman untuk membolehkan peladang menunda penjualan hasil tuaiannya di pasaran. Pinjaman jenis ini memudaratkan, namun kita akan hanya akan membincangkannya nanti apabila sampai kepada persoalan kawalan kerajaan ke atas komoditi. Pinjaman jenis kedua ialah untuk menyediakan modal – biasanya untuk menyokong peladang dalam perniagaan dengan membolehkannya membeli ladang, keldai, atau pembajak, atau ketiga-tiganya sekali.

Seimbas pandang, hujah para penyokong pinjaman jenis kedua ini tampak kukuh. Kata mereka, ada keluarga miskin yang tidak memiliki jalan untuk menampung kehidupan. Mengaibkan dan membazir jika mereka diberikan bantuan sementara. Lebih baik dibelikan ladang untuk mereka, supaya mereka boleh menjalankan perniagaan dan menjadi warga yang produktif dan bermaruah. Biar mereka meningkatkan produk negara dan membayar pinjaman daripada hasil yang mereka usahakan. Atau, kata para penyokong terbabit, ada peladang yang bercucuk-tanam menggunakan kaedah-kaedah penghasilan yang lapuk kerana dia tidak mempunyai modal untuk membeli pembajak. Pinjamkan wang kepadanya, biar dia meningkatkan pengeluarannya dan membayar pinjaman dengan hasil tuaian yang semakin meningkat. Dengan cara ini kita bukan saja boleh memakmurkannya dan membantunya berdikari, kita malah memakmurkan masyarakat secara amnya dengan hasil pengeluaran yang lebih. Pinjaman itu pula, simpul mereka, tidak membebankan kerajaan dan para pembayar cukai kerana ia pinjaman jenis "swacair".[1]

Hakikatnya, inilah yang berlaku setiap hari di bawah lembaga pemberi pinjaman swasta. Jika ada orang hendak membeli ladang dan mempunyai wang, misalnya, hanya separuh atau sepertiga daripada harga ladang terbabit, jirannya atau bank akan meminjamkan baki wang yang diperlukan dalam bentuk pajakan ke atas ladang itu. Jika dia mahu membeli sebuah pembajak, syarikat pembajak berkenaan atau syarikat kewangan akan membenarkannya untuk membeli pembajak dengan membayar sepertiga harga jentera itu dan bakinya dilunaskan secara ansuran dengan hasil yang dijana oleh pembajak itu sendiri.

Tetapi ada perbezaan besar antara pinjaman yang ditawarkan oleh para peminjam swasta dengan pinjaman yang dibekalkan oleh agensi kerajaan. Setiap peminjam swasta mempertaruhkan dananya sendiri. (Benar, tuan bank mempertaruhkan wang orang lain yang diamanahkan kepadanya, tetapi dia harus mengganti kerugian dengan wangnya sendiri atau menutup perniagaan.) Apabila yang dipertaruhkan adalah wang sendiri, orang

1 [Swacair, atau *self-liquidating*, iaitu pinjaman yang terlunas dengan sendirinya apabila aset semasa terjual.]

biasanya lebih teliti dan berhati-hati dalam menentukan aset yang dicagar mempunyai nilai yang sepadan dan dalam menentukan keupayaan berniaga dan kejujuran seseorang peminjam.

Jika kerajaan menggunakan piawaian yang ketat seperti pemberi pinjaman swasta, maka tiada sebab yang baik untuknya memasuki bidang tersebut. Kerajaan biasanya menggunakan piawaian-piawaian yang berlainan. Malah, ia menceburi urusan pemberian pinjaman dengan tujuan untuk memberi pinjaman kepada kalangan yang tidak layak untuk mendapat pinjaman daripada pemberi pinjaman swasta. Dalam ungkapan lain, tidak seperti pemberi pinjaman swasta yang tidak berani mengambil risiko dengan mempertaruhkan wangnya sendiri, kerajaan mengambil risiko dengan mempertaruhkan wang pihak lain (iaitu wang para pembayar cukai). Adakalanya para pembela skim pinjaman kerajaan mengakui bahawa peratus kerugian lebih tinggi bagi pinjaman kerajaan berbanding pinjaman swasta. Tetapi mereka memberi alasan kerugian ini boleh diimbangi oleh peningkatan pengeluaran yang dihasilkan oleh para peminjam yang membuat pembayaran semula dan bahkan oleh kebanyakan peminjam yang tidak membuat pembayaran.

Hujah mereka ini boleh diterima jika kita hanya memberi tumpuan terhadap para peminjam yang mendapat pinjaman daripada kerajaan dan mengabaikan pihak yang tidak dapat meneruskan rancangannya kerana kekurangan dana [kerana terpaksa membayar cukai]. Kerana wang hanyalah sejenis wahana pertukaran, maka yang dipinjamkan sebenarnya adalah modal. Kita boleh sebut bahawa yang dipinjamkan sebenarnya adalah ladang atau pembajak. Padahal jumlah ladang yang wujud adalah terhad, dan begitu juga pengeluaran jentera pembajak (khususnya jika diandaikan bahawa lebihan ekonomi daripada pembajak tidak dihasilkan dengan mengorbankan benda-benda lain). Ladang atau pembajak yang dipinjamkan kepada A tidak boleh dipinjamkan kepada B. Maka persoalannya ialah sama ada ladang patut diberikan kepada A atau B.

Lalu kita perlu menimbang kelayakan A dan B dan sumbangan yang boleh dibuat oleh setiap seorang mereka kepada jumlah pengeluaran. Katakanlah jika tidak kerana campurtangan kerajaan, A boleh membeli

ladang. Bank tempatan atau jirannya mengenalinya dan mengetahui rekod kemampuannya. Mereka mahu melaburkan dana mereka. Mereka tahu A seorang peladang yang baik, jujur dan berpegang dengan janji. Mereka menganggapnya sebagai risiko yang baik untuk ditanggung. Barangkali dia, dengan tulang empat keratnya sendiri, dengan sikap jimat-cermat dan pandangan jauh, telah menghimpun wang tunai yang cukup untuk membayar seperempat harga ladang baru. Mereka meminjamkannya tiga suku lagi dana yang diperlukannya, lalu dia dapat membeli ladang.

Ada gagasan aneh yang dipegang oleh para penyokong peluasan pinjaman kredit, iaitu bahawa pinjaman kredit adalah sesuatu yang diberikan oleh bank kepada seseorang. Padahal pinjaman kredit adalah sesuatu yang telah sedia dimiliki oleh seseorang. Barangkali dia memilikinya kerana dia telah pun mempunyai aset yang boleh dipasarkan yang bernilai tunai lebih tinggi daripada pinjaman yang dipohonnya. Atau dia memilikinya kerana wataknya dan rekod lampau yang baik. Dia membawa semua itu ke bank. Kerana itulah jurubank memberikan pinjaman kepadanya. Bank tidak memberikannya pinjaman tanpa sandaran. Bank memberikannya pinjaman kerana ia merasa yakin si peminjam akan membuat pembayaran semula. Ertinya, bank hanyalah menukarkan aset yang cair atau pinjaman kredit dengan bentuk aset yang kurang cair. Adakalanya bank membuat kesilapan, maka yang menderita bukan hanya bank, tetapi juga seluruh masyarakat, kerana nilai yang sepatutnya dihasilkan oleh peminjam berkenaan tidak terhasil dan sumber dibazirkan.

Sekarang kita andaikan yang bank memberi pinjaman kepada A. Tetapi kerajaan juga melibatkan diri dalam urusan pemberian pinjaman dalam kerangka kebajikan, kerana ia bimbang tentang B. B tidak mampu mendapatkan pinjaman daripada pemberi pinjaman swasta kerana dia tidak mempunyai kredit dengan mereka. Dia tidak memiliki wang simpanan; dia tidak mempunyai rekod cemerlang sebagai peladang yang baik; malah dia barangkali sedang menerima bantuan. Kata para pendukung pinjaman kredit oleh kerajaan, mengapa tidak jadikannya sebagai anggota masyarakat yang berguna dan produktif dengan meminjamkannya dana untuk membeli ladang dan keldai, atau pembajak, untuk dia memulakan usaha?

Barangkali dalam kes individu cara ini boleh berjaya. Tetapi secara umum jelas bahawa orang-orang yang dipilih dengan menggunakan piawaian-piawaian yang digunakan oleh kerajaan berisiko lebih tinggi daripada orang-orang yang dipilih menerusi piawaian swasta. Lebih banyak wang akan lesap apabila pinjaman diberikan kepada mereka. Peratus kegagalan di kalangan mereka lebih tinggi. Mereka menjadi kurang cekap. Lebih banyak sumber dibazirkan untuk mereka. Meskipun begitu para penerima pinjaman kredit kerajaan ini mendapat ladang dan pembajak sehingga mengorbankan orang-orang yang sepatutnya mendapat pinjaman swasta. A tidak mendapat ladang kerana B mendapatnya. A tersisih sama ada kerana kadar faedah telah meningkat lantaran penglibatan kerajaan, atau kerana harga ladang melonjak naik lantaran skim pinjaman kerajaan, atau kerana tidak ada lagi ladang yang hendak dijual di kawasan operasinya. Apa pun sebabnya, pemberian kredit oleh kerajaan tidak membantu meningkatkan kemakmuran yang dihasilkan oleh masyarakat, sebaliknya mengurangkannya, kerana modal sebenar yang ada (iaitu ladang, pembajak dll.) telah diletakkan di tangan para peminjam yang kurang cekap dan bukannya di tangan pengusaha yang lebih cekap dan amanah.

2

Kes ini menjadi lebih jelas jika kita menggunakan bentuk-bentuk perniagaan lain sebagai contoh. Saranan sering dikemukakan agar kerajaan menanggung risiko yang "terlalu besar untuk ditanggung oleh perusahaan swasta." Ini bererti para birokrat harus dibenarkan untuk membuat pertaruhan dengan wang para pembayar cukai ketika orang tidak sanggup mempertaruhkan wangnya sendiri.

Dasar sedemikian akan membawa kepada bermacam keburukan. Ia boleh membawa kepada amalan pilih bulu: memberi pinjaman kepada rakan-rakan, atau memberi pinjaman setelah dirasuah. Ia pasti membawa kepada skandal. Ia membawa kepada tuduh-menuduh setiap kali wang pembayar cukai dibazirkan untuk perusahaan-perusahaan yang gagal. Ia akan meningkatkan tuntutan ke arah sosialisme: kerana orang

akan bertanya, jika kerajaan menanggung risiko, mengapa tidak ia juga mengambil untung? Malah, apa justifikasi yang boleh dipakai ketika kita meminta para pembayar cukai mengambil risiko dan pada masa yang sama membenarkan pemodal-pemodal swasta menyimpan untung? (Kita akan lihat nanti inilah yang sebenarnya berlaku dalam kes pinjaman-pinjaman kerajaan kepada para peladang di mana aset peminjam yang gagal membuat pembayaran semula tidak boleh dituntut oleh pemberi pinjaman.)

Tetapi kita ketepikan dulu semua keburukan ini sekarang untuk memberi tumpuan terhadap hanya satu kesan daripada pinjaman jenis ini, iaitu bahawa ia akan membazirkan modal dan mengurangkan pengeluaran. Pinjaman jenis ini akan membazirkan modal untuk projek-projek yang tidak bagus atau meragukan. Ia akan meleburkan modal ke tangan orang-orang yang kurang berkeupayaan atau kurang boleh diharap. Sebabnya, jumlah modal hakiki (iaitu selain wang yang dicetak) di setiap masa adalah terhad. Modal yang diserah ke tangan B tidak dapat diserah ke tangan A.

Orang mahu melabur modal mereka sendiri. Tetapi mereka berhati-hati. Mereka mahumendapatkan semula modal mereka. Kebanyakan pemberi pinjaman dengan itu meneliti sebarang cadangan perniagaan dengan cermat sebelum mereka mempertaruhkan wang mereka sendiri. Mereka menimbang prospek keuntungan berbanding kemungkinan rugi. Adakalanya mereka tersalah congak. Tetapi atas sebab-sebab tertentu mereka membuat sedikit kesilapan berbanding agensi peminjam kerajaan. Antara sebabnya, wang yang mereka pertaruhkan itu adalah wang mereka sendiri atau wang yang diamanahkan kepada mereka secara sukarela. Dalam soal pinjaman oleh kerajaan, wangnya adalah wang orang lain yang diambil daripada mereka dalam bentuk cukai, tanpa mengambil kira keinginan peribadi mereka. Wang peribadi hanya akan dilaburkan apabila ada kemungkinan untuk mendapatkan pembayaran semula dengan faedah atau untung. Ini petanda bahawa orang yang dipinjamkan wang kepadanya itu diharapkan untuk menghasilkan benda-benda untuk pasaran yang dikehendaki oleh orang ramai. Sebaliknya, wang kerajaan

dipinjamkan untuk tujuan yang samar, misalnya untuk "mewujudkan peluang pekerjaan," dan semakin cekap kerjanya – iaitu semakin banyak peluang pekerjaan yang diperlukan berbanding nilai produknya – semakin tinggi kemungkinan untuk pelaburan dibuat.

Selain itu, pemberi pinjaman swasta telah menempuh ujian pasaran yang ketat. Jika mereka membuat kesilapan, wang mereka hilang dan tiada lagi yang boleh dipinjamkan. Mereka mempunyai wang untuk dipinjamkan di masa depan hanya jika mereka telah mencapai kejayaan di masa lalu. Bermakna para pemberi pinjaman swasta adalah kalangan yang telah teruji keupayaannya (kecuali segelintir mereka yang mewarisi kekayaan keluarga). Para pemberi pinjaman kerajaan pula terdiri daripada kalangan yang telah lulus ujian perkhidmatan awam dan tahu cara untuk menjawab soalan hipotesis secara hipotesis, atau terdiri daripada kalangan yang mampu memberikan alasan-alasan munasabah untuk meluluskan pinjaman dan tahu pula memberi alasan untuk membela diri mereka ketika sesuatu pinjaman itu gagal. Tetapi natijah akhirnya jelas: pinjaman swasta memanfaatkan sumber dan modal yang ada jauh lebih baik daripada pinjaman kerajaan. Pinjaman kerajaan akan membazirkan lebih banyak modal dan sumber berbanding pinjaman swasta. Ringkasnya, berbanding pinjaman swasta, pinjaman kerajaan akan mengurangkan pengeluaran, bukan meningkatkannya.

Ringkasnya juga, pemberian pinjaman kerajaan kepada individu atau sesuatu projek persendirian melihat B tetapi melupakan A. Ia melihat orang-orang yang diberikannya modal tetapi melupakan orang-orang terlepas peluang untuk mendapatkan modal [padahal mereka lebih layak dan berkeupayaan]. Ia melihat projek yang mendapat suntikan modal daripadanya tetapi melupakan projek-projek yang kehilangan modal. Ia melihat manfaat langsung untuk satu kelompok tetapi mengabaikan kerugian kelompok yang lain, selain kerugian masyarakat secara umum.

Skim ini merupakan satu lagi gambaran tentang kesilapan berfikir, iaitu dengan melihat kepentingan khusus dalam jangka pendek dan melupakan kepentingan umum dalam jangka panjang.

3

Di awal bab ini kita telah menyebut bahawa adakalanya kita perlu merasa bimbang dengan "bantuan" yang diberikan oleh kerajaan terhadap perniagaan sepertimana kita gerun bimbang dengan sikap berseteru kerajaan terhadap perniagaan. Hal yang sama boleh dikatakan tentang subsidi kerajaan. Kerajaan tidak dapat meminjamkan atau memberi sesuatu kepada perniagaan tanpa pada masa yang sama merampas sesuatu daripadanya. Kita sering mendengar bagaimana para penyokong program New Deal[1] dan golongan *statist*[2] yang lain bermegah tentang cara kerajaan "menyelamatkan perniagaan" menerusi agensi Reconstruction Finance Corporation, Home Owners Loan Corporation dan lain-lain agensi kerajaan pada tahun 1932 dan seterusnya. Tetapi kerajaan tidak dapat memberikan bantuan kewangan kepada perniagaan tanpa terlebih dulu (atau akhirnya) merampas sesuatu daripada perniagaan. Dana kerajaan semuanya datang daripada cukai. Malah yang disebut sebagai "pinjaman kredit daripada kerajaan" itu sendiri diwujudkan dengan andaian bahawa pinjaman-pinjaman yang diberi akhirnya akan dibayar semula menerusi kutipan cukai. Apabila kerajaan memberikan pinjaman atau subsidi kepada perniagaan, yang sebenarnya ia lakukan ialah mengenakan cukai ke atas perniagaan-perniagaan swasta yang berjaya bagi menyokong perniagaan-perniagaan swasta yang gagal. Dalam keadaan darurat tertentu, mungkin hujah ini masuk akal (sekuat mana hujah ini, tidak perlu kita teliti di sini). Tetapi dalam jangkamasa panjang, ia bukan sesuatu yang berbaloi dilakukan dari sudut pandang negara secara umum. Pengalaman telah membuktikan hal ini.

---

1 [Program ekonomi melibatkan campurtangan besar-besaran oleh kerajaan yang dijalankan di Amerika Syarikat antara tahun 1933 hingga tahun 1936 semasa pentadbiran Presiden Franklin D. Roosevelt sebagai usaha untuk mengatasi Great Depression – kegawatan ekonomi yang besar yang melanda AS dan dunia berikutan runtuhnya Wall Street pada tahun 1929.]

2 [Daripada perkataan *state*. *Statist* adalah kalangan yang percaya bahawa kerajaan perlu memainkan peranan besar dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dll. Lawan mereka adalah golongan Liberal yang percaya peranan kerajaan harus dibataskan, dengan ruang yang lebih besar diberikan kepada rakyat.]

Bab Tujuh

Sumpahan jentera

1

Antara khayalan ekonomi yang terbesar ialah kepercayaan bahawa jentera-jentera akan menghasilkan pengangguran. Khayalan ini telah ribuan kali dimusnahkan, namun ribuan kali pula ia bangkit kembali dari abu, menjadi lebih gagah dari dulu. Setiap kali pengangguran merebak dan berpanjangan, jentera-jentera dipersalahkan. Kesilapan berfikir ini masih menjadi asas bagi banyak langkah yang diambil kesatuan buruh. Orang awam menerima langkah-langkah mereka sama ada kerana mereka percaya pada dasarnya kesatuan-kesatuan buruh adalah benar atau kerana mereka terlalu bingung untuk melihat kesilapan kesatuan-kesatuan itu.

Kepercayaan bahawa jentera menyebabkan pengangguran boleh membawa kepada kesimpulan-kesimpulan yang mengarut. Jika kepercayaan ini diterima, bererti kita menyebabkan pengangguran setiap kali kita mencapai kemajuan teknologi. Malah, boleh juga dikatakan bahawa orang-orang zaman purba dululah yang mula menyebabkan pengangguran dengan mencipta perkakas pertama yang dapat mengurangkan jerih dan peluh mereka.

Kita tidak perlu berpatah balik terlalu jauh, cukup dengan merujuk kepada karya Adam Smith, *The Wealth of Nations*, yang diterbitkan pada tahun 1776. Bab pertama buku ini diberi judul "Of the Division of Labor" (Tentang Pembahagian Kerja). Di halaman kedua bab pertama ini, pengarangnya menjelaskan kepada kita bahawa seorang buruh yang tidak biasa menggunakan jentera pembuat jarum penyemat "sukar untuk menghasilkan walaupun sebilah jarum sehari, apatahlagi untuk menghasilkan dua puluh bilah," sedangkan dengan menggunakan jentera seorang buruh

boleh menghasilkan 4,800 bilah jarum sehari. Bermakna, orang boleh mengatakan bahawa di zaman Adam Smith, setiap satu jentera pembuat jarum telah menyebabkan antara 240 hingga 4,800 orang menganggur. Jika benar jentera menyebabkan pengangguran, maka dalam industri pembuatan jarum penyemat saja terhasil 99.98 peratus pengangguran. Bolehkah keadaan menjadi lebih buruk daripada itu?

Boleh, kerana Revolusi Industri ketika itu baru saja bermula. Mari kita lihat beberapa peristiwa dan sisi revolusi tersebut. Mari kita lihat, misalnya, apa yang terjadi dalam industri pembuatan sarung kaki. Kerangka-kerangka pembuat sarung kaki yang baru diperkenalkan ketika itu telah dimusnahkan oleh para penenun sarung kaki (lebih 1,000 kerangka dalam satu rusuhan), rumah-rumah dibakar, para pelabur diancam dan terpaksa lari menyelamatkan nyawa mereka, dan keadaan tidak dapat ditenangkan sehinggalah tentera dipanggil dan para peneraju rusuhan diangkut ke tempat lain atau dihukum gantung.

Nah, penting untuk kita ingat di sini bahawa tindakan para perusuh yang menentang penggunaan jentera itu adalah rasional jika dilihat dari sudut kepentingan mereka dalam jangka pendek mahu pun panjang. William Felkin dalam *History of the Machine-Wrought Hosiery Manufactures* (1867) memberitahu kita bahawa sebahagian besar daripada 50,000 penenun sarung kaki berbangsa Inggeris dan keluarga mereka hanya dapat mengatasi kebuluran dan kesengsaraan empat puluh tahun setelah jentera pembuat sarung kaki diperkenalkan. Tetapi para perusuh yang percaya bahawa jentera telah selama-lamanya menggantikan manusia itu tersilap, kerana sebelum berakhir kurun kesembilan belas, industri sarung kaki telah menggaji seratus pekerja tambahan bagi setiap seorang pekerja yang digajinya di awal kurun tersebut.

Arkwright telah mencipta jentera pemintal kapas pada tahun 1760. Pada waktu itu dianggarkan terdapat 5,200 orang pemintal kapas di England yang menggunakan roda pemintal dan 2,700 penenun – bererti sebanyak 7,900 orang terlibat dalam industri pembuatan kain kapas. Hasil ciptaan Arkwright ditentang atas asas ia mengancam sumber kehidupan para pekerja. Penentangan tersebut terpaksa dipatahkan dengan kekerasan.

Bagaimanapun, pada tahun 1787 – dua puluh tujuh tahun setelah ciptaan itu diperkenalkan – penyelidikan yang dibuat oleh parlimen mendapati jumlah pekerja yang terlibat dalam kerja memintal dan menenun kapas sebenarnya telah meningkat dari 7,900 orang ke 320,000 orang, iaitu peningkatan sebanyak 4,400 peratus.

Jika anda merujuk kepada buku *Recent Economic Changes*, karya David A. Wells yang terbit pada tahun 1889, anda akan menemukan ayat-ayat yang, jika tidak kerana tarikh dan angka yang berlainan, tentu akan membuatkan anda menyangka ia baru saja ditulis oleh golongan teknofobia [fobia dengan teknologi] hari ini. Biar saya kutip sebahagiannya:

> Sepanjang tempoh sepuluh tahun dari tahun 1870 hingga 1880, kapal dagang British telah meningkatkan kegiatannya sehingga jumlah kemasukan barang dari luar saja telah mencapai 22,000,000 tan ... meskipun begitu, jumlah pekerja yang digunakan dalam tempoh peningkatan ini telah berkurangan pada tahun 1880 jika dibandingkan dengan tahun 1870, iaitu sekitar tiga ribu orang (tepatnya 2,990). Apa sebabnya? Pengenalan jentera pengangkat dan pengangkut bijirin di dermaga dan pelabuhan, penggunaan jentera-jentera berkuasa wap, dsb....
>
> Pada tahun 1873 harga besi keluli Bessemer[1] di England (di mana harganya tidak meningkat kerana cukai duti perlindungan) mencecah $80 setan; pada tahun 1886 ia dihasilkan dan dijual di negara yang sama pada harga kurang daripada $20 per tan dan tetap membuat untung. Pada masa yang sama, keupayaan pengeluaran tahunan sebuah alat penghasil keluli Bessemer telah meningkat empat kali ganda tanpa melibatkan peningkatan jumlah buruh, malah mengurangkan jumlah mereka....
>
> Keupayaan kuasa yang dikeluarkan oleh jentera-jentera wap yang ada di dunia dan sedang digunakan di tahun 1887 dianggarkan oleh Biro Perangkaan di Berlin bersamaan dengan 200,000,000 kuda, mewakili sekitar 1,000,000,000 manusia; atau sekurang-kurangnya tiga kali ganda mengatasi keupayaan semua pekerja di atas muka bumi....

1 [Keluli yang dihasilkan menerusi "proses Bessemer", iaitu proses pembuatan keluli yang menggunakan jentera, dicipta oleh Sir Henry Bessemer.]

Sepatutnya angka terakhir yang disebutkan oleh En. Wells itu cukup untuk membuatkannya berfikir sejenak mengapa masih ada pengangguran di dunia pada tahun 1889; tetapi dia hanya menyimpulkan dengan pesimis bahawa "dalam keadaan sebegitu pengeluaran industri mungkin akan menjadi terlalu tinggi."

Sewaktu kegawatan pada tahun 1932, sekali lagi jentera dipersalahkan apabila terjadi pengangguran. Dalam masa hanya beberapa bulan doktrin-doktrin sebuah kumpulan yang menggelar diri mereka sebagai Technocrats telah tersebar di seluruh negara seperti api dalam belukar. Tak perlulah saya melelahkan pembaca dengan menyebut angka-angka luar biasa yang dikemukakan oleh kumpulan ini atau membentangkan pembetulan ke atas angka-angka tersebut. Cukup disebutkan di sini bahawa para teknokrat itu telah melakukan kesilapan yang sama dengan menganggap jentera akan menyebabkan manusia kekal dalam pengangguran – cumanya kejahilan menyebabkan mereka mengemukakan kesilapan lapuk ini sebagai penemuan baru yang revolusionari oleh mereka sendiri. Padahal ia tidak lain mengiyakan madah yang diungkapkan oleh Santayana:[2] orang yang tidak mampu mengingat [kesilapan] masa silam pasti akan mengulanginya.

Para teknokrat akhirnya diketepikan dan menghilang; namun doktrin mereka terus dipegang. Ini dapat dilihat pada ratusan peraturan yang memaksa majikan untuk terus menggaji pekerja tanpa sebarang keperluan yang jelas dan juga pada ratusan tuntutan kesatuan buruh yang menghalang majikan daripada membuang pekerja-pekerja yang tidak benar-benar diperlukan. Peraturan-peraturan dan tuntutan-tuntutan sebegini diterima dan disokong banyak orang kerana fikiran mereka keliru.

Corwin Edwards menyebut banyak contoh bagi peraturan dan tuntutan semacam itu sewaktu beliau memberi keterangan bagi pihak United States Department of Justice di depan Temporary National Economic Committee (dikenali sebagai TNEC) pada Mac 1941. Kesatuan pekerja elektrik Kota New York telah didakwa enggan memasang peralatan

2 [George Santayana, atau nama penuhnya Jorge Agustín Nicolás Ruiz de Santayana y Borrás (1863–1952), filasuf, penulis esei, penyair, dan novelis Amerika asal Sepanyol.]

elektrik yang dibuat di negeri New York melainkan jika peralatan berkenaan diceraikan dan dipasang semula di tapak pemasangan. Di Houston, Texas, pakar-pakar pertukangan paip dan kesatuan sekerja pertukangan paip sepakat bahawa ahli kesatuan itu hanya akan memasang paip jenis pasang siap jika ulir penyambung di hujung batang paip dipotong terlebih dahulu dan kemudian ulir baru dilorek di tapak pemasangan. Beberapa kesatuan pengecat pula mengekang penggunaan alat penyembur cat dengan sebab utamanya untuk mempertahankan kerja mengecat yang lebih perlahan, iaitu dengan menggunakan berus cat. Ada pula kesatuan sekerja pengangkutan yang mewajibkan setiap lori yang memasuki kawasan pusat kota New York untuk mempunyai seorang pemandu lori tempatan di samping pemandu lori sedia ada. Di banyak bandar, kesatuan sekerja elektrikal menetapkan syarat kepada pemaju pembinaan untuk menggaji seorang juruelektrik sepenuh masa untuk melakukan kerja penyelenggaraan sistem pencahayaan atau kuasa jika tapak tersebut mahu menggunakan sistem pencahayaan atau kuasa jenis sementara, dan juruelektrik terbabit tidak harus dibenarkan untuk melakukan sebarang kerja pendawaian elektrik untuk pembinaan. Peraturan ini, menurut En. Edwards, "biasanya memaksa majikan untuk menggaji seorang pekerja yang meluangkan masa sepanjang hari untuk membaca atau bermain daun terup dan tidak melakukan perkara lain selain memetik suis di awal dan di penghujung hari."

Kita boleh menyebut contoh-contoh amalan mengada-adakan kerja seperti di atas dalam banyak bidang lain. Dalam industri keretapi, kesatuan sekerja mendesak supaya jurupadam kebakaran ditempatkan di atas jenis-jenis keretapi yang tidak memerlukan mereka. Dalam industri teater, kesatuan mendesak penggunaan jurualih babak walaupun bagi pementasan-pementasan yang tidak melibatkan peralihan babak. Kesatuan pemuzik pula menuntut supaya 'pemuzik-pemuzik *stand-in*', atau malah kumpulan pancaragam selengkapnya, dipakai walaupun dalam acara yang hanya memerlukan fonograf.[1]

1 [Alat pemain rakaman suara jenis lama.]

2

Kita boleh melonggokkan segunung angka untuk menunjukkan betapa silapnya golongan teknofobia masa silam. Tetapi tiada gunanya berbuat demikian, melainkan jika kita memahami dengan jelas *mengapa* mereka silap. Perangkaan dan sejarah tidak berguna dalam bidang ekonomi, melainkan jika disertai dengan pemahaman asas secara *deduktif* ke atas fakta-fakta – bererti, bagi persoalan yang sedang kita bincangkan ini kita mesti memahami mengapa penggunaan jentera dan alat-alat lain yang menjimatkan tenaga buruh *pasti* menimbulkan kesan-kesan seperti yang kita boleh lihat di masa lalu. Jika tidak, puak teknofobia akan menegaskan: "Hujah kamu itu betul untuk masa lalu; tetapi hari ini keadaan sama-sekali berlainan; kini keadaan tidak lagi mengizinkan kita untuk mencipta jentera yang menjimatkan tenaga buruh" (ini juga jawapan yang akan mereka berikan jika kita menyebut bahawa ramalan para pendahulu mereka ternyata meleset jauh). Eleanor Roosevelt menulis dalam kolum sebuah akhbar pada 19 September 1945: "Kita telah sampai ke titik di mana perkakasan penjimat tenaga buruh hanya berguna jika kita tidak menyebabkan pekerja hilang pekerjaan."

Kalaulah benar penggunaan jentera-jentera yang menjimatkan tenaga buruh merupakan sebab semakin menjadi-jadinya pengangguran dan kesengsaraan, maka kesimpulan yang boleh kita buat tentunya akan mengubah banyak perkara, bukan saja dalam bidang teknikal, malah juga dapat merombak segenap faham kita tentang ketamadunan. Bukan saja kita perlu menganggap semua kemajuan teknikal di masa depan sebagai pembawa bencana, malah kita perlu melihat semua kemajuan teknikal di masa lalu dengan tanggapan yang sama. Setiap hari setiap seorang daripada kita, dengan keupayaan masing-masing, cuba untuk mengurangkan kadar tenaga yang perlu dikerah untuk mencapai sesuatu hasil. Setiap seorang daripada kita cuba untuk menjimatkan tenaga sendiri dan mencari jalan paling berkesan untuk mencapai matlamat kita. Setiap majikan, sama ada syarikat kecil atau besar, terus-terusan berusaha untuk mengeluarkan hasil dengan cara paling ekonomi dan cekap – iaitu dengan menijmatkan tenaga. Setiap pekerja

yang bijak akan mencari jalan yang menjimatkan tenaganya sendiri dalam menyelesaikan tugasannya. Orang yang paling bercita-cita tinggi di kalangan kita akan berusaha meningkatkan hasil sebanyak mungkin bagi setiap jam kerja. Tapi para teknofobia seolah-olah mengatakan bahawa semua usaha menjimatkan tenaga ini bukan saja tak berguna, malah sesuatu yang buruk. Mengapa kita perlu mengangkut barangan dengan keretapi dari New York ke Chicago? Bukankah lebih baik jika kita, misalnya, menggunakan lebih banyak manusia untuk mengangkut semua barangan itu di atas bahu mereka?

Teori-teori yang sebegini silap tidak pernah dapat dipertahankan secara logik, tetapi ia boleh memudaratkan kerana banyak di antara kita berpegang dengannya. Justeru itu, mari kita lihat apa yang sebenar-benarnya terjadi apabila kemajuan teknikal dicapai dan jentera-jentera penjimat tenaga buruh mula digunakan. Setiap kes mempunyai perincian-perincian yang berlainan, bergantung pada keadaan khusus dalam sesebuah industri atau sesuatu zaman. Namun, di sini kita ambil satu contoh yang dapat merangkumi unsur-unsur yang utama.

Katakan seorang pemilik kilang pengeluar pakaian mendapat tahu tentang sebuah jentera yang mampu menghasilkan jaket untuk kaum lelaki dan wanita dengan menggunakan hanya separuh daripada tenaga kerja sedia ada. Lalu dia pun memasang jentera tersebut dan membuang separuh daripada pekerjanya.

Contoh di atas sekali imbas jelas menunjukkan terjadinya kehilangan pekerjaan. Tetapi buruh diperlukan untuk menghasilkan jentera terbabit. Jadi, sebagai pengimbang bagi kehilangan tadi, ada pula pekerjaan baru yang diwujudkan. Bagaimanapun, pengeluar terbabit hanya akan membeli jentera berkenaan jika ia mampu menghasilkan pakaian yang lebih baik dengan hanya separuh tenaga kerja atau menghasilkan pakaian pada mutu yang sama tetapi dengan biaya lebih rendah. Jika kita mengandaikan bahawa dia membeli jentera tersebut kerana sebab yang kedua ini, maka kemungkinan besar biaya tenaga buruh yang diperlukan untuk membuat jentera bagi kilang jaket berkenaan tidak mengatasi jumlah penjimatan yang ingin dibuat oleh tuan kilang pakaian dalam jangka panjang, jika tidak dia tidak akan membeli jentera tersebut kerana ia tidak mendatangkan kelebihan ekonomi.

Bererti, umumnya masih ada soal kehilangan pekerjaan yang perlu ditanggapi. Tetapi kita sekurang-kurangnya jangan lupa bahawa kemungkinan besar antara kesan pertama daripada penggunaan jentera yang menjimatkan tenaga buruh ialah peningkatan peluang kerja secara umum. Biasanya penjimatan yang dicapai menerusi penggunaan jentera hanya dapat dilihat dalam *jangkamasa panjang*. Mungkin hanya setelah beberapa tahun baru pengeluar pakaian berkenaan "balik modal".

Setelah "balik modal", pengeluar jaket itu akan mendapat lebih banyak untung daripada sebelum itu. (Di sini kita mengandaikan yang dia menjual pakaiannya pada harga yang sama dengan para pesaingnya dan tidak cuba menurunkan harga). Sejauh ini masih kelihatan bahawa jentera telah menyebabkan buruh kehilangan pekerjaan dan pengeluar, sang pemodal, yang mendapat untung. Sebenarnya, daripada untung tambahan inilah masyarakat akan mendapat manfaat. Si pengeluar jaket pasti akan menggunakan wang untung itu untuk sekurang-kurangnya salah satu daripada tiga perkara berikut: (1) dia akan menggunakan untung besar itu untuk mengembangkan operasinya dengan membeli lebih banyak jentera untuk menghasilkan lebih banyak pakaian; atau (2) dia akan melabur untung itu ke dalam industri lain; atau (3) dia akan membelanjakan untung itu untuk meningkatkan perbelanjaannya sendiri. Mana-mana saja di antara ketiga-tiga perkara ini pasti akan meningkatkan peluang pekerjaan.

Dalam ungkapan lain, perhitungan ekonomi si pengeluar telah membolehkannya meraih untung lebih besar. Setiap ringgit yang dijimatkannya daripada membayar secara langsung gaji pekerja-pekerja yang pernah bekerja di kilang pakaiannya kini digunakan untuk membayar secara tidak langsung gaji pekerja-pekerja kilang membuat jentera, atau gaji para pekerja dalam industri utama lain, atau gaji tukang rumah barunya, atau gaji pekerja kilang kereta yang dibelinya, atau gaji pembuat barang perhiasan dan jaket bulu binatang untuk isterinya. Dalam apa jua keadaan (kecuali jika dia hanya menyimpan wang untungnya tanpa sebarang tujuan) secara tidak langsung dia memberikan peluang-peluang kerja kepada orang lain walaupun dia memberhentikan pekerjanya sendiri.

Namun kesannya tidak terhenti di peringkat ini. Jika si pengeluar jaket mencapai kejayaan lebih besar berbanding para pesaingnya, dia akan mengembangkan perniagaannya sehingga menyebabkan pengeluar-pengeluar lain terjejas, atau mereka juga akan mula menggunakan jentera. Sekali lagi lebih banyak peluang perniagaan akan tersedia untuk para pembuat jentera. Tetapi persaingan dan pengeluaran yang tinggi juga akan membawa kepada penurunan harga jaket. Para pengeluar yang baru membeli jentera tidak akan mendapat untung besar. Kadar untung yang diraih oleh para pengeluar yang menggunakan jentera pembuat pakaian akan mula merosot, manakala para pengeluar yang belum mula menggunakan jentera tidak akan membuat untung sama sekali. Dalam ertikata lain, para pembeli jaket – para pengguna – pula yang akan mengambil giliran membuat penjimatan.

Tetapi, memandangkan jaket kini lebih murah, lebih banyak pula orang akan membelinya. Bererti, walaupun semakin sedikit orang yang diperlukan untuk membuat jaket, semakin banyak jaket perlu dibuat. Jika permintaan terhadap jaket adalah "anjal (*elastic*)" seperti yang disebut oleh ahli-ahli ekonomi – iaitu penurunan harga jaket akan membawa kepada lebih banyak wang dibelanjakan untuk membeli jaket berbanding sebelum penurunan harga – maka lebih banyak orang akan diambil bekerja untuk membuat jaket berbanding sebelum jentera penjimat tenaga buruh mula digunakan. Kita telah menyaksikan betapa inilah yang berlaku dalam sejarah dalam bidang pembuatan sarung kaki dan kain.

Bagaimanapun, penciptaan peluang kerja tidak bergantung pada keanjalan permintaan terhadap sesuatu produk. Katakanlah walaupun harga jaket telah diturunkan hampir separuh – misalnya dari $50 kepada $30 – jumlah jaket yang terjual tetap tidak meningkat. Dalam keadaan ini pembeli mempunyai lebihan wang sebanyak $20. Wang $20 ini boleh digunakannya untuk membeli barang lain dan justeru itu meningkatkan peluang kerja dalam bidang lain.

Ringkasnya, secara umum jentera, kemajuan teknologi, perkembangan ekonomi, dan peningkatan kecekapan tidak menyebabkan orang hilang kerja.

3

Sudah tentu tidak semua ciptaan dan penemuan berbentuk jentera "penjimat tenaga buruh". Sebahagiannya, seperti alat pengukur ketepatan, nilon, bahan plastik lutsinar, dan papan lapis meningkatkan mutu produk. Benda-benda lain, seperti telefon dan kapal terbang, memainkan fungsi yang sama sekali tidak mampu dijalankan oleh manusia. Ada pula kemajuan teknologi yang menghasilkan benda-benda yang tidak pernah wujud sebelum itu, misalnya gelombang x-ray dan radio, serta getah tiruan. Bagaimanapun dalam contoh yang ditampilkan sebelum ini, kita mengemukakan jentera yang menjadi perhatian golongan teknofobia hari ini.

Sudah tentu mungkin juga untuk kita membawa lebih jauh hujah yang menyatakan bahawa jentera secara umumnya tidak menyebabkan orang hilang pekerjaan. Sebahagian orang misalnya mengatakan bahawa jentera membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Dalam keadaan tertentu hujah ini benar. Jentera boleh membuka jauh lebih banyak peluang kerja dalam bidang tertentu. Angka peningkatan jumlah pekerjaan dalam industri pembuatan kain di kurun kelapan belas membuktikan hal ini. Bukti di zaman moden ini juga tidak kurang jelas. Pada tahun 1910, sebanyak 140,000 orang pekerja diambil untuk industri pembuatan kenderaan yang baru muncul di Amerika Syarikat ketika itu. Pada tahun 1920, seiring dengan peningkatan mutu produk dan pengurangan kos dalam industri itu, sebanyak 250,000 pekerja terlibat di dalamnya. Produk terbabit terus berkembang dan kosnya terus berkurangan di tahun 1930, manakala jumlah pekerja yang terbabit meningkat ke 380,000 orang. Angka ini meningkat ke 450,000 orang pada tahun 1940. Menjelang tahun 1940, sebanyak 35,000 pekerja digunakan dalam pembuatan peti sejuk elektrik dan 60,000 dalam industri radio. Satu demi satu bentuk perniagaan tercipta seiring dengan peningkatan daya cipta dan pengurangan kos.

Ada juga keadaan yang membolehkan kita menyebut bahawa jentera pasti akan melipatgandakan peluang pekerjaan. Jumlah penduduk dunia hari ini tiga kali ganda lebih banyak berbanding pertengahan kurun kelapan belas dulu, iaitu sebelum Revolusi Perindustrian meletus. Boleh dikatakan

bahawa jentera telah membawa kepada peningkatan jumlah penduduk, kerana tanpa jentera, dunia tidak akan mampu menampung peningkatan ini. Boleh dikatakan bahawa setiap dua daripada tiga kita bukan saja bergantung pada jentera dari segi pekerjaan, malah mengecap kehidupan kerana jentera.

Meskipun begitu, suatu kesilapan jika kita melihat jentera semata-mata sebagai pembentuk *peluang kerja*. Kesan sebenar daripada jentera adalah peningkatan *pengeluaran*, peningkatan tahap kehidupan dan peningkatan kesejahteraan ekonomi. Bukannya susah untuk mempekerjakan setiap orang, hatta (atau khususnya) dalam suasana ekonomi paling purba sekalipun. Pengangguran sifar – sepenuhnya sifar, iaitu melibatkan jenis pekerjaan yang memakan masa, melelahkan dan penuh jerih-payah – merupakan ciri bagi negara-negara yang paling terencat industrinya. Di negara-negara sedemikian, jentera baru, ciptaan dan penemuan baru tidak mampu menghasilkan *lebih banyak* peluang kerja – kecuali jumlah penduduknya bertambah. Dalam keadaan sedemikian jentera dan ciptaan hanya akan mewujudkan pengangguran (pengangguran yang saya maksudkan kali ini ialah pengangguran secara *sukarela* dan bukan pengangguran kerana *terpaksa*) kerana di ketika itu orang boleh memilih untuk bekerja dalam jam yang lebih singkat, manakala kanak-kanak dan orang tua pula tidak lagi perlu bekerja.

Sekali lagi kita ulangi: jentera meningkatkan pengeluaran dan tahap kehidupan. Jentera mendatangkan kedua-dua ini menerusi salah satu daripada dua cara, iaitu dengan menjadikan barangan lebih murah untuk faedah para pengguna (seperti dapat dilihat pada contoh yang telah kami kemukakan tentang pengeluaran jaket), atau dengan cara meningkatkan upah untuk para pekerja yang daya pengeluaran mereka meningkat menerusi penggunaan jentera. Dalam ungkapan lain, jentera sama ada meningkatkan upah atau meningkatkan kadar barangan dan perkhidmatan yang boleh dicapai oleh upah itu berikutan penurunan harga. Adakalanya ia memberi kesan dalam bentuk kedua-duanya. Pencapaian sebenar bergantung sebahagian besarnya pada dasar kewangan yang diterapkan dalam sesebuah negara. Namun, dalam apa jua keadaan, jentera, penciptaan dam penemuan baru akan meningkatkan kadar upah yang sebenar.

4

Sebelum kita berhenti memperkatakan tentang topik ini, perlu dinyatakan satu peringatan. Kehebatan ahli-ahli ekonomi klasik terletak pada kenyataan bahawa mereka telah meneliti kesan-kesan sekunder dan mereka telah mempertimbangkan kesan-kesan sesuatu dasar ekonomi dalam jangka panjang dan ke atas semua kelompok masyarakat. Atas sebab yang sama juga mereka boleh dikatakan cacat. Mereka memikirkan tentang masa depan yang panjang dan secara meluas sehingga adakalanya mereka alpa daripada memikirkan tentang jangka waktu singkat dan secara sempit. Mereka sering cenderung untuk memandang remeh atau mengabaikan sama sekali kesan-kesan segera daripada sesuatu perkembangan ke atas kelompok-kelompok khusus. Misalnya, kita telah melihat bagaimana para penenun sarung kaki di England berdepan kesengsaraan apabila kerangka pembuat sarung kaki, salah satu ciptaan terawal zaman Revolusi Perindustrian, diperkenalkan.

Tetapi kejadian-kejadian sedemikian dan pemikiran ahli-ahli ekonomi moden pula telah menyebabkan sebahagian penulis memilih ekstrem yang bertentangan, iaitu dengan hanya melihat kesan segera penggunaan jentera ke atas sesuatu kelompok. Joe Smith hilang kerja kerana sebuah jentera baru mula dipakai. "Perhatikan nasib Joe Smith," kata penulis-penulis ini. "Jangan lupakan Joe Smith." Tetapi yang seterusnya mereka lakukan ialah *hanya* memerhatikan nasib Joe Smith dan mengabaikan Tom Jones yang baru mendapat kerja memasang jentera baru terbabit, dan nasib Ted Brown yang mendapat kerja sebagai pengendali jentera dan Daisy Miller yang kini boleh membeli jaket pada harga separuh lebih murah daripada sebelum itu. Kerana memikirkan hanya tentang Joe Smith mereka memperjuangkan dasar-dasar yang latah dan tidak masuk akal.

Ya, kita perlu sekurang-kurangnya jangan melupakan sama sekali Joe Smith. Dia baru kehilangan kerja kerana penggunaan jentera baru. Barangkali dia akan mendapat kerja lain, malah mungkin kerja yang lebih baik. Tapi, barangkali juga dia telah menghabiskan masa bertahun-tahun untuk mempelajari dan mengasah kemahiran khusus untuk melakukan pekerjaan yang kini tidak mempunyai pasaran. Dia telah melabur untuk

dirinya, untuk mengasah kemahiran, tetapi pelaburannya membawa kerugian, sama seperti bekas majikannya yang rugi setelah melabur untuk jentera yang lama atau untuk sejenis proses yang tiba-tiba menjadi lapuk. Dulunya dia pekerja mahir dan mendapat bayaran sebagai pekerja mahir. Kini, dalam masa hanya semalaman, dia kembali menjadi pekerja tidak mahir dan, sekurang-kurangnya buat sementara waktu, hanya mampu menharapkan upah sebagai pekerja tidak mahir, kerana kemahirannya yang dulu tidak lagi diperlukan. Kita tidak boleh melupakan Joe Smith. Tragedi yang menimpanya telah menimpa banyak orang lain dalam jalan menuju kemajuan perindustrian dan ekonomi.

Perbincangan ini akan meleret-leret jika kita mula mempersoalkan apa yang setepatnya perlu kita lakukan untuk joe Smith – apakah kita perlu membiarkannya menyesuaikan diri, memberikan pampasan kepadanya, memberikan bantuan kebajikan, atau menggunakan wang kerajaan untuk melatihnya menjalankan pekerjaan baru. Inti pengajaran di sini ialah, kita perlu cuba untuk melihat *semua* kesan utama daripada sesuatu dasar ekonomi atau pembangunan – kesan segeranya terhadap kelompok khusus dan kesan jangka panjang terhadap semua kelompok.

Kita telah membincangkan persoalan ini secara agak mendalam kerana kesimpulan kita berkenaan kesan-kesan penggunaan jentera-jentera, ciptaan-ciptaan, dan penemuan-penemuan baru terhadap peluang kerja, pengeluaran dan kesejahteraan adalah mustahak. Jika kita membuat kesilapan dalam hal ini, nescaya takkan ada banyak perkara betul yang mampu kita lakukan dalam bidang ekonomi.

Bab Lapan

Skim pemerataan kerja

Saya telah menyebut tentang amalan mengada-adakan pekerjaan oleh kesatuan sekerja. Amalan ini serta penerimaan orang ramai terhadapnya berpunca daripada kesilapan yang sama yang menerbitkan ketakutan terhadap jentera. Orang-orang yang menerima amalan ini percaya bahawa cara kerja yang cekap akan menjejaskan peluang kerja dan justeru itu cara kerja yang kurang cekap akan menghasilkan lebih banyak pekerjaan.

Satu lagi kepercayaan yang ada kena-mengena dengan kesilapan berfikir ini ialah bahawa kadar kerja yang wujud di dunia ini adalah tetap dan bahawa kalau kita tidak mampu menambah kadar kerja yang ada dengan memikirkan cara-cara yang menyusahkan untuk melakukannya, sekurang-kurangnya kita boleh memikirkan jalan untuk membahagi-bahagikan pekerjaan di kalangan sebanyak-banyak orang.

Kesilapan berfikir inilah yang mewujudkan pembahagian kerja kepada cabang-cabang pekerjaan yang kecil oleh kesatuan sekerja. Dalam bidang pembinaan di banyak kota besar, pembahagiannya dibuat secara melampau. Para juruikat bata tidak dibenarkan menggunakan batu untuk membuat serombong asap: itu kerja khusus tukang batu. Juruelektrik dilarang menanggalkan papan dinding untuk membetulkan litar dan kemudian memasangnya semula: itu kerja khusus tukang kayu, tidak kira semudah mana sekalipun kerja itu. Tukang paip pula tidak harus membongkar dan memasang semula kepingan jubin untuk memperbaiki kebocoran di bilik mandi: itu kerja pemasang jubin.

Mogok-mogok "bidang tugas" yang keras dilancarkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja untuk merebut hak bagi melakukan jenis-jenis kerja tertentu. Dalam sebuah kenyataan yang dikemukakan oleh pihak pengendali landasan keretapi Amerika kepada Committee on Administrative Procedure Jabatan Peguam Negara, mereka memberikan sekian banyak contoh di mana National Railroad Adjustment Board telah memutuskan bahawa "setiap satu aspek pengendalian landasan, tidak kira seberapa kecil, seperti bercakap menggunakan telefon atau mengubah sambungan landasan, sejauh ini merupakan hak kelas pekerja tertentu yang jika ia dilakukan oleh pekerja dari kelas lain dalam menjalankan tugas biasanya, dia perlu diberikan upah tambahan untuk tugas itu dan pada masa yang sama pekerja dari kelas yang berkenaan yang berhak mengendalikan tugas itu perlu diberikan upah sehari bekerja kerana tidak dipanggil untuk menjalankan kerja tersebut."

Benar, segelintir orang boleh mendapat untung dengan mengorbankan semua orang lain menerusi pembahagian kerja kepada cabang-cabang yang kecil sebegini – selagi ia berlaku dalam kes mereka sahaja. Tetapi orang yang menyokong pendekatan sebegini sebagai dasar umum gagal melihat bahawa ia akan meningkatkan biaya pengeluaran dan bahawa ia secara umum akan menghasilkan lebih sedikit kerja untuk dilakukan dan lebih sedikit barangan yang dapat dihasilkan. Seorang pengurus rumah yang menggaji dua orang pekerja untuk melakukan kerja yang sepatutnya boleh dilaksanakan oleh seorang pekerja sememangnya memberi pekerjaan kepada seorang lagi manusia. Tetapi ini juga bererti yang lebihan wangnya tidak mencukupi untuk dibelanjakan bagi sesuatu yang lain yang akan membuka peluang kerja untuk seseorang yang lain. Oleh kerana kebocoran dalam bilik mandinya telah diperbaiki dengan kos sekali ganda daripada yang sepatutnya, dia memutuskan untuk tidak membeli baju sejuk baru yang dia mahukan. Keadaan "perburuhan" tidak menjadi lebih baik, kerana peluang kerja sehari untuk pemasang jubin bersamaan dengan pengangguran sehari untuk pengait baju sejuk atau pengendali jentera pembuat baju sejuk. Keadaan si pengurus rumah pula malah bertambah buruk. Sepatutnya dia boleh memiliki paip mandian

yang berfungsi dan juga sehelai baju sejuk, tetapi kini dia hanya mempunyai paip mandi, tanpa baju sejuk. Jika kita menghitung baju sejuk itu sebagai sebahagian daripada khazanah negara, bererti negara terlepas peluang untuk menambah satu lagi baju sejuk. Ini melambangkan satu lagi kesan daripada usaha untuk menambah peluang kerja dengan cara mewujudkan cabang-cabang kerja secara sembarangan.

Ada satu lagi skim lain bagi "pemerataan peluang kerja" yang sering dikemukakan oleh jurucakap-jurucakap kesatuan sekerja dan ahli-ahli parlimen. Skim yang paling kerap dikemukakan adalah penyingkatan waktu kerja menerusi undang-undang. Peruntukan penalti untuk kerja lebih masa yang terdapat dalam Federal Wage-Hour Law yang digunapakai sekarang diwujudkan atas kepercayaan bahawa ia akan "memeratakan kerja" dan "membuka lebih banyak peluang kerja." Perundangan di negeri-negeri AS sebelum ini yang melarang majikan daripada menyuruh wanita dan kanak-kanak bekerja melebihi empat puluh lapan jam seminggu dibuat atas keyakinan bahawa jam kerja yang panjang adalah buruk untuk kesihatan dan moral. Sebahagiannya ditetapkan atas kepercayaan bahawa jam kerja yang panjang akan menjejaskan kecekapan. Tetapi peruntukan dalam udang-undang persekutuan yang menetapkan bahawa majikan perlu membayar pekerja upah tambahan sebanyak 50 peratus daripada kadar upah per jam yang biasa jika dia disuruh bekerja melebihi empat puluh jam seminggu tidak berasaskan pada kepercayaan bahawa kerja selama, misalnya, empat puluh lima jam seminggu menjejaskan kesihatan atau kecekapan. Peruntukan ini diwujudkan antara lain dengan niat untuk meningkatkan pendapatan mingguan pekerja dan dengan harapan majikan akan merasa rugi untuk menyuruh pekerjanya bekerja melebihi empat puluh jam seminggu dan lalu mengambil pekerja tambahan. Ketika buku ini ditulis, telah muncul banyak skim untuk "menghindari pengangguran" dengan cara menetapkan peraturan jam kerja selama tiga puluh jam seminggu.

Apakah kesan sebenar daripada rancangan-rancangan sedemikian, sama ada rancangan yang dilaksanakan oleh kesatuan sekerja mahu pun secara perundangan? Pertama, pengurangan jam kerja dari empat puluh

jam seminggu kepada tiga puluh jam seminggu tanpa perubahan pada kadar upah per jam. Kedua, pengurangan jam kerja dari empat puluh kepada tiga puluh jam seminggu, tetapi dengan peningkatan kadar upah per jam untuk mengekalkan bayaran mingguan yang sama untuk pekerja-pekerja sedia ada.

Mari kita ambil kes pertama. Kita andaikan bahawa kadar jam kerja dikurangkan dari empat puluh jam kepada tiga puluh jam seminggu, tanpa perubahan pada kadar upah per jam. Jika kadar pengangguran tidak terlalu tinggi sewaktu rancangan ini dilaksanakan, maka ia tidak ragu lagi akan membuka lebih banyak peluang kerja. Bagaimanapun, kita tidak boleh mengandaikan yang ia akan membuka peluang kerja tambahan yang memadai untuk mengekalkan jumlah pekerja, gaji dan jam kerja yang sama seperti sebelum itu, melainkan jika kita membuat andaian yang kemungkinan kurang benar bahawa setiap industri mempunyai peratusan pengangguran yang sama dan bahawa setiap pekerja yang baru diambil tidak kurang cekap dalam menjalankan tugas mereka berbanding pekerja-pekerja sedia ada. Tetapi katakanlah kita gunakan juga andaian ini. Katakan jumlah pekerja tambahan yang diperlukan sememangnya tersedia dan bahawa pekerja-pekerja baru tidak membawa kepada peningkatan kos pengeluaran. Apakah kesan pengurangan jam kerja dari empat puluh kepada tiga puluh jam seminggu (tanpa peningkatan upah per jam)?

Walaupun lebih banyak pekerja akan diambil, setiap seorang mereka akan mendapat jam kerja yang singkat. Bererti tiada peningkatan jumlah jam kerja secara keseluruhan. Sangat kecil kemungkinan akan adanya peningkatan besar dari segi pengeluaran. Jumlah keseluruhan gaji yang dibayar serta "kuasa membeli" juga takkan banyak bertambah. Yang akan berlaku, hatta dalam keadaan paling baik sekalipun (dan ini jarang tercapai), ialah para pekerja yang telah sedia bekerja akan mensubsidi mereka yang baru diambil bekerja. Sebabnya, untuk membolehkan para pekerja baru menerima tiga perempat daripada upah yang biasa diterima dahulu oleh pekerja-pekerja lama, para pekerja lama juga harus diberi upah hanya tiga perempat daripada jumlah upah yang mereka terima dahulu. Benar, para pekerja lama kini hanya perlu bekerja dalam jam

lebih pendek; tetapi kita boleh andaikan bahawa kesanggupan mereka ini, iaitu kesanggupan untuk membeli waktu santai dengan harga yang tinggi, bukan tujuan sebenarnya untuk mendapatkan lebih banyak waktu rehat, sebaliknya sebagai satu pengorbanan yang dibuat untuk membuka peluang kerja bagi orang lain.

Para pemimpin kesatuan sekerja yang menuntut jumlah jam kerja mingguan dikurangkan untuk "meratakan peluang kerja" biasanya menyedari hakikat ini, lalu mereka mengemukakan cadangan mereka dalam bentuk yang serba-serbi menguntungkan setiap orang. Kata mereka: kurangkan jam kerja dari empat puluh jam kepada tiga puluh untuk membuka lebih banyak peluang kerja, tetapi untuk menampung kekurangan jam kerja itu, *tingkatkan* kadar upah per jam sebanyak $33^{1/3}$ peratus. Para pekerja asal sebelum ini mendapat purata $40 seminggu bagi waktu kerja selama empat puluh jam. Bagi membolehkan mereka mendapat jumlah yang sama bagi waktu kerja hanya tiga puluh jam, kadar upah per jam perlu ditingkatkan ke purata $\$1.33^{1/3}$.

Apa akibat bagi rancangan sedemikian? Pertama sekali pastinya peningkatan kos pengeluaran. Jika kita mengandaikan yang para pekerja asal itu mendapat upah yang kurang daripada sepatutnya (berbanding yang bersesuaian dengan tahap kos pengeluaran, harga dan untung), maka mereka seharusnya boleh menerima kenaikan upah per jam *tanpa perlu* mengurangkan jam bekerja. Dalam ungkapan lain, mereka boleh tetap bekerja selama empat puluh jam dan sekaligus diberi *kenaikan upah mingguan sebanyak satu pertiga* dan bukan hanya mendapat jumlah upah yang sama dengan bekerja selama tiga puluh jam sahaja seminggu. Tetapi jika kita andaikan bahawa kadar upah yang mereka terima sewaktu bekerja empat puluh jam seminggu dulu adalah kadar tertinggi yang diizinkan oleh tahap kos pengeluaran dan harga (dan sebetulnya kewujudan pengangguran kemungkinan adalah petanda bahawa mereka telah mendapat upah lebih daripada kadar yang sepatutnya), maka peningkatan kos pengeluaran rentetan daripada peningkatan upah per jam sebanyak $33^{1/3}$ peratus tidak akan dapat ditampung oleh keadaan harga, tahap dan kos pengeluaran semasa.

Dalam keadaan itu, kenaikan kadar upah akan menghasilkan lebih banyak pengangguran. Syarikat-syarikat yang kurang cekap akan gulung tikar dan pekerja-pekerja yang kurang cekap pula akan kehilangan pekerjaan. Pengeluaran pula akan berkurangan. Kos pengeluaran yang meningkat dan tahap penawaran yang rendah pula cenderung meningkatkan harga barangan. Bererti, lebih sedikit barang yang mampu dibeli oleh para pekerja dengan kadar upah yang sama. Di sebaliknya pula, peningkatan kadar pengangguran akan merendahkan permintaan dan cenderung membawa kepada penurunan harga. Apa yang akhirnya akan berlaku pada harga barangan akan bergantung pada dasar kewangan yang dipakai ketika itu. Jika dasar inflasi kewangan yang dipakai (untuk meningkatkan harga bagi membolehkan kadar upah ditingkatkan), tujuannya ialah untuk menyembunyikan cara mengurangkan kadar upah *hakiki* – walhasil jumlah barangan yang boleh dibeli dengan kadar upah ini adalah sama seperti sebelum dasar ini dilaksanakan. Natijahnya sama sepertimana jika jumlah jam kerja dikurangkan *tanpa* meningkatkan kadar upah per jam. Kesannya telah kita bincangkan.

Ringkasnya, skim pemerataan peluang kerja ini dikemukakan dengan bersandar pada khayalan yang sama yang kita bincangkan sejak awal tadi. Orang yang menyokong skim sebegini hanya memikirkan tentang peluang kerja yang boleh mereka sediakan untuk orang atau kelompok tertentu; mereka tidak merenung kesannya yang menyeluruh terhadap semua orang.

Skim pemerataan peluang kerja ini juga bersandar pada salah-andaian bahawa jumlah kerja yang perlu dilakukan adalah terhad. Tiada kesilapan yang lebih besar daripada ini. Selagi ada keperluan dan keinginan manusia yang boleh dipenuhi menerusi sesuatu kerja, selagi itu tiada batasan bagi jumlah kerja yang boleh dibuat. Dalam suasana ekonomi moden yang berasaskan pertukaran, kerja paling banyak tersedia apabila harga, kos dan upah saling berkait pada tahap terbaik. Apakah kaitan yang dimaksudkan? Itu akan kita bincangkan kemudian nanti.

Bab Sembilan

Pembubaran tentera dan birokrat

1

Apabila saranan dikemukakan agar pengerahan pasukan bersenjata dihentikan, selalu timbul kebimbangan besar kalau-kalau para anggota tentera tidak mempunyai cukup tugasan untuk dibuat dan akhirnya mereka diberhentikan daripada perkhidmatan. Memang benar bahawa apabila jutaan orang tiba-tiba hilang pekerjaan, masa yang panjang diperlukan untuk industri swasta menyerap mereka (namun sejarah menunjukkan mereka diserap dengan cukup cepat). Kebimbangan ini timbul kerana orang melihat hanya pada satu sisi proses berkenaan.

Mereka hanya melihat bagaimana bekas anggota-anggota tentera ini tiba-tiba melambak dalam pasaran buruh. Dari mana bakal datang "kuasa membeli" untuk mengambil mereka sebagai pekerja? Jawapannya mudah jika kita andaikan yang belanjawan awam berada dalam keadaan seimbang. Kerajaan berhenti membayar gaji anggota-anggota tentera ini. Bermakna para pembayar cukai dapat menjimatkan wang yang dulu terpaksa mereka belanjakan untuk menampung anggota-anggota tentera berkenaan. Ertinya, mereka mempunyai lebih banyak wang untuk membeli barangan. Dalam maksud lain, permintaan awam akan meningkat dan membuka peluang kerja untuk buruh tambahan yang boleh diisi oleh kalangan bekas anggota tentera.

Lain pula halnya jika para bekas anggota tentera itu disokong oleh belanjawan yang tidak seimbang – iaitu jika kerajaan terpaksa berhutang atau menggunakan cara-cara pembiayaan kewangan defisit yang lain untuk membantu mereka. Keadaan sebegini menimbulkan persoalan lain yang akan kita sentuh sewaktu membincangkan soal pembiayaan kewangan

defisit dalam bab lain nanti. Untuk persoalan yang kita sedang perkatakan sekarang, pembiayaan defisit tidak membawa sebarang beza kerana jika kita mengandaikan defisit belanjawan mempunyai kelebihan tertentu, maka defisit belanjawan yang sama boleh digunakan, iaitu dengan cara mengurangkan cukai pada kadar yang sama yang dibelanjakan sebelum ini untuk menampung pasukan tentera di waktu perang.

Tetapi pemberhentian pengerahan tentera tidak akan mengembalikan kita kepada keadaan ekonomi yang sama seperti sebelum perang. Di waktu perang, anggota tentera disokong dengan wang orang awam, sedangkan selepas perang dan kembali menjadi orang awam mereka tidak lagi akan mendapat sokongan yang sama. Mereka harus mencari jalan untuk menampung diri sendiri sebagai orang awam. Memandangkan khidmat ketenteraan mereka tidak lagi diperlukan selepas perang, sudah tentu suatu pembaziran jika mereka terus dibiarkan menganggotai pasukan bersenjata. Mereka juga takkan menjadi produktif. Orang awam pula tidak akan mendapat apa-apa dengan terus menyokong mereka. Dana orang awam boleh dialihkan untuk membeli barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh bekas perajurit ini. Dengan cara itu, tahap pengeluaran negara dan tahap kesejahteraan setiap orang akan meningkat.

2

Cara berfikir yang sama juga seharusnya diterapkan terhadap para pegawai kerajaan jika jumlah mereka terlalu banyak dan jika mereka tidak menawarkan perkhidmatan yang sepadan dengan imbuhan yang diberikan oleh masyarakat kepada mereka. Tetapi, setiap kali usaha dibuat untuk mengurangkan jumlah pegawai kerajaan, orang akan membantah tindakan tersebut sebagai langkah "pengempisan". Persoalan ditimbulkan: Apakah kita hendak melenyapkan "kuasa membeli" para pegawai terbabit? Apakah kita hendak menjejaskan tuan-tuan tanah dan para pedagang yang bergantung pada kuasa membeli mereka? Apakah kita hendak "mengurangkan pendapatan negara" dan cuba menimbulkan atau mengeruhkan lagi kegawatan ekonomi?

Sekali lagi orang silap berfikir dengan hanya melihat pada kesan langkah mengurangkan jumlah pegawai kerajaan terhadap para pegawai terbabit dan juga para pedagang yang berurusan dengan mereka. Sekali lagi kita lupa bahawa jika para birokrat ini tidak terus memegang jawatan, para pembayar cukai boleh menyimpan wang yang digunakan untuk membayar gaji mereka itu. Sekali lagi kita lupa bahawa pendapatan dan kuasa membeli para pembayar cukai akan meningkat selari dengan berkurangnya pendapatan dan kuasa membeli para pegawai kerajaan terbabit. Jika keuntungan taukeh sesebuah kedai yang dulu banyak berurusan dengan para pegawai kerajaan berkenaan merosot, taukeh kedai di tempat lain pula keuntungannya meningkat. Kemakmuran Washington [misalnya] akan berkurangan dan barangkali jumlah kedai di dalamnya berkurangan; tetapi bandar-bandar lain mungkin menjadi lebih makmur.

Bagaimanapun, soal ini tidak berakhir di sini. Sesebuah negara akan menjadi lebih baik jika ia tidak menggaji terlalu banyak pegawai kerajaan. Para pegawai yang diberhentikan sudah tentu perlu mencari kerja dalam sektor swasta atau memulakan perniagaan sendiri. Seperti juga dalam kes anggota tentera yang disebutkan di atas, peningkatan kuasa membeli para pembayar cukai akan membuka peluang untuk bekas pegawai-pegawai kerajaan terbabit. Mereka boleh menawarkan perkhidmatan mereka kepada para pelanggan. Jadi, mereka tidak lagi perlu menjadi parasit, sebaliknya menjadi insan yang produktif.

Saya perlu ulangi bahawa yang perlu diberhentikan perkhidmatan mereka bukanlah pegawai yang khidmat mereka benar-benar diperlukan. Anggota polis, anggota bomba, tukang sapu sampah di jalanan, pegawai kesihatan, hakim, ahli dewan perundangan dan dewan eksekutif, semua mereka memberikan perkhidmatan yang penting, sama pentingnya dengan perkhidmatan yang diberikan oleh para pekerja dalam industri swasta. Merekalah yang membolehkan industri swasta berfungsi dalam suasana yang berperaturan, tertib, bebas dan aman. Keberadaan mereka dihalalkan justeru perkhidmatan yang mereka berikan adalah berguna, bukan kerana "kuasa membeli" yang mereka miliki berikutan gaji yang dibayar dengan wang rakyat.

Hujah "kuasa membeli" ini jika difikir-fikirkan secara serius adalah menakjubkan. Ia boleh diterapkan juga terhadap seorang pencatut atau penyamun yang menyamun kita. Selepas penyamun ini menyamun kita, dia mempunyai kuasa membeli yang lebih besar. Dengan wang hasil samun dia menyokong ekonomi bar-bar, restoran-restoran, kelab-kelab malam, tukang jahit dan barangkali juga pekerja kilang kereta. Tetapi bagi setiap bidang pekerjaan yang mendapat manfaat daripada wang yang dibelanjakannya, kita sendiri hilang peluang untuk berbelanja dan menyumbang kerana wang kita telah disamun oleh si penyamun. Begitu juga apabila pegawai kerajaan berbelanja, para pembayar cukai hilang peluang untuk menyumbang kepada pembentukan peluang kerja. Apabila wang kita diambil oleh pencuri, kita tidak mendapat sebarang imbalan. Apabila wang kita diambil menerusi cukai untuk menampung birokrat yang tidak diperlukan, keadaan yang sama berlaku. Kita bernasib baik kalau birokrat berkenaan jenis kaki lepak. Tetapi yang lebih banyak sekarang ialah birokrat jenis rajin yang sibuk menghadang dan mengganggu proses pengeluaran.

Apabila kita tidak lagi dapat mencari hujah yang baik untuk mengekalkan mana-mana kelompok pegawai kerajaan dan setakat mampu membela mereka dengan alasan hendak mengekalkan kuasa membeli, bererti telah tiba masa untuk mengenepikan mereka.

Bab Sepuluh

Kegilaan terhadap "pengangguran sifar"

Seperti juga matlamat ekonomi individu, matlamat ekonomi bagi mana-mana negara ialah untuk meraih natijah terbaik dengan usaha paling sedikit. Sepanjang sejarahnya manusia berusaha untuk meningkatkan pengeluaran dengan tanpa terlalu memerah keringat. Atas sebab inilah manusia memuatkan bebanan ke atas keldai dan bukannya ke pundak mereka sendiri. Atas sebab ini juga mereka merekacipta roda dan gerbong, landasan keretapi dan gerabak bermotor. Atas sebab ini jugalah manusia menggunakan akal mereka untuk mencipta ratusan ribu alat penjimat tenaga buruh yang lain.

Semua ini perkara asas yang kita merasa segan-silu untuk menyebutnya jika tidak kerana ia selalu dilupakan oleh kalangan yang gemar mencipta dan menyebarkan slogan-slogan baru. Jika disabitkan dengan negara, prinsip terpenting ini membawa maksud matlamat sebenar kita ialah untuk memaksimakan pengeluaran. Untuk mencapai matlamat ini, pengangguran sifar (dalam maksud tiada orang yang goyang kaki kerana terpaksa) tidak dapat tidak pasti akan tercapai sebagai kesan sampingan. Tetapi pengeluaran adalah matlamat, manakala pekerjaan adalah wahana. Tidak mungkin kita dapat mengekalkan pengeluaran pada tahap maksima jika peluang kerja tidak diisi. Sebaliknya, kita boleh mencapai pengangguran sifar tanpa perlu mencapai tahap pengeluaran maksima.

Puak-puak zaman purba telanjang, makan dan tempat tinggal mereka tidak menentu, tetapi mereka tidak menghadapi masalah pengangguran. China dan India jauh lebih miskin daripada kita,1 tetapi punca utama kemelaratan mereka ialah penggunaan kaedah pengeluaran lapuk (yang merupakan sebab dan sekaligus akibat bagi kekurangan modal) dan bukannya pengangguran. Sifar pengangguran tidak menjadikan keadaan serba mudah jika ia dipisahkan daripada matlamat untuk mencapai tahap pengeluaran penuh. Hitler menyediakan pekerjaan untuk semua rakyatnya dengan membentuk program persenjataan besar-besaran. Perang membuka peluang pekerjaan untuk rakyat semua negara yang terlibat. Pengangguran sifar di Jerman tercapai dengan program buruh paksa. Semua penghuni penjara juga mendapat peluang kerja. Pemaksaan sentiasa mampu menghasilkan pengangguran sifar.

Meskipun begitu, para ahli dewan perundangan kita tidak mengemukakan rang undang-undang Pengeluaran Penuh, sebaliknya mereka mengemukakan rang Pengangguran Sifar. Hatta jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai oleh ahli-ahli perniagaan mencadangkan penubuhan "sebuah Suruhanjaya Presiden untuk Pengangguran Sifar" dan bukannya untuk Pengeluaran Penuh atau setidak-tidaknya Pengangguran Sifar *dan* Pengeluaran Penuh. Di mana-mana orang menjunjung jalan sebagai sebuah matlamat sambil melupakan sama sekali matlamat sebenar.

Upah dan peluang pekerjaan dibincangkan seolah-olah kedua-duanya tiada kaitan dengan daya pengeluaran dan penghasilan. Orang membayangkan bahawa jumlah kerja yang perlu dibuat adalah terhad, lalu mereka merumuskan bahawa jam kerja tiga puluh jam seminggu akan membuka lebih banyak peluang kerja dan justeru itu lebih baik daripada empat puluh jam seminggu. Orang menerima begitu saja ratusan kerja yang sengaja diada-adakan oleh kesatuan-kesatuan buruh. Ketika Petrillo2 mengancam untuk melaksanakan langkah yang boleh menyebabkan sebuah stesen radio gulung tikar jika stesen berkenaan enggan menggunakan

1 [Perlu diingat, buku ini ditulis di tahun 1940an ketika China masih jauh daripada menjadi sebuah kuasa ekonomi seperti sekarang.]

2 [James Caesar Petrillo (1892–1984), pemimpin American Federation of Musicians, sebuah kesatuan sekerja ahli-ahli muzik profesional di Amerika Syarikat dan Kanada.]

khidmat lebih banyak pemuzik daripada yang sebenarnya diperlukan, dia disokong oleh sebahagian orang awam kerana dia kononnya sekadar mahu mencipta lebih banyak peluang kerja. Apabila WPA [Work Projects Administration] diwujudkan, ia kita anggap sebagai tanda kepintaran para pentadbir dalam mencipta projek-projek yang menggunakan sebanyak mungkin orang berbanding nilai kerja yang dijalankan – dalam ungkapan lain, menggunakan tenaga kerja secara tidak cekap.

Padahal lebih baik jika wang diberikan begitu saja kepada orang dalam bentuk bantuan secara terang-terangan daripada menggunakan alasan "pengangguran sifar" dalam pelbagai bentuk kerja yang diada-adakan sehingga mengacau-bilaukan proses pengeluaran. Kemajuan tamadun seharusnya membawa kepada pengurangan kerja, bukan peningkatan. Kerana negara kita semakin kaya maka kita berjaya menghapuskan penggunaan kanak-kanak sebagai buruh, menghapuskan keperluan bekerja untuk banyak warga emas dan menjadikan jutaan wanita tidak lagi merasa terpaksa untuk bekerja. Jumlah rakyat Amerika yang perlu bekerja jauh lebih kecil daripada, misalnya, jumlah rakyat China atau Russia. Pertanyaan yang sepatutnya dikemukakan bukan sama ada kita mampu menyediakan 50 atau 60 juta peluang kerja di Amerika pada tahun 1950, sebaliknya seberapa tinggi pengeluaran kita dan apa kesannya terhadap tahap kehidupan kita. Masalah pengagihan kerja yang selalu orang tekankan di hari ini akan lebih mudah diselesaikan jika ada banyak kerja yang boleh diagihkan.

Kita boleh menjernihkan pemikiran jika kita memberi penekanan utama terhadap perkara yang sepatutnya – iaitu terhadap dasar-dasar yang akan memaksimakan pengeluaran.

Bab Sebelas

Siapa yang mendapat "perlindungan" menerusi tarif?

I

Cukup kalau kita bacakan saja dasar-dasar ekonomi kerajaan-kerajaan seluruh dunia untuk membuatkan mana-mana peneliti bidang ekonomi yang serius merasa putus asa. Dia mungkin akan merasa tidak ada gunanya membincangkan perhalusan dan kemajuan teori ekonomi dalam keadaan pandangan popular dan dasar-dasar yang sedang dipakai kerajaan, terutama dalam soal hubungan antarabangsa, belum pun mencecah kemajuan yang telah dicapai oleh Adam Smith.1 Ini kerana tarif dan dasar-dasar perdagangan hari ini bukan saja seburuk yang diamalkan di kurun ketujuh belas dan kelapan belas dulu, malah jauh lebih buruk. Sebab-sebab yang sama masih dipakai untuk mengenakan tarif dan kekangan-kekangan perdagangan yang lain, dan sebab-sebab rekaannya juga masih sama. Sepanjang hampir dua kurun sejak *The Wealth of Nations*2 muncul, berbagai karya diterbitkan untuk mempertahankan perdagangan bebas, namun tiada yang lebih ringkas dan padu daripada buku ini. Umumnya Adam Smith

1 [Filasuf moral, ahli ekonomi agung dan salah seorang tokoh Abad Pencerahan dari Scotland yang hidup di kurun ke 18.]

2 [Salah satu karya terpenting Adam Smith yang berpengaruh sehingga ke hari ini. Judul penuhnya *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations (1776).]*

mendasarkan penghujahannya di atas satu rumusan yang asasi: "Di setiap negara sebahagian besar orang pasti sentiasa mahu membeli barangan yang mereka kehendaki daripada penjual yang menjualnya pada harga paling murah." Sambung Smith, "Rumusan ini begitu jelas sehinggakan tiada keperluan untuk sesiapa cuba menjelaskannya; dan tidak pula perlu ia dipersoalkan jika tidak kerana para pedagang dan para pengeluar yang telah memesongkan akal-budi manusia menerusi cara berfikir mereka keliru dan mementingkan diri."

Dari sudut pandang yang lain, perdagangan bebas dianggap sebagai salah satu aspek pengkhususan bidang kerja, [ujar Adam Smith]:

> Setiap ketua keluarga yang cermat berpegang dengan prinsip asas untuk tidak cuba membuat sendiri di rumah sesuatu yang akan menelan lebih banyak biaya berbanding jika dibeli [dari pembuat lain]. Tukang jahit baju takkan cuba membuat kasutnya sendiri, sebaliknya dia membeli kasut dari pembuat kasut. Pembuat kasut pula tidak cuba tidak cuba membuat sendiri bajunya, sebaliknya menggunakan khidmat tukang jahit. Peladang pula tidak cuba membuat kasut mahu pun baju, sebaliknya membelinya daripada kedua-dua pembuat barangan berkenaan. Semua mereka sedar kebajikan mereka lebih terjaga jika mereka melibatkan diri dalam kerja yang lebih cekap mereka lakukan daripada jiran mereka dan seterusnya menggunakan sebahagian hasil kerja mereka untuk membeli barangan yang mereka perlukan. Sesuatu yang cermat bagi sebuah keluarga kecil jarang boleh dianggap sebagai sesuatu yang sia-sia untuk sebuah negara.

Jadi mengapa banyak orang menganggap sesuatu langkah yang cermat bagi sebuah keluarga kecil adalah sia-sia bagi sebuah negara? Terdapat cukup banyak cara berfikir yang salah yang masih menjerat bangsa manusia. Dalam buku ini kita membincangkan kesilapan yang utama, iaitu kesilapan yang kita lakukan dengan mempertimbangkan kesan segera daripada pengenaan tarif ke atas sesuatu kelompok dan mengabaikan kesannya dalam jangka panjang terhadap seluruh masyarakat.

2

Seorang pengeluar baju sejuk jenis bulu dari Amerika menghadap Kongres atau Jabatan Negara untuk memberitahu jawatankuasa khas atau pegawai yang berkaitan bahawa negara akan ditimpa bencana jika tarif yang dikenakan ke atas baju sejuk keluaran British dihapuskan atau dikurangkan. Dia sekarang menjual baju sejuk pada harga $15 sehelai, sedangkan pengeluar dari Tanah Inggeris mampu menjual baju sejuk mereka, yang sama mutu buatannya, di Amerika pada harga $10. Dengan itu duti sebanyak $5 seharusnya dikenakan ke atas baju sejuk dari Britain bagi membolehkan pengeluar Amerika terus berniaga. Katanya, dia bukan mementingkan diri, sebaliknya bimbang tentang nasib ribuan pekerjanya dan nasib orang-orang lain yang mencari makan dari wang gaji yang dibelanjakan oleh para pekerjanya. Jika mereka hilang kerja, pengangguran akan berlaku, kuasa membeli akan berkurangan, dan semua ini akan merebak lebih parah. Jika si pengeluar ini mampu membuktikan yang dia akan gulung tikar jika tarif dihapuskan atau dikurangkan, hujahnya akan diterima oleh Kongres sebagai sesuatu yang mutlak.

Di sinilah berlaku kesilapan berfikir, iaitu apabila yang dilihat hanyalah di pengeluar dan para pekerjanya, atau yang dilihat hanyalah industri pembuat baju sejuk. Kesilapan terjadi apabila yang terlihat hanyalah kesan segera, sedangkan kesan yang belum dapat dilihat dan benda-benda yang terhalang daripada wujud diabaikan.

Kalangan yang melobi agar tarif perlindungan dikekalkan terus-terusan mengemukakan hujah-hujah yang tidak tepat faktanya. Tetapi di sini kita andaikan saja yang fakta-fakta yang dikemukakan oleh pengeluar baju sejuk Amerika tadi adalah tepat. Kita andaikan saja yang tarif $5 ke atas baju sejuk British itu betul-betul diperlukan untuk membolehkannya kekal berniaga dan menyediakan pekerjaan membuat baju sejuk bagi para pekerjanya.

Sengaja saya pilih penghapusan tarif sebagai contoh dan bukannya pengenalan tarif baru yang dimaksudkan untuk mewujudkan suatu industri baru. Kita akan membincangkan hanya hujah-hujah yang ingin

mempertahankan tarif yang sedia ada *yang telah mewujudkan sesebuah industri* dan tidak dapat dihapuskan tanpa menjejaskan seseorang.

Jika tarif dihapuskan, pengeluar terbabit akan gulung tikar, ribuan pekerja terpaksa diberhentikan, para pedagang yang dilanggan mereka terjejas. Ini kesan segera yang terlihat. Padahal ada kesan-kesan lain yang tidakkurang segera dan tidak kurang hakiki, walaupun ia lebih sukar untuk dilihat. Salah satu kesan segeranya, baju sejuk yang dulunya berharga $15 kini boleh dibeli dengan harga $10. Para pengguna boleh membeli baju sejuk yang sama mutunya dengan jumlah wang yang lebih rendah [$10], atau baju sejuk yang lebih baik mutunya pada dengan jumlah wang yang sama [iaitu $15]. Baki $5 yang mereka simpan boleh mereka gunakan untuk membeli barang yang lain. $10 yang mereka bayar untuk membeli baju sejuk import itu akan membantu pekerja dalam industri pembuatan baju sejuk di England. $5 yang tersisa boleh mereka gunakan untuk membantu pekerja industri-industri lain di Amerika Syarikat.

Tetapi kesannya tidak terhenti di situ. Dengan membeli baju sejuk Inggeris mereka membekalkan wang untuk orang Inggeris membeli barangan Amerika. Keadaan ini pada hakikatnya (di sini saya abaikan dulu perkara-perkara rumit berkenaan pertukaran matawang, pinjaman, kredit, pergerakan nilai emas, dll. yang tidak mengubah natijah akhir) adalah satu-satunya cara di mana orang British akhirnya boleh menggunakan dolar berkenaan. Memandangkan kita telah membenarkan British untuk menjual lebih banyak barangan kepada kita, mereka kini mampu pula untuk membeli lebih banyak barangan daripada kita. Malah, mereka akhirnya akan *terpaksa* membeli lebih banyak barangan daripada kita agar lebihan dolar tidak selamanya terbiar tidak digunakan. Jadi, sebagai natijah daripada langkah membenarkan kemasukan lebih banyak barang British, kita perlu mengeksport lebih banyak barang Amerika. Maka, walaupun lebih sedikit orang yang diambil bekerja dalam industri pembuatan baju sejuk Amerika, lebih banyak pula orang yang diambil bekerja – dan diambil bekerja secara lebih cekap – dalam, misalnya, perniagaan kereta atau mesin basuh buatan Amerika. Umumnya peluang kerja di Amerika tidak berkurangan, manakala tahap pengeluaran orang Amerika dan British

pula meningkat. Tenaga kerja di kedua-dua negara dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk melakukan kerja-kerja yang mereka mahir lakukan dan bukannya kerja-kerja yang tidak dapat mereka lakukan dengan cekap. Para pengguna di kedua-dua negara pula mendapat lebih banyak manfaat. Mereka mampu membeli barangan yang mereka mahukan pada harga paling murah. Para pengguna di Amerika mendapat bekalan baju sejuk yang lebih baik, manakala para pengguna di Britain pula mendapat kereta dan mesin basuh yang juga lebih baik.

3

Sekarang mari kita lihat persoalan ini dari sudut yang berlainan dan melihat kesan daripada penetapan tarif. Bayangkan keadaan sebelum tarif ditetapkan, ketika baju sejuk dari luar boleh dibawa masuk ke dalam negara dan dibeli oleh orang Amerika tanpa perlu membayar sebarang cukai, tetapi tiba-tiba ada orang mengemukakan hujah bahawa *industri pembuatan baju sejuk* boleh diwujudkan dengan cara mengenakan cukai import sebanyak $5 ke atas baju sejuk.

Setakat ini belum nampak ada silap pada hujah tersebut. Harga baju sejuk British di Amerika akan meningkat, lalu para pengeluar Amerika mungkin melihat ini sebagai peluang untuk membuat keuntungan dalam perniagaan baju sejuk. Tetapi para pengguna Amerika terpaksa mensubsidi industri ini dengan membayar $5 lebih daripada yang sepatutnya bagi setiap baju sejuk.

Rakyat Amerika mungkin berpeluang untuk kerja dalam industri pembuatan baju sejuk. Ini benar, tetapi kadar bersih pengeluaran dan peluang kerja di negara ini tidak meningkat, kerana para pengguna Amerika terpaksa membayar $5 lebih tinggi untuk baju sejuk yang sama mutunya dan wang itu tidak dapat dibelanjakannya untuk perkara-perkara lain. Dia terpaksa mengurangkan belanja untuk keperluan lain sebanyak $5. Ertinya, kerana hendak mewujudkan atau mengembangkan hanya satu industri [dalam kes ini, industri baju sejuk], ratusan industri lain menguncup; untuk membolehkan 20,000 orang bekerja dalam industri baju sejuk, peluang

untuk orang lain menyertai industri-industri lain kurang sebanyak 20,000.

Memang, industri baru terbabit akan *dapat dilihat dengan jelas*. Jumlah pekerja, modal yang dilaburkan untuknya, nilai dolar produk-produknya dalam pasaran, semuanya boleh dihitung dengan mudah. Orang-orang yang tinggal berdekatan dengan kilang baju sejuk boleh melihat para pekerja kilang berulang-alik ke tempat kerja setiap hari. Natijahnya memang jelas dan segera. Sedangkan pengecutan yang berlaku dalam industri lain tidak begitu kelihatan pada mata kasar. Ahli perangkaan paling bijak sekalipun takkan mampu untuk menghitung secara pasti jumlah kehilangan peluang pekerjaan dalam industri-industri lain – berapa banyak lelaki atau wanita yang diberhentikan dari setiap satu industri lain dan setepatnya berapa kerugian yang ditanggung oleh setiap satu mereka. Ini kerana kerugian yang terhasil tidak bertumpu pada hanya satu bidang, sebaliknya tersebar di antara banyak bidang dan kegiatan. Mustahil untuk sesiapa pun mencatat secara tepat bagaimana setiap seorang pengguna akan membelanjakan $5 yang dapat dijimatkannya jika tidak kerana cukai. Dengan itu, sebahagian besar orang akan menganggap bahawa penetapan cukai import dan pembentukan industri baju sejuk tidak menelan sebarang kos.

4

Perlu diingat bahawa tarif yang baru diperkenalkan ke atas baju sejuk itu tidak akan meningkatkan upah untuk rakyat Amerika. Memang, beberapa orang daripada mereka akan mendapat kerja *dalam industri baju sejuk* dan dibayar dengan kadar upah yang hampir sama dengan pekerja-pekerja dalam industri lain (yang hampir sama tahap kemahiran dengan mereka) dan bukannya pada kadar upah yang diperolehi oleh para pekerja industri baju sejuk di Britain. Umumnya takkan terhasil peningkatan upah di Amerika berikutan penetapan cukai tersebut, kerana tiada peningkatan dari segi kadar bersih jumlah peluang kerja dan daya pengeluaran buruh. Malah, daya pengeluaran buruh akan merosot berikutan penetapan tarif berkenaan.

Di sini kita boleh melihat kesan sebenar daripada penetapan tarif [yang dimaksudkan sebagai langkah perlindungan ekonomi untuk industri dan barangan tempatan]. Bukan saja semua faedah yang tampak daripadanya menjadi lebur akibat kerugian yang hakiki tetapi kurang tampak. Malah, negara umumnya rugi. Berlawanan dengan propaganda-propaganda pihak berkepentingan, pengenalan tarif telah *menurunkan* kadar upah di Amerika.

Mari kita lihat secara lebih dekat bagaimana kadar upah boleh turun berikutan pengenalan tarif. Kita telah lihat bagaimana jumlah tambahan yang perlu dibayar oleh para pengguna untuk membeli barangan yang dilindungi oleh tarif telah mengurangkan jumlah wang yang mereka miliki untuk membeli barangan lain. Secara purata, tiada keuntungan untuk industri. Sebaliknya, akibat daripada penerapan langkah untuk melindungi industri Amerika daripada barangan luar, buruh, atau modal dan hartanah di Amerika tidak dapat dimanfaatkan untuk menghasilkan perkara-perkara yang dapat dihasilkan oleh Amerika secara cekap dan teralih untuk melakukan perkara-perkara yang kurang mahir dilakukannya. Justeru itu, tarif menyebabkan purata daya pengeluaran buruh dan modal Amerika merosot.

Jika persoalan ini dilihat dari sudut pandang pengguna, kita akan dapati bahawa jumlah atau nilai barangan yang boleh dibelinya berkurangan. Tidak banyak lagi yang boleh dibelinya kerana dia telah membayar harga yang lebih untuk baju sejuk dan barangan lain yang turut mendapat perlindungan tarif. Bererti, kuasa beli gajinya telah berkurangan. Kesan menyeluruh daripada pengenalan tarif, sama ada mengurangkan atau meningkatkan nilai wang upah, akan bergantung pada dasar kewangan yang dipakai. Jelasnya, tarif secara umum (iaitu dengan mengambil kira semua jenis pekerjaan) akan mengurangkan nilai upah hakiki walaupun ia dapat meningkatkan kadar upah dalam *industri-industri yang mendapat perlindungan*.

Ini bukan satu kesimpulan yang saling bertentangan, kecuali jika yang melihatnya adalah minda-minda yang telah tercemar oleh propaganda yang telah ditabur sekian lama. Apa natijah lain yang boleh kita harapkan

daripada suatu dasar yang sengaja meleburkan modal kewangan dan manusia kita dalam kegiatan yang kurang mahir untuk kita jalankan? Apa natijah lain yang boleh kita harapkan jika kekangan-kekangan sengaja diwujudkan ke atas perdagangan dan pengaliran masuk barangan [ke dalam negara]?

Tembok tarif mempunyai kesan yang sama dengan tembok batu. Para pendukung faham perlindungan [*protectionism*] telah terbiasa menggunakan bahasa-bahasa peperangan. Mereka bercakap tentang "menentang pencerobohan" barangan asing. Cara-cara yang mereka kemukakan dalam bidang pengurusan fiskal sama dengan cara-cara yang dipakai di medan pertempuran. Kekangan-kekangan tarif yang mereka cipta untuk menentang 'pencerobohan' barangan asing sama seperti jerangkap samar, kubu-kubu parit, dan gegelung dawai berduri yang digunakan untuk mematahkan atau memperlahankan percubaan menceroboh oleh tentera asing.

Tentera asing mahu mengatasi halangan-halangan yang dibina itu, lalu mereka mengeluarkan wang yang banyak untuk mencipta kereta kebal lebih besar, alat pengesan jerangkap samar, dan membentuk kor jurutera untuk memotong kawad-kawad duri serta membina jejambat untuk menyeberangi parit. Begitu juga ketika mahu terus membawa masuk barangan ke negara lain, mereka mencipta sistem pengangkutan lebih mahal dan cekap untuk mengatasi kekangan-kekangan tarif. Di satu sisi, kita cuba mengurangkan kos pengangkutan di antara England dan Amerika atau Kanada dan Amerika dengan mencipta kapal-kapal yang lebih laju dan cekap, jalan dan jambatan yang lebih baik, serta keretapi dan lori yang lebih baik. Di sisi lain, kita menjejaskan pelaburan dalam sistem pengangkutan ini dengan mengenakan tarif yang menyukarkan kemasukan barangan. Kita mengurangkan kos pengangkutan masuk baju sejuk sebanyak satu dolar, tetapi kemudian meningkatkan tarif kepada dua dolar untuk mencegah baju-baju sejuk itu daripada diangkut masuk. Dengan mengurangkan jumlah barangan yang boleh dibawa masuk, kita mengurangkan nilai pelaburan dalam sistem pengangkutan.

5

Tarif disebut sebagai satu cara untuk memberi manfaat kepada pengeluar dengan cara mengorbankan pengguna. Dari satu segi, kenyataan ini benar. Kalangan yang mendukung tarif hanya memikirkan kepentingan para pengeluar yang mendapat faedah daripada cukai yang dikenakan. Mereka mengabaikan kepentingan para pengguna yang terjejas kerana terpaksa membayar cukai tersebut. Namun, tarif tidak sepatutnya dilihat sebagai isu pertembungan antara kepentingan pengeluar dan pengguna dalam dua unit yang terpisah. Benar, tarif menjejaskan semua pengguna, tetapi ia tidak menguntungkan semua pengeluar. Sebaliknya, ia menguntungkan pengeluar-pengeluar yang mendapat perlindungan dan mengorbankan pengeluar-pengeluar yang lain, *terutamanya para pengeluar yang mempunyai potensi eksport yang besar.*

Barangkali poin terakhir di atas boleh kita perjelaskan lagi menerusi satu contoh yang agak berlebihan. Andaikan yang kita membina tembok tarif yang cukup tinggi sehinggakan tiada sama sekali barangan dari luar yang dapat masuk. Katakanlah langkah ini menyebabkan baju sejuk di Amerika meningkat harganya sebanyak $5. Para pengguna di Amerika puratanya kekurangan lima sen untuk membeli seratus lagi barangan lain yang dihasilkan oleh industri-industri negara ini kerana mereka terpaksa membayar tambahan sebanyak $5 untuk sehelai baju sejuk. (Angka-angka ini dipilih sekadar untuk penjelasan: sudah tentu pembahagian kerugian tidak sama untuk setiap satu industri; selain itu, industri baju sejuk sendiri akan terjejas kerana perlindungan turut diberikan kepada industri-industri lain. Tetapi buat masa ini kita ketepikan hal-hal terperinci ini.)

Memandangkan kini industri-industri di luar Amerika *sama sekali* tidak dapat masuk ke negara ini, mereka tidak memperolehi matawang dolar Amerika dan dengan itu *tidak dapat membeli apa juga barang keluaran Amerika*. Natijahnya, industri-industri Amerika menanggung kerugian selari dengan kemerosotan peratusan penjualan barangan mereka di luar negeri. Antara yang paling awal mendapat bahana ialah para pengeluar

kapas mentah, tembaga, pembuat mesin jahit, pengeluar jentera pertanian, pengeluar mesin taip dan seterusnya.

Bagaimanapun, tembok tarif yang tinggi tetapi tidak sampai mencegah kemasukan barangan dari luar akan menghasilkan natijah yang sama, cuma kurang parah.

Justeru itu, tarif memberi kesan dengan mengubah *struktur* pengeluaran Amerika. Ia mengubah jumlah dan jenis pekerjaan serta ukuran suatu industri dalam perbandingannya dengan industri yang lain. Ia menjadikan industri yang kurang cekap lebih besar dan mengecilkan industri yang lebih cekap. Umumnya, ia mengurangkan kecekapan industri Amerika dan mengurangkan tahap kecekapan di negara-negara yang sepatutnya menjadi rakan dagang kita yang besar.

Dalam jangka panjang, tarif tidak mempengaruhi peningkatan atau penurunan peratusan pengangguran. (Benar, perubahan tarif secara mendadak, sama ada kenaikan atau pengurangan, akan menghasilkan pengangguran buat sementara waktu kerana ia turut menghasilkan perubahan pada struktur pengeluaran. Perubahan mendadak sedemikian malah boleh menimbulkan kegawatan.) Tetapi tarif ada kena-mengena dengan persoalan upah. Dalam jangka panjang ia pasti mengurangkan nilai upah hakiki kerana ia mengurangkan kecekapan, pengeluaran dan kemakmuran.

Ternyata semua kesilapan berfikir yang membawa kepada tarif berpunca daripada kesilapan berfikir utama yang menjadi pokok perbincangan buku ini, iaitu apabila orang melihat hanya kesan segera daripada pengenalan tarif untuk kepentingan sekelompok pengeluar dan melupakan para pengguna umumnya serta para pengeluar lain.

(Sebahagian pembaca mungkin bertanya: "Mengapa tidak menyelesaikan masalah ini dengan cara memberi perlindungan tarif kepada *semua* pengeluar?" Cara ini juga silap kerana ia tidak akan membantu semua peneluar secara seragam dan ia tidak dapat membantu para pengeluar yang barangan mereka sememangnya lebih laris daripada barangan import: para pengeluar ini pasti akan rugi apabila kuasa membeli dilencongkan oleh tarif.)

6

Perkara terakhir yang perlu kita ingat tentang tarif: Tidak dapat dinafikan bahawa tarif sememangnya – atau *sekurang-kurangnya* boleh – membawa manfaat kepada kelompok tertentu. Ia boleh membawa manfaat kepada mereka *dengan cara mengorbankan semua orang lain*. Jika hanya satu industri yang mendapat perlindungan dan pada masa yang sama para pemilik dan pekerjanya menikmati faedah daripada perdagangan bebas ketika mereka membeli barangan lain, maka industri mereka secara umumnya boleh mendapat manfaat. Bagaimanapun, apabila percubaan dibuat untuk mengembangkan tarif kepada industri-industri lain, para pengeluar dan pengguna dalam industri yang mendapat perlindungan terbabit akan mula terjejas oleh perlindungan yang diberikan kepada pihak lain. Akhirnya nasib mereka akan menjadi lebih buruk berbanding ketika mereka tidak mendapat perlindungan.

Tetapi kita tidak perlu berbuat seperti para penyokong perdagangan bebas yang sering menafikan kemungkinan bahawa tarif boleh memberi faedah kepada kelompok-kelompok tertentu. Kita misalnya tidak harus berpura-pura menganggap bahawa penurunan tarif akan membantu semua orang dan takkan menjejaskan sesiapa. Benar, pengurangan tarif akan membantu negara secara purata. Tetapi pasti ada pihak yang terjejas. Kelompok-kelompok yang sebelum ini mendapat perlindungan akan terjejas. Kerana itulah sebaik-baiknya tarif jangan diperkenalkan sama sekali. Kita ingin berfikir secara jernih dan jelas, kerana itu kita mengaku bahawa ada benarnya dakwaan sebilangan industri yang menyebut bahawa penghapusan tarif akan menyebabkan mereka gulung tikar dan menjadikan para pekerja mereka penganggur (sekurang-kurangnya untuk sementara waktu). Lebih parah lagi kalau para pekerja mereka telah berjaya mengasah kemahiran dalam bidang mereka. Justeru itu, dalam mempertimbangkan kesan tarif, kita harus melihat *semua* kesan utama dalam jangka pendek dan panjang terhadap *semua* kelompok.

Sebagai penutup bab ini saya perlu sebutkan bahawa bantahan-bantahan dalam bab ini tidak dihalakan kepada semua jenis tarif, termasuk cukai yang dikutip sebagai pendapatan negara, atau untuk memelihara industri yang diperlukan ketika perang; dan ia juga tidak bermaksud untuk mematahkan *semua* hujah yang menyokong tarif. Bantahan-bantahan dalam bab ini hanya disasarkan terhadap kesilapan berfikir yang menganggap tarif akhirnya akan "membentuk peluang kerja," "meningkatkan upah," atau "memelihara tahap kehidupan rakyat Amerika." Tarif tidak menghasilkan semua itu, malah dalam soal upah dan tahap kehidupan ia menghasilkan natijah yang buruk. Bagaimanapun tidak perlulah diperkatakan tentang cukai-cukai yang dikenakan untuk tujuan-tujuan lain di sini kerana ia di luar topik perbincangan kita.

Selain itu, tidak perlu juga kita teliti di sini kesan kuota import, kawalan pertukaran matawang, perjanjian dua hala antara dua negara dan lain-lain kaedah yang digunakan untuk mengurangkan, melencongkan atau menghalang perdagangan antarabangsa. Kaedah-kaedah tersebut umumnya memberi kesan yang sama seperti penetapan tarif yang terlalu tinggi dan malah selalunya memberi kesan lebih buruk. Semua isu ini lebih rumit dan kesan umumnya boleh kita ketahui dengan menggunakan cara berfikir yang kita telah terapkan dalam perbincangan tentang kekangan tarif.

Bab Dua Belas

Memacu eksport

Kegilaan terhadap usaha menghasilkan barangan eksport yang dihidapi oleh semua negara dunia hanya sedikit kurang parah daripada ketakutan terhadap barangan import. Dalam jangkamasa panjang, barangan yang diimport dan dieksport (kedua-duanya dalam pengertian yang umum, termasuk perkara-perkara yang 'ghaib' seperti pendapatan daripada perbelanjaan pelancong dan caj-caj pengangkutan laut) harus seimbang. Import dibayar menerusi eksport dan begitu juga sebaliknya. Semakin banyak barang dieksport, semakin banyak pula perlu diimport. Semakin sedikit barangan diimport, semakin sedikit pula yang dapat dieksport. Tanpa barangan import, kita tidak dapat mengeksport, kerana orang luar tidak akan mempunyai wang untuk membeli barangan kita. Apabila kita mengurangkan pembelian barangan dari luar, ertinya kita mengurangkan juga penjualan barangan kita ke luar. Apabila kita memutuskan untuk meningkatkan eksport, maka ertinya pada masa yang sama kita memutuskan untuk meningkatkan import.

Sebab bagi keadaan ini adalah asasi. Seorang pengeksport dari Amerika menjual barangannya kepada pengimport dari Britain dan dia dibayar dengan matawang pound sterling. Dia tidak boleh menggunakan matawang itu untuk membayar upah para pekerjanya, atau untuk membeli pakaian isterinya, atau untuk membeli tiket pementasan. Untuk tujuan-tujuan ini dia memerlukan dolar Amerika. Bererti, pound British itu tiada gunanya bagi dia melainkan jika dia menggunakannya untuk membeli barangan British, atau jika dia menjual matawang itu kepada seorang pengimport warga Amerika yang ingin menggunakan matawang itu untuk membeli barangan British. Apa juga yang dilakukannya, transaksi itu tidak akan lengkap sehinggalah barangan eksport Amerika dibayar dengan nilai import yang setara.

Situasi yang sama akan berlaku jika transaksi dilakukan dalam dolar Amerika dan bukan pound British. Pengimport British tidak dapat membayar pengeksport Amerika dalam dolar kecuali jika ada sebelum ini pengeksport British yang mempunyai kredit dalam dolar hasil daripada penjualan barangan kepada kita. Ringkasnya, tukaran wang asing adalah transaksi penyelesaian di mana di Amerika hutang dolar warga asing diselesaikan dengan hutang dolar. Di England, hutang pound sterling warga asing diselesaikan dengan hutang sterling.

Tidak perlulah kita membuat perincian teknikal tentang semua ini kerana ia boleh ditemui dalam mana-mana buku berkenaan pertukaran wang asing. Namun, perlu dinyatakan bahawa tidak ada yang misteri tentangnya (meskipun ia sering diselubungi misteri), dan pada dasarnya ia tidak begitu berbeza daripada apa yang berlaku dalam perdagangan domestik. Setiap daripada kita pasti menjual sesuatu, meskipun kebanyakan daripada kita menawarkan perkhidmatan dan bukannya barangan, bagi mendapatkan kuasa beli bagi membeli sesuatu. Perdagangan domestik terutamanya dijalankan menerusi pembayaran melalui cek dan cara-cara tuntutan lain menerusi institusi kewangan.

Sememangnya menurut piawaian emas antarabangsa semua percanggahan dalam imbangan import dan eksport kadangkala diselesaikan dengan cara penghantaran emas dengan kapal. Namun ia juga boleh diselesaikan dengan penghantaran kapas, besi, wiski, minyak wangi atau sebarang komoditi yang lain. Perbezaan utama di sini ialah permintaan terhadap emas boleh berkembang hampir tanpa had (antara sebabnya ialah kerana ia diterima sebagai sejenis lagi "wang" antarabangsa dan bukan sebagai komoditi), dan negara-negara dunia tidak menetapkan sebarang kekangan ke atas pengaliran masuk emas ke dalam negara, tidak seperti barangan lain yang sering dibataskan kemasukannya. (Bagaimanapun kebelakangan ini kekangan dikenakan ke atas pengaliran keluar emas. Tapi ini persoalan yang perlu dibincangkan dalam kesempatan lain.)

Kalangan yang mampu berfikir dengan jelas dan waras dalam soal perdagangan dalam negeri sebahagiannya menjadi amat emosional dan bingung dalam soal perdagangan asing. Prinsip-prinsip yang mereka

anggap tidak masuk akal untuk diterapkan ke atas perniagaan dalam negeri mereka perjuangkan untuk diterapkan ke atas perdagangan asing. Sebagai contoh, mereka percaya kerajaan harus memberikan pinjaman besar kepada negara-negara asing untuk meningkatkan eksport negara kita sendiri tanpa mengambil kira kemungkinan pinjaman itu dapat dibayar semula atau tidak.

Memang benar warga Amerika sepatutnya dibenarkan untuk meminjamkan wang mereka sendiri kepada pihak luar dan menanggung sendiri risikonya. Kerajaan tidak harus menghalang pihak swasta memberi pinjaman kepada negara-negara yang mempunyai hubungan yang aman dengan kita. Malah, atas sebab-sebab kemanusiaan, kita seharusnya menderma kepada bangsa-bangsa yang berada dalam kesusahan dan diancam kebuluran. Tetapi kita sepatutnya menyedari sepenuhnya perkara yang kita lakukan. Bukan satu langkah yang bijak untuk kita memberi bantuan kebajikan kepada orang luar menerusi jalan yang tampak seperti urusniaga biasa yang tidak lain untuk memenuhi kepentingan peribadi. Cara sebegini hanya akan membawa kepada salah faham dan hubungan yang buruk kemudiannya.

Biarpun begitu, di antara banyak hujah yang dikemukakan untuk mempertahankan tindakan memberi pinjaman kepada negara asing, pasti ada satu cara berfikir yang silap yang ditonjolkan. Bunyinya begini: Walaupun jika hanya separuh (atau semua) pinjaman yang kita berikan kepada negara asing tidak dibayar semula, negara kita masih mendapat faedah kerana eksport kita akan meningkat dengan banyak.

Sepatutnya kesilapan langkah ini dapat dilihat sejak awal lagi, iaitu jika pinjaman yang kita berikan kepada negara luar untuk membeli barangan kita itu tidak dibayar semula, ertinya kita memberikan barangan berkenaan secara percuma. Tidak ada negara yang boleh menjadi lebih kaya dengan cara memberikan barangan secara percuma. Ia hanya boleh membuatkan kita semakin miskin.

Padahal jika cara berfikir yang sama diterapkan dalam urusniaga persendirian, orang pasti dengan segera dapat melihat kesilapannya. Jika sebuah syarikat kereta meminjamkan wang sebanyak $1,000 kepada seorang pembeli untuk membolehkannya membeli kereta pada harga yang sama

tetapi kemudian pembeli berkenaan gagal membayar semula pinjaman, syarikat kereta tersebut tidak menjadi lebih kaya semata-mata kerana dia telah berjaya 'menjual' kereta tersebut. Sebaliknya kos untuk membuat kereta tersebut lesap. Jika pembuatan kereta tersebut menelan kos sebanyak $900 dan si pembeli hanya membayar semula separuh daripada pinjaman, ertinya penjual rugi $900 tolak $500, iaitu $400.

Mengapa keadaan yang sebegitu jelas dalam urusniaga yang melibatkan syarikat persendirian boleh membuatkan orang-orang yang pintar keliru ketika ia diterapkan dalam urusniaga antara negara? Untuk memahami perkara ini kita perlu membayangkan beberapa tahap dalam otak kita. Memang benar ada satu kelompok yang mendapat faedah, manakala semua kita yang lain menanggung kerugian.

Sememangnya kalangan yang kegiatan perniagaannya sepenuhnya, atau sebahagian besarnya, berada dalam bidang perdagangan eksport pada akhirnya akan mendapat untung walaupun negara luar tidak membayar semula pinjaman mereka. Kerugian negara dalam transaksi ini adalah jelas, walaupun cara pengagihan kerugian ini tidak begitu jelas pada mata kasar. Jika pinjaman kepada pihak luar itu diberikan oleh pemberi pinjaman swasta, kerugiannya pasti mudah untuk dilihat. Sedangkan kerugian daripada pemberian pinjaman oleh kerajaan tidak begitu kelihatan kerana ia akan dibahagi-bahagikan di kalangan rakyat yang terpaksa menanggung kenaikan cukai. Selain itu ada juga beberapa kerugian tidak langsung akibat daripada pemberian pinjaman ini.

Dalam jangka masa panjang, perniagaan dan pekerjaan di Amerika akan terjejas berikutan pinjaman oleh negara yang tidak dibayar semula oleh negara peminjam. Untuk setiap satu dolar tambahan yang dimiliki oleh pembeli luar untuk membeli barangan Amerika, pembeli domestik pasti akan kekurangan satu dolar. Maka perniagaan yang bergantung kepada perdagangan domestik akan terjejas dalam jangkamasa panjang dan jumlah kerugiannya akan sama banyak dengan jumlah bantuan yang diberikan kepada perniagaan eksport. Malah, kemungkinan secara puratanya perniagaan eksport juga akan terjejas. Sebagai contoh, syarikat automotif Amerika menjual sebanyak 10% keluaran mereka di pasaran

luar negara sebelum perang. Jika mereka berjaya meningkatkan jualan di luar negara sebanyak dua kali ganda sekalipun, mereka tidak akan mendapat untung kerana akibat daripada pinjaman untuk negara luar yang tidak dibayar, kadar cukai dinaikkan untuk menampung kerugian daripada pinjaman tersebut, menyebabkan para pembeli di dalam negeri hilang keupayaan untuk membeli kereta dan penjualan kereta dalam negeri merosot sebanyak 20%.

Saya ulangi sekali lagi, ini semua tidak bererti bahawa langkah memberi pinjaman kepada negara luar adalah tindakan bodoh. Perbincangan kita di atas sekadar untuk menunjukkan bahawa negara tidak boleh menjadi lebih kaya dengan memberi pinjaman yang akhirnya tidak dibayar semula.

Langkah melakukan ransangan palsu ke atas perdagangan eksport dengan cara memberi subsidi eksport adalah langkah bodoh, sama bodohnya dengan langkah memberi ransangan menerusi pemberian pinjaman yang tidak wajar atau menerusi pemberian percuma kepada negara luar. Saya tidak akan mengulangi semua hujah-hujah yang telah dibentangkan sebelum ini kerana pembaca boleh menelusuri sendiri kesan-kesan subsidi eksport menerusi penjelasan yang saya berikan di atas berkenaan pinjaman kepada negara luar. Subsidi eksport terang-terangan memberikan orang luar manfaat secara percuma, iaitu dengan menjual kepadanya barangan pada harga yang lebih rendah daripada kos pengeluaran. Ini satu lagi percubaan untuk memperkaya diri dengan cara memberi barangan secara percuma.

Kedua-dua tindakan – pemberian pinjaman tanpa sebab yang munasabah dan subsidi eksport – adalah contoh lain bagi kesilapan berfikir yang sama, iaitu melihat kesan segera daripada sesuatu dasar ke atas kelompok tertentu tanpa kesabaran atau kemampuan berfikir untuk merenung kesan jangka panjang dasar berkenaan ke atas semua orang.

Bab Tiga Belas

Harga "sebanding"

1

Sejarah tarif menunjukkan kepada kita bahawa pihak-pihak berkepentingan sentiasa mampu mencari alasan untuk menarik simpati orang ramai terhadap mereka. Jurucakap-jurucakap mereka mengemukakan rancangan yang memihak kepada mereka. Rancangan-rancangan ini pada awalnya kedengaran begitu karut sehinggakan tiada penulis yang tidak berkepentingan peribadi merasa perlu untuk mendedahkan kepincangan-kepincangannya.

Tetapi pihak-pihak berkepentingan ini terus-menerus mendesak agar rancangan mereka diterima. Jika rancangan mereka diterima dan dijadikan sebagai akta, nasib mereka akan jauh berubah sehinggakan mereka merasa berbaloi untuk mengupah ahli-ahli ekonomi terlatih serta 'pakar-pakar perhubungan awam' untuk memperjuangkan rancangan berkenaan bagi pihak mereka. Orang ramai pula mendengar hujah-hujah mereka begitu kerap diulang, disertai dengan cukup banyak angka, carta, rajah kelok, carta pai, dan sebagainya hingga tidak lama kemudian mereka mula terpengaruh. Ketika ini, para penulis tidak berkepentingan baru mula menyedari bahaya yang akan timbul jika rancangan terbabit dijadikan sebagai akta, tetapi nasi sudah menjadi bubur. Mereka tidak mampu meneliti rancangan tersebut dalam tempoh yang singkat seteliti para pakar-pakar upahan yang telah memperuntukkan sepenuh masa mereka selama bertahun-tahun untuk merangka rancangan tersebut. Para penulis ini lalu dituduh sebagai manusia jahil dan suka membangkang.

Sejarah yang sama juga berulang ketika diperkenalkan idea 'harga sebanding' untuk produk-produk pertanian. Saya tidak ingat bila kali pertama ia dikemukakan dalam rang undang-undang, tetapi sewaktu kebangkitan New Deal pada tahun 1933, ia telah menjadi prinsip yang diterima secara meluas dan diaktakan; tahun berganti tahun, muncul banyak lagi usul karut lain yang berkaitan dengannya dan usul-usul itu pun turut diaktakan.

Menurut hujah-hujah penyokong 'harga sebanding', pertanian adalah industri paling asas dan terpenting berbanding industri-industri lain. Maka, industri ini perlu dipertahankan. Apatahlagi kemakmuran semua orang bergantung pada kemakmuran peladang. Jika peladang tidak mempunyai kuasa beli untuk membeli produk-produk industri, ia akan runtuh. Jika pun ia bukan punca keruntuhan pada tahun 1929, sekurang-kurangnya ia adalah punca kita gagal bangkit semula daripada keruntuhan itu, kerana ketika itu harga produk-produk ladang telah merosot teruk teruk dan harga produk-produk perindustrian pula hanya jatuh sedikit. Kesannya, peladang tidak mampu membeli produk perindustrian; para pekerja di bandar pula diberhentikan dan tidak mampu membeli produk dari ladang, sehingga kegawatan semakin parah. Hanya ada satu penawar, dan ia mudah. Kembalikan produk-produk peladang kepada harganya yang "sebanding" dengan harga-harga barangan lain yang dibeli oleh para peladang. Keadaan yang sebanding ini wujud di antara tahun 1909 sehingga 1914, ketika para peladang hidup makmur. Tahap harga yang sebanding itu mesti dipulihkan dan dipelihara selama-lamanya.

Terlalu lama masa yang akan kita buang dan perlalu jauh pula perbincangan jika kita ingin meneliti setiap satu kekarutan yang terselindung dalam kenyataan di atas. Tiada sebab yang baik untuk menganggap perbandingan harga pada tempoh tertentu sebagai 'harga mati' atau bahkan sebagai harga yang lebih 'normal' daripada kadar harga di waktu lain. Jika pun harga-harga itu 'normal' dalam tempoh berkenaan, apa alasan yang ada untuk menganggap perbezaan harga yang sama perlu dikekalkan satu generasi kemudiannya, dalam keadaan keadaan pengeluaran dan tahap permintaan telah berubah? Tempoh di antara

tahun 1909 dan 1914 yang dijadikan sebagai asas perbandingan harga tidak dipilih secara rawak. Dalam tempoh itu harga produk pertanian, dalam perbandingannya dengan produk-produk lain, berada di tahap paling baik sepanjang sejarah kita.

Jika idea harga sebanding ini mempunyai tujuan yang benar-benar baik dan logik, sudah tentu telah ada orang yang mencadangkan agar ia diterapkan untuk semua produk lain secara menyeluruh. Jika kita hendak mengekalkan selama-lamanya harga sebanding antara produk pertanian dan perindustrian berasaskan perbezaan harga pada di antara Ogos 1909 hingga julai 1914, mengapa tidak kita kekalkan juga perbezaan harga setiap barang lain di sepanjang waktu? Sebuah kereta Chevrolet jenis *touring* berjentera enam silinder dijual pada harga $2,150 pada tahun 1912; sebuah Chevrolet jenis sedan yang juga memakai jentera enam silinder, tetapi jauh lebih maju teknologinya, dijual pada harga $907 pada tahun 1942: padahal jika diselaraskan kepada 'harga sebanding' menurut asas yang sama yang dipakai untuk produk-produk perladangan, ia sepatutnya dijual pada harga $3,270 pada tahun 1942. Satu paun aluminium dijual pada harga purata 22.5 sen di antara tahun 1909 hingga 1913; harganya pada tahun 1946 hanya 14 sen, sedangkan jika menurut 'harga sebanding' ia sepatutnya dijual pada harga 41 sen.

Lalu orang pun membantah mengatakan perbandingan yang sama kemukakan di atas tidak masuk akal, kerana semua orang tahu bahawa kereta pada hari ini bukan saja jauh lebih baik daripada kereta di tahun 1912, malah kos untuk mengeluarkannya telah menjadi jauh lebih kecil. Begitu juga halnya dengan aluminium. Tepat sekali. Tetapi mengapa tiada siapa menyebut tentang pengeluaran per ekar yang telah meningkat dengan cukup tinggi dalam bidang pertanian? Dalam tempoh lima tahun di antara 1939 hingga 1943, sekitar 260 paun kapas dihasilkan per ekar di Amerika Syarikat, berbanding hanya 188 paun per ekar dalam tempoh lima tahun antara 1909 hingga 1913. Kos pengeluaran produk-produk perladangan telah turun dengan banyak berkat penggunaan baja kimia, benih yang lebih baik dan penggunaan jentera yang lebih meluas – iaitu penggunaan jentera pembajak yang digerakkan oleh bahanapi, alat pengisar jagung

dan pemetik kapas. "Di sesetengah ladang besar yang telah menggunakan jentera sepenuhnya dan melaksanakan pengelaran besar-besaran, hanya sepertiga hingga seperlima tenaga buruh diperlukan untuk menuai hasil yang sama dengan yang dituai lima tahun yang lalu."[1] Begitupun, semua ini diabaikan oleh para pelopor sistem 'harga sebanding'.

Keengganan untuk menerapkan prinsip 'harga sebanding' secara saksama untuk semua produk bukan merupakan satu-satunya bukti bahawa rancangan itu sebenarnya tidak berteraskan semangat untuk menjaga kepentingan orang ramai, sebaliknya hanyalah satu cara untuk menyenangkan kelompok tertentu. Bukti lain ialah apabila harga produk pertanian naik mengatasi tahap 'harga sebanding' atau mencecah tahap harga yang tinggi setelah dilonjakkan oleh dasar-dasar kerajaan, tiada pula tuntutan daripada golongan penyokong ladang di Kongres untuk merendahkan harga ke tahap 'harga sebanding' atau agar subsidi dikembalikan. Inilah yang dinamakan peraturan berat sebelah.

2

Kita ketepikan dulu persoalan di atas dan kembali kepada kesilapan berfikir utama yang menjadi pusat perhatian kita. Mari kita melihat hujah yang menyebut bahawa jika peladang dibolehkan untuk menjual produknya pada harga lebih tinggi, dia akan mampu untuk membeli lebih banyak barang yang dihasilkan oleh sektor perindustrian dan ini akan memakmurkan sektor berkenaan serta menghasilkan pengangguran sifar. Hujah ini sudah tentunya tidak lagi peduli tentang sama ada peladang terbabit mendapat 'harga sebanding' atau tidak.

Bagaimanapun, segala sesuatu bergantung pada hakikat bagaimana harga yang lebih tinggi itu tercapai. Jika harga lebih tinggi itu tercapai hasil daripada kenaikan harga barangan secara umum, daripada kemajuan dunia perniagaan, serta daripada peningkatan pengeluaran perindustrian dan kuasa beli para pekerja di bandar (bukan kenaikan harga yang disebabkan oleh inflasi), maka itu boleh dianggap sebagai peningkatan

1 *New York Times, 2 Januari 1946.*

kemakmuran dan pengeluaran, bukan saja untuk peladang, malah juga untuk semua orang. Bagaimanapun yang sedang kita bincangkan sekarang adalah kenaikan harga produk perladangan yang dicapai menerusi campurtangan kerajaan. Caranya pelbagai. Perintah kerajaan saja sudah cukup untuk menaikkan harga, walaupun ia kaedah yang paling kurang berkesan. Ia boleh dicapai apabila kerajaan menyatakan kesediaan untuk membeli produk-produk perladangan yang ditawarkan kepadanya pada 'harga sebanding'. Ia juga boleh dicapai dengan cara kerajaan meminjamkan sejumlah wang yang mencukupi kepada para peladang untuk membolehkan mereka menyimpan dahulu produk-produk mereka sehinggalah 'harga sebanding' atau harga yang lebih tinggi dicapai dalam pasaran. Ia juga boleh dicapai dengan cara kerajaan menetapkan had bagi jumlah produk yang dikeluarkan. Dan biasanya ia boleh dicapai dengan menggabungkan kedua-dua kaedah tadi.

Apa natijahnya? Para peladang boleh menjual produk mereka pada harga lebih tinggi. Kuasa beli mereka dengan itu meningkat. Mereka menjadi lebih makmur dan mampu membeli produk-produk perindustrian. Semua natijah inilah yang dilihat oleh kalangan yang hanya mempertimbangkan kesan segera daripada sesuatu dasar ke atas kelompok-kelompok yang terlibat.

Namun ada kesan lain yang tidak dapat tidak juga akan muncul. Gandum yang sepatutnya dijual pada harga $1 sepikul meningkat harganya ke $1.50 sepikul berikutan perlaksanaan dasar 'harga sebanding'. Ertinya peladang mendapat tambahan sebanyak 50 sen bagi setiap pikul gandum. Ertinya, pekerja di bandar terpaksa menanggung kenaikan harga roti kerana harga setiap pikul gandum telah meningkat sebanyak 50 sen. Begitu juga untuk produk perladangan yang lain. Untuk membeli barangan perindustrian, kuasa beli peladang meningkat sebanyak 50 sen sedangkan kuasa beli pekerja di bandar berkurangan pada jumlah yang sama. Jadi, secara purata, bidang perindustrian tidak dapat meningkatkan pendapatan. Di kawasan kampung, jualannya meningkat pada kadar yang sama dengan kadar kemerosotan jualan di kawasan bandar.

Sudah tentu ada perubahan dalam keadaan di atas. Para pembuat peralatan pertanian dan peniaga yang menjalankan perniagaan berasaskan kiriman pos misalnya akan lebih berkembang perniagaan mereka. Tetapi perniagaan gedung-gedung perdagangan di bandar akan merosot.

Bagaimanapun, masalahnya tidak berakhir di sini. Dasar harga sebanding ini bukan saja takkan menjana sebarang keuntungan, malah umumnya ia akan membawa kepada kerugian. Sebabnya ialah kerana yang berlaku bukan semata-mata peralihan kuasa beli daripada pengguna di bandar kepada peladang, atau daripada pembayar-pembayar cukai secara umum, atau daripada kedua-duanya. Lebih daripada itu ia memaksa supaya pengeluaran komoditi perladangan dikurangkan, agar harga dapat ditingkatkan. Ertinya kemakmuran akan musnah. Ertinya bekalan makanan menjadi kurang. Kaedah yang digunakan untuk meningkatkan harga barangan akan menentukan cara kemakmuran musnah. Kemungkinan yang akan musnah itu adalah sesuatu yang ketara dan telah dihasilkan, misalnya pembakaran kopi di Brazil. Kemungkinan pula ia terjadi dalam bentuk pembatasan kadar keluasan tanah pertanian seperti yang dibuat dalam rancangan AAA Amerika. Kita akan teliti kesan sebahagian daripada kaedah-kaedah yang disebutkan di sini apabila kita membincangkan tentang kawalan kerajaan ke atas komoditi.

Di sini kita boleh sebutkan bahawa apabila peladang mengurangkan pengeluaran gandum untuk mendapatkan 'harga sebanding', sememangnya dia akan mendapat harga yang lebih tinggi bagi setiap pikul gandum, tetapi dia mengeluarkan dan menjual lebih sedikit gandum. Natijahnya, pendapatannya tidak meningkat selari dengan harga yang dicapai untuk gandumnya. Sebahagian penyokong 'harga sebanding' menyedari hal ini lalu mereka menggunakannya sebagai alasan untuk mendesak pula supaya para peladang diberikan 'pendapatan sebanding'. Namun tujuan ini hanya boleh dicapai dengan cara memberikan subsidi yang harus ditanggung oleh para pembayar cukai. Dalam ungkapan lain, bantuan kepada para peladang akan semakin mengurangkan kuasa beli para pekerja di bandar dan kelompok-kelompok lain.

3

Sebelum kita meninggalkan topik ini, ada satu hujah penyokong 'harga sebanding' yang perlu kita kupas. Hujah ini dikemukakan oleh para pembela dasar ini yang lebih canggih pemikiran mereka. Mereka mengakui, "Ya, hujah-hujah ekonomi untuk menerapkan dasar harga sebanding tidak kukuh. Harga sedmikian adalah keistimewaan yang diberikan kepada kelompok khas. Ia membebankan pengguna. Tetapi bukankah tarif membebankan peladang? Bukankah kerananya peladang terpaksa membayar harga lebih tinggi untuk produk-produk perindustrian? Dan tidak ada faedah pula untuk mengenakan tarif pengimbang ke atas produk-produk perladangan, kerana Amerika adalah pengeksport utama produk-produk pertanian. Kini sistem harga sebanding boleh disamakan dengan tarif. Ia adalah satu-satunya cara untuk mewujudkan keadaan yang saksama."

Memang tidak keterlaluan untuk para peladang meminta agar dasar harga sebanding dilaksanakan. Tarif perlindungan yang diberikan untuk bidang perindustrian telah memudaratkan mereka. Pengurangan import barang perindustrian telah turut mengurangkan eksport perladangan Amerika, kerana ia menghalang negara luar daripada melakukan pertukaran matawang dolar yang diperlukan untuk membeli produk-produk pertanian Amerika. Ia juga telah mendorong tindak-balas negara-negara lain yang mengenakan pula tarif ke atas barangan Amerika. Bagaimanapun, hujah yang dikemukakan di atas tidak dapat dipertahankan. Malah, fakta yang mendasari kenyataan itu sendiri tidak tepat. Tiada tarif *umum* dikenakan ke atas semua produk "perindsutrian" atau semua produk bukan-perladangan. Terdapat bermacam industri domestik atau industri eksport yang tidak mendapat perlindungan tarif. Jika pekerja di bandar perlu membayar harga lebih tinggi untuk selimut atau jaket bulu kambing disebabkan oleh tarif, adakah keadaan "diimbangkan" apabila dia terpaksa juga membayar harga yang tinggi untuk baju kain kapas dan barangan makanan lain? Tidakkah ini bermakna dia dirompak dua kali?

Kata sebahagian orang, biar kita seimbangkan keadaan dengan memberi 'perlindungan' untuk semua orang. Tetapi itu bukan penyelesaian dan malah mustahil. Walaupun jika kita mengandaikan masalah ini boleh diselesaikan secara teknikal – tarif untuk A sebagai pengusaha industri yang berdepan dengan persaingan asing; subsidi untuk B sebagai pengusaha yang mengeksport produknya – mustahil untuk melindungi atau mensubsidi setiap orang secara 'saksama' atau sama rata. Tidak mungkin kita boleh memberikan kepada setiap orang peratusan (atau jumlah wang?) perlindungan tarif atau subsidi yang sama dan tidak mungkin kita boleh mengetahui secara pasti jika ada kumpulan yang sama mendapat bayaran bertindan atau jika ada kumpulan yang tercicir.

Bagaimanapun, katakanlah kita boleh selesaikan masalah yang luar biasa ini. Apa tujuannya? Siapa yang mendapat faedah apabila setiap daripada kita saling memberi subsidi kepada sesama sendiri pada kadar yang sama. Apa untungnya jika kadar yang kita perolehi menerusi subsidi dan tarif kemudiannya dikembalikan dalam bentuk cukai tambahan? Akhirnya yang akan bertambah hanyalah jumlah birokrat tak berguna yang berperanan menjalankan program ini, sedangkan tenaga mereka sepatutnya dimanfaatkan untuk meningkatkan pengeluaran.

Persoalan ini sebenarnya boleh kita atasi dengan menghapuskan sistem harga sebanding dan tarif perlindungan. Dalam keadaan sekarang kedua-duanya tidak membawa kepada keseimbangan. Penggunaan kedua-dua sistem ini hanya membolehkan Peladang A dan Pengusaha Industri B mendapat manfaat dengan cara mengorbankan Orang Terabai C.

Satu lagi skim yang kononnya boleh membawa faedah ternyata sia-sia apabila kita mengenalpasti kesan langsungnya terhadap kelompok tertentu dan juga kesan jangka panjangnya terhadap setiap orang.

Bab Empat Belas

Menyelamatkan industri X

I

Lobi Kongres sesak dengan para wakil daripada industri X. Industri X sedang tenat. Industri X sedang nazak. Ia mesti diselamatkan. Ia hanya boleh diselamatkan menerusi tarif, harga yang lebih tinggi, atau subsidi. Jika industri ini dibiarkan untuk menemui ajal, para pekerja akan terlantar di jalanan. Tuan-tuan tanah, para peruncit dan tukang sembelih, kedai-kedai pakaian, dan pawagam-pawagam semuanya akan terjejas. Kegawatan akan merebak menjadi lebih parah. Tapi jika industri X *diselamatkan* oleh tindakan Kongres – hah! mampulah ia untuk membeli peralatan daripada industri-industri lain; lebih banyak peluang kerja akan terbuka; lebih banyak pula peluang perniagaan akan terbuka untuk para penyembelih, pembuat roti, dan pembuat lampu. Setelah itu kemakmuran akan bercambah lebih meluas.

Gambaran di atas jelas sekali merupakan bentuk umum bagi kes yang baru saja kita perkatakan. Industri X adalah bidang pertanian. Tetapi industri lain juga boleh menjadi industri X – tiada batasan bidang. Dua contoh jelas yang boleh kita sebutkan berdasarkan perkembangan mutakhir adalah industri arang dan perak. Besar sekali kemudaratan yang ditimbulkan oleh Kongres apabila ia cuba 'menyelamatkan perak'. Salah satu hujah bagi rancangan penyelamatan itu ialah bahawa ia akan membantu "Timur". Salah satu kesannya, ia menjadi penyebab penguncupan harga barangan di China yang berasaskan perak dan memaksa China mengenepikan bahan tersebut sebagai asas. Perbendaharaan Negara Amerika Syarikat telah terpaksa membeli longgokan perak yang tidak diperlukan pada harga yang tidak masuk akal, melebihi nilai pasaran, dan menyimpannya dalam perbendaharaan. Padahal, matlamat-matlamat politik asasi para "Senator-

senator perak" tetap boleh dicapai pada kos dan tahap kemudaratan yang rendah dengan cara membayar subsidi secara langsung kepada para pemilik lombong atau para pekerja mereka. Malangnya Kongres dan Amerika tidak sanggup meluluskan perbuatan mencuri sebegini tanpa diiringi oleh karut-marut ideologikal berkenaan "peranan asasi perak dalam matawang negara."

Untuk menyelamatkan industri arang, Kongres telah meluluskan Guffey Act yang bukan saja membenarkan, malah menggesa para pemilik lombong arang agar berpakat sesama mereka untuk tidak menjual arang di bawah harga minimum yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Walaupun Kongres telah mula menetapkan 'harga sebenar' arang, kerajaan kemudiannya ternyata terpaksa menetapkan 350,000 harga yang berlainan untuk arang (lantaran ukuran ribuan lombong yang berlainan serta penghantarannya ke ribuan destinasi yang berlainan dengan keretapi, lori, kapal dan tongkang)![1] Salah satu kesan daripada percubaan menetapkan harga arang di atas paras harga pasaran yang kompetitif ini ialah melonjaknya kecenderungan pengguna ke arah sumber-sumber tenaga atau sumber api yang lain – seperti minyak, gas asli dan hidroelektrik.

2

Bagaimanapun tujuan kita di sini bukanlah untuk membongkar sejarah bagi mengenalpasti semua natijah daripada usaha-usaha untuk menyelamatkan sesuatu industri. Kita sebaliknya hanya ingin mengenalpasti beberapa natijah utama yang pasti timbul daripada usaha-usaha yang dibuat untuk menyelamatkan sesebuah industri. Orang boleh menghujahkan bahawa sesuatu industri itu perlu dibentuk atau dipelihara atas tujuan-tujuan ketenteraan. Orang juga boleh menghujahkan bahawa sesebuah industri itu sedang terancam oleh cukai atau kadar upah yang tidak sebanding dengan industri-industri lain; atau bahawa jika sesuatu kemudahan awam dipaksa untuk beroperasi pada kadar atau caj ke atas orang awam yang tidak membolehkannya untuk meraih margin

1 Testimoni oleh Dan H. Wheeler, pengarah Bituminous Coal Division. Perbicaraan tentang pengembangan Bituminous Coal Act tahun 1937.

keuntungan yang memadai. Hujah-hujah sebegini ada waktunya boleh dipertahankan dan ada waktunya tidak. Hal tersebut takkan kita sentuh di sini. Dalam bahagian ini kita hanya akan memperkatakan tentang satu hujah yang dipakai untuk menyelamatkan industri X – iaitu jika ia dibiarkan untuk menguncup atau lenyap menerusi proses persaingan bebas (proses yang dilabelkan oleh jurucakap-jurucakap industri sebagai *laissez-faire*, ke-anarki-an, kejam, tidak berperikemanusiaan dan hukum rimba) kejatuhan industri itu akan menjejaskan ekonomi secara keseluruhan dan bahawa semua orang akan selamat jika ia dibantu untuk terus hidup, walaupun bukan hidup dalam ertikata yang sebenar.

Perkara yang sedang kita perkatakan di di sini tidak lain bersabit dengan hujah yang dikemukakan untuk menyokong langkap penetapan 'harga sebanding' untuk produk-produk perladangan atau tarif perlindungan untuk mana-mana industri X. Dan hujah pembantah kita terhadap harga palsu yang tinggi pula boleh diterapkan bukan saja terhadap produk pertanian, malah juga produk-produk lain, sepertimana kita menolak penetapan tarif perlindungan ke atas semua industri.

Namun, sentiasa ada saja rancangan diajukan untuk menyelamatkan industri-industri X. Selain cadangan yang telah kita bincangkan tadi, ada dua lagi jenis cadangan yang utama yang harus kita perhatikan sepintas lalu. Cadangan pertama menyebut bahawa industri X telah sesak kerana terlalu banyak pengusaha atau pekerja terlibat di dalamnya, maka syarikat atau pekerja lain perlu dicegah daripada turut melibatkan diri dalam industri berkenaan. Cadangan kedua pula menyebut bahawa industri X perlu disokong dengan subsidi langsung daripada kerajaan.

Kalau benar industri X telah terlalu sesak berbanding industri-industri lain, kuasa pemaksa perundangan tidak perlu campurtangan untuk menghalang modal atau pekerja baru memasukinya. Modal baru tidak akan meluru masuk ke dalam industri yang terang-terang sedang nazak. Para pelabur tidak akan beria-ia untuk melibatkan diri dalam industri yang risikonya paling tinggi dan pulangannya pula paling rendah. Para pekerja pula, jika mereka mempunyai pilihan lebih baik, tidak akan memasuki industri yang upahnya paling rendah dan tidak menjamin kerja tetap.

Modal dan tenaga kerja baru tidak akan mendapat kebebasan memilih jika kedua-duanya dicegah secara paksa daripada memasuki industri X, sama ada dicegah oleh monopoli, kartel, dasar kesatuan sekerja, atau undang-undang. Ia akan memaksa para pelabur untuk melaburkan wang mereka dalam bidang-bidang yang pulangannya tidak begitu menarik berbanding dalam industri X. Ia akan memaksa para pekerja untuk memasuki industri-industri yang kadar upahnya rendah dan prospeknya lebih suram berbanding yang boleh mereka dapati dalam industri X yang kononnya sedang tenat. Ringkasnya, boleh dikatakan bahawa cara ini menyebabkan modal dan tenaga buruh dilaburkan secara tidak cekap berbanding jika mereka dibenarkan untuk memilih sendiri secara bebas. Akibatnya, tahap pengeluaran akan merosot dan ini akan tercermin pada kemerosotan taraf kehidupan secara umum.

Taraf kehidupan yang rendah terbentuk sama ada kerana kadar purata upah yang lebih rendah daripada yang sepatutnya boleh dicapai atau oleh kos kehidupan yang lebih tinggi, atau kerana kedua-duanya sekali. (Kesan sebenarnya bergantung pada dasar kewangan yang dipakai.) Menerusi dasar-dasar yang mengekang ini, kadar upah dan pulangan atas modal dalam industri X mungkin dapat dikekalkan pada tahap yang tinggi, tetapi kadar upah dan pulangan atas modal dalam industri-industri lain akan berkurangan daripada yang sepatutnya. Industri X akan mendapat manfaat hanya dengan mengorbankan industri A, B dan C.

3

Natijah yang sama akan terhasil daripada percubaan untuk menyelamatkan industri X dengan cara memberikannya subsidi langsung daripada kantung awam. Langkah ini tidak lain adalah pemindahan kekayaan atau pendapatan ke dalam industri X. Sebanyak mana keuntungan orang-orang dalam industri X, sebesar itulah kerugian para pembayar cukai.

Dalam soal subsidi, cukup jelas bahawa kerugian para pembayar cukai adalah sama dengan keuntungan yang dicapai oleh industri X. Cukup jelas juga bahawa kesan daripada subsidi, industri-industri lain menanggung

rugi apabila industri X membuat untung. Industri-industri lain terpaksa membayar sebahagian cukai yang digunakan untuk menyokong industri X. Baki pendapatan para pengguna pula berkurangan, menyebabkan mereka kurang kemampuan untuk membeli barangan lain kerana mereka terpaksa membayar cukai untuk menyokong industri X. Natijahnya, industri-industri lain secara purata terpaksa menguncup untuk membolehkan industri X berkembang.

Subsidi untuk industri X bukan saja menghasilkan pemindahan kekayaan atau pendapatan atau menyebabkan industri lain menguncup selari dengan perkembangan industri X. Ia juga menyebabkan modal dan tenaga buruh lari daripada industri yang dapat memanfaatkan kedua-duanya secara cekap ke dalam industri yang tidak cekap dalam memanfaatkan kedua-duanya (dan ini adalah suatu kerugian bagi negara secara amnya). Kekayaan yang mampu dijana pun berkurangan. Taraf kehidupan umum menjadi lebih rendah daripada yang sepatutnya mampu dicapai.

4

Natijah-natijah di atas sebenarnya boleh dilihat pada hujah-hujah yang dikemukakan untuk mensubsidi industri X. Menurut para penyokong industri X, ia sedang menguncup atau nazak. Tapi mengapa ia perlu dibiarkan terus bernafas dengan bantuan pernafasan yang palsu? Satu kesilapan besar jika kita menganggap bahawa dalam sebuah negara yang sedang berkembang ekonominya, *semua* industri perlu berkembang serentak. Untuk membolehkan industri baru berkembang cukup cepat, sebahagian industri lama perlu dibiarkan untuk menguncup atau mati. Ini perlu untuk membolehkan modal dan tenaga buruh dialirkan ke industri baru. Jika kita cuba untuk membolehkan industri kuda-dan-pedati hidup secara artifisial, pertumbuhan industri automobil dan semua perniagaan lain yang berkaitan dengannya akan terencat. Dengan cara itu kita melengahkan usaha mencapai kemakmuran dan merencatkan perkembangan ekonomi dan saintifik.

Begitu juga apabila kita cuba mencegah sesuatu industri daripada mati untuk melindungi tenaga buruh yang telah dilatih atau modal yang telah dilaburkan ke dalamnya. Hal ini mungkin tampak berlawanan, tetapi sebenarnya bagi menjaga kesejahteraan ekonomi, industri-industri yang nazak seharusnya dibiarkan mati untuk membolehkan industri-industri yang sedang naik untuk berkembang. Proses pertama (penguncupan dan pelenyapan) adalah penting untuk proses kedua (perkembangan dan penyuburan). Usaha mempertahankan industri-industri usang adalah sama sia-sianya dengan usaha mempertahankan kaedah-kaedah pengeluaran yang lapuk: hakikatnya, kedua-duanya adalah perkara yang sama. Kaedah pengeluaran yang lebih baik mesti sentiasa menggantikan kaedah-kaedah yang lapuk untuk membolehkan keperluan-keperluan lampau dan kemahuan-kemahuan baru dipenuhi oleh barang dagangan dan wahana-wahana yang lebih baik.

Bab Lima Belas

Carakerja sistem harga

Seluruh hujah buku ini boleh disimpulkan dengan kenyataan bahawa dalam mengkaji kesan-kesan sesuatu perancangan ekonomi, kita mesti meneliti bukan saja natijah-natijah segeranya, tetapi juga natijah-natijah dalam jangka panjang; bukan saja kesan-kesan utamanya, malah juga kesan-kesan sekundernya; bukan saja kesan-kesannya terhadap kelompok tertentu, tetapi juga ke atas setiap orang. Sesuatu yang sia-sia dan silap juga jika kita menumpukan perhatian hanya terhadap satu perkara yang khusus – misalnya menumpukan perhatian terhadap masalah yang timbul dalam satu industri tanpa mengendahkan keadaan semua industri. Kebiasaan serta tabiat berfikir yang malas ini menjadi punca kesilapan-kesilapan utama dalam bidang ekonomi. Kesilapan-kesilapan ini meresapi bukan hanya hujah-hujah para jurucapak upahan kelompok-kelompok berkepentingan, malah juga hujah-hujah sebahagian ahli ekonomi yang dianggap sebagai berkemampuan.

Kesilapan cara pandang inilah yang mendasari mazhab "pengeluaran-untuk-kegunaan-dan-bukan-untuk-keuntungan" yang kuat menyerang "sistem harga" yang kononnya bejat. Kata para pendukung mazhab ini, masalah pengeluaran telah selesai. (Kita akan lihat nanti bahawa kesilapan ini juga dilakukan oleh para penggila dasar kewangan dan penggila dasar 'perkongsian kekayaan'.) Masalah pengeluaran telah diselesaikan.

Para pakar peningkatan kecekapan, jurutera dan juruteknik telah menyelesaikannya. Boleh dikatakan apa saja benda yang kita mahukan, mereka mampu menghasilkannya dalam jumlah yang besar dan tidak terbatas. Bagaimanapun, dunia ini tidak dikuasai oleh para jurutera yang hanya memikirkan tentang pengeluaran, sebaliknya ia dikuasai oleh para peniaga, dan mereka hanya memikirkan tentang keuntungan. Para peniaga ini memberikan arahan kepada para jurutera, bukan sebaliknya. Para peniaga ini akan menghasilkan apa saja yang dimahukan orang selagi ia membawa untung. Jika tiada lagi untung boleh diraih daripada benda tersebut, para peniaga yang jahat ini akan berhenti menghasilkannya, walaupun banyak keinginan orang masih belum dipenuhi dan dunia masih meminta lebih banyak barangan.

Kesilapan dalam pandangan di atas ini cukup banyak sehingga ia tidak dapat dirungkaikan secara serentak. Tetapi, seperti yang telah kita sebutkan, kesilapan paling utama berpunca daripada tindakan melihat kepada hanya satu industri, atau bahkan kepada beberapa industri satu persatu, seolah-olah setiap satunya wujud dalam keadaan terpisah. Setiap satu industri pada hakikatnya wujud secara saling berhubungan, dan setiap keputusan penting yang dibuat oleh satu industri memberi kesan kepada industri lain dan mempengaruhi keputusan-keputusan yang dibuat dalam industri lain.

Kita boleh memahami perkara ini dengan lebih baik jika kita memahami masalah asas yang perlu diselesaikan secara bersama oleh perniagaan. Untuk meringkaskan masalah ini seringkas mungkin, mari kita lihat masalah yang dihadapi oleh Robinson Crusoe[1] di pulau tempat dia terlantar. Pada peringkat awal, keinginannya tampak tidak bernoktah. Dia lencun oleh hujan, menggeletar kedinginan, menderita lapar dan dahaga. Dia perlukan segala benda: air minuman, makanan, bumbung tempat berteduh, perlindungan daripada binatang, unggun api dan hamparan yang menyelesakan untuk berbaring. Mustahil untuknya memenuhi semua keperluan ini secara sekaligus. Dia tidak mempunyai masa, tenaga atau sumber daya. Dia perlu memenuhi keperluan yang paling mendesak

1 [Watak utama dalam novel *Robinson Crusoe* karya Daniel Defoe yang diterbitkan pada tahun 1719.]

terlebih dahulu. Katakanlah sengsara paling tidak tertanggung olehnya adalah dahaga. Maka dia mengorek lubang di atas tanah atau membuat takungan jenis lain untuk menakung air hujan. Setelah selesai menyediakan tadahan air, walaupun untuk jumlah yang sedikit, dia perlu beralih kepada uasha mencari makanan sebelum dia boleh memulakan usaha untuk meningkatkan bentuk takungannya. Dia boleh cuba untuk menangkap ikan, tetapi untuk menangkap ikan dia memerlukan mata kail dan tali pancing, atau jala. Jadi dia mesti menyediakan perlatan terlebih dahulu. Tetap setiap sesuatu yang dilakukannya melengahkan atau mencegahnya daripada melakukan sesuatu yang lain yang hanya sedikit kurang mendesak. Dia sentiasa berdepan dengan masalah untuk memutuskan sebanyak masa dan tenaga perlu diperuntukkan untuk sesuatu kerja.

Bagi keluarga Robinson yang lain pula,[2] barangkali masalah ini sedikit lebih mudah untuk diselesaikan. Lebih banyak mulut yang perlu disuap dengan makanan dalam keluarga ini, tetapi sekaligus juga ada lebih banyak tangan yang boleh menjalan usaha mencari makanan. Ia boleh mengamalkan pembahagian dan pengkhususan kerja. Si ayah boleh berburu, ibu menyediakan makanan, anak-anak mengutip kayu api. Namun, keluarga ini sekalipun tidak boleh membiarkan seorang anggotanya membuat kerja yang sama sepanjang masa, tidak kira semustahak mana hasil yang dicapainya atau sejauh mana keperluan anggota keluarga yang lain masih belum terpenuhi. Apabila anak-anak dalam keluarga ini telah selesai mengumpul selonggok kayu api, mereka tidak boleh terus digunakan untuk meningkatkan longgokan tersebut. Tiba pula masa mereka dikerah untuk mengangkut lebih banyak air misalnya. Keluarga ini juga terus-menerus berdepan dengan masalah untuk mengatur bagaimana tenaga perlu diperuntukkan untuk sesuatu kerja dan menentukan bagaimana tenaga dan modal perlu diperuntukkan jika mereka mampu mendapatkan senjata, joran, bot, kapak, gergaji dan sebagainya. Sudah tentu amat merepek jika seorang anggota yang peranan utamanya ialah mengutip kayu api mengadu tidak

2 [*The Swiss Family Robinson*, novel karya Johann David Wyss, diterbitkan pada tahun 1812, tentang sebuah keluarga asal Switzerland yang terdampar di Hindia Timur dalam pelayaran mereka ke Port Jackson, Australia.]

dapat mengutip lebih banyak kayu api kerana saudaranya pergi menangkap ikan yang diperlukan untuk makan malam mereka sekeluarga. Dalam kes ini jelas bahawa sesuatu bidang kerja hanya boleh berkembang *dengan cara mengorbankan semua bidang kerja yang lain.*

Gambaran asas seperti yang dibentangkan di atas kadang-kadang diperlekehkan sebagai "ekonomika Crusoe." Malangnya, orang yang paling memerlukan pemahaman asas inilah yang paling banyak memperlekehkannya. Mereka sama ada gagal memahami prinsip yang digambarkan secara jelas dalam bentuk yang mudah itu atau menjadi hilang punca dan tidak tahu menerapkannya apabila berdepan dengan masalah-masalah yang lebih rumit dalam masyarakat penggerak ekonomi moden yang lebih besar.

2

Mari kita lihat pula masyarakat tersebut. Bagaimana kita memperuntukkan tenaga dan modal dalam masyarakat sebegitu yang di dalamnya terdapat ribuan keperluan dan keinginan pada tahap kemustahakan yang berbeza-beza? Ia diatasi dengan sistem harga. Ia diatasi menerusi perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku dalam perhubungan di antara kos pengeluaran, harga dan keuntungan.

Harga ditetapkan menerusi perhubungan di antara penawaran dan permintaan. Seterusnya, harga ini mempengaruhi pula penawaran dan permintaan. Apabila orang menginginkan sesuatu benda, mereka mengajukan tawaran lebih tinggi untuknya. Harga lalu meningkat. Lalu, untung bagi orang yang menghasilkan benda tersebut pun meningkat. Memandangkan kini benda tersebut dapat mendatangkan lebih banyak untung, maka orang yang telah sedia terlibat dalam penghasilannya mengambil keputusan untuk meningkatkan pengeluaran, manakala orang yang belum terlibat pula tertarik untuk melibatkan diri dalam perniagaan terbabit. Penawaran yang meningkat ini kemudiannya membawa kepada penurunan harga dan berkurangannya margin keuntungan, sehinggalah kadar margin tersebut kembali mencapai kadar purata keuntungan

bagi industri-industri lain. Atau, permintaan terhadap benda tersebut berkurangan; atau penawarannya meningkat ke satu tahap di mana harganya jatuh dengan teruk, sehinggakan untung yang diraih daripada pengeluaran benda tersebut kurang daripada pengeluaran benda-benda lain; atau barangkali sebenarnya pengeluaran benda tersebut merugikan. Dalam keadaan ini, para pengeluar "pinggiran", iaitu para pengeluar yang tidak cekap, atau para pengeluar yang kos pengeluarannya tertinggi, akan terpelanting daripada bidang terbabit. Produk berkenaan kini hanya akan dihasilkan oleh para pengeluar yang cekap yang beroperasi pada kos yang rendah. Penawaran produk tersebut juga akan berkurangan atau pengeluarannya tidak lagi berkembang.

Proses ini adalah asal-muasal bagi kepercayaan bahawa harga ditentukan oleh kos pengeluaran. Doktrin berkenaan, jika dinyatakan dalam bentuk sebegini, adalah tidak tepat. Harga ditentukan oleh penawaran dan permintaan, dan permintaan pula ditentukan oleh sejauh mana orang menginginkan sesuatu barang dan apa yang mereka mampu tawarkan sebagai pertukaran untuk mendapatkannya. Sememangnya benar bahawa penawaran turut ditentukan oleh kos pengeluaran. Kos pengeluaran sesuatu barang *di masa lalu* tidak dapat menentukan nilainya. Sebaliknya, nilainya ditentukan oleh perhubungan *semasa* antara penawaran dan permintaan. Jangkaan para peniaga tentang kos pengeluaran barang itu *di masa depan* pula, serta harganya di masa depan, akan menentukan sebanyak mana barang itu akan dihasilkan. Ini akan mempengaruhi penawaran di masa depan. Justeru itu, harga sesuatu barang sentiasa cenderung untuk *menyamai* kos pengeluaran pengeluar pinggiran, tetapi bukan kerana kos pengeluaran pinggiran itu menentukan harga secara langsung.

Dengan itu, sistem perusahaan swasta boleh dibandingkan dengan ribuan jentera, setiap satunya diatur oleh pengatur separa-automatiknya sendiri, tetapi memandangkan semua jentera dan pengatur-pengaturnya saling berhubungan dan saling mempengaruhi, maka ia beroperasi seperti sebuah jentera besar. Sebahagian besar kita mungkin telah tahu tentang "pengatur" automatik pada jentera wap. Pengatur ini biasanya terdiri daripada dua bebola atau pemberat yang digerakkan oleh daya emparan.

Semakin tinggi kelajuan jentera, semakin bebola berkenaan berhayun jauh daripada batang yang melekat padanya, lalu secara automatik injap pendikit menyempit atau mendekat, mengatur kadar penyedutan wap dan justeru memperlahankan jentera. Jika jentera bergerak terlalu perlahan pula, bebola kembali menghayun ke bawah, membuka ruang injap pendikit dan meningkatkan kelajuan jentera. Dengan cara ini, setiap kali kelajuan berubah melebihi atau berkurangan daripada kelajuan yang dikehendaki, daya-daya tertentu mula bergerak untuk melaraskan semula kelajuan.

Persis beginilah sistem perusahaan swasta yang berdaya saing mengatur penawaran ribuan jenis barangan yang berlainan. Apabila pengguna menginginkan sesuatu barang dengan lebih banyak, permintaan mereka meningkatkan harganya. Lalu keuntungan para pengeluar barang tersebut pun meningkat, membuatkan pengeluar-pengeluar sebahagian barang lain mengurangkan pengeluaran mereka dan beralih kepada produk-produk yang mendatangkan pulangan lebih baik. Tetapi ini meningkatkan penawaran barang berkenaan pada ketika yang sama ia mengurangkan penawaran sebahagian barangan lain. Harga produk terbabit dengan itu turun berbanding harga produk-produk lain dan faktor yang merangsang peningkatan pengeluaran itu pun lenyap.

Menerusi cara yang sama, jika permintaan berkurangan terhadap sesuatu produk, harga dan keuntungan daripadanya pun berkurangan, dan pengeluarannya pun merosot.

Keadaan terakhir inilah yang membingungkan kalangan yang tidak memahami "sistem harga" yang mereka tolak itu. Mereka menuduh sistem harga sebagai punca berlakunya kekurangan barang. Mengapa, tanya mereka, pengeluar-pengeluar mengurangkan pengeluaran kasut ketika penghasilannya tidak lagi membawa untung? Mengapa mereka harus bertindak berasaskan keuntungan mereka sendiri semata-mata? Mengapa mereka mesti mematuhi pasaran? Mengapa mereka tidak mengeluarkan kasut "sebanyak yang dimungkinkan oleh proses teknikal moden?" Lalu para filasuf "pengeluaran-untuk-kegunaan" pun merumuskan bahawa sistem harga dan perusahaan swasta tidak lain merupakan satu bentuk "ekonomi pengurangan".

Pertanyaan-pertanyaan di atas dan rumusannya berakar daripada kesilapan berfikir yang melihat setiap satu industri secara terpisah – melihat pokok tetapi mengabaikan hutan. Pada tahap tertentu, kasut semestinya dihasilkan. Tetapi suatu kemestian juga untuk menghasilkan jaket, baju, seluar, rumah, pembajak, penyodok, kilang, jambatan, susu dan roti. Kita membuat kerja bodoh jika kita terus-terusan menghasilkan timbunan kasut semata-mata kerana kita mampu menghasilkannya, sedangkan ada ratusan lagi barang yang diperlukan tidak kita hasilkan.

Dalam sebuah ekonomi yang sekata, sesuatu industri hanya boleh berkembang *jika industri-industri lain menguncup*. Ini kerana faktor-faktor pengeluaran adalah terbatas di setiap ketika. Sesebuah industri hanya boleh berkembang jika tenaga buruh, tanah, dan modal dialihkan ke arahnya daripada industri-industri lain. Apabila sesebuah industri itu menguncup atau berhenti meningkatkan pengeluarannya, tidak bererti pengeluaran *secara purata* turut berkurangan. Penguncupan di ketika itu mungkin sekadar bererti bahawa tenaga buruh dan modal *telah dikurangkan untuk membolehkan industri-industri lain berkembang.* Justeru itu salah jika kita membuat kesimpulan bahawa pengurangan pengeluaran dalam sesuatu bidang semestinya mengurangkan kadar pengeluaran *secara keseluruhan*.

Ringkas kata, apabila kita menghasilkan sesuatu yang baru, ada sesuatu yang lain terpaksa kita lepaskan. Malah, kos pengeluaran sendiri boleh diertikan sebagai perkara-perkara yang dikorbankan (masa santai dan masa bersenang-senang, bahan mentah yang juga mempunyai kegunaan lain) untuk menghasilkan benda buatan.

Ini juga memberi erti bahawa untuk mewujudkan ekonomi yang sihat dan dinamik, penting untuk kita membenarkan industri-industri yang nazak ranap, sepertimana penting untuk kita membenarkan industri-industri yang sedang tumbuh untuk terus bercambah. Sebabnya, industri-industri yang nazak menyerap tenaga buruh dan modal yang seharusnya disalurkan kepada industri-industri yang sedang tumbuh. Hanya sistem harga yang selalu diselar itu yang mampu merungkai masalah rumit dalam menentukan persis bagaimana puluhan ribu barangan dan perkhidmatan yang berlainan jenisnya harus dihasilkan secara harmoni. Permasalahan

ini dirungkai secara separa-automatik menerusi sistem harga, keuntungan dan kos. Permasalahan ini boleh diselesaikan dengan jauh lebih baik oleh sistem tersebut berbanding oleh mana-mana kelompok birokrat. Sebabnya, ia diselesaikan oleh sebuah sistem yang menerusinya setiap pengguna mengajukan permintaannya sendiri dan membuang satu atau berdozen undi baru, setiap hari; sedangkan birokrat akan cuba menyelesaikan masalah dengan memutuskan apa yang baik untuk pengguna menurut pandangan mereka, bukan menurut kehendak para pengguna sendiri.

Tetapi para birokrat tetap merasa terganggu dengan sistem harga, meskipun mereka sebenarnya tidak memahami sistem separa-automatik pasaran. Mereka sentiasa cuba untuk memperbaikinya atau membetulkannya, biasanya untuk memenuhi kepentingan kumpulan pendesak yang sedang meraung-raung. Dalam bab-bab seterusnya kita akan menyemak sebahagian kesan campurtangan mereka.

Bab Enam Belas

'Menstabilkan' barang-barang dagangan

Percubaan untuk menaikkan harga komoditi tertentu agar kekal melebihi aras biasa pasaran sering gagal teruk sehingga kumpulan pendesak dan para birokrat yang didesak mereka jarang mengakui matlamat mereka secara terbuka. Mereka sebaliknya menyatakan matlamat yang lebih sederhana dan munasabah, khususnya ketika mereka mula mengusulkan campurtangan kerajaan.

Di peringkat awal, mereka menyatakan yang mereka tidak berhasrat untuk menaikkan harga komoditi X melebihi aras pasaran secara kekal. Mereka mengakui langkah itu tidak adil buat para pengguna. Tapi, kata mereka, *harga semasa* terlalu jauh di bawah aras pasaran sehingga sukar untuk para pengeluar mencari makan. Kalau kita tidak bertindak dengan segera, mereka akan gulung tikar. Kekurangan barang juga akan berlaku dan para pengguna nanti terpaksa membayar harga yang terlalu tinggi untuk mendapatkan barang berkenaan. Barangan yang kini murah akhirnya akan menjadi mahal, kerana harga yang murah sekarang tidak akan kekal murah selama-lamanya. Tetapi kita tidak boleh menunggu hingga keadaan diperbetulkan oleh kuasa pasaran atau hukum penawaran dan permintaan yang "buta" itu. Jika kita lengah, para pengeluar akan gulung tikar dan barang menjadi langka. Kerajaan mesti *bertindak*. Kita cuma mahu memperbetulkan harga yang naik dan turun secara mendadak dan terlalu ketara. Kita bukan hendak cuba *melonjakkan* harga; kita sekadar mahu *menstabilkannya.*

Untuk mencapai tujuan di atas, kumpulan pendesak mengemukakan beberapa kaedah. Salah satu kaedah yang paling kerap dikemukakan ialah agar kerajaan menawarkan pinjaman kepada para peladang untuk membolehkan mereka menyimpan hasil tanaman mereka dan tidak menjualnya dalam pasaran.

Cadangan untuk memberikan pinjaman sedemikian dikemukakan di Kongres dengan menggunakan alasan-alasan yang kedengaran masuk akal di telinga para pendengar. Kata mereka, hasil tanaman peladang dilambakkan dalam pasaran secara serentak, iaitu selepas musim menuai; di ketika ini harga berada pada tahap terendah, lalu para spekulator mengambil kesempatan dengan membeli hasil tanaman dan menyimpannya sehingga harganya naik semula berikutan kekurangan bekalan. Akibatnya, para peladang menderita manakala spekulator pula menangguk untung daripada harga yang tinggi.

Hujah mereka ini tidak disokong oleh teori mahupun pengalaman. Golongan pembuat spekulasi yang banyak dicemuh itu sebenarnya bukanlah musuh peladang; sebaliknya mereka diperlukan demi kesejahteraan peladang. Risiko naik-turun harga produk perladangan perlu ditanggung oleh seseorang dan di zaman moden ini golongan spekulator profesional yang paling banyak menanggungnya. Secara umum, lebih cekap spekulator menjaga kepentingan mereka sebagai spekulator, lebih terpelihara kebajikan peladang. Ini kerana nasib spekulator tergantung pada keupayaan mereka untuk menjangka harga di masa depan. Semakin tepat jangkaan mereka, semakin kurang keterlaluan turun-naik harga.

Walaupun jika peladang terpaksa melonggokkan semua gandum yang mereka tuai di pasaran dalam tempoh sebulan dalam setahun, harga dalam bulan itu tidak semestinya akan jatuh lebih rendah daripada harga di bulan-bulan lain (hanya sedikit berubah jika melibatkan kos penyimpanan). Ini kerana para spekulator yang berharap untuk membuat untung akan meningkatkan pembelian mereka di waktu itu. Mereka akan terus membeli sehinggalah sampai ke titik di mana mereka melihat tiada lagi peluang untuk membuat untung di masa depan. Sebaik saja menyedari adanya kemungkinan rugi, mereka akan segera menjual kembali barang tersebut. Kesannya, harga hasil ladang akan menjadi stabil sepanjang tahun.

Risiko yang telah diambil oleh golongan spekulator profesional ini tidak perlu lagi ditanggung oleh para peladang dan pemilik perusahaan pemprosesan hasil tuaian. Peladang dan pemilik perusahaan pemprosesan boleh melindungi diri mereka menerusi pasaran. Justeru itu, dalam keadaan biasa, apabila para spekulator melakukan kerja mereka dengan baik, keuntungan para peladang dan pemproses akan bergantung terutamanya pada kemahiran dan keupayaan perladangan dan pemprosesan hasil tuaian, bukan lagi pada turun-naik harga di pasaran.

Pengalaman menunjukkan bahawa secara purata harga gandum dan hasil-hasil tanaman yang berdaya-tahan kekal sama sepanjang tahun dan hanya sedikit berubah kerana kos penyimpanan dan insuran. Malah, penelitian lebih mendalam menunjukkan bahawa purata kenaikan bulanan selepas musim menuai tidak begitu memadai untuk meliputi kos penyimpanan. Bermakna, para spekulator sebenarnya telah mensubsidi peladang walaupun bukan itu niat mereka: ia terjadi kerana spekulator cenderung terlalu optimis dalam membuat jangkaan. (Kecenderungan ini terlihat di kalangan pengusaha yang berada dalam bidang-bidang yang paling tinggi persaingannya: sebagai satu golongan, mereka sering mensubsidi para pengguna, walaupun niat mereka bukan begitu. Hal ini terutamanya benar dalam setiap keadaan di mana prospek keuntungan yang besar wujud. Jika dihitung sebagai satu unit tunggal, semua pembeli loteri kehilangan wang kerana setiap seorang daripada mereka berangan-angan untuk memenangi hadiah besar, maka begitu juga jumlah keseluruhan tenaga dan modal yang dipertaruhkan untuk emas atau minyak jika dihitung sebenarnya melebihi nilai keseluruhan emas yang didulang atau minyak yang disedut.)

2

Bagaimanapun, keadaan menjadi berbeza apabila kerajaan masuk campur dengan membeli hasil tanaman peladang atau meminjamkan mereka wang agar mereka boleh menahannya daripada memasuki pasaran. Campurtangan ini adakalanya dilakukan dengan alasan hendak memelihara "stok makanan pada tahap sentiasa normal". Tetapi sejarah harga dan lebihan stok tahunan hasil tanaman menunjukkan bahawa peranan tersebut, seperti yang dijelaskan di atas, telah sentiasa dimainkan dengan baik oleh pasaran bebas yang digerakkan oleh pihak swasta. Apabila kerajaan masuk campur, "stok makanan pada tahap sentiasa normal" itu sebaliknya menjadi stok makanan yang sentiasa dipolitikkan. Dengan menggunakan wang pembayar cukai, para peladang digalakkan untuk menyimpan hasil tanaman secara berlebihan. Untuk memastikan peladang sentiasa mengundi mereka atau memihak kepada mereka, ahli-ahli politik yang memulakan dasar ini, atau birokrat-birokrat yang melaksanakan dasar ini, menetapkan 'harga saksama' untuk produk perladangan pada paras yang lebih tinggi daripada paras yang sejajar dengan tahap penawaran dan permintaan. Bahananya terkena pada para pembeli. Stok makanan "sentiasa normal" lalu cenderung menjadi stok makanan sentiasa-tidak-normal. Stok yang banyak ditahan daripada memasuki pasaran. Kesannya, ia meningkatkan harga secara sementara untuk kemudiannya harga itu jatuh ke tahap yang jauh lebih rendah daripada sepatutnya. Sebabnya, kekurangan stok olok-olok yang dibentuk pada tahun ini dengan cara menahan hasil tanaman daripada memasuki pasaran menyebabkan terbentuknya lambakan di tahun depan.

Kita boleh melihat apa yang sebenarnya menimpa sektor kapas di Amerika apabila program ini dilaksanakan. Kita menyimpan semua hasil tanaman dalam gudang. Kita memusnahkan pasaran asing untuk kapas kita. Kita menyebabkan pengeluaran kapas di negara-negara lain berkembang pesat. Semua natijah ini telah dijangka oleh para penentang dasar pemberian pinjaman dan pengekangan pengeluaran tersebut, tetapi apabila ia benar-benar berlaku para birokrat yang terlibat hanya menjawab balik dengan mengatakan bahawa semua natijah itu tetap akan berlaku tidak kira apa dasar yang dipakai.

Dasar pemberian pinjaman biasanya disertai oleh, atau pasti akan membawa kepada, dasar yang mengekang pengeluaran – iaitu dasar kelangkaan. Bagi hampir setiap usaha untuk 'menstabilkan' harga komoditi, kepentingan pengeluar diberikan keutamaan. Tujuan sebenarnya ialah untuk melonjakkan harga dengan segera. Untuk memungkinkan hal ini, kekangan pengeluaran dikenakan terhadap setiap pengeluar yang terlibat. Ini membawa kepada beberapa kesan buruk yang langsung. Jika kawalan ini boleh dikenakan pada skala antarabangsa, bermakna jumlah keseluruhan pengeluaran dunia akan berkurangan. Para pengguna seluruh dunia akan terhalang daripada mendapat produk yang sepatutnya boleh mereka dapatkan jika tiada kekangan. Dunia menjadi lebih miskin. Untuk membeli barangan yang dikekang pengeluarannya, pengguna terpaksa membayar lebih, lalu yang yang mereka miliki untuk membeli barangan lain pun berkurangan.

3

Para penyokong dasar pengekangan biasanya menjawab hujah di atas dengan mengatakan bahawa pengurangan pengeluaran tetap akan terjadi dalam ekonomi pasaran. Tetapi di sini ada satu perbezaan asasi, seperti yang telah kita lihat dalam bab sebelum ini. Dalam pasaran ekonomi yang berdaya saing, yang gulung tikar hanyalah para pengeluar yang menghasilkan barang dengan kos yang tinggi, para pengeluar yang *tidak cekap*. Dalam soal komoditi pertanian, yang terpaksa menggantung cangkul adalah para peladang yang paling tidak cekap, atau yang paling lekeh peralatannya, atau yang paling tidak subur tanahnya. Para peladang yang paling berkeupayaan dan mengerjakan tanah paling subur tidak perlu membataskan pengeluaran mereka. Malah, jika kejatuhan harga merupakan petanda bagi purata kos pengeluaran yang lebih rendah, seperti yang tercermin pada peningkatan penawaran, maka penutupan ladang-ladang pinggiran oleh peladang-peladang pinggiran membolehkan peladang-peladang yang cekap di tanah yang subur *mengembangkan* pengeluaran mereka. Dalam jangkamasa panjang, kemungkinan tidak ada sama sekali pengurangan pengeluaran. Lalu produk berkaitan boleh dikeluarkan dan *kekal* dijual pada harga rendah.

Jika hasilnya begitu, maka para pengguna komoditi tersebut akan mendapat bekalan yang sama seperti sebelum itu. Tetapi, kerana harga barangan itu rendah, maka mereka mempunyai lebihan wang untuk membeli benda-benda lain. Bermakna, para pengguna berada dalam kedudukan lebih baik. Dengan berbelanja membeli benda-benda lain pula mereka meningkatkan peluang kerja dalam bidang selain pertanian, dan peluang ini boleh diambil oleh bekas peladang pinggiran agar usaha mereka dalam bidang baru ini lebih mendatangkan hasil.

Kembali kepada soal campurtangan kerajaan. Di bawah dasar pengekangan yang seragam, di satu segi, para pengeluar yang cekap dan mengeluarkan produk pada kos rendah tidak dibenarkan untuk menjual produk mereka pada harga rendah. Di segi yang lain, para pengeluar yang tidak cekap dan mengeluarkan produk pada kos yang tinggi dibiarkan untuk terus berniaga. Keadaan ini meningkatkan kos purata pengeluaran produk. Produk dihasilkan secara kurang cekap. Pengeluar pinggiran yang tidak cekap dibiarkan untuk terus menjalankan kegiatan pengeluaran dan sekaligus membataskan tanah, tenaga kerja, dan modal yang sepatutnya boleh disalurkan secara lebih berkesan dan mendatangkan hasil bagi kegunaan lain.

Tiada guna untuk menghujahkan bahawa sebagai natijah pengekangan, sekurang-kurangnya harga produk-produk ladang telah ditingkatkan dan "para peladang mempunyai kuasa beli lebih besar." Kuasa beli mereka itu ditingkatkan dengan cara merebut kuasa beli pembeli di bandar. (Soal ini telah kita sentuh dalam analisis kita ke atas 'harga sebanding'.) Tiada bezanya perbuatan memberikan wang kepada para peladang agar mereka membataskan pengeluaran atau untuk pengeluaran yang terhad secara bikin-bikinan dengan perbuatan memaksa para pengguna atau pembayar cukai untuk membayar upah kepada pekerja-pekerja yang kerjanya hanya goyang kaki. Para penerima manfaat daripada dasar sebegini sememangnya mendapat 'kuasa beli' yang lebih. Tetapi dalam keadaan itu ada orang lain yang hilang kuasa beli pada kadar yang sama. Masyarakat pula rugi lantaran pengeluaran yang berkurangan dan ada golongan yang disokong kerana tidak mengeluarkan hasil. Berkurangnya kemampuan kewangan

menyebabkan upah dan pendapatan hakiki merosot, sama ada kerana nilai kewangan berkurangan atau kerana kos sara hidup meningkat.

Tetapi jika percubaan dibuat untuk mengekalkan harga yang tinggi bagi komoditi pertanian dan tiada kekangan bikin-bikinan dikenakan ke atas hasil pengeluaran, lebihan komoditi yang harganya terlalu tinggi yang tidak terjual akan terus menumpuk sehinggalah pasaran untuk produk berkenaan akhirnya ranap ke tahap lebih buruk berbanding jika program kawalan tidak dilaksanakan. Atau para pengeluar di luar program pengekangan dapat mengembangkan seluas-luasnya pengeluaran mereka justeru dirangsang oleh peningkatan harga yang tidak hakiki. Inilah yang terjadi terhadap dasar kekangan getah di Britain dan program pengekangan kapas di Amerika. Dalam kedua-dua kes, kejatuhan harga akhirnya membawa bencana besar yang tidak mungkin terjadi jika tidak kerana rancangan pengekangan berkenaan. Rancangan yang dimulakan untuk 'menstabilkan' harga dan keadaan ternyata menghasilkan keadaan lebih tidak stabil berbanding dalam pasaran bebas.

Kita diberitahu bahawa kawalan komoditi antarabangsa yang sedang dicadangkan akan menghindari semua kesilapan di atas. Kali ini harga yang akan ditetapkan adalah "saksama" untuk para pengeluar dan juga pengguna. Negara-negara pengeluar dan pengguna akan bersepakat tentang harga saksama ini, kerana tiada negara yang akan bersikap tidak wajar. Harga yang ditetapkan ini pastinya akan melibatkan penguntukan dan peruntukan bagi pengeluaran dan penggunaan di antara negara-negara –hanya pihak yang sinis saja yang akan menjangkakan adanya pertelingkahan antara negara-negara dalam soal ini. Akhir sekali, dengan cara yang paling ajaib, dunia pasca-perang yang sarat dengan kawalan-kawalan dan pemaksaan-pemaksaan super-antarabangsa ini akan menjadi sebuah dunia perdagangan antarabangsa yang 'bebas'!

Saya tak pasti apa yang dimaksudkan oleh golongan kaki rancang kerajaan sebagai perdagangan bebas ini. Tapi kita boleh merasa pasti dengan makna-makna apa yang tidak dimaksudkannya. Ia tidak bermakna bahawa orang biasa akan mendapat kebebasan untuk berjual-beli, memberi dan mengambil pinjaman pada kadar yang mereka suka dan dalam setiap

keadaan yang paling menguntungkan mereka. Ia juga tidak bermakna bahawa warganegara biasa akan mendapat kebebasan untuk menghasilkan sebanyak mungkin hasil tanaman yang dikehendakinya, untuk keluar-masuk negara sekehendak hatinya, untuk menetap di mana saja tempat yang disenanginya, untuk membawa modal dan hak kepunyaannya bersamanya. Saya syak, yang mereka maksudkan ialah kebebasan para birokrat untuk membuat keputusan bagi rakyat biasa. Dan mereka akan memberitahu orang kebanyakan bahawa jika birokrat dipatuhi, mereka akan diganjari dengan taraf hidup yang lebih tinggi. Namun, jika golongan kaki rancang ini berjaya mengaitkan gagasan kerjasama antarabangsa dengan gagasan peningkatan dominasi dan kawalan kerajaan ke atas kehidupan ekonomi, kawalan antarabangsa ke atas masa depan lebih berkemungkinan akan menurut corak di masa lalu di mana mutu kehidupan orang kebanyakan terhakis bersama-sama dengan kebebasannya.

Bab Tujuh Belas

Penetapan harga oleh kerajaan

Kita telah melihat sebahagian kesan daripada tindakan kerajaan menetapkan harga komoditi melebihi aras harga dalam pasaran bebas. Sekarang mari kita lihat pula sebahagian kesan daripada percubaan kerajaan untuk menetapkan harga komoditi di bawah aras harga pasaran.

Percubaan menahan harga di bawah aras harga pasaran ini dibuat pada masa kini oleh hampir semua kerajaan di masa peperangan. Di sini kita tidak akan meneliti kebijaksanaan penetapan harga semasa peperangan. Dalam perang, adalah perlu untuk kerajaan mendominasi keseluruhan ekonomi, dan kesan-kesan daripadanya akan membawa kita terlalu jauh melangkaui persoalan utama yang menjadi pokok perbahasan buku ini. Bagaimanapun, penetapan harga masih terus dilaksanakan di hampir semua negara walaupun perang telah agak lama tamat dan sebab-sebab yang mengharuskan dasar penetapan harga dulu telah pun lenyap.

Kita lihat terlebih dulu apa yang terjadi ketika kerajaan cuba untuk mengekalkan harga sesuatu komoditi di bawah harga pasaran bebas.

Apabila kerajaan cuba menetapkan harga siling bagi hanya sebilangan kecil barang, ia biasanya memilih barang keperluan asas, atas alasan barang-barang tersebut adalah yang paling asasi, maka harganya mesti mampu dicapai oleh golongan miskin. Katakan barang yang dipilih untuk tujuan ini adalah roti, susu dan daging.

Harga barangan tersebut dikawal atas hujah-hujah yang lebih kurang begini: Jika kita membiarkan harga daging ditentukan oleh pasaran bebas, harganya akan meningkat berikutan permintaan yang tinggi, maka hanya orang kaya yang akan mendapat daging. Orang ramai tidak akan mendapat daging mengikut keperluan mereka, sebaliknya mengikut tahap kuasa beli mereka. Jika kita mengekalkan harga rendah bagi daging, semua orang akan mendapat bahagian yang saksama.

Jika hujah ini benar, perkara pertama yang boleh kita lihat ialah dasar yang diambilnya tidak konsisten dan teragak-agak. Jika kuasa beli dan bukannya keperluan yang menentukan pengedaran daging pada harga pasaran sebanyak 65 sen sepaun, ia juga akan menentukan, barangkali pada kadar lebih rendah, misalnya harga siling yang sah pada 50 sen sepaun. Hujah di atas hanya boleh dipakai selagi kita menjual daging pada harga tertentu. Jika daging diberi secara percuma, hujah di atas tidak lagi boleh dipakai.

Tetapi skim harga siling biasanya dimulakan sebagai satu usaha untuk "mencegah kos kehidupan daripada meningkat." Para pendukung skim ini secara tidak sedar mengandaikan bahawa harga sesuatu barangan itu jelas-jelas 'normal' atau tidak boleh diusik ketika program kawalan mereka bermula. Harga permulaan itu dianggap sebagai "munasabah", dan harga yang lebih tinggi dari itu adalah "tidak munasabah", tanpa mengira perubahan yang berlaku pada aspek pengeluaran atau permintaan sejak harga permulaan itu pertama kali ditetapkan.

2

Dalam membincangkan subjek ini, tiada guna kita mengadakan kawalan harga jika harga yang ditetapkan adalah sama dengan harga di pasaran bebas. Jika begitu halnya, ia sama seperti tanpa kawalan harga. Kita mesti mengandaikan bahawa kuasa beli di tangan orang ramai lebih besar daripada bekalan makanan yang ada dan bahawa harga dikawal oleh kerajaan agar berada di bawah paras harga pasaran bebas.

Setelah suatu jangka waktu, kawalan harga di bawah paras pasaran pasti akan mendatangkan dua kesan. Pertama, ia akan meningkatkan permintaan terhadap komoditi terbabit. Pengguna akan cenderung membeli lebih banyak komoditi terbabit, dan mereka mampu berbuat demikian kerana harganya murah. Kedua, ia akan menyebabkan bekalan komoditi terbabit berkurangan. Pembeli membeli lebih banyak, lalu bekalan lebih cepat habis. Selain itu, pengeluar menjadi tidak bersemangat untuk menghasilkan komoditi terbabit kerana margin keuntungannya kecil, atau sifar. Para pengeluar pinggiran terpaksa tutup kedai. Hatta para pengeluar yang cekap sekalipun tidak membuat untung. Ini telah berlaku di zaman perang apabila rumah-rumah sembelihan diwajibkan oleh Office of Price Administration untuk menyembelih dan memproses daging pada harga yang lebih rendah daripada harga daging yang belum diproses, selain lebih rendah daripada kos tenaga buruh untuk penyembelihan dan pemprosesan.

Justeru itu, jika tiada langkah lain yang diambil, kesan daripada penetapan harga siling untuk komoditi tertentu akan menghasilkan kekurangan bekalan komoditi berkenaan. Padahal yang ingin dicapai oleh kaki atur dalam kerajaan persis berlawanan. Tujuan mereka menetapkan harga ialah supaya bekalan komoditi terbabit kekal banyak. Tetapi apabila mereka membataskan upah dan keuntungan para pengeluar komoditi terbabit tanpa turut membataskan upah dan keuntungan para pengeluar barang mewah atau separa mewah, pengeluar komoditi yang dikawal harganya hilang semangat untuk mengeluarkan komoditi mereka. Sebaliknya, dasar kawalan harga ini merangsang pengeluaran barangan yang kurang penting.

Setelah suatu jangka waktu, sebahagian daripada kesan-kesan ini mula jelas pada pandangan para kaki atur. Lalu mereka mula pula mengambil langkah-langkah untuk mencegah kekurangan bekalan. Antara langkah-langkah yang diambil ialah pencatuan, pengawalan kos, subsidi dan penetapan harga ke atas semua barang. Ayuh kita lihat setiap satu langkah ini.

Apabila jelas bahawa bekalan sesuatu komoditi itu semakin berkurangan akibat penetapan harga di bawah aras harga pasaran, pengguna-pengguna yang kaya dituduh "membeli lebih daripada yang

sepatutnya"; atau, jika yang dikawal itu adalah bahan mentah, syarikat pengeluar akan dituduh "menyorok" bahan terbabit. Kerajaan dengan itu membuat peraturan berkenaan siapa yang sepatutnya mendapat keutamaan untuk membeli komoditi terbabit, atau kepada siapa dan sebanyak mana ia harus diperuntukkan, atau bagaimana ia harus dicatu. Jika yang dipakai adalah sistem catuan, setiap pengguna hanya boleh membeli bekalan pada kadar yang tertentu, walaupun dia sanggup membayar lebih.

Jika yang dipakai adalah sistem catuan, ia memberi makna bahawa kerajaan menerapkan sistem harga ganda, atau sistem dwi-matawang, di mana setiap seorang pengguna perlu mempunyai sejumlah kupon atau "poin" tertentu selain sejumlah wang biasa. Dalam ungkapan lain, dengan sistem catuan ini kerajaan cuba mengambil alih sebahagian daripada peranan yang dimainkan oleh pasaran bebas. Saya sebutkan "sebahagian peranan" kerana pencatuan hanya membataskan permintaan tanpa turut merangsang penawaran, seperti yang mampu dilakukan oleh pasaran bebas menerusi kenaikan harga.

Kerajaan akan cuba untuk memastikan bekalan mencukupi dengan cara mengawal pula kos pengeluaran sesuatu komoditi. Sebagai contoh, untuk mengekalkan harga runcit daging pada tahap rendah, kerajaan menetapkan harga borong daging, harga jualan oleh penyembelih, harga lembu hidup, harga makanan ternakan dan upah para pembantu di ladang. Untuk mengekalkan harga rendah susu, kerajaan mungkin menetapkan upah pemandu lori susu, harga tong susu, harga susu dari ladang dan harga makanan lembu. Untuk menetapkan harga roti, kerajana mungkin menetapkan upah pembuat roti, harga tepung, keuntungan taukeh kilang pengisar gandum, harga gandum dan seterusnya.

Tapi dengan berbuat demikian, kerajaan mengeruhkan lagi keadaan. Jika kerajaan sanggup menetapkan semua kos yang disebutkan di atas dan berjaya menerapkan peraturan tersebut, akan lebih banyak kekurangan bekalan berlaku – kekurangan tenaga buruh, makanan ternakan, gandum, atau apa saja – bagi semua perkara yang terlibat dalam penghasilan produk akhir. Dengan itu, kerajaan akan terdorong untuk mengawal lebih banyak benda dan akhirnya semua perkara akan ditetapkan harganya.

Untuk mengatasi kesulitan ini, kerajaan mungkin akan memperkenalkan subsidi. Ia sedar, misalnya, bahawa apabila ia menetapkan harga susu atau mentega di bawah paras pasaran, kekurangan bekalan akan berlaku disebabkan oleh kadar upah atau margin keuntungan yang rendah dalam penghasilan susu atau mentega berbanding komoditi lain. Dengan itu, kerajaan cuba mengatasi masalah ini dengan memberikan subsidi kepada pengeluar susu dan mentega. Kita ketepikan saja soal masalah pentadbiran yang akan timbul daripada pemberian subsidi untuk kedua-dua produk ini dan kita andaikan yang subsidi yang diberikan itu cukup untuk memastikan bekalan susu dan mentega mencukupi. Di sini jelas bahawa walaupun subsidi dibayar kepada para pengeluar, penerima subsidi yang sebenar adalah para pengguna. Ini kerana secara puratanya para pengeluar tidak mendapat untung daripada susu dan mentega lebih daripada keuntungan yang boleh mereka dapati jika produk mereka dijual pada harga pasaran; sedangkan pengguna mendapat susu dan mentega pada harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran.

Nah, melainkan jika komoditi yang disubsidi juga dicatu, kalangan yang mempunyai kuasa beli paling besar yang akan mampu untuk membeli sebahagian besar bekalan. Ini bererti, mereka mendapat subsidi lebih banyak daripada kalangan yang memiliki kuasa beli yang lebih rendah. Soal siapa yang mensubsidi para pengguna tergantung pada sistem percukaian. Tetapi orang yang membayar cukai akan terlibat mensubsidi diri mereka sendiri sebagai pengguna. Dalam keadaan berselirat sebegini sukar untuk mengetahui secara pasti siapa mensubsidi siapa. Kenyataan yang dilupakan: ada pihak yang membayar subsidi dan belum ada kaedah dicipta untuk membolehkan masyarakat mendapat sesuatu secara benar-benar percuma.

3

Dalam suatu tempoh yang singkat, penetapan harga mungkin tampak berjaya. Buat sementara waktu, khususnya dalam masa perang, dasar penetapan harga kelihatan berjaya apabila ia disokong oleh semangat patriotisme dan kebimbangan orang ramai dalam berdepan dengan krisis. Tetapi semakin lama dasar ini dipakai, semakin sulit keadaan. Apabila harga barangan dikawal secara sembarangan dan secara paksa oleh kerajaan, permintaan akan *melonjak jauh* mengatasi penawaran. Kita telah lihat bahawa jika kerajaan cuba untuk mencegah kekurangan bekalan sesuatu komoditi dengan turut mengurangkan kadar upah, harga bahan mentah dan kos faktor-faktor pengeluaran yang lain, ia menimbulkan pula kekurangan bekalan bagi faktor-faktor terlibat. Jika kerajaan mengambil langkah ini, di suatu tahap ia akan sedar bahawa pengawalan harga perlu ditingkatkan lagi secara "menegak" dan lama-kelamaan perlu pula diperluaskan secara "mendatar". Jika kita mencatu satu komoditi dan orang ramai nanti tidak mendapat bekalan yang cukup walaupun mereka mempunyai kuasa beli, mereka akan beralih kepada sesuatu yang lain. Semakin kurang bekalan sesuatu komoditi, semakin meningkat permintaan terhadap komoditi yang tersisa. Jika kita andaikan yang kerajaan berjaya mencegah pasaran gelap (atau sekurang-kurangnya berjaya mencegahnya daripada berkembang sampai ke tahap yang mampu membuatkan orang tidak peduli tentang harga yang 'sah'), kawalan harga pasti akan membawa kepada pencatuan lebih banyak komoditi. Catuan tidak hanya ditujukan kepada para pengguna. Dalam masa perang ia tidak terhenti pada pengguna. Malah, yang paling awal dicatu adalah bahan mentah untuk para pengeluar.

Program kawalan harga menyeluruh yang bertujuan mengekalkan paras harga tertentu sudah pasti akhirnya akan membawa kepada ekonomi yang serba-serbi diatur. Sepertimana harga barangan, kadar upah akan turut ditetapkan pada kadar rendah. Tenaga kerja akan dicatu seperti juga bahan mentah. Akhirnya, kerajaan bukan saja akan menetapkan untuk pengguna jumlah setiap satu komoditi yang boleh dibelinya, ia malah akan

menetapkan bagi pengeluar sebanyak mana bahan mentah yang boleh dipakai dan sebesar mana tenaga kerja yang boleh diupahnya. Orang tidak boleh lagi bersaing untuk mendapatkan pekerja, seperti mana mereka tidak boleh bersaing untuk mendapatkan bahan. Natijahnya adalah ekonomi kuku besi di mana setiap syarikat perniagaan dan setiap pekerja tertakluk di bawah belas ehsan kerajaan, manakala kebebasan seperti yang kita kenal pula akan lenyap. Alexander Hamilton menyebut dalam Federalist Papers sekurun setengah yang lalu: "Kuasa ke atas sara hidup manusia adalah juga kuasa ke atas kehendaknya."

4

Itulah kesan-kesan daripada pengawalan harga yang 'sempurna', berterusan dan 'non-kepolitikan'. Seperti terbukti di banyak negara, khususnya di Eropah sewaktu dan selepas Perang Dunia II, kesilapan-kesilapan besar birokrat telah dibendung oleh pasaran gelap. Kita sudah biasa mendengar kisah tentang bagaimana banyak orang telah berjaya menyambung nyawa dengan melanggani pasaran gelap. Di sesetengah negara, pasaran gelap terus berkembang mengatasi kawalan harga sehinggakan pasaran gelap menjadi pasaran yang sebenar. Bagaimanapun, dengan mengekalkan harga siling, ahli-ahli politik yang berkuasa menunjukkan bahawa jiwa mereka bersama rakyat.

Walaupun pasaran gelap akhirnya menggantikan pasaran harga siling, jangan disangka tiada kemudaratan timbul. Ekonomi dan moral kedua-duanya terjejas. Dalam tempoh peralihan, syarikat-syarikat besar yang telah lama mapan dan telah banyak melaburkan modal terpaksa membataskan atau menghentikan pengeluaran. Tempat mereka diganti oleh syarikat-syarikat segera yang bermodal kecil dan tidak mempunyai banyak pengalaman pengeluaran. Syarikat-syarikat baru ini kurang cekap berbanding syarikat-syarikat yang mereka gantikan. Mereka mengeluarkan produk yang tidak bermutu serta jelek pada kos pengeluaran yang lebih tinggi berbanding syarikat-syarikat dahulu. Ketidakjujuran dijulang. Syarikat-syarikat baru ini wujud atau berkembang kerana mereka sanggup

melanggar undang-undang; para pengguna berpakat dengan mereka; maka kesannya tentulah merebaknya perbuatan-perbuatan tak bermoral dalam dunia perniagaan.

Selain itu, jarang pihak berkuasa penetapan harga memulakan langkah penetapan harga sekadar untuk mengekalkan harga semasa. Mereka mengumumkan bahawa niat mereka hanya untuk "memelihara keadaan." Bagaimanapun, tidak lama kemudian, konon untuk "meratakan kekerutuan" atau demi "keadilan sosial," mereka mula menetapkan harga secara pilih bulu dengan cara memberikan kelebihan kepada kelompok-kelompok yang mempunyai pengaruh politik dan melayan kelompok lain seadanya saja.

Memandangkan kuasa politik hari ini biasanya diukur dengan undi, kelompok yang paling disukai pihak berkuasa adalah kelompok pekerja dan peladang. Pada mulanya pihak berkuasa mendakwa bahawa upah dan kos sara hidup tidak saling berkait; upah boleh ditingkatkan tanpa perlu meningkatkan harga barangan. Apabila semakin jelas bahawa upah hanya boleh ditingkatkan dengan cara mengecilkan untung, para birokrat mula mendakwa bahawa kadar keuntungan semasa terlalu tinggi, maka peningkatan upah dan penetapan harga masih akan menjana "untung yang wajar." Memandangkan kadar keuntungan yang seragam tidak wujud, justeru keuntungan berbeza antara satu perniagaan dengan perniagaan yang lain, dasar peningkatan upah dan kawalan harga ini menyebabkan perniagaan yang paling rendah kadar untungnya gulung tikar atau terpaksa mengehentikan pengeluaran barangan tertentu. Keadaan ini membawa kepada pengangguran, penurunan kdar pengeluaran dan kemerosotan tahap kehidupan.

5

Apa yang mendorong semua usaha penetapan harga siling? Punca paling utama adalah salah faham tentang sebab-musabab kenaikan harga. Harga sebenarnya naik kerana kekurangan bekalan atau kerana lebihan wang. Harga siling tidak mampu mengatasi kedua-dua masalah ini. Malah, seperti yang telah dijelaskan di atas, harga siling hanya akan mengurangkan

lagi bekalan barang. Soal lebihan wang akan kita bincangkan dalam bab lain nanti. Tetapi salah satu kesilapan yang membawa kepada penetapan harga merupakan pokok persoalan buku ini. Sepertimana rancangan-rancangan untuk menaikkan harga komoditi-komoditi tertentu merupakan natijah daripada cara berfikir yang silap, iaitu apabila orang hanya memikirkan kepentingan para pengeluar yang terlibat dan mengabaikan kepentingan para pengguna, begitu juga rancangan penetapan harga menerusi jalan perundangan merupakan natijah dari kesilapan berfikir yang sama, iaitu apabila yang difikirkan hanyalah pengguna, sedangkan kepentingan para pengeluar diabaikan. Sokongan politik terhadap dasar-dasar sebegini muncul daripada kekeliruan yang sama di benak orang ramai. Orang ramai tidak mahu membayar lebih untuk susu, mentega, kasut, perabot, sewa, tiket pawagam atau intan-berlian. Setiap kali harga barangan berkenaan naik, para pengguna jengkel dan merasa tertipu.

Kecuali jika dia sendiri yang membuat barang berkenaan: dalam keadaan ini dia memahami sebab-sebab kenaikan harga. Tetapi dia selalu menganggap perniagaannya sendiri adalah suatu kekecualian. Dia akan berkata, "Perniagaan saya lain sedikit, orang ramai tidak memahaminya. Kos buruh telah naik; harga bahan mentah telah naik; bahan mentah itu-ini tidak lagi diimport dan perlu dibuat pada kos lebih tinggi dalam negeri. Selain itu, permintaan terhadap produk saya telah meningkat, jadi saya perlu dibenarkan untuk menaikkan harga supaya saya mampu meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan." Dan seterusnya. Setiap orang, sebagai pengguna, membeli ratusan produk yang berlainan, sedangkan sebagai pengeluar dia biasanya hanya membuat satu produk. Maka, dia mampu melihat ketidakwajaran langkah untuk menurunkan harga barang yang dikeluarkannya. Setiap pengeluar mahukan harga lebih tinggi untuk produknya, setiap pekerja pula mahukan upah atau gaji yang lebih tinggi. Setiap orang, sebagai pengeluar, boleh melihat bahawa kawalan harga akan membataskan pengeluarannya. Tetapi hampir setiap orang juga enggan menerapkan pemahamannya ini terhadap orang atau perkara lain, kerana itu akan menyebabkannya terpaksa membayar lebih untuk produk orang lain.

Setiap seorang daripada kita memegang personaliti ekonomi yang pelbagai. Setiap seorang daripada kita adalah pengeluar, sekaligus pembayar cukai dan juga pengguna. Lalu kita menyokong sesuatu dasar berasaskan peranan yang kita rasakan sedang kita pegang pada waktu dasar itu dikemukakan. Adakalanya kita adalah Dr. Jekyll, adakalanya Mr. Hyde. Sebagai pengeluar, kita menginginkan inflasi (kerana kita memikirkan tentang perkhidmatan atau produk yang kita tawarkan); sebagai pengguna pula kita mahukan harga siling (kerana memikirkan tentang harga yang harus dibayar untuk membeli produk orang lain). Sebagai pengguna kita mungkin menyokong pemberian subsidi; sebagai pembayar cukai kita tidak suka membayar subsidi. Setiap kita mungkin merasakan yang kita boleh menguruskan daya-daya politik agar manfaat yang kita terima daripada subsidi boleh mengimbangi kerugian akibat kewajipan membayar cukai yang tinggi; atau mendapat faedah daripada kenaikan harga barangan kita sendiri (apatahlagi ketika harga bahan mentah ditetapkan pada paras yang rendah) dan pada masa yang sama, sebagai pengguna, meraih faedah daripada kawalan harga. Tetapi ternyata kita hanya memperdayakan diri sendiri. Manipulasi politik ke atas harga tidak akan membawa sebarang untung. Malah kerugiannya lebih besar, kerana penetapan harga menghakis peluang kerja dan menjejaskan pengeluaran.

Bab Lapan Belas

Gaji minima

1

Kita telah melihat sebahagian kesan memudaratkan akibat daripada usaha sembarangan kerajaan untuk menaikkan harga komoditi tertentu. Kesan-kesan yang sama muncul daripada usaha-usaha untuk menaikkan kadar gaji menerusi undang-undang gaji minima. Hal ini sepatutnya tidak memeranjatkan, kerana gaji pada hakikatnya adalah harga. Pemikiran ekonomi kita menjadi kabur apabila harga khidmat buruh diberikan nama yang berlainan daripada harga-harga lain. Ini menghalang kebanyakan orang daripada melihat bahawa prinsip yang sama memandu kedua-duanya.

Dalam soal upah [atau gaji], kita menjadi begitu beremosi dan berat sebelah sehinggakan dalam membincangkannya kita mengabaikan prinsip-prinsip paling jelas. Kalangan yang cepat menafikan bahawa kemakmuran boleh dicapai dengan cara meningkatkan harga secara artifisial, kalangan yang cepat mengingatkan bahawa undang-undang harga minimum akan memudaratkan industri-industri yang ingin dibantunya, tiba-tiba tanpa merasa bersalah memperjuangkan undang-undang gaji minimum dan membantah para penentang undang-undang ini.

Meskipun begitu, sepatutnya jelas bahawa paling baik sekalipun undang-undang gaji minima adalah senjata yang terbatas untuk memerangi tingkat gaji yang rendah dan bahawa apa saja kebaikan yang boleh dicapai menerusi undang-undang sedemikian, kemudaratan yang mungkin timbul bakal mengatasi kebaikan yang ingin dicapai. Semakin besar matlamat undang-undang ini, semakin besar jumlah pekerja yang ingin diliputinya. Semakin ia mencuba untuk meningkatkan upah mereka, semakin berkemungkinan kesan-kesan buruknya akan mengatasi kesan-kesan baik.

Perkara pertama akan berlaku apabila undang-undang gaji minima diluluskan, misalnya gaji minima $30 untuk waktu kerja selama empat puluh jam seminggu, ialah majikan tidak akan menggaji orang yang kemampuannya kurang daripada nilai $30 seminggu. Nilai seseorang pekerja itu takkan meningkat hanya kerana undang-undang melarang majikan daripada mengambilnya bekerja pada upah lebih rendah. Larangan itu hanya akan menyebabkannya hilang hak untuk mendapat upah yang bersesuaian dengan keupayannya serta bersesuaian dengan keadaan semasa. Masyarakat pula akan dinafikan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan pekerja tersebut, walaupun pada tahap kemahiran yang sederhana. Singkatnya, dengan undang-undang gaji minima kita menyebabkan orang yang dahulunya mendapat upah rendah hilang pekerjaan. Kita menyebarkan kemudaratan tanpa menyediakan sebarang penawar.

Keadaan sedikit berbeza jika yang terlibat adalah sekelompok pekerja yang mendapat upah pada kadar di bawah nilai pasaran. Hal ini hanya berlaku dalam keadaan atau di tempat khusus di mana daya persaingan tidak memainkan peranan secara bebas atau memadai. Tetapi keadaan sebegini sebenarnya boleh diatasi secara lebih berkesan, anjal, dan jauh kurang memudaratkan menerusi kesatuan sekerja.

Mungkin ada orang yang memikirkan bahawa jika undang-undang memaksa sesuatu industri itu membayar upah lebih tinggi kepada para pekerjanya, industri berkenaan boleh menaikkan harga produknya agar beban kenaikan upah itu boleh dialihkan ke bahu para pengguna. Tetapi peralihan sebegini tidak mudah untuk dilakukan dan ia tidak semestinya akan menghilangkan kesan buruk daripada kenaikan gaji secara artifisial. Memang harga produk terbabit boleh dinaikkan, tetapi para pengguna mungkin akan mencari produk lain sebagai pengganti. Jika para pengguna terus membeli produk tersebut sekalipun, kenaikan harga akan memaksa mereka mengurangkan jumlah belian. Lalu, industri berkenaan terpaksa mengurangkan pekerjanya. Maka sebahagian pekerja akan mendapat faedah daripada undang-undang gaji minima manakala sebahagian yang lain langsung akan hilang pekerjaan. Jika harga produk tidak dinaikkan pula, pengeluar-pengeluar pinggiran dalam industri terbabit akan terpaksa tutup kedai. Bererti, pengeluaran akan tetap merosot dan pengangguran akan tetap berlaku.

Apabila kita menyebutkan kesan-kesan ini, ada sekumpulan orang menjawab: "Baik, kalau benar industri X tidak mampu bertahan melainkan jika ia dibenarkan untuk terus membayar upah yang rendah, biarkan undang-undang gaji minima mendorong industri itu ke arah kemusnahan." Tetapi kenyataan berani ini mengabaikan realiti. Pertama sekali, ia mengabaikan hakikat bahawa para pengguna akan berdepan kepayahan kerana mereka tidak lagi mampu mendapatkan produk terbabit. Kedua, ia lupa bahawa cara itu akan melempar semua pekerja dalam industri berkenaan ke jurang pengangguran. Terakhir, ia mengabaikan hakikat bahawa walaupun upah dalam industri X rendah, ia masih yang tertinggi di antara pilihan lain yang ada bagi para pekerja dalam industri itu (kerana jika ada peluang yang lebih baik sudah tentu mereka telah meninggalkan industri X). Justeru itu, jika industri X lenyap akibat undang-undang gaji minima, para pekerja yang dulunya bekerja di sana akan terpaksa untuk beralih kepada alternatif yang kurang menarik bagi mereka. Mereka akan bersaing untuk mendapatkan pekerjaan, dan persaingan ini akan menyebabkan kadar upah turun, termasuk kadar upah dalam pekerjaan alternatif. Kita takkan dapat lari daripada kesimpulan bahawa gaji minima akan meningkatkan pengangguran.

2

Selain itu, masalah rumit akan timbul apabila program bantuan sara hidup diadakan untuk menangani masalah pengangguran yang disebabkan oleh undang-undang gaji minima. Dengan ketetapan upah minima $0.75 sejam misalnya, kita menghalang orang daripada bekerja selama empat puluh jam seminggu dengan upah kurang daripada $30. Katakan kita menawarkan bantuan hanya $18 seminggu. Ini bererti kita menghalang orang terbabit daripada dimanfaatkan sebagai pekerja pada kadar upah $25 seminggu [kerana undang-undang menetapkan upah minima sebanyak $30 seminggu] supaya kita boleh memberikannya bantuan sebanyak $18 seminggu untuk goyang kaki. Kita menghalang masyarakat daripada mendapat manfaat daripada khidmat orang tersebut. Kita juga menghalang orang itu daripada hidup mandiri dan merasa dirinya bermaruah kerana

mampu menampung kehidupannya sendiri, walaupun hidupnya ala kadar. Kita juga menghalang orang berkenaan daripada membuat kerja yang dimahukannya, selain merendahkan pendapatan yang sepatutnya mampu diraihnya dengan usaha sendiri.

Walaupun kadar bantuan yang kita berikan hanya satu sen kurang daripada $30, keadaannya sama. Tetapi kita kita memberikan kadar bantuan yang tinggi, keadaan lain akan menjadi buruk. Jika kita menawarkan bantuan sara hidup sebanyak $30, itu bererti kita menawarkannya jumlah wang yang sama dengan yang boleh didapatinya jika dia bekerja. Selain itu, berapa saja jumlah bantuan yang kita tawarkan, kita membentuk keadaan di mana setiap orang bekerja hanya untuk mendapat upah yang lebih sedikit daripada jumlah bantuan sara hidup. Jika bantuan sebanyak $30 diberikan seminggu misalnya, ertinya upah sebenar bagi para pekerja yang mendapat upah $40 seminggu hanyalah $10 seminggu, kerana kalau tanpa kerja sekalipun mereka boleh mendapat $30 seminggu.

Mungkin bagi sesetengah orang kita boleh menghindari kesan-kesan buruk yang disebutkan di atas dengan cara menawarkan "bantuan sara hidup sambil bekerja" dan bukannya "bantuan sara hidup sambil diam di rumah". Tapi dengan cara ini kita hanya mengubah sifat bagi kesan-kesan berkenaan. "Bantuan sambil bekerja" bererti kita memberikan bayaran tambahan kepada para pekerja untuk menokok bayaran yang mereka terima berasaskan kadar pasaran terbuka. Hanya sebahagian daripada bantuan ini diberikan sebagai imbuhan bagi usaha mereka manakala selebihnya adalah sedekah terselindung.

Mungkin ada baiknya jika awal-awal lagi kerajaan berikan saja subsidi upah secara terang-terangan untuk kerja-kerja persendirian yang sedang mereka lakukan. Tidak perlulah kita membincangkan perkara ini lebih lanjut, kerana ia akan menyeret kita ke dalam permasalahan yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan pokok perbincangan buku ini. Cukup kita mengambil ingat tentang semua kesulitan dan kerumitan yang akan timbul daripada pemberian bantuan sara hidup sewaktu kita mempertimbangkan undang-undang gaji minima atau sewaktu kita hendak meningkatkan kadar minima sedia ada.

3

Bukan tujuan kita hendak mengatakan bahawa tidak ada jalan untuk meningkatkan upah. Tujuan perbincangan kita hanyalah untuk mengingatkan bahawa langkah meningkatkan gaji menerusi jalan mudah, iaitu menerusi perintah kerajaan, adalah kaedah yang salah dan paling buruk.

Barangkali ini kesempatan yang tidak kurang baik untuk mengingatkan bahawa yang membezakan para 'juru ubah' dengan kalangan yang menentang cadangan-cadangan mereka bukanlah kerana mereka lebih murah hati, tetapi kerana mereka lebih tidak sabar berbanding penentang mereka. Persoalannya bukan sama ada kita berhasrat hendak melihat semua orang dapat menikmati kehidupan sebaik mungkin atau tidak. Persoalan sebenarnya ialah jalan mana yang wajar untuk mencapai matlamat itu. Untuk menjawab persoalan ini kita jangan sesekali melupakan beberapa kebenaran yang asasi: Kita tidak mampu mengagihkan kekayaan lebih daripada yang kita mampu hasilkan; dan kita tidak mampu untuk memberi imbuhan kepada tenaga buruh, dalam jangka waktu yang panjang, lebih daripada nilai barangan yang dihasilkannya.

Justeru itu, cara terbaik untuk meningkatkan upah ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran buruh. Ini boleh dicapai menerusi banyak kaedah: dengan meningkatkan jumlah modal – iaitu dengan meningkatkan penggunaan jentera yang dapat membantu para pekerja; dengan merekacipta alat baru dan memperbaiki alat-alat yang ada; dengan meningkatkan keupayaan pengurusan majikan; dengan meningkatkan usaha dan kecekapan para pekerja; dengan menyediakan pendidikan dan latihan yang lebih baik. Semakin tinggi pengeluaran setiap seorang pekerja, semakin makmur seluruh masyarakat. semakin tinggi pengeluaran pekerja, semakin tinggi nilainya di mata majikan dan semakin tinggi pula upah yang akan diberikan. Upah yang hakiki datang daripada pengeluaran, bukan daripada ketetapan kerajaan.

Bab Sembilan Belas

Benarkah kesatuan sekerja mampu meningkatkan upah?

Kepercayaan bahawa kesatuan buruh boleh menaikkan gaji sebenar dengan ketara dalam jangka masa panjang dan untuk semua pekerja adalah satu daripada khayalan terbesar zaman ini. Khayalan ini muncul terutamanya kerana kita gagal mengakui bahawa gaji pada dasarnya ditentukan oleh daya pengeluaran buruh. Oleh kerana itu, sebagai contoh, gaji di Amerika Syarikat lebih tinggi secara perbandingannya dengan di England dan Jerman sepanjang dekad ketika "gerakan pekerja" dalam dua negara tersebut jauh lebih maju.

Meskipun ada bukti kukuh yang menunjukkan produktiviti buruh adalah asas penentu gaji, kesimpulan yang dibuat ini biasanya diabai atau diperlekeh oleh pemimpin kesatuan buruh dan ramai penulis ekonomi yang cuba membina reputasi sebagai 'liberal' dengan mengulang hujah pemimpin kesatuan buruh ini. Kesimpulan bahawa produktiviti buruh adalah asas penentu gaji ini bukanlah disandarkan kepada andaian, sebagaimana dianggap oleh pemimpin kesatuan buruh dan ramai penulis ekonomi itu bahawa majikan secara seragamnya baik hati dan pemurah serta begitu bersemangat untuk melakukan apa yang betul. Ia disandarkan kepada andaian yang sangat berbeza iaitu individu majikan begitu bersemangat memaksimumkan keuntungan. Sekiranya seseorang sanggup bekerja untuk mendapat bayaran yang kurang daripada nilai sebenar diri mereka, mengapa majikan tidak mengambil kesempatan sepenuhnya daripada hal

ini? Mengapa mereka tidak suka, misalnya, berjimat $1 seminggu daripada pekerjanya berbanding ketika majikan lain dapat menjimatkan $2 daripada pekerja mereka? Selagi situasi ini wujud, akan ada kecenderungan majikan mendapatkan pekerja sehingga nilai penuh ekonomi mereka. Semua ini tidak bermaksud kesatuan tidak mempunyai fungsi perkhidmatan yang berguna dan sah. Fungsi utama yang boleh dilakukan mereka ialah meningkatkan situasi kerja setempat dan memastikan semua ahlinya mendapat nilai pasaran sebenar perkhidmatan mereka.

Persaingan pekerja untuk mendapatkan pekerjaan, dan majikan untuk pekerja, tidak berlaku secara sempurna. Tidak ada mana-mana individu pekerja dan individu majikan maklum sepenuhnya tentang keadaan pasaran buruh. Individu pekerja mungkin tidak tahu nilai sebenar pasaran bagi perkhidmatannya kepada majikan. Dia mungkin di kedudukan yang lemah dalam proses tawar-menawar. Kesilapan keputusan yang dibuat memberikan lebih banyak kos kepadanya berbanding kepada majikan. Sekiranya seorang majikan tersilap apabila menolak pengambilan seseorang yang perkhidmatannya menguntungkan baginya, mereka mungkin hanya kerugian keuntungan bersih yang boleh didapati dengan mengambil orang itu bekerja; dan dia mungkin mengambil seratus atau seribu orang bekerja. Tetapi sekiranya pekerja tersilap menolak pekerjaan yang diyakini boleh didapatkan oleh diri mereka pada kadar harga yang lebih tinggi di tempat lain, kesilapan itu akan memberikan kesan besar kepadanya. Seluruh punca pendapatannya terlibat. Bukan sahaja dia akan gagal untuk segera mendapatkan pekerjaan lain yang sanggup membayar lebih tinggi; dia mungkin gagal untuk mencari pekerjaan lain yang jarang membayak sebanyak itu satu tempoh masa. Dan masa akan menjadi masalah utamanya, kerana dia dan keluarganya perlu makan. Jadi dia mungkin terdorong mengambil gaji yang dia yakin di bawah "nilai sebenar" dirinya berbanding berdepan dengan risiko yang ada. Apabila kesatuan berunding dengan majikan sebagai sebuah badan dan menentukan satu "piawaian gaji" yang diketahui untuk pekerjaan tertentu, mereka boleh membantu untuk menyamakan kuasa tawar-menawar dan risiko yang ada dalam kesilapan tersebut.

Namun adalah mudah bagi kesatuan melangkaui fungsi sah mereka, sebagaimana pengalaman membuktikannya, dengan menggunakan undang-undang buruh yang berat sebelah, mewajibkan majikan sepenuhnya, bertindak secara tidak bertanggungjawab dan mengambil dasar yang tidak berfikir panjang dan anti sosial. Sebagai contoh, TI melakukan ini ketika meminta untuk penetapan gaji ahlinya dinaikkan melebihi nilai sebenar di pasaran. Cubaan seperti ini sentiasa menyebabkan berlakunya pengangguran. Sebenarnya aturan ini hanya boleh kekal dengan beberapa bentuk ugutan dan paksaan.

Satu cara yang diambil ialah menyekat keahlian kesatuan atas sebab yang lain daripada peningkatan keupayaan atau kemahiran. Sekatan boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk: ia mungkin dibuat dengan mengenakan caj tinggi kepada pekerja baru untuk penubuhannya; syarat layak menjadi ahli; mendiskriminasi secara terbuka atau sembunyi, atas faktor agama, kaum atau jantina; dengan menghadkan jumlah ahli, atau melalui pengecualian, dengan cara kekerasan jika perlu, bukan hanya kepada produk buruh tidak berkesatuan, tetapi kepada produk termasuk kesatuan yang bergabung di negeri atau bandar lain.

Kes paling nyata tentang penggunaan tekanan dan ugutan untuk memastikan atau menaikkan gaji kesatuan buruh tertentu melebihi nilai sebenar pasaran untuk perkhidmatan ahli ialah tunjuk perasaan. Tunjuk perasaan yang aman boleh dibuat. Sehingga tahap ia kekal aman, ia adalah senjata buruh yang sah, meskipun ia sepatutnya jarang diguna dan menjadi cara paling akhir digunakan. Jika pekerja sebagai kesatuan melalukakan mogok kerja, mereka mungkin boleh menyedarkan majikan yang degil. Dia akan mendapati sukar untuk menggantikan pekerja yang ada dengan pekerja lain yang sama bagus dan sanggup menerima gaji yang telah ditolak oleh pekerja yang mogok. Namun ketika pekerja menggunakan ancaman atau kerosakan untuk mendesak tuntutan mereka – ketika mereka berpiket besar-besaran untuk menghalang para pekerja lama daripada meneruskan pekerjaan mereka, atau menghalang majikan daripada mengambil pekerja tetap yang baru bagi menggantikan mereka – kes mereka mula diragui. Kerana piket hanya digunakan, bukan sebagai cara menentang majikan,

tetapi untuk menentang pekerja lain. Pekerja lain ini sedia melakukan pekerjaan yang ditinggalkan oleh pekerja lama, dan menerima gaji yang ditolak oleh pekerja lama. Fakta menunjukkan bahawa alternatif lain yang terbuka kepada pekerja baru tidaklah sebaik yang ditolak oleh pekerja lama. Maka, jika pekerja lama berjaya dengan tekanan yang dibuat untuk menghalang pekerja baru daripada mengambil pekerjaan tersebut, mereka sebenarnya menghalang pekerja baru ini daripada memilih alternatif terbaik yang terbuka untuk mereka, bahkan pekerja baru telah didesak untuk melakukan memilih yang lebih buruk. Maka sebenarnya penunjuk perasaan berkeras untuk mendapat kedudukan istimewa, dan tekanan diguna terhadap pekerja lain untuk mengekalkan kedudukan istimewa mereka.

Jika analisis terdahulu tepat, kebencian rambang "pencetus tunjuk perasaan" itu tidak wajar. Jika tunjuk perasaan dileraikan dengan cara samseng profesional yang ganas, atau pekerja baru dibayar pada kadar yang tinggi untuk tempoh sementara semata-mata untuk berdalih meneruskan kerja sehingga pekerja lama takut dan kembali bekerja pada aras gaji lama, kebencian itu boleh ditunjukkan. Bagaimanapun, jika pekerja baru sebenarnya hanya pencari pekerjaan tetap dan sanggup menerima gaji pada aras lama, maka mereka menjadi pekerja yang ditekan untuk mencari pekerjaan lebih teruk agar pekerja lama yang menunjuk perasaan boleh menikmati aras gaji yang lebih baik. Sebenarnya kedudukan lebih baik untuk pekerja lama ini hanya boleh dikekalkan melalui ancaman yang sentiasa dibuat.

Ekonomi dengan cara beremosi telah melahirkan teori bahawa pemeriksaan yang tenang adalah tidak wajar. Satu daripadanya ialah idea bahawa buruh secara umumnya "dibayar rendah". Ini akan dianalogikan kepada tanggapan umum bahawa harga dalam pasaran bebas secara kroniknya adalah terlalu rendah. Satu lagi tanggapan berterusan daripada rasa ingin tahu ialah kepentingan pekerja negara adalah setara satu sama lain, dan kenaikan gaji untuk satu kesatuan dengan cara yang kabur membantu semua pekerja lain. Bukan sahaja tidak ada kebenaran dalam idea ini; tetapi apa yang benar ialah, jika melalui tekanan kesatuan tertentu

berjaya menaikkan gaji ahlinya secara ketara melebihi nilai sebenar pasaran bagi perkhidmatan mereka, ia akan menjejaskan semua pekerja lain sebagaimana ia menjejaskan semua ahli masyarakat.

Bagi melihat dengan lebih jelas bagaimana ini berlaku mari kita bayangkan sebuah komuniti yang faktanya telah dipermudahkan dengan banyak secara logik. Katakan sebuah komuniti itu terdiri daripada setengah dozen kumpulan pekerja, dan kumpulan-kumpulan ini pada asalnya setara antara satu sama lain dalam gaji penuh dan nilai pasaran produknya.

Katakan enam kumpulan pekerja ini terdiri daripada (i) pekerja ladang, (2) pekerja kedai runcit, (3) pekerja perniagaan pakaian, (4) pekerja lombong, (5) buruh binaan, dan (6) pekerja landasan kereta api. Kadar gaji mereka ditentukan tanpa sebarang unsur paksaan dan tidak semestinya sama; berapa pun gaji tersebut mari kita berikan setiap mereka indeks nombor asal 100 sebagai asas. Kini mari kita andaikan setiap kumpulan membentuk satu kesatuan buruh kebangsaan dan mampu mendesak permintaan agar gaji bukan sahaja berkadar dengan produktiviti ekonomi tetapi juga kuasa politik serta kedudukan strategiknya. Katakan hasil daripada cara ini pekerja ladang tidak dapat menaikkan langsung gaji mereka, dan pekerja kedai runcit dapat menaikkannya 10 peratus, pekerja pakaian dapat menaikkan 20 peratus, pekerja lombong mendapat 30 peratus, buruh binaan mendapat 40 peratus, dan pekerja landasan kereta api mendapat 50 peratus.

Dengan andaian yang telah dibuat, ini bermaksud berlaku peningkatan purata dalam gaji sebanyak 25 peratus. Kini andaikan, sekali lagi demi logik ringkas, harga produk yang dihasilkan oleh setiap kumpulan pekerja meningkat pada kadar peratusan yang sama sebagaimana peningkatan dalam gaji kumpulan tersebut. (Untuk beberapa sebab, ini termasuk fakta bahawa kos buruh tidak mewakili semua kos, harga tidak cukup untuk berbuat demikian – pasti tidak dalam tempoh singkat. Namun angka-angka ini akan tetap berguna bagi mengilustrasikan prinsip asas yang terlibat.)

Kita akan mendapati satu situasi di mana kos sara hidup meningkat secara purata sebanyak 25 peratus. Pekerja ladang, meskipun wang gaji mereka tidak berkurangan, menjadi lebih teruk dari segi apa yang boleh

mereka beli. Pekerja kedai runcit, meskipun mendapat peningkatan gaji sebanyak 10 peratus, juga akan lebih teruk berbanding sebelumnya. Malah pekerja dalam perniagaan pakaian, dengan kenaikan gaji sebanyak 20 peratus, kurang berkelebihan berbanding kedudukan sebelumnya. Pekerja lombong, dengan peningkatan gaji sebanyak 30 peratus, akan mempunyai kuasa beli yang lebih sedikit. Buruh binaan dan juga pekerja landasan kereta api tentu akan mendapat keuntungan, tetapi lebih kecil daripada apa yang boleh dilihat.

Malah pengiraan seperti itu bersandar kepada andaian bahawa paksaan kenaikan gaji tidak menyebabkan pengangguran. Ini mungkin benar hanya jika kenaikan gaji turut diiringi dengan peningkatan wang dan hutang bank yang setara; malah adalah mustahil gangguan seperti itu boleh berlaku dalam kadar gaji tanpa menyebabkan pengangguran, terutama dalam perniagaan di mana paling banyak berlaku kenaikan gaji. Jika inflasi kewangan yang sama tidak berlaku, desakan kenaikan gaji akan menyebabkan meluaskan pengangguran.

Pengangguran tidak semestinya besar dalam peratusan, di kalangan kesatuan di mana gaji mereka paling banyak meningkat, kerana pengangguran akan dialih dan diagih mengikut keanjalan relatif permintaan buruh jenis lain dan mengikut corak permintaan "bersama" banyak jenis buruh. Namun ketika semua elaun ini telah dibuat, semua kumpulan termasuk yang paling banyak dinaikkan gaji akan mendapati, apabila purata pengangguran mereka setara dengan ahli yang diambil bekerja, gaji mereka menjadi lebih teruk berbanding sebelumnya.

Dari segi kebajikan, tentunya kerugian yang dialami akan lebih besar berbanding kerugian dalam hanya nilaian logik semata-mata, kerana kerugian psikologi mereka yang kehilangan kerja akan melebihi keuntungan psikologi mereka yang berpendapatan tinggi sedikit dalam pengertian kuasa beli.

Situasi ini juga tidak dapat dipulihkan dengan menyediakan bantuan pengangguran. Bantuan seperti itu pada mulanya dibayar dalam bahagian besar, secara langsung atau tidak daripada gaji mereka yang bekerja. Justeru ia sebenarnya mengurangkan gaji ini. Tambahan pula, bayaran bantuan

'yang mencukupi' ini, sebagaimana yang dapat kita lihat, menyebabkan pengangguran. Beberapa cara dilakukan oleh mereka. Semasa kesatuan buruh kuat pada masa lalu, ketika ia menjalankan fungsi kesatuan kepada ahli yang menganggur, mereka berfikir dua kali sebelum menuntut gaji yang akan menyebabkan pengangguran lebih ramai. Namun di mana terdapat sistem bantuan yang dibayar oleh pembayar cukai untuk diberikan kepada pengangguran yang berpunca daripada kadar gaji yang besar, sekatan kepada banyak permintaan kesatuan dibuang. Tambahan pula, sebagaimana telah kita sedar, "bantuan yang mencukupi" akan menyebabkan ada yang tidak mahu mencari pekerjaan langsung, dan akan menyebabkan yang lain berfikir bahawa mereka sebenarnya bekerja bukan lagi untuk gaji yang ditawarkan, tetapi hanya untuk perbezaan antara gaji dan bayaran bantuan. Pengangguran yang sangat ramai bermaksud kurang barangan dikeluarkan, negara itu kian miskin dan tidak banyak barang untuk semua orang.

Pemimpin penyelamat daripada kesatuan buruh kadangkala cuba memberi jawapan lain bagi masalah ini. Mereka mengakui mungkin benar ahli kesatuan buruh yang kuat mengeksploitasi antaranya, pekerja yang tidak menyertai kesatuan; penyelesaian bagi masalah ini mudah: jadikan semua orang ahli kesatuan. Namun, penyelesaian ini tidaklah semudah itu. Pada mulanya, meskipun banyak dorongan politik dan undang-undang (atau dalam sesetengah kes mungkin boleh disebut paksaan) untuk penyerapan masuk ke dalam kesatuan buruh di bawah Akta *Wagner-Taft-Hartley* dan undang-undang lain, bukanlah berlaku tanpa sebab bila hanya satu per empat daripada mereka yang bekerja di negara ini menyertai kesatuan. Keadaan yang memihak kepada penyerapan masuk ke dalam kesatuan buruh adalah lebih khusus berbanding apa yang dianggap secara umum. Meskipun penyerapan ini boleh dilakukan, kesatuan tidak mungkin akan mempunyai kuasa yang sama, lebih banyak daripada apa yang mereka ada kini. Sebahagian kumpulan pekerja berkedudukan lebih baik berbanding yang lain, sama ada kerana bilangan yang ramai, disebabkan jenis produk yang mereka buat, kerana industrinya lebih banyak bergantung kepada industri lain, atau kerana kelebihan upaya mereka menggunakan kaedah

paksaan. Katakan ianya tidak begitu. Katakan, di sebalik percanggahan dalaman dalam andaian yang dibuat, bolehkah semua pekerja menambah wang gaji mereka pada peratusan yang sama dengan cara paksaan? Tidak ada siapa akan mendapat keuntungan dalam jangka masa panjang, berbanding jika gaji tidak dinaikkan langsung.

Ini membawa kita kepada jantung persoalan. Selalunya diandaikan kenaikan gaji dibuat dengan tanggungan keuntungan majikan. Ini mungkin pasti untuk tempoh singkat atau dalam keadaan tertentu. Jika gaji dipaksa naik dalam firma tertentu, dalam persaingan dengan yang lain ia tidak dapat menaikkan harga, kenaikan itu akan datang daripada keuntungannya. Ini mungkin kurang berlaku jika kenaikan gaji berlaku di seluruh industri. Jika industri tidak berdepan dengan persaingan luar ia mungkin boleh meningkatkan harga dan meluluskan kenaikan gaji bersamanya kepada pengguna. Kerana ini biasanya melibatkan kebanyakan bahagian pekerja, gaji sebenar mereka akan secara mudahnya dikurangkan dengan perlu membayar lebih untuk produk tertentu. Adalah benar kesan daripada kenaikan harga menyebabkan jualan produk industri itu jatuh, maka jumlah keuntungannya dalam industri itu akan menyusut; tetapi pekerjaan dan jumlah gaji pekerja dalam industri biasanya dikurangkan dengan jumlah yang selaras.

Tidak syak lagi, adalah mustahil memikirkan kes di mana keuntungan dalam semua industri dikurangkan tanpa menyebabkan pengurangan dalam pekerjaan – dalam kata lain, kes di mana peningkatan dalam kadar gaji bermaksud peningkatan yang sepadan dalam pembayaran gaji, dan di mana kos keseluruhan datang daripada keuntungan industri tanpa menyebabkan mana-mana firma menutup perniagaannya. Hasil itu tidak mungkin berlaku tetapi ia boleh difikirkan.

Katakan kita mengambil contoh industri seperti itu ialah landasan kereta api, yang tidak dapat meluluskan kenaikan gaji selaras dengan yang lain dalam bentuk kadar lebih tinggi, kerana kerajaan tidak akan membenarkannya.

Sekurang-kurangnya kesatuan mungkin membuat keuntungan jangka masa pendek yang ditanggung oleh majikan dan pelabur. Pada satu masa

pelabur mempunyai dana cair. Tetapi mereka telah meletakkannya, katakan, dalam perusahaan landasan kereta api. Mereka telah menukar dana cair ini kepada landasan, bahan-bahan jalan, pengangkutan kargo dan lokomotif. Pada suatu masa modal mereka mungkin telah bertukar kepada ribuan bentuk, tetapi kini ia telah menjadi satu bentuk khusus. Kesatuan pekerja landasan kereta api mungkin mendesak mereka untuk menerima pulangan (baca: keuntungan - pent.) lebih kecil daripada modal yang telah dilaburkan ini. Mereka akan membayar pelabur untuk meneruskan pengurusan jalan kereta api ini jika mereka boleh mendapat apa sahaja yang lebih daripada belanja operasi, meskipun hanya satu per-sepuluh daripada satu peratus pelaburan mereka.

Namun terdapat akibat wajar yang tidak dapat dielakkan daripada ini. Jika wang yang mereka laburkan untuk landasan kereta api kini mendapat kurang pulangan berbanding pelaburan dalam hal lain, pelabur tidak akan menambah walau satu sen pun lagi pelaburan untuk landasan kereta api. Mereka mungkin menggantikan sejumlah perkara yang tidak menguntungkan terlebih dahulu bagi melindungi keuntungan kecil dalam baki modal mereka; tetapi untuk jangka masa panjang mereka tidak kisah untuk menggantikan perkara yang sudah usang dan tidak lagi diguna. Jika modal yang dilaburkan di negara sendiri memberi pulangan lebih rendah kepada mereka berbanding pelaburan di luar negara, mereka akan melabur di luar negara. Jika mereka tidak boleh mendapat cukup pulangan di mana-mana sebagai pampasan kepada risiko yang diambil, mereka tidak akan melabur langsung.

Maka eksploitasi modal oleh buruh boleh pada tahap terbaiknya bersifat sementara. Ia akan segera berakhir. Sebenarnya, ia akan berakhir bukan dengan cara yang kami nyatakan dalam ilustrasi hipotetikal, iaitu dengan cara mendesak firma kecil keluar terus daripada perniagaan, peningkatan pengangguran, dan desakan penyesuaian gaji dan keuntungan ke tahap di mana prospek keuntungan yang biasa (atau luar biasa) akan membawa kepada pemulihan pekerjaan dan pengeluaran. Tetapi untuk sementara waktu, kesan daripada eksploitasi, pengangguran dan berkurangnya pengeluaran akan menyebabkan semua orang semakin miskin.

Meskipun buruh pada satu masa akan mendapat bahagian relatif yang lebih besar dalam pendapatan nasional, pendapatan nasional secara pastinya akan jatuh; maka bahagian relatif buruh dalam jangka masa singkat ini mungkin bermaksud kejayaan yang tidak menguntungkan: mereka mungkin bermaksud buruh juga mendapat jumlah penuh yang lebih rendah dalam pengertian kuasa beli sebenar.

Justeru kita didorong untuk menyimpulkan, meskipun mungkin pada satu masa kesatuan dapat memastikan peningkatan wang gaji untuk ahli-ahlinya, sebahagiannya atas tanggungan majikan dan lebih banyak lagi atas tanggungan pekerja yang tidak menyertai mereka, mereka langsung tidak boleh meningkatkan gaji sebenar dalam jangka masa panjang dan kepada semua pekerja.

Kepercayaan bahawa kesatuanlah yang menaikkan gaji sebenar bersandar kepada khayalan. Satu daripadanya ialah falasi *post hoc ergo propter hoc,* yang melihat peningkatan besar gaji dalam separuh abad terakhir, secara prinsipnya kerana pertumbuhan modal pelaburan dan kemajuan saintifik dan teknologi, dan dinisbahkan kepada kesatuan kerana mereka juga berkembang dalam tempoh yang sama. Namun tanggungjawab paling besar bagi kesilapan khayalan ini ialah pertimbangan hanya kepada apa yang berlaku dalam jangka masa pendek kepada pekerja tertentu yang kekal dalam kerja mereka dengan kenaikan gaji akibat desakan kesatuan, tetapi gagal untuk melihat kesan kemajuan ini kepada pekerjaan, pengeluaran dan kos sara hidup semua pekerja, termasuk kepada mereka yang mendesak kenaikan ini.

Hujah lebih panjang boleh dibuat berbanding kesimpulan ini, dan pertanyaan boleh diajukan sama ada kesatuan akan, dalam jangka masa panjang dan kepada semua kesatuan buruh, menghalang gaji sebenar daripada meningkat ke tahap di mana ia sepatutnya berlaku. Sememangnya mereka menjadi satu kuasa yang berusaha untuk menahan atau mengurangkan gaji jika kesannya pada imbangan bersih telah mengurangkan produktiviti buruh; dan kita boleh bertanya sama ada mereka mahu mendakwa sebaliknya.

Berhubung dengan produktiviti terdapat sesuatu untuk diperkatakan berkaitan dasar kesatuan, iaitu pada sisi hutang. Dalam sesetengah perdagangan mereka berkeras mengenai piawaian bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kecekapan. Dalam sejarah awal mereka banyak perkara dilakukan untuk melindungi kesihatan ahli keluarga mereka. Apabila buruh ramai, individu majikan sering membuat keuntungan jangka pendek dengan mempercepatkan pekerja dan menetapkan waktu bekerja yang lama meskipun kesan buruk kepada tahap kesihatan mereka adalah pasti, kerana buruh-buruh ini dilihat senang digantikan oleh lambakan pekerja lain. Kadangkala majikan yang jahil dan berfikiran singkat mungkin akan mengurangkan keuntungan mereka sendiri dengan menetapkan tempoh bekerja yang lama kepada pekerjanya. Dalam semua kes ini, kesatuan selalunya meningkatkan kesihatan dan kebajikan ahli-ahlinya seiring dengan kenaikan gaji sebenar apabila menuntut piawaian persekitaran kerja yang baik.

Namun kebelakangan ini sejak kuasa mereka bertambah dan banyak simpati awam diberikan, mereka telah mendorong kepada toleransi atau persetujuan terhadap amalan anti sosial, kesatuan telah pergi melangkaui tujuan sah ia diwujudkan. Adalah satu keuntungan, bukan sahaja kepada kesihatan dan kebajikan, tetapi juga untuk pengeluaran jangka masa panjang, bagi mengurangkan kerja daripada selama 70 jam seminggu kepada 60 jam seminggu. Adalah satu keuntungan kepada kesihatan dan masa lapang untuk mengurangkan daripada kerja 60 jam seminggu kepada 40 jam seminggu. Nilai kepada kesihatan dan masa lapang melalui pengurangan waktu kerja seminggu kepada 40 jam adalah lebih kecil, pengurangan dalam pengeluaran dan pendapatan lebih jelas. Bagaimanapun kesatuan kini bercakap dan kadang kala mendesak untuk kerja selama 35 atau 34 jam seminggu sambil menyangkal dakwaan ianya akan mengurangkan pengeluaran atau pendapatan.

Dasar kesatuan bukan sahaja berusaha menentang produktiviti melalui pengurangan masa kerja. Sebenarnya itu hanya cara paling kurang merosakkan yang dilakukannya; sekurang-kurangnya ia jelas bertindak sebagai pampasan keuntungan. Bagaimanapun banyak kesatuan berkeras

tentang pembahagian kerja buruh yang rigid yang meningkatkan kos produksi dan juga mendorong kepada pertikaian "perundangan" yang mahal dan tidak masuk akal. Mereka telah menentang pembayaran mengikut asas pengeluaran atau kecekapan, dan berkeras agar kadar sejam yang sama diberikan kepada semua ahli meskipun produktiviti mereka tidak sama. Mereka berkeras tentang promosi untuk senioriti berbanding merit. Mereka dengan sengaja menyebabkan produktiviti lembab dengan dalih menentang "ketangkasan kerja." Mereka mengecam, berkeras menentang pemecatan, dan kadangkala dengan kejamnya memukul sesiapa yang melakukan kerja lebih banyak berbanding yang lain. Mereka menentang pengenalan atau pembaikan jentera. Mereka menegaskan jika ada mana-mana ahli mereka diberhentikan kerana pemasangan jentera yang lebih cekap dan mengurangkan buruh, buruh tersebut akan menerima "jaminan pendapatan" selama-lamanya. Mereka bertegas mahukan undang-undang penyediaan kerja agar lebih banyak orang diambil dan lebih banyak masa untuk membuat sesuatu tugas yang diberikan. Mereka mendesak dengan ancaman mencederakan majikan agar diambil lebih ramai orang yang sebenarnya tidak diperlukan sama sekali.

Kebanyakan dasar ini telah diikuti dengan andaian terdapat satu jumlah tetap kerja yang perlu dibuat, "dana kerja" tetap yang perlu disebar kepada seramai mungkin orang dan masa seakan ia tidak habis dengan cepat. Andaian ini sangat palsu. Sebenarnya terdapat jumlah kerja yang tidak terhad perlu dilakukan. Kerja mewujudkan kerja. Apa yang dikeluarkan oleh A membentuk permintaan untuk apa yang dihasilkan B.

Bagaimanapun kerana wujudnya andaian yang salah dan kerana dasar kesatuan diasaskan daripadanya, kesan bersihnya ialah pengurangan produktiviti yang tidak mungkin berlaku sekiranya tindakan sebaliknya diambil. Maka kesan bersihnya pada jangka masa panjang dan kepada semua kumpulan pekerja ialah untuk pengurangan gaji sebenar – iaitu, gaji dalam pengertian barangan yang akan dibeli mereka – berbanding jika langkah sebaliknya dibenarkan berlaku. Sebab sebenar kepada peningkatan besar dalam gaji sebenar pada abad terakhir ini ialah, diulang sekali lagi, pengumpulan modal dan kemajuan teknologi yang banyak.

Namun proses ini tidak berlaku secara automatik. Sebenarnya, kesannya dalam dekad lalu menunjukkan bukan sahaja seruan jelik kesatuan kerja tetapi dasar kerajaan yang buruk juga telah pun dihentikan. Jika kita hanya melihat kepada purata pendapatan kasar mingguan pekerja swasta bukan pertanian dalam nilai dolar, adalah benar ada peningkatan daripada $107.73 pada tahun 1968 kepada $189.36 pada Ogos 1977. Bagaimanapun, semasa Biro Statistik Buruh mengambil kira inflasi (atau kenaikan harga pengguna), apabila pendapatan ini diterjemahkan kepada dolar pada tahun 1967, mereka mendapati pendapatan mingguan sebenar jatuh daripada $103.39 pada tahun 1968 kepada $103.36 pada Ogos 1977.

Penghentian dalam kenaikan gaji sebenar ini bukanlah kesan yang berpunca daripada sifat kesatuan. Ia adalah kesan daripada fikiran singkat kesatuan dan dasar kerajaan. Masih ada masa untuk mengubah kedua-duanya.

Bab Dua Puluh

Hujah lapuk dalam menaikkan kadar gaji

Penulis amatur ekonomi sering meminta harga dan gaji "yang adil". Konsep kabur tentang keadilan ekonomi ini sampai kepada kita dari zaman pertengahan. Ahli ekonomi klasik sebaliknya memajukan konsep lain – konsep harga dan gaji yang berfungsi. Harga yang berfungsi mendorong pengeluaran dan jualan dalam jumlah yang besar. Gaji yang berfungsi lazimnya membolehkan adanya pekerjaan dan gaji sebenar yang terbanyak.

Konsep gaji berfungsi telah diambil alih dalam bentuk yang salah oleh pemuka Marxist dan sekolah pemikiran kuasa beli, dan dikembangkan oleh pengikut mereka yang belum sedar. Kedua-dua kumpulan ini telah meninggalkan persoalan sama ada gaji sedia ada "adil." Tegas mereka, persoalan sebenar kita ialah sama ada gaji ini akan mencukupi. Mereka memberitahu kita, gaji yang mencukupi dan boleh mengelakkan masalah ekonomi, hanyalah gaji yang membolehkan pekerja "dapat membeli balik produk yang dibuatnya." Pemuka Marxist dan sekolah pemikiran kuasa beli menisbahkan setiap kemelesetan ekonomi pada masa lalu kepada kegagalan untuk membayar gaji seperti itu sebelumnya. Tidak kira pada waktu bila pun bersuara, mereka pasti bahawa gaji masih tidak cukup tinggi untuk membeli balik produk.

Doktrin ini secara khususnya terbukti amat berkesan bagi pemimpin kesatuan buruh. Selepas putus asa daripada membangkitkan kepentingan altruistik orang ramai atau memujuk majikan (yang didefinisikan jahat) untuk berlaku "adil," mereka menggunakan hujah yang merayu pertimbangan motif kepentingan diri orang ramai, dan menakutkan mereka agar mendesak majikan menunaikan tuntutan kesatuan.

Namun, bagaimana kita boleh tahu secara pasti bila pekerja dapat "membeli balik produk buatannya"? Atau bila mereka mendapat lebih daripada cukup? Bagaimana kita akan menentukan jumlahnya dengan betul? Oleh kerana pemuka yang menjuarai doktrin ini kelihatan tidak melakukan sebarang usaha sebenar untuk menjawab persoalan tersebut, menjadi satu kewajipan bagi kita untuk cuba mencari jawapan ini sendiri.

Sebahagian pemuka teori ini membayangkan pekerja dalam setiap industri patut menerima cukup gaji untuk membeli balik produk tertentu yang dihasilkan. Bagaimanapun mereka pasti tidak memaksudkan pembuat pakaian murah patut menerima cukup gaji untuk membeli balik pakaian murah dan untuk pembuat pakaian kot berbulu membeli balik pakaian buatannya; atau seseorang di kilang Ford patut menerima cukup bayaran bagi membeli kereta Ford dan yang bekerja di kilang Cadillac untuk membeli Cadillac.

Namun, adalah berguna untuk mengingat kembali kesatuan industri kenderaan pada tahun 1940, apabila kebanyakan ahlinya menuntut 30 peratus tambahan kenaikan untuk membolehkan, menurut salah seorang jurucakapnya, "mengukuhkan keupayaan kita yang kian berkurangan dalam mendapatkan barangan yang kita punyai kemampuan untuk menghasilkannya" meskipun ketika itu mereka telah berada di kedudukan satu pertiga teratas dalam senarai penerima pendapatan negara, dan gaji mingguan mereka, menurut angka kerajaan, telah berada di kedudukan 20 peratus lebih tinggi berbanding purata gaji yang dibayar di kilang dan hampir dua kali ganda purata yang dibayar dalam perdagangan runcit. Bagaimana dengan purata pekerja kilang dan pekerja runcit? Jika dalam keadaan sedemikian, pekerja kilang kenderaan memerlukan kenaikan sebanyak 30 peratus untuk memastikan ekonomi mereka tidak jatuh, adakah dengan 30 peratus itu cukup untuk yang lain? Adakah mereka memerlukan kenaikan sebanyak 160 peratus untuk menaikkan kuasa beli per kapita mereka sendiri seperti pekerja kenderaan? Justeru mari kita ingat bahawa pada masa dahulu seperti hari ini banyak perbezaan wujud antara aras purata gaji industri yang berbeza. Pada tahun 1976, pekerja dalam perdagangan runcit secara puratanya mendapat hanya $113.96 seminggu, sementara pekerja dalam

semua industri pembuatan mendapat $207.60 dan mereka yang berada dalam sektor pembinaan mendapat $284.93.

(Kita pasti, jika sejarah tawar-menawar gaji meskipun antara kesatuan secara individu boleh menjadi panduan, pekerja kenderaan akan mendesak pengekalan perbezaan mereka yang sedia ada jika cadangan terakhir ini dibuat; kerana keghairahan terhadap kesaksamaan ekonomi di kalangan ahli kesatuan sebagaimana di kalangan kita semua, dengan pengecualian beberapa dermawan dan orang baik, keghairahan untuk mendapatkan sebanyak mungkin seperti yang telah didapati oleh mereka yang berada di atas kita dalam skala ekonomi berbanding keghairahan untuk memberikan mereka yang berada di bawah kita sebanyak mana yang kita dapat. Namun keperihatinan kita pada ketika ini ialah terhadap logik dan teori ekonomi tertentu yang kukuh, bukannya kelemahan sifat manusia.

Hujah bahawa buruh patut menerima cukup bayaran untuk membeli balik produk yang dihasilkan mereka hanyalah satu bentuk istimewa hujah umum "kuasa beli". Gaji pekerja, ditegaskan dengan cukup benar, ialah kuasa beli pekerja. Namun seperti yang didapati oleh semua pihak lain – peruncit, tuan tanah, majikan – ialah kuasa beli untuk membeli apa yang dijual oleh orang lain. Satu daripada perkara terpenting untuk pihak lain mencari pembeli ialah perkhidmatan buruh mereka.

Tambahan pula semua ini mempunyai sisi berlawanannya. Dalam ekonomi pertukaran wang pendapatan semua orang ialah kos pada pihak lain. Setiap kenaikan dalam gaji sejam, kecuali atau hingga ia digantikan dengan peningkatan yang sama dalam produktiviti sejam, ialah peningkatan dalam kos pengeluaran. Peningkatan kos pengeluaran, dalam situasi kawalan dan halangan kenaikan harga oleh kerajaan, keuntungan diambil daripada peniaga kecil, memaksa perniagaan mereka ditutup, mengurangkan pengeluaran dan meningkatkan pengangguran. Malah di mana ada kenaikan harga, harga lebih tinggi tidak menggalakkan pembeli, mengecilkan pasaran dan mendorong pengangguran. Jika berlaku kenaikan 30 peratus dalam gaji sejam kepada semua mendorong kenaikan 30 peratus dalam harga, buruh tidak dapat membeli lebih banyak produk berbanding apa yang mampu dibeli pada awalnya; dan kitaran ini pasti bermula sekali lagi.

Tidak syak lagi ramai akan cenderung mempertikai pandangan bahawa kenaikan 30 peratus gaji boleh mendorong peratusan yang sama bagi kenaikan harga. Memang benar ini boleh berlaku dalam jangka masa panjang dan hanya sekiranya dasar kewangan dan hutang membenarkannya. Sekiranya wang dan hutang tidak begitu anjal untuk menaikkannya apabila gaji meningkat (dan jika kita mengandaikan gaji lebih tinggi tidak wajar dengan produktiviti buruh semasa dalam pengertian dolar), maka kesan utama kenaikan kadar gaji ialah pengangguran terpaksa.

Adalah mungkin, dalam kes ini, jumlah gaji dalam dolar dan kuasa beli sebenar akan menjadi lebih rendah berbanding sebelumnya. Pengurangan dalam pekerjaan (berlaku kerana dasar kesatuan dan bukan kesan peralihan kemajuan teknologi) mesti bermaksud kurangnya barangan dikeluarkan untuk semua orang. Tidak mungkin buruh akan diberikan pampasan untuk kejatuhan mutlak dalam pengeluaran dengan mendapat lebih banyak syer relatif pengeluaran yang berbaki. Bagi Paul H. Douglas di Amerika yang banyak menganalisa statistik dan A. C. Pigou di England yang hampir sepenuhnya menggunakan kaedah deduktif, tiba secara bebas kepada kesimpulan bahawa keanjalan permintaan buruh ialah antara 3 dan 4.

Ini bermaksud, dalam bahasa yang kurang teknikal, "pengurangan 1 peratus dalam kadar sebenar gaji mungkin akan menambah keseluruhan permintaan untuk buruh sehingga tidak kurang daripada 3 peratus."[1] Atau, untuk menggambarkan isu ini dengan cara lain, "Jika gaji dinaikkan melebihi titik pengeluaran kecil, pengurangan dalam pekerjaan biasanya menjadi 3 hingga 4 kali sama banyak dengan kenaikan dalam kadar sejam"[2] menjadikan pendapatan penuh pekerja dikurangkan sejajar dengannya.

Malah jika angka-angka ini diambil untuk mewakili hanya keanjalan permintaan untuk buruh sebagaimana didedahkan dalam tempoh yang diberikan pada masa lalu dan tidak semestinya untuk meramal pada masa depan, ia layak dipertimbangkan secara serius. Namun sekarang mari kita andaikan bahawa kenaikan kadar gaji disertai atau diikuti dengan peningkatan yang mencukupi dalam hutang wang bagi membolehkan ia berlaku tanpa

1 A.C. Pigou, *The Theory of Unemployment* (1933), hal.96.
2 Paul H. Douglas, *The Theory of Wages* (1934), hal. 501.

mewujudkan pengangguran yang serius. Jika kita mengandaikan hubungan gaji dan harga sebelumnya dengan sendirinya adalah hubungan jangka masa panjang yang "biasa", maka mungkin sama sekali paksaan kenaikan, katakan 30 peratus kadar gaji akhirnya akan mendorong peningkatan dalam harga pada anggaran peratusan yang sama.

Kepercayaan bahawa kenaikan harga akan kurang dengan ketara berbanding gaji bersandar kepada dua falasi. Pertama ialah melihat hanya kepada kos langsung buruh dalam firma atau industri tertentu dan menganggap ini mewakili semua kos buruh yang ada. Namun ini hanyalah kesilapan kecil, sebahagian daripada keseluruhannya. Setiap "industri" mewakili bukan hanya satu seksyen proses produktif yang dipertimbangkan secara "horizontal," tetapi hanya satu seksyen daripada proses ini dipertimbangkan secara "vertikal." Maka, kos langsung buruh yang membuat kenderaan dalam kilang kenderaan itu sendiri mungkin kurang daripada satu pertiga, katakan kos keseluruhan; dan ini boleh membawa kepada sikap tidak berhati-hati dalam menyimpulkan bahawa 30 peratus kenaikan dalam gaji akan menyebabkan hanya kenaikan 10 peratus, atau kurang pada harga kenderaan. Namun ini hanya melepas pandang kos gaji tidak langsung dalam bahan mentah dan bahagian yang dibeli, dalam caj pengangkutan, dalam kilang atau peralatan mesin baru atau dalam tambahan keuntungan penjual.

Anggaran kerajaan menunjukkan dalam tempoh 15 tahun bermula pada tahun 1929 hingga 1943, termasuk, gaji dan upah di Amerika Syarikat secara puratanya ialah 60 peratus pendapatan nasional. Dalam tempoh lima tahun antara 1956-1960 puratanya juga 69 peratus pendapatan nasional! Dalam tempoh lima tahun 1972-1976 purata gaji dan upah ialah 66 peratus pendapatan nasional, dan apabila tambahan dibuat, jumlah purata pampasan pekerja ialah 76% pendapatan nasional. Tentunya gaji dan upah ini perlu dibayar oleh produk nasional. Sambil berlakunya pengurangan kepada angka- angka ini dan tambahan kepadanya untuk menyediakan anggaran adil pendapatan "buruh", dengan asas ini kita boleh menganggap kos buruh tidak boleh kurang daripada dua pertiga kos pengeluaran keseluruhan dan mungkin melebihi tiga suku (bergantung

kepada definisi kita tentang buruh). Jika kita ambil yang paling rendah daripada dua anggaran ini, dan juga menganggap keuntungan kecil dolar tidak berubah, adalah jelas kenaikan 30 peratus dalam kitaran kos gaji keseluruhan membawa maksud kenaikan hampir 20 peratus dalam harga.

Namun perubahan ini bermaksud keuntungan kecil dolar yang diwakili oleh pendapatan pelabur, pengurus dan mereka yang bekerja sendiri akan menjadi, katakan, hanya 84 peratus sebanyak kuasa beli yang ada sebelumnya. Kesan jangka masa panjang ini akan menyebabkan pengurangan pelaburan dan perusahaan baru berbanding apa yang sepatutnya berlaku, dan kesan pemindahan seorang pekerja daripada pangkat rendah ketika bekerja sendiri kepada pangkat yang bergaji tinggi sehingga hubungan sebelumnya dapat dipulihkan. Namun ini hanya cara lain mengatakan kenaikan 30 peratus gaji di bawah situasi yang akhirnya dianggap bermaksud 30 peratus kenaikan dalam harga.

Keuntungan tidak relatif penerima gaji tidak semestinya berlaku selepas itu. Mereka akan membuat keuntungan relatif, dan unsur lain dalam populasi akan mendapat kerugian relatif semasa tempoh peralihan. Namun adalah mustahil keuntungan relatif ini bermaksud keuntungan mutlak. Jenis perubahan dalam hubungan kos kepada harga yang dimaksudkan di sini agak sukar berlaku tanpa menyebabkan pengangguran dan ketidakseimbangan, terganggu atau berkurangannya pengeluaran. Sementara buruh mungkin mendapat potongan lebih besar dalam pai yang lebih kecil, semasa tempoh peralihan dan penyesuaian kepada persamaan baru ini mungkin akan berlaku pertikaian sama ada ini akan menjadi lebih banyak dalam saiz mutlak (dan ia mungkin secara mudahnya berkurangan) berbanding potongan kecil dan pai lebih besar sebelumnya.

Ini membawa kita kepada maksud dan kesan umum persamaan ekonomi. Persamaan gaji dan harga yang menyamakan penawaran dan permintaan. Sekiranya percubaan dibuat untuk menaikkan harga melebihi tahap persamaannya, sama ada melalui paksaan kerajaan atau swasta, permintaan akan dikurangkan dan seterusnya pengeluaran dikurangkan. Sekiranya percubaan dibuat untuk menurunkan harga di bawah tahap persamaannya, kesan pengurangan atau penghapusan keuntungan

bermaksud kejatuhan penawaran atau berkurangnya pengeluaran. Maka sebarang percubaan untuk memaksa harga sama ada lebih tinggi atau lebih rendah daripada tahap persamaannya (iaitu tahap di mana pasaran bebas sentiasa cuba mencapainya) akan bertindak mengurangkan jumlah pekerjaan dan pengeluaran di bawah apa yang ia sebaliknya berlaku.

Maka, kembali kepada doktrin bahawa buruh mesti mendapat "cukup untuk membeli balik produk yang dibuatnya." Produk nasional tidak diadakan atau dibawa oleh buruh pembuatan sahaja. Ia dibawa oleh setiap orang – oleh pekerja kolar putih, profesional, petani, majikan yang besar atau kecil, oleh pelabur, peruncit, penjual daging, pemilik kedai ubat dan stesen petrol – oleh semua, ringkasnya, yang menyumbang kepada pembuatan produk.

Berkaitan harga, gaji dan keuntungan yang patut menentukan taburan produk tersebut, harga terbaik bukanlah yang paling tinggi, tetapi yang menggalakkan pengeluaran dan juga penjualan paling banyak. Kadar gaji terbaik untuk buruh bukanlah kadar gaji tertinggi, tetapi kadar yang membenarkan pengeluaran penuh, pekerjaan penuh dan bayaran gaji paling besar. Keuntungan terbaik daripada sudut pandang bukan sahaja industri tetapi juga buruh bukanlah keuntungan paling rendah tetapi keuntungan yang menggalakkan kebanyakan orang menjadi majikan atau menyediakan lebih banyak pekerjaan berbanding sebelumnya.

Jika kita cuba untuk menggerakkan ekonomi untuk manfaat kelompok atau kelas tertentu, kita akan menjejaskan atau memusnahkan semua kelompok, termasuk mereka yang berada dalam kelas yang cuba kita manfaatkan. Kita mesti menggerakkan ekonomi untuk semua pihak.

Bab Dua Puluh Satu

Fungsi keuntungan

Kemarahan yang ditunjukkan oleh ramai orang bersabit persoalan keuntungan menunjukkan betapa kurangnya pemahaman fungsi penting yang dimainkan oleh keuntungan dalam ekonomi. Bagi meningkatkan pemahaman, kita akan melihat kembali beberapa asas yang telah dibincang dalam bab sebelumnya berkaitan sistem harga, tetapi kita akan melihat subjek ini daripada perspektif lain.

Keuntungan sebenarnya tidak besar dalam keseluruhan ekonomi. Sebagai contoh ilustrasi, pendapatan bersih perniagaan yang diperbadankan dalam 15 tahun dari tahun 1929 hingga tahun 1993 secara puratanya kurang daripada peratusan jumlah pendapatan nasional. Keuntungan korporat selepas cukai dalam tempoh 5 tahun antara tahun 1956 hingga tahun 1960 secara puratanya kurang daripada 6 peratus pendapatan nasional (meskipun hakikatnya, kesan daripada pelarasan perakaunan yang tidak cukup untuk inflasi, ia mungkin dinyatakan lebih). Bagaimanapun keuntungan adalah bentuk pendapatan yang paling dimusuhi. Adalah penting untuk disedari sementara ada perkataan "pembuat untung" (*profiteer*) bagi mewujudkan stigma kepada mereka yang dikatakan membuat keuntungan berlebihan, perkataan "penerima gaji" (*wageer*) - atau "pembuat kerugian" (*losseer*) tidak ada. Namun purata keuntungan pemilik kedai gunting rambut mungkin lebih sedikit bukan hanya berbanding gaji bintang filem atau ketua syarikat keluli, tetapi kurang berbanding purata gaji untuk pekerja mahir.

Subjek ini diselubung oleh banyak salah faham fakta. Jumlah keuntungan General Motors, syarikat industri terbesar di dunia, diambil seolah mereka contoh tipikal dan bukan satu pengecualian. Ada yang tahu tentang kadar penutupan perniagaan. Mereka tidak tahu (memetik kajian TNEC) bahawa "jika purata situasi perniagaan yang dilalui sejak 50 tahun ke belakang berlaku, kira-kira 7 daripada 10 kedai runcit yang dibuka hari ini akan bertahan sehingga tahun kedua; hanya 4 buah daripadanya dijangka akan kekal pada tahun keempat." Mereka tidak tahu bahawa dalam setiap tahun dari tahun 1930 hingga 1938 dalam statistik cukai pendapatan, bilangan syarikat yang menunjukkan kerugian telah mencapai jumlah yang menunjukkan keuntungan.

Secara purata, berapa banyakkah keuntungan yang dibuat?

Soalan ini biasanya dijawab dengan memetik angka yang saya bentangkan di awal bab ini - iaitu purata keuntungan syarikat kurang daripada 6 peratus keuntungan nasional - atau dengan menunjukkan keuntungan purata semua syarikat pembuatan selepas cukai pendapatan kurang daripada 5 sen bagi setiap dolar jualan. (Sebagai contoh, dalam 5 tahun dari tahun 1971 hingga 1975, angka ini hanya 4.6 sen.) Tetapi angka rasmi ini meskipun jauh di bawah istilah popular saiz keuntungan hanya boleh dipakai untuk hasil syarikat yang dihitung dengan kaedah perakaunan konvensional. Tidak ada anggaran yang boleh dipercayai telah dibuat diambil kira dalam akaun semua jenis aktiviti, dan ia juga tidak dimasukkan sebagai sebahagian perniagaan, serta jumlah tahun baik dan buruk yang memadai. Namun sesetengah ahli ekonomi percaya bahawa dalam tempoh banyak tahun selepas elaun dibuat kepada semua kerugian, untuk faedah minima yang "kurang berisiko" terhadap modal yang dilaburkan, dan untuk mengambil kira nilai gaji "munasabah" bagi perkhidmatan mereka yang mengendalikan perniagaan sendiri, bukan keuntungan bersih yang berbaki sepenuhnya kerana ia mungkin akan menjadi kerugian bersih. Ini tidak diambil kira sepenuhnya kerana peniaga (mereka yang menjalankan perniagaan untuk diri sendiri) memang berniat untuk menjadi dermawan, tetapi kerana optimisme dan keyakinan diri yang sering mendorong mereka kepada usaha yang tidak akan atau tidak boleh berjaya.[1]

1 Cf. Frank H. Knight, *Risk, Uncertainty and Profit* (1921).

Adalah jelas, dalam mana-mana kes, mana-mana individu yang meletakkan modal teroka mengambil risiko bukan hanya untuk tidak mendapat pulangan tetapi termasuk kemungkinan akan kehilangan semua modalnya. Pada masa lalu keuntungan besar ditarik ke dalam firma atau industri tertentu yang telah mengambil risiko besar. Bagaimanapun sekiranya keuntungan dihadkan kepada maksimum, katakan 10 peratus atau angka yang setara, sementara risiko untuk seseorang kehilangan semua modalnya ada, apa yang mungkin memberi kesan kepada insentif keuntungan dan seterusnya kepada pekerjaan dan pengeluaran? Cukai lebihan keuntungan Perang Dunia ke-2 menunjukkan bahawa had yang demikian boleh, meskipun dalam tempoh singkat, menjejaskan kecekapan.

Namun dalam mana-mana dasar kerajaan yang ada pada hari ini cenderung menganggap pengeluaran akan berterusan secara automatik, terlepas apa pun kekangan dibuat terhadapnya. Satu daripada bahaya terbesar kepada populasi dunia hari ini masih berpunca daripada dasar penetapan harga oleh kerajaan. Bukan sahaja dasar ini menjadikan satu demi satu barangan tidak lagi dibuat kerana tidak ada insentif untuk mengeluarkannya, tetapi kesan jangka masa panjangnya mengekang baki pengeluaran selaras dengan permintaan sebenar daripada pengguna. Apabila ekonomi bebas, permintaan bergerak untuk mendorong sesetengah cawangan pengeluaran untuk membuat apa yang dianggap pegawai kerajaan sebagai "berlebihan," "tidak munasabah," bahkan keuntungan "tidak wajar." Bagaimanapun hakikat ini bukan hanya menyebabkan setiap firma berkaitan mengembangkan pelaburan sebelumnya, membanyakkan pengeluarannya, dan melabur semula keuntungan dalam jentera dan pekerjaan yang lebih banyak; ia juga turut menarik pelabur dan pengeluar baru dari mana-mana sahaja, sehingga pengeluaran dalam hal berkaitan cukup besar bagi menampung permintaan, dan keuntungannya akan jatuh sekali lagi kepada (atau lebih rendah) tahap purata umum.

Dalam sistem ekonomi bebas, gaji, kos dan harga dibiarkan terbuka dalam persaingan pasaran, prospek keuntungan akan memutuskan apa yang akan dibuat, dan berapa banyak yang perlu dibuat - dan apa yang tidak akan dibuat langsung. Sekiranya tidak ada keuntungan dibuat, ia adalah

tanda bahawa buruh dan modal yang disalurkan kepada pengeluarannya salah: nilai sumber yang mesti digunakan dalam membuatnya lebih besar berbanding nilai apa yang dibuat.

Ringkasnya, satu daripada fungsi keuntungan ialah untuk memandu dan menyalurkan faktor-faktor pengeluaran agar dapat membahagikan pengeluaran relatif ribuan komoditi berbeza selaras dengan permintaan yang ada. Tidak ada birokrat, sebijak mana pun mereka, boleh menyelesaikan masalah ini secara mudah. Harga dan keuntungan bebas akan memaksimakan pengeluaran dan menangani kelangkaan yang ada lebih cepat berbanding mana-mana sistem. Harga dan keuntungan yang ditetapkan atau dihadkan lebih awal hanya akan memanjangkan kelangkaan dan mengurangkan pengeluaran dan pekerjaan.

Akhirnya, fungsi keuntungan ialah untuk meletakkan tekanan secara berterusan kepada pemilik setiap perniagaan yang berdaya saing untuk melakukan sesuatu yang lebih bersifat ekonomi dan cekap, pada tahap mana pun ia berada. Pada situasi baik ia berfungsi meningkatkan keuntungan, pada masa biasa pula ia berguna untuk berdepan dengan pesaing, dalam situasi buruk ia berguna untuk perniagaan bertahan. Kerana untung tidak akan hanya menjadi kosong, ia dengan cepat akan bertukar menjadi kerugian; dan pemiliknya akan menggandakan usaha menyelamatkan diri sendiri daripada apa yang lebih buruk berbanding berusaha untuk memperbaiki keadaan.

Bertentangan dengan tanggapan popular, keuntungan dicapai bukan dengan menaikkan harga, tetapi dengan memperkenalkan apa yang lebih ekonomi dan lebih cekap dalam mengurangkan kos pengeluaran. Jarang berlaku (kecuali ada monopoli ia tidak berlaku dalam jangka masa panjang) setiap firma dalam satu industri membuat keuntungan. Harga yang ditetapkan semua firma untuk komoditi atau perkhidmatan yang sama mesti sama; mereka yang cuba menetapkan caj lebih tinggi tidak akan mendapat pembeli. Justeru keuntungan terbesar pergi kepada firma yang berjaya mencapai kos pengeluaran terendah. Pengembangan ini ditanggung oleh firma yang tidak cekap dengan kos lebih tinggi. Oleh itu pengguna dan orang ramai mendapat apa yang mereka perlukan.

Ringkasnya, keuntungan hasil daripada hubungan kos kepada harga, bukan hanya akan memberitahu kita apa yang paling ekonomi untuk dibuat, tetapi juga cara yang paling ekonomi untuk melakukannya. Persoalan-persoalan ini mesti dijawab oleh sistem sosialis tidak kurang daripada sistem kapitalis; ia mesti dijawab oleh mana-mana sistem ekonomi yang ada; dan bagi sebahagian besar komoditi dan perkhidmatan yang dihasilkan, jawapan yang diberi oleh untung rugi di bawah persaingan perusahaan bebas secara perbandingannya lebih tinggi daripada apa yang boleh dicapai dengan sebarang cara lain.

Saya telah memberi penekanan kepada kecenderungan mengurangkan kos pengeluaran kerana ia adalah fungsi untung rugi yang nampaknya kurang dihargai. Sudah tentu, keuntungan lebih besar pergi kepada mereka yang membuat perangkap tikus lebih baik berbanding pesaing mereka begitu juga kepada mereka yang melakukannya dengan lebih cekap. Bagaimanapun fungsi keuntungan sentiasa memberi memberi kelebihan dan mendorong kualiti dan inovasi lebih baik.

Bab Dua Puluh Dua

Ilusi inflasi

Saya mendapati dari semasa ke semasa pembaca perlu diberikan peringatan bahawa hasil tertentu pasti akan berlaku akibat dasar tertentu yang menyatakan "dengan syarat tidak berlaku inflasi." Dalam bab berkaitan perkhidmatan awam dan berkaitan kredit saya telah menyatakan bahawa satu kajian berkaitan kesan yang disebabkan oleh inflasi akan terpaksa ditangguhkan. Bagaimanapun wang dan dasar kewangan dibentuk begitu intim dan kadangkala sangat sukar dipisahkan dalam setiap proses ekonomi di mana pemisahannya meskipun untuk tujuan yang jelas, sangat sukar dibuat dan dalam hal berkaitan kesan pelbagai dasar kerajaan dan juga dasar gaji kesatuan kepada pekerjaan, sebahagian kesan dasar kewangan yang berbeza terhadap keuntungan dan pengeluaran perlu dipertimbangkan dengan segera.

Sebelum menilai apakah kesan inflasi dalam kes-kes tertentu, kita juga perlu menilai apakah kesan-kesannya secara umum. Malah sebelum itu juga kita perlu bertanya mengapa inflasi sentiasa dirujuk, mengapa ia menjadi seruan popular sejak lama dulu dan mengapa ia dapat menarik satu demi satu negara menuju jalan bencana dalam ekonomi?

Kesilapan paling jelas dan lama serta degil yang disandarkan dalam melakukan inflasi ialah kekeliruan antara "wang" dan kekayaan. Adam Smith telah menulis lebih daripada dua abad lalu "Bahawa kekayaan, termasuk dalam wang, atau dalam emas dan perak, adalah istilah popular yang timbul dengan sendirinya daripada fungsi berganda wang sebagai alat dagangan, dan sebagai petunjuk nilai..." Untuk mengembangkan kekayaan bermaksud wang perlu didapatkan, maka secara ringkasnya kekayaan dan wang adalah sama dalam bahasa umum.

Tentunya kekayaan sebenar termasuk apa yang dikeluarkan dan apa yang digunakan: apa yang kita makan, pakaian yang diguna, rumah kediaman kita.

Ada landasan kereta api, jalan dan kereta; kapal, kapal terbang dan kilang; sekolah, gereja dan teater; piano, lukisan dan buku. Namun yang paling kuat ialah kekaburan lisan yang mengelirukan antara wang dengan kekayaan, meskipun nanti kekeliruan ini disedari ia akan tetap digunakan oleh mereka untuk berhujah. Setiap orang melihat jika mereka mempunyai lebih banyak wang maka lebih banyak barang boleh dibeli daripada pihak lain. Sekiranya mereka ada dua kali ganda lebih banyak wang maka mereka boleh membeli dua kali ganda barangan yang biasa dibeli dengan wang sedia ada; jika wang yang ada tiga kali ganda banyaknya maka mereka bernilai tiga kali ganda daripada apa yang ada kini. Bagi orang ramai kesimpulannya nampak jelas iaitu jika kerajaan mengeluarkan lebih banyak wang dan mengagihkannya kepada semua orang, kita semua akan menjadi lebih kaya.

Ini merupakan seruan inflasi yang paling naif. Ada kumpulan kedua yang kurang naif sedikit, yang melihat jika semua perkara adalah semudah itu maka kerajaan boleh menyelesaikan semua masalah yang ada dengan hanya mencetak wang. Mereka merasakan mesti ada batas tertentu, dengan cara tertentu, bagi menghadkan bilangan tambahan wang yang mereka mahu kerajaan keluarkan. Mereka mahukan ia dicetak cukup untuk menampung jumlah yang didakwa "kurang".

Mereka fikir kuasa beli akan berkurangan dengan kroniknya kerana entah bagaimana industri tidak memberikan cukup wang kepada pengeluar untuk membolehkan mereka membeli semula barangan yang dibuat sebagai pengguna. Ada "kebocoran" misteri di mana-mana. Satu kumpulan "membuktikan"nya dengan persamaan. Di satu sisi persamaan, satu barangan hanya dihitung sekali oleh mereka; di satu sisi tanpa sedar mereka telah menghitung barangan yang sama beberapa kali. Ini menghasilkan jurang yang membimbangkan antara apa yang mereka panggil sebagai "bayaran A" dan "bayaran A+B." Maka mereka menubuhkan satu gerakan dengan seragam hijau dan mendesak kerajaan mencetak wang atau "hutang" bagi menampung kehilangan bayaran B.

Pemuka "hutang sosial" mungkin kelihatan tidak masuk akal; namun lebih banyak pemikiran yang menyeru inflasi dengan lebih rumit, kelompok yang mempunyai rancangan "saintifik" untuk mengeluarkan tambahan wang atau kredit yang mencukupi bagi mengisi hanya apa yang didakwa sebagai kekurangan atau jurang yang kronik atau berkala, yang dihitung mereka dengan cara berbeza.

Semakin lama penyeru inflasi akan sedar bahawa pertambahan banyak kuantiti wang akan mengurangkan kuasa beli untuk kewangan individu - dalam kata lain, ia akan mendorong peningkatan dalam harga komoditi. Namun ini tidak mengganggu mereka. Sebaliknya itu adalah sebab mengapa mereka menyeru kepada inflasi.

Sebahagian mereka berhujah cara tersebut akan membantu kedudukan penghutang miskin berbanding pemiutang kaya. Yang lain berfikir ia akan merangsang eksport dan tidak menggalakkan import. Selain itu ada yang berfikir ia merupakan langkah penting untuk menangani kegawatan, bagi "menghidupkan semula industri, dan mencapai pekerjaan penuh."[1]

Terdapat banyak teori berkaitan cara di mana peningkatan kuantiti wang (termasuk hutang bank) memberi kesan kepada harga. Dari satu sudut, seperti yang dapat dilihat, apakah mereka yang membayangkan kuantiti wang boleh ditambah tanpa had tidak akan memberi kesan kepada harga? Mereka hanya melihat peningkatan wang ini sebagai satu cara menambah "kuasa beli" semua orang, dengan andaian ia akan membolehkan semua orang membeli lebih banyak barangan berbanding sebelumnya. Mereka tidak mengingatkan diri sendiri bahawa manusia secara kolektifnya tidak dapat membeli sekali ganda barangan seperti sebelumnya kecuali barangan itu dikeluarkan sekali ganda juga, atau mereka membayangkan satu-satunya hal yang menghalang peningkatan pengeluaran tanpa batas bukanlah kekurangan pekerja, jam kerja atau keupayaan pengeluaran, tetapi hanya kekurangan permintaan wang: mereka mengagak jika wang dimahukan dan orang ramai mempunyai wang untuk membayarnya, barang yang dibeli tadi akan hampir secara automatiknya dikeluarkan.

1 Untuk lebih jelas, ini adalah teori Keynesian, dalam *The Failure of the "New Economics"* (New Rochelle, N.Y.: Arlington House, 1959). Saya menganalisa teori ini secara terperinci.

Selain itu ada kumpulan, termasuk beberapa ahli ekonomi terkenal, yang berpegang secara rigid kepada teori mekanikal kesan bekalan wang kepada harga komoditi. Semua wang dalam sebuah negara, sebagaimana juruteori ini cuba gambarkan, akan ditawarkan kepada semua barangan. Maka nilai jumlah kuantiti wang yang digandakan oleh "purata bilangan wang yang diguna untuk satu tempoh" (*velocity of circulation*) mesti sentiasa menyamai nilai kuantiti penuh barang yang dibeli. Maka, seterusnya (dengan anggapan tidak ada perubahan dalam purata bilangan wang yang diguna untuk satu tempoh), nilai unit kewangan mesti berbeza dengan tepat dan songsang dengan jumlah yang diletakkan dalam kitarannya. Jika anda menggandakan kuantiti wang dan hutang bank, anda sebenarnya menggandakan "aras harga"; menjadikannya tiga kali ganda, dan anda sebenarnya menggandakan aras harga sebanyak itu. Ringkasnya, jika anda menggandakan kuantiti wang dan masa, anda mesti menggandakan harga barangan dan masa.

Ruang yang ada tidak cukup untuk menjelaskan semua falasi dengan contoh yang baik ini.[1] Namun kita akan cuba melihat hanya kepada mengapa dan bagaimana kenaikan dalam kuantiti wang akan menaikkan harga.

Peningkatan kuantiti wang berlaku dengan cara yang spesifik. Mari kita katakan ianya berlaku kerana kerajaan membuat perbelanjaan lebih besar berbanding apa yang ia boleh atau mahu dapatkan daripada cukai (atau daripada jualan bon yang dibayar oleh orang ramai melalui simpanan mereka).

Sebagai contoh, andaikan kerajaan mencetak wang bagi membayar kontraktor perang. Maka kesan pertama perbelanjaan ini ialah peningkatan harga bekalan yang digunakan dalam perang dan tambahan wang kepada kontraktor perang dan pekerja mereka. (Seperti yang dibincangkan dalam bab penetapan harga, kami membezakannya untuk mempermudahkan sesetengah kesan yang disebabkan oleh inflasi, maka dalam menilai inflasi

1 Pembaca yang berminat untuk mengetahui analisis berkaitannya secara lebih lanjut patut membaca B.M. Anderson, *The Value of Money* ('917; new edition, 1936); Ludwig von Mises, *The Theory of Money and Credit* (American editions, 1935, 1953), atau penulis terkininya *The Inflation Crisis, and How to Resolve It* (New Rochelle, NY,: Arlington House, 1978).

kini, kesan yang disebabkan oleh percubaan penetapan harga oleh kerajaan akan dibiarkan. Apabila ini dipertimbangkan akan didapati ia tidak mengubah analisis utamanya. Ia hanya mendorong satu bentuk sokongan atau "tekanan" terhadap inflasi dengan kesan awal yang ditanggung oleh keburukan yang kemudian telah dikurangkan atau disembunyikan.

Kontraktor perang dan pekerjanya akan mempunyai wang pendapatan lebih tinggi. Mereka akan membelanjakannya untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan khusus yang dimahukan. Penjual barangan dan perkhidmatan ini boleh meningkatkan harga mereka kerana adanya peningkatan permintaan. Mereka yang mempunyai tambahan wang pendapatan sanggup membayarnya pada harga lebih tinggi berbanding mereka yang tidak mendapatnya langsung; kerana mereka mempunyai lebihan wang, satu dolar akan mempunyai nilai subjektif yang lebih kecil di pandangan setiap mereka.

Mari kita namakan kontraktor perang dan pekerjanya ini sebagai kumpulan A, dan mereka yang barangan perkhidmatannya didapatkan ialah kumpulan B. Kesan daripada jualan dan harga lebih tinggi, kumpulan B kini membeli lebih banyak barangan dan perkhidmatan daripada kumpulan yang kita namakan sebagai kumpulan C. Kumpulan C ini dapat menaikkan harganya dan mempunyai lebih pendapatan yang akan dibelanjakan kepada kumpulan D, dan seterusnya hingga peningkatan harga dan wang pendapatan telah meliputi seluruh negara. Apabila prosesnya telah lengkap, hampir semua pihak akan mempunyai pendapatan lebih tinggi yang diukur dengan wang. Namun (dengan tanggapan pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak meningkat) harga barangan dan juga perkhidmatan akan bertambah selaras dengannya. Negara itu tidak bertambah kaya berbanding sebelumnya.

Namun, ini tidak bermaksud kekayaan dan pendapatan relatif atau mutlak semua orang akan kekal sama seperti sebelumnya. Sebaliknya, proses inflasi pasti akan memberi kesan kepada nasib kumpulan-kumpulan yang ada secara berbeza. Kumpulan pertama mendapat tambahan wang dan manfaat paling banyak. Pendapatan wang kumpulan A misalnya akan bertambah sebelum harga meningkat, maka mereka dapat membeli

barangan yang hampir setara dengan pertambahan wang tersebut. Pertambahan pendapatan kumpulan B pula hanya berlaku kemudian ketika harga telah meningkat; namun kumpulan B akan mendapat yang lebih baik daripada segi barangan. Namun, kumpulan lain yang masih tidak mendapat pertambahan dalam pendapatan wang mereka akan mendapati diri mereka terpaksa membayar harga lebih tinggi bagi barangan yang dibeli, bermaksud mereka akan terpaksa hidup pada taraf yang lebih rendah jika dibandingkan dengan sebelumnya.

Kita boleh menjelaskan proses ini lebih lanjut dengan andaian set angka. Andaikan kita membahagi komuniti ini secara arbitrary (baca: terlebih dahulu – pent.) kepada empat kumpulan pengeluar iaitu A, B, C dan D yang menerima manfaat pendapatan inflasi wang mengikut aturan tersebut. Kemudian apabila pendapatan wang kumpulan A meningkat sebanyak 30 peratus, harga barangan yang dibeli mereka belum bertambah. Ketika pendapatan wang kumpulan B meningkat sebanyak 20 peratus, harga masih meningkat secara puratanya hanya 10 peratus. Bagaimanapun, ketika pendapatan wang kumpulan C bertambah 10 peratus, harga telah meningkat kepada 15 peratus. Dan ketika pendapatan wang kumpulan B belum bertambah, purata harga yang perlu dibayar mereka untuk barangan yang dibeli telah meningkat 20 peratus. Dalam kata lain, pengeluar pertama mendapat manfaat daripada harga atau gaji lebih tinggi kerana kerugian yang dialami pengguna akibat inflasi ditanggung oleh kumpulan pengeluar terakhir yang dapat menaikkan harga dan gaji mereka.

Mungkin apabila inflasi terhenti selepas beberapa tahun, kesan terakhir yang terjadi ialah, sebagai contoh, peningkatan purata 25 peratus dalam pendapatan wang dan purata kenaikan harga pada nilai yang sama, yang kedua-duanya diagihkan secara sama rata kepada semua kumpulan. Bagaimanapun ini tidak akan membatalkan untung dan rugi pada fasa peralihan. Sebagai contoh, meskipun pendapatan dan harga kumpulan D akhirnya bertambah 25 peratus, mereka hanya dapat membeli sama banyak barang dan juga perkhidmatan sebelum inflasi bermula. Ia tidak akan dapat membayar kerugian ketika pendapatan dan harga tidak naik, meskipun perlu membayar lebih sehingga 30 peratus bagi barangan dan

perkhidmatan yang didapatkan daripada kumpulan pengeluar lain dalam komuniti, A, B dan C.

Jadi inflasi ternyata hanyalah satu lagi contoh kepada pelajaran utama kita. Ia memang boleh membawa manfaat jangka masa pendek kepada kumpulan tertentu, tetapi hanya dengan tanggungan pihak lain. Dan pada jangka masa panjang ia membawa kesan buruk yang merosak keseluruhan masyarakat. Malah inflasi yang secara relatifnya sederhana juga menjejaskan struktur pengeluaran. Ia mendorong pengembangan berlebihan sejumlah industri dengan tanggungan yang lain. Ini melibatkan salah guna dan pembaziran modal. Apabila inflasi runtuh atau terhenti, pelaburan modal yang salah ini - sama ada dalam bentuk jentera, kilang atau bangunan pejabat - tidak dapat menuai pulangan yang setara malah hilang sebahagian besar nilainya.

Adalah mustahil untuk inflasi dihentikan secara lancar dan baik, atau mengelak kegawatan seterusnya. Juga mustahil menghentikan inflasi yang telah dimulakan pada satu tahap lebih awal, atau apabila harga mencapai tahap yang dipersetujui sebelumnya; kerana daya politik dan ekonomi akan menjadi tidak terkawal. Anda tidak menghujahkan peningkatan harga 25 peratus disebabkan inflasi tanpa ada yang menghujahkan kebaikannya berganda jika kenaikannya 50 peratus, dan yang lain mengatakan kebaikannya 4 kali ganda jika kenaikannya 100 peratus. Kumpulan pendesak politik yang mendapat manfaat daripada inflasi ini akan mendesak agar ia diteruskan.

Tambahan pula mustahil untuk mengawal nilai wang di bawah inflasi. Seperti yang dapat kita lihat, akibatnya tidak semata-mata bersifat mekanikal. Contohnya anda tidak boleh berkata lebih awal bahawa pertambahan 100 peratus dalam kuantiti wang membawa maksud kejatuhan 50 peratus dalam nilai unit kewangan. Nilai wang, sebagaimana dapat kita lihat, bergantung kepada nilaian subjektif mereka yang memegangnya. Nilaian ini tidak bergantung semata-mata kepada kuantiti yang dipegang oleh setiap orang. Ia juga bergantung kepada kualiti wang tersebut. Nilai unit kewangan sebuah negara semasa perang, bukan pada piawaian emas, akan meningkat dalam pertukaran asing dengan kemenangan dan jatuh dengan kekalahan, terlepas berapa banyak pun perubahan dalam kuantitinya. Nilaian semasa

selalunya bergantung kepada apa yang dijangka oleh orang ramai terhadap kuantiti wang pada masa hadapan. Sebagaimana komoditi dalam pertukaran spekulatif, setiap nilaian wang individu akan terkesan bukan sahaja oleh apa nilai yang difikirkannya tetapi dengan apa yang difikirkannya tentang penilaian wang oleh semua orang lain.

Semua ini menjelaskan kenapa, apabila inflasi melampau (hyperinflation) telah bermula, nilai unit kewangan menyusut pada kadar yang jauh lebih banyak berbanding kuantiti wang, sama ada ia bertambah atau boleh ditambah. Apabila sampai ke tahap ini, bencananya hampir lengkap; dan skim ini muflis.

Namun keinginan untuk inflasi tidak pernah mati. Kelihatan hampir tidak ada negara yang dapat memanfaatkan pengalaman daripada negara lain dan tidak ada generasi yang belajar daripada penderitaan orang terdahulu. Setiap generasi dan negara mengikut ilusi yang sama. Semua mahukan buah yang sama daripada Laut Mati yang bertukar menjadi debu dan abu dalam mulut sendiri. Memang menjadi sifat inflasi untuk melahirkan ribuan ilusi.

Pada masa kini hujah paling gigih dimajukan untuk inflasi ialah ia akan "membolehkan roda industri bergerak," lalu ia menyelamatkan kita daripada kerugian akibat ekonomi yang tidak bergerak, yang tidak dapat ditebus dan menjadikan "guna tenaga penuh." Hujah ini secara kasarnya bersandar pada kekeliruan lama antara wang dan kekayaan sebenar. Andaian dibuat bahawa "kuasa beli" baru diadakan, dan kesan kepada kuasa beli baru ini akan mengganda dengan sendirinya dalam kitaran yang sentiasa berkembang seperti riak air yang terjadi kerana batu dibaling ke dalam kolam. Namun, kuasa beli sebenar untuk barang, sebagaimana dapat kita lihat, termasuk kuasa membeli barangan lain. Ia tidak boleh bertambah dengan banyak hanya dengan mencetak lebih banyak helaian kertas yang dipanggil dolar. Pada dasarnya apa yang berlaku dalam ekonomi pertukaran ialah apa yang dihasilkan A ditukar dengan pengeluaran oleh B.[1]

---

1 Lihat juga John Stuart Mill, *Principles of Political Economy* (Buku 3, Bab 14, perenggan 2); Alfred Marshall, *Principles of Economics* (Buku VI, Bab XIII, seksyen 10); Benjamin M. Anderson, "A Refutation of Keynes' Attack on the Doctrine that Aggregate Supply Creates Aggregate Demand," dalam *Financing American Prosperity* oleh simposium ahli ekonomi. Juga, *The Critics of Keynesian Economics* (New Rochelle, N.Y.: Arlington House, 1960).

Apa yang sebenarnya dilakukan oleh inflasi ialah mengubah hubungan antara kos dan harga. Perubahan paling penting yang direka untuk meningkatkan harga komoditi dalam hubungan dengan kadar gaji, dan untuk mengembalikan keuntungan perniagaan, serta mendorong semula pengeluaran pada tahap di mana sumber terbiar wujud dengan memulihkan hubungan harga dan kos pengeluaran yang boleh digunakan.

Seharusnya jelas bahawa ini boleh berlaku secara langsung dan jujur dengan penurunan kadar gaji. Namun pemuka inflasi yang lebih sofistikated percaya ini kini secara politiknya adalah mustahil. Ada masa mereka pergi lebih jauh, menuduh semua cadangan agar kadar gaji tertentu diturunkan secara langsung bagi mengurangkan pengangguran adalah bersifat "anti buruh", terlepas situasi apa pun. Bagaimanapun apa yang telah dicadangkan mereka, yang dinyatakan dalam pengertian tidak teratur, ialah penipuan kepada buruh dengan pengurangan kadar gaji sebenar (iaitu, kadar gaji dalam pengertian kuasa beli) melalui peningkatan dalam harga.

Apa yang dilupakan mereka ialah buruh itu sendiri semakin sofistikated; kesatuan buruh mengambil ahli ekonomi buruh yang tahu tentang nombor indeks agar buruh tidak tertipu. Justeru, dasar ini dalam situasi semasa kelihatan tidak mungkin dapat dicapai sama ada dalam tujuan ekonomi atau politik. Kerana mereka memang kesatuan yang paling kuat, di mana kadar gaji mereka paling perlu dibetulkan, mereka akan menegaskan kadar gaji mereka perlu dinaikkan sekurang-kurangnya berkadar dengan sebarang kenaikan dalam indeks kos sara hidup.

Hubungan harga dan kadar gaji utama yang tidak dapat dijalankan akan kekal berterusan jika ada desakan kesatuan yang kuat. Sebenarnya, struktur kadar gaji mungkin menjadi lebih terpesong kerana jumlah besar pekerja yang tidak menyertai kesatuan masih terkawal kadar gajinya, termasuk sebelum inflasi (dan mungkin ditekan melalui peminggiran kesatuan), akan dihukum tambah semasa peralihan kerana kenaikan harga.

Secara ringkasnya, semakin canggih pemuka inflasi ini maka semakin tidak jujur mereka. Mereka tidak menyatakan kes secara berterus terang dan lengkap; dan mereka mengakhirinya dengan menipu termasuk diri sendiri. Mereka mula bercakap tentang wang kertas, seperti pemuka inflasi lain yang lebih naif, seolah-olah itu adalah bentuk kekayaan yang boleh diadakan jika pencetak wang kertas ini punya kesanggupan. Bahkan mereka bersungguh membincangkan "kesan ganda" di mana setiap dolar yang dicetak dan dibelanjakan oleh kerajaan secara ajaibnya menjadi sama dengan beberapa dolar yang ditambah kepada kekayaan negara.

Secara ringkasnya mereka cuba menyimpang perhatian awam dan diri sendiri daripada sebab sebenar sebarang kegawatan yang berlaku. Pada kebanyakan masa, sebab sebenarnya ialah salah suaian dalam struktur gaji-kos-harga: salah suaian antara gaji dan harga, antara harga bahan mentah dan harga barang siap, atau antara satu harga dengan yang lain atau satu gaji dengan yang lain. Pada satu tahap salah suaian ini menghilangkan insentif untuk pengeluaran, atau sebenarnya menjadikan mustahil bagi pengeluaran diteruskan; dan melalui saling pergantungan organik ekonomi pertukaran kita, kegawatan disebarkan. Pengeluaran dan pekerjaan penuh tidak akan diteruskan sehingga salah suaian ini dibetulkan.

Benar, inflasi kadangkala mungkin membetulkannya; tetapi ia adalah cara yang tergesa-gesa dan bahaya. Ia menjadikan pembetulannya tidak terbuka dan tidak jujur, tetapi dengan menggunakan ilusi. Sesungguhnya inflasi menebarkan ilusi terselindung kepada setiap proses ekonomi. Ia mengelirukan dan menipu hampir setiap orang, termasuk mereka yang menderita kerananya. Kita semua terbiasa mengukur pendapatan dan kekayaan dalam pengertian wang. Kebiasaan mental ini terlalu kuat sehingga ahli ekonomi dan ahli statistik profesional tidak dapat mengatasinya secara konsisten. Adalah tidak mudah untuk melihat hubungan sentiasa dalam pengertian kebaikan sebenar dan kebajikan sebenar. Siapa di kalangan kita tidak merasa lebih kaya dan lebih bangga apabila diberitahu bahawa pendapatan nasional kita telah meningkat sekali ganda (dalam pengertian dolar, tentunya) berbanding fasa sebelum inflasi? Bahkan kerani yang biasa mendapat $75 seminggu dan kini mendapat $120 merasakan dia dengan

cara tertentu kini lebih baik, meskipun kos sara hidupnya meningkat dua kali ganda berbanding semasa dia mendapat $75. Tentunya dia tahu akan kenaikan kos sara hidup. Namun dia tidak sepenuhnya sedar kedudukan sebenar yang dia sepatutnya berada jika kos sara hidup tidak berubah dan jika wang gajinya berkurangan untuk menjadikan kuasa belinya lebih rendah sebagaimana kini telah berlaku kepadanya disebabkan kenaikan harga, meskipun gajinya bertambah. Inflasi secara automatiknya adalah hipnotisme, anestetik, yang mengebaskan kesakitan pembedahan untuk dirinya. Inflasi adalah candu kepada rakyat.

Ini sebenarnya adalah fungsi politik. Ini kerana inflasi mengelirukan segalanya sehingga ia secara konsistennya dipilih oleh kerajaan "perancang ekonomi" moden. Kita telah melihatnya dalam bab empat sebagai satu contoh, kepercayaan kepada perkhimatan awam perlu untuk mengadakan pekerjaan baru adalah salah. Kita telah melihat jika wang ditambah dengan percukaian, maka setiap dolar yang dibelanjakan kerajaan untuk pekerjaan awam mengurangkan satu dolar yang akan dibelanjakan oleh pembayar cukai bagi memenuhi kemahuannya, dan untuk setiap jawatan awam yang diadakan satu jawatan swasta telah dimusnahkan.

Andaikan perkhidmatan awam tidak dibayar daripada pengambilan cukai? Andaikan mereka dibayar melalui pembiayaan defisit - daripada pinjaman kerajaan atau pencetakan wang? Maka hasil yang dinyatakan nampaknya tidak akan berlaku. Pekerjaan awam nampaknya diadakan daripada kuasa beli "baru". Anda tidak boleh mengatakan kuasa beli telah diambil daripada pembayar cukai. Untuk seketika negara kelihatan mendapat sesuatu daripada tidak mempunyai apa-apa (kosong).

Namun, selaras dengan pelajaran kita, mari kita lihat kepada kesannya untuk jangka masa panjang. Pinjaman yang dibuat mesti dibayar kemudian. Kerajaan tidak boleh menambah hutang semahunya; kerana jika ia cuba berbuat demikian, sampai masanya ia akan muflis. Adam Smith menjelaskannya pada tahun 1776:

> Apabila hutang negara telah terkumpul pada tahap tertentu saya percaya berlaku kelangkaan, contoh tunggal ianya telah dibayar dengan adil dan sepenuhnya. Pembebasan pendapatan awam, jika ia memang dipinjam, sentiasa meminjamkan kemuflisan; kadangkala kerana pembayaran sesuatu yang jelas tetapi selalunya benar, walaupun selalunya kerana bayaran berhelah.

Namun apabila kerajaan mahu membayar semula pinjaman yang dibuat untuk perkhidmatan awam, ia mesti akan mengenakan lebh banyak cukai berbanding perbelanjaan. Justeru, dalam fasa kemudian ini, ia semestinya akan menghilangkan lebih banyak pekerjaan berbanding jumlah yang diadakan. Tambahan cukai yang besar kemudiannya diperlukan bukan sahaja untuk menghakis kuasa beli; tetapi mengurangkan atau menghancurkan insentif untuk pengeluaran, dan turut mengurangkan jumlah kekayaan dan pendapatan negara.

Cara tunggal mengelak kesimpulan ini ialah dengan menganggap (tentunya seperti pemuka yang meminta lebih banyak perbelanjaan sentiasa lakukan) ahli politik yang berkuasa akan berbelanja hanya dalam apa yang harganya rendah atau semasa fasa 'deflasi', dan akan segera membayar hutang semasa apa yang harganya meningkat atau fasa 'inflasi'. Ini adalah fiksyen yang mempesona namun malangnya ahli politik yang berkuasa tidak pernah bertindak demikian. Tambahan pula, ramalan ekonomi adalah sangat tidak menentu, dan tekanan politik juga demikian sifatnya, menyebabkan kerajaan tidak mungkin bertindak begitu. Apabila perbelanjaan defisit, banyak kepentingan yang kuat dilahirkan dan mereka akan meminta perbelanjaan defisit ini diteruskan dalam semua keadaan.

Jika tidak ada sebarang percubaan jujur untuk membayar semula hutang yang terkumpul, dan memilih untuk melakukan inflasi semata-mata, maka kesan yang akan berlaku kemudiannya mengikut apa yang telah dijelaskan. Negara secara keseluruhannya tidak akan mendapat apa-apa tanpa membayarnya. Inflasi itu sendiri adalah satu bentuk percukaian. Ia mungkin satu bentuk paling buruk, yang lazimnya sangat sukar kepada yang paling tidak mampu membayarnya. Tentang andaian inflasi memberi

kesan kepada semua orang dan semua perkara secara setara (yang telah kita lihat sebagai tidak benar), ia akan menjadi sama seperti peratusan yang sama bagi cukai jualan rata terhadap semua komoditi, dengan kadar yang tinggi kepada susu dan roti seperti kepada berlian dan bulu. Atau ia mungkin dianggap setara dengan peratusan cukai rata yang sama, tanpa pengecualian terhadap pendapatan semua orang. Ia adalah cukai bukan sahaja kepada setiap perbelanjaan individu tetapi juga kepada akaun simpanan dan insuran kehidupan mereka. Sebenarnya ia adalah levi modal rata tanpa pengecualian, di mana orang miskin membayar peratusan yang sama tinggi dengan orang kaya.

Namun situasi adalah lebih teruk berbanding ini kerana seperti yang dapat kita lihat inflasi tidak dan tidak boleh memberi kesan kepada setiap orang dengan sama rata. Ada yang lebih menderita berbanding yang lain. Golongan miskin lazimnya dicukai, dalam pengertian peratusan, lebih besar melalui inflasi kerana mereka tidak mempunyai cara yang sama untuk melindungi diri sendiri melalui pembelian spekulatif ekuiti sebenar. Inflasi adalah jenis cukai yang tidak dapat dikawal oleh penguasa percukaian. Ia menyerang ke semua arah tanpa didorong. Kadar cukai yang dikenakan oleh inflasi tidak tetap: ia tidak boleh ditentukan lebih awal. Kini kita tahu; esok kita tidak tahu; dan esok kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada hari selepasnya.

Seperti cukai-cukai yang lain, inflasi bertindak untuk menentukan dasar individu dan juga perniagaan yang kita semua dipaksa untuk ikut. Ia tidak menggalakkan sikap berhemah dan jimat cermat. Ia menggalakkan semua jenis belanja berlebihan, perjudian, pembaziran melulu. Ia juga sering menjadikan spekulasi lebih menguntungkan berbanding pengeluaran. Ia menceraikan seluruh fabrik hubungan ekonomi yang stabil. Kezalimannya yang tidak boleh dimaafkan mendorong seseorang terdesak untuk mendapat bantuan pemulihan. Ia menanam benih fasisme dan komunisme. Ia mendorong seseorang untuk menuntut kawalan penuh. Ia selalunya berakhir dengan kekecewaan dan keruntuhan yang pahit.

Bab Dua Puluh Tiga

Kritikan terhadap simpanan

Sejak zaman dahulu pepatah bijaksana mengajar kita tentang kebaikan berhemat dan memberi amaran tentang akibat pemborosan dan pembaziran. Ungkapan bijaksana ini mencerminkan etika biasa dan juga pertimbangan berhemat manusia. Namun sentiasa ada yang boros dan sentiasa ada juruteori untuk merasionalkan pemborosan mereka.

Dalam menyangkal falasi pada zaman mereka, ahli ekonomi klasik telah menunjukkan dasar berhemat yang penting kepada individu juga penting untuk negara. Mereka menunjukkan bahawa penyimpan yang rasional, dalam menyediakan peruntukan masa depannya, tidak menjejaskan bahkan membantu keseluruhan komuniti. Namun kini kebijaksanaan lama untuk berbelanja hemat, dan pembelaannya oleh ahli ekonomi klasik sekali lagi diserang dengan alasan lain sementara doktrin bertentangan untuk berbelanja boros kini menjadi amalan.

Bagi menjelaskan isu asas ini, saya fikir kita tidak boleh berbuat dengan lebih baik kecuali memulakan contoh klasik yang digunakan oleh Bastiat. Mari kita bayangkan dua orang saudara, seorang kuat berbelanja dan seorang lagi cukup berhemat, setiap seorang mewarisi jumlah pendapatan sebanyak $50,000 setahun. Kita akan abaikan cukai pendapatan, dan persoalan sama ada kedua-dua mereka perlu bekerja untuk hidup atau menderma sebahagian pendapatan mereka untuk kebajikan kerana soalan ini tidak relevan untuk tujuan sekarang.

Alvin, anak pertama, kuat berbelanja. Dia bukan hanya berbelanja kerana memang sikapnya begitu, tetapi dia juga berbelanja kerana prinsipnya. Dia adalah pengikut Rodbertus yang telah mengisytiharkan pada pertengahan abad ke-19 bahawa kapitalis "mesti membelanjakan pendapatan mereka hingga habis untuk keselesaan dan kemewahan," kerana jika "mahu menyimpan...barangan akan terkumpul, dan sebahagian buruh tidak mempunyai pekerjaan."[1]

Alvin selalu dilihat di kelab malam dan dia memberikan tip yang banyak; dia mengekalkan cara hidup mewah dengan sejumlah pembantu, mempunyai beberapa pemandu, dan sejumlah kereta yang tidak pernah digunakan; dia membeli padang lumba kuda, memiliki kapal layar, melancong, membeli isterinya banyak gelang berlian dan kot bulu; dia memberikan hadiah yang mahal dan tidak berguna kepada rakan-rakannya.

Untuk melakukan semua ini dia perlu menggunakan modalnya. Apa yang dikisahkan? Jika menyimpan adalah dosa, berbelanja mestilah kebijaksanaan; dan dalam mana-mana kes dia hanya akan menambah kemudaratan jika menyimpan seperti saudaranya Benjamin.

Tidak sukar mengatakan Alvin adalah kegemaran ramai gadis, pelayan bar, pengendali restoran, penjual kot, segala jenis barang mewah. Mereka menganggapnya sebagai seorang pemberi manfaat kepada orang ramai. Tentunya jelas kepada semua bahawa dia memberikan pekerjaan dan menyebarkan wangnya di merata tempat.

Jika dibandingkan, saudaranya Benjamin adalah kurang popular. Dia jarang kelihatan di kedai permata, kedai penjual kot bulu atau kelab malam, dan dia tidak menggunakan khidmat ketua pelayan. Alvin bukan sahaja berbelanja pendapatan penuhnya $50 ribu setahun tetapi juga mengambil modal lain yang ada, Benjamin hidup secara sederhana dan hanya berbelanja sebanyak $25 ribu. Jelas, seperti yang dapat dilihat melalui pandangan ramai, Benjamin menyediakan kurang daripada separuh pekerjaan berbanding Alvin, dan lebihan $25 ribu yang tidak digunakan dilihat tidak berguna seolah-olah ia tidak ada.

1 Karl Rodbertus, *Overproduction and Crises* (1850).

Namun mari kita lihat apa yang sebenarnya dilakukan oleh Benjamin dengan baki wang $25 ribu. Dia tidak membiarkannya dalam dompet, atau laci, atau dalam peti simpanannya. Dia sama ada mendepositkan wang ini di bank atau melaburkannya. Jika dia meletakkannya dalam bank komersil atau simpanan, bank sama ada akan meminjamkannya kepada perniagaan lain bagi jangka masa singkat sebagai modal kerja, atau menggunakannya untuk mendapatkan perlindungan.

Dalam maksud lain Benjamin melaburkan wangnya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun ketika wang dilaburkan ia digunakan untuk membeli atau membina barangan modal - rumah-rumah, atau bangunan pejabat atau kilang atau kapal atau trak atau mesin. Mana-mana projek ini meletakkan wang yang sama banyak dalam edaran dan memberikan sama banyak pekerjaan jika dibandingkan dengan wang yang dibelanjakan terus untuk penggunaan.

Secara ringkasnya, "simpanan" dalam dunia moden hanyalah bentuk baru perbelanjaan. Bezanya ialah wang ini dialihkan kepada orang lain untuk dibelanja bagi meningkatkan pengeluaran. Setakat ini dalam soal memberi pekerjaan dan meletakkan wang dalam edaran, "simpanan" Benjamin yang dicampur dengan perbelanjaan memberikan nilai yang sama dengan perbelanjaan Alvin. Perbezaan utamanya ialah pekerjaan yang disediakan oleh Alvin boleh dilihat oleh sesiapa dengan satu mata; namun kita perlu berfikir seketika dan melihat dengan teliti untuk menyedari bahawa setiap dolar simpanan Benjamin turut memberikan pekerjaan yang sama banyak seperti setiap dolar yang dibelanjakan oleh Alvin.

Dua belas tahun berlalu. Alvin jatuh miskin. Dia tidak lagi kelihatan di kelab malam dan di kedai terkemuka; dan mereka yang dulu pernah dibelanjanya, kini mula berkata dia seorang yang bodoh. Dia menulis surat memohon bantuan daripada Benjamin. Benjamin yang terus dengan nisbah perbelanjaan yang sama dengan simpanan bukan hanya menyediakan lebih banyak kerja berbanding sebelumnya kerana pendapatannya melalui pelaburan telah meningkat tetapi melalui pelaburan itu juga dia membantu menyediakan pekerjaan yang bergaji lebih baik dan lebih produktif. Kekayaan modal dan pendapatannya lebih besar. Ringkasnya, dia telah menambah keupayaan pengeluaran negara; sementara Alvin tidak.

Banyak falasi berlaku tentang simpanan dalam tahun-tahun kebelakangan ini di mana ia tidak dapat dijawab dengan contoh tentang dua orang yang bersaudara ini. Adalah perlu untuk memberikan beberapa ruang tambahan lagi untuknya. Kebanyakannya berpunca daripada kekeliruan asas dan yang kelihatan luar biasa, khususnya ditemukan dalam kerja-kerja penulis ekonomi yang reputasinya besar. Sebagai contoh perkataan simpanan telah digunakan kadangkala untuk memaksudkan sorokan wang, dan kadang kala pula memaksudkan pelaburan, tanpa pemisahan yang jelas, berterusan kekal, antara dua penggunaan tersebut.

Berjimat tanpa tujuan, sekiranya berlaku secara tidak rasional dan pada skala yang besar, dalam kebanyakan situasi ekonomi adalah sesuatu yang merosakkan. Namun sorokan jenis ini sangat jarang berlaku. Sesuatu yang kelihatan seakannya tetapi perlu dibezakan daripadanya secara berhati-hati selalunya terjadi selepas kejatuhan dalam perniagaan mula dilihat. Perbelanjaan dan pelaburan bagi pemulihan berlaku dikontrakkan. Pengguna mengurangkan pembelian. Sesungguhnya antara sebab mereka berbuat demikian adalah kerana takut kehilangan kerja dan mereka berharap dapat menyelamatkan sumber yang ada: mereka mengkontrakkan pembelian bukan kerana berhasrat kurang membeli tetapi kerana mereka berharap dapat memastikan keupayaan mereka untuk membeli dapat dipanjangkan untuk satu tempoh lebih lama jika mereka kehilangan kerja nanti.

Namun pengguna mengurangkan pembelian mereka atas sebab lain. Harga barang mungkin telah jatuh dan mereka bimbang ia jatuh lebih teruk. Mereka percaya akan mendapat lebih daripada wang mereka sekiranya menangguhkan perbelanjaan. Mereka tidak berhasrat untuk memiliki sumber mereka dalam barangan yang nilainya akan jatuh, tetapi wang yang mereka jangka (secara relatif) meningkat dari segi nilai.

Jangkaan yang sama menghalang mereka daripada melabur. Mereka hilang keyakinan dalam keuntungan perniagaan; atau sekurang-kurangnya percaya sekiranya mereka menunggu beberapa bulan mereka boleh membeli stok atau bon dengan lebih murah. Kita mungkin berfikir mereka enggan memiliki barangan yang akan jatuh nilai semasa berada di tangan mereka, atau menyimpan wang itu sendiri untuk kenaikan.

Adalah salah untuk memanggil keengganan sementara untuk membeli ini sebagai satu bentuk "simpanan." Ia bukan daripada motif yang sama seperti simpanan biasa. Adalah kesilapan yang lebih serius untuk mengatakan "simpanan" jenis ini adalah punca kepada kegawatan. Ia adalah bertentangan dengan akibat kegawatan.

Adalah benar keengganan untuk membeli ini boleh memperhebatkan dan memanjangkan kegawatan. Pada masa berlakunya banyak campur tangan kerajaan dalam perniagaan, dan ketika perniagaan tidak tahu apa yang kerajaan akan lakukan nanti, ketidaktentuan berlaku. Keuntungan tidak dilaburkan semula. Firma dan individu membenarkan baki tunai terkumpul dalam bank mereka. Mereka membiarkan simpanan lebih besar berbanding kontingensi. Simpanan tunai ini mungkin kelihatan seperti punca kepada perlahannya aktiviti perniagaan. Namun, sebab sebenarnya ialah ketidaktentuan yang dilakukan oleh dasar kerajaan. Baki tunai yang banyak daripada firma dan individu hanyalah satu hubungan dalam rantaian yang berpunca daripada ketidaktentuan yang ada. Menyalahkan "simpanan besar" sebagai punca kejatuhan perniagaan adalah seperti menyalahkan kejatuhan harga epal bukan kepada pengutip tanaman tetapi kepada mereka yang enggan membayar lebih banyak untuk mendapatkan epal.

Bagaimanapun apabila seseorang telah memutuskan untuk mencemuh sesuatu amalan atau sesebuah institusi, sebarang hujah menentangnya meskipun sangat tidak logik akan dihitung sebagai cukup baik. Dikatakan banyak industri barangan pengguna dibuat atas jangkaan permintaan tertentu, dan jika sesiapa memutuskan untuk menyimpan maka mereka akan mengecewakan jangkaan ini dan memulakan kegawatan. Dakwaan ini sebenarnya bersandar pada kesilapan yang telah kita semak - iaitu melupakan bahawa apa yang disimpan dalam barangan pengguna dibelanjakan untuk barangan modal, dan "simpanan" ini tidak semestinya bermaksud penggunaan walaupun wang satu dolar dalam perbelanjaan penuh. Sebarang perubahan yang berlaku secara tiba-tiba mungkin tidak menyenangkan. Ia hanya menjadi tidak menyenangkan jika pengguna secara tiba-tiba menukar permintaan mereka daripada satu barangan

pengguna kepada yang lain. Ia akan menjadi lebih tidak menyenangkan jika mereka yang telah lama menyimpan tiba-tiba mengubah permintaan daripada barangan modal kepada barangan pengguna.

Masih ada tentangan lain dibuat terhadap simpanan. Ia dikatakan sebagai benar-benar bodoh. Abad ke-19 dicemuh kerana andaian doktrinnya yang tidak disaring bahawa simpanan seseorang sama seperti membuat kek yang besar dan lebih besar tanpa memakannya. Gambaran ini sendiri adalah naif dan kebudakan. Adalah lebih baik jika kita diberikan gambaran lebih realistik tentang apa yang sebenarnya berlaku.

Mari kita gambarkan sebuah negara yang secara kolektifnya menjimatkan 20 peratus daripada pengeluarannya setiap tahun. Angka ini sebenarnya jumlah simpanan yang berlaku dalam sejarah di Amerika Syarikat,[1] tetapi ia adalah lebih mudah ditunjukkan dengan angka bulat, dan bermanfaat kepada mereka yang ragu, dan percaya kita telah "terlebih menyimpan."

Kini sebagai hasil simpanan dan pelaburan tahunan, jumlah pengeluaran tahunan negara akan meningkat setiap tahun. (Untuk mengasingkan masalah kita perlu mengabaikan kenaikan, kejatuhan dan perubahan lain seketika.) Mari kita andaikan kenaikan tahunan dalam pengeluaran ialah 2.5 mata peratus. (Mata peratus diambil dan bukan peratusan terkumpul hanya untuk memudahkan pengiraan.) Gambaran yang kita dapat untuk tempoh 11 tahun, katakan, akan memberikan sesuatu yang seperti ini dalam nombor indeks:

1 Sejarahnya 20 peratus akan mewakili kira-kira jumlah keluaran negara kasar yang dikhaskan setiap tahun bagi pembentukan modal (tidak termasuk peralatan pengguna). Apabila elaun diberi untuk penggunaan modal. Bagaimanapun, penjimatan bersih tahunan telah menghampiri 12 peratus. George Terborgh, *The Bogey of Economic Maturity (1945).* Bagi tahun 1977 pelaburan domestik kasar swasta secara rasminya dianggarkan pada kadar 16 peratus keluaran negara kasar.

Tahun	Jumlah Pengeluaran	Pengeluaran Barangan Pengguna	Pengeluaran Barangan Modal
Pertama	100	80	20
Ke-dua	102.5	82	20.5
Ke-tiga	105	84	21
Ke-empat	107.5	86	21.5
Ke-lima	110	88	22
Ke-enam	112.5	90	22.5
Ke-tujuh	115	92	23
Ke-lapan	117.5 94	94	23.5
Kesembilan	120	96	24
Kesepuluh	122.5	98	24.5
Kesebelas	125	100	25

Perkara pertama yang perlu disedari tentang jadual ini ialah jumlah pengeluaran setiap tahun bertambah kerana simpanan, dan jumlah pengeluaran tidak akan bertambah tanpa simpanan ini. (Tidak mustahil untuk membayangkan kemajuan dan penemuan baru yang hanya menggantikan mesin dan barangan modal lain pada nilai yang sama boleh meningkatkan produktiviti nasional; bagaimanapun peningkatan ini sangat kecil jumlahnya dan hujah dalam sebarang kes menganggap pelaburan terdahulu telah cukup dibuat untuk jentera sedia ada.)

Penjimatan telah digunakan dari setahun ke setahun untuk meningkatkan kuantiti atau meningkatkan kualiti jentera sedia ada, serta untuk meningkatkan pengeluaran barangan. Adalah benar (atas sebab tertentu ia dianggap sebagai bantahan), terdapat lebih banyak kek setiap tahun. Adalah benar, setiap tahun tidak semua kek yang dihasilkan dimakan. Namun tidak ada kekangan yang tidak rasional dan kumulatif. Bagi setiap

tahun sebenarnya lebih banyak kek dimakan; hingga pada akhir tahun ke sebelas (dalam ilustrasi kita), kek pengguna tahunan sahaja sama dengan kek pengguna dan pengeluar pada tahun pertama. Tambahan pula, peralatan modal, keupayaan untuk mengeluarkan barangan, adalah 25 peratus lebih besar berbanding tahun pertama.

Mari kita perhatikan beberapa perkara lain. Hakikat bahawa pada setiap tahun 20 peratus pendapatan nasional disimpan sekurang-kurangnya tidak mengejutkan industri barangan pengguna. Jika dia menjual hanya 80 unit pengeluarannya dalam tahun pertama (dan tidak ada kenaikan harga disebabkan oleh permintaan yang tidak dapat dipenuhi) mereka pastinya tidak bodoh untuk membuat rancangan pengeluaran dengan andaian 100 unit kek mereka akan dijual pada tahun kedua. Dalam pengertian lain, industri barangan pengguna telah pun menjurus kepada andaian bahawa situasi masa lalu berkaitan kadar simpanan akan berterusan. Hanya tambahan simpanan yang banyak secara tiba-tiba dan tidak dijangka akan menggoyahkan mereka dan meninggalkan mereka dengan barangan yang tidak terjual.

Bagaimanapun kegoyahan yang sama, sebagaimana telah kita lihat, akan berlaku dalam industri barangan modal dengan penyusutan simpanan secara tiba-tiba dengan banyaknya. Jika wang yang sebelumnya telah digunakan untuk simpanan diguna untuk membeli barangan pengguna, ia tidak akan meningkatkan pekerjaan tetapi hanya mendorong kepada peningkatan dalam harga penggunaan barang dan menurunkan harga barangan modal. Kesan pertamanya dalam imbangan bersih ialah desakan peralihan dalam pekerjaan dan pertambahan pengangguran sementara oleh kesannya pada industri barangan modal. Kesan jangka masa panjangnya ialah pengurangan pengeluaran di bawah tahap yang sebaliknya telah dicapai.

Mereka yang memusuhi sikap berhemat menyatakan rasa tidak bersetuju. Mereka mula menggambarkan perbezaan yang cukup wajar, antara "simpanan" dan "pelaburan." Kemudian mereka mula bercakap seolah-olah kedua-dua pembolehubah bebas dan seolah-olah persamaan satu sama lain selama ini berlaku tiba-tiba. Mereka yang menyatakan hal

tersebut menggambarkan sesuatu yang luar biasa. Dari satu sisi mereka yang menyimpan secara automatik dengan bodohnya terus menyimpan tanpa tujuan; di sisi lain ialah "peluang pelaburan" terhad yang tidak boleh menyerap simpanan ini. Malangnya kesannya tidak berkembang. Mereka mengisytiharkan penyelesaian tunggal baginya ialah untuk kerajaan merampas simpanan yang bodoh dan berbahaya ini dan mengadakan projek-projeknya sendiri meskipun ini hanyalah parit atau piramid yang tidak diperlukan, agar wang digunakan dan peluang pekerjaan disediakan.

Terdapat banyak kepalsuan dalam gambaran dan "penyelesaian" ini namun kami hanya dapat menunjukkan beberapa falasi yang utama di sini. Simpanan boleh mencapai pelaburan hanya dengan jumlah yang sebenarnya disimpan dalam tunai.[1] Beberapa orang dalam komuniti industri moden pada masa ini menyimpan duit syiling dan bil-bil dalam stokin atau di bawah tilam. Pada tahap kecil di mana hal ini berlaku tertunjuk dalam rancangan pengeluaran perniagaan dan aras harga. Ia bukan lazim atau kumulatif: tidak disimpan, pada waktu si penyimpan mati dan simpanannyanya ditemukan dan hilang, ia mungkin mengimbangi nilai simpanan baru. Sebenarnya, keseluruhan jumlah yang terbabit mungkin tidak penting dalam kesannya terhadap aktiviti perniagaan.

Jika wang disimpan sama ada dalam bank simpanan atau komersil, sebagaimana telah kita lihat, bank tidak sabar untuk meminjamkannya atau melaburkannya. Mereka tidak dapat menerima situasi adanya wang yang tidak digunakan. Satu perkara yang menyebabkan orang secara umumnya cuba meningkatkan pegangan tunai mereka, atau akan menyebabkan bank menahan wang daripada digunakan atau hilang kepentingan terhadapnya, ialah kerisauan kejatuhan harga barang atau takut bank akan mengambil risiko yang terlalu besar dengan wang mereka. Ini bermaksud tanda kegawatan telah mula kelihatan, dan menyebabkan berlakunya simpanan tetapi bukan simpanan yang memulakan kegawatan.

---

1 Banyak perbezaan antara ahli ekonomi dalam pelbagai pandangan yang dinyatakan mengenai perkara ini kini adalah semata-mata perbezaan dalam definisi. Simpanan dan pelaburan mungkin ditakrifkan sebagai sama, oleh itu semestinya sama. Di sini saya memilih untuk mentakrifkan simpanan dalam pengertian wang dan pelaburan dalam pengertian barangan. Ini umumnya selaras dengan penggunaan biasa perkataan yang bagaimanapun tidak konsisten.

Selain simpanan tunai yang boleh diabaikan ini, seterusnya (malah pengecualian ini mungkin difikirkan sebagai "pelaburan" langsung dalam wang itu sendiri) "simpanan" dan "pelaburan" dibawa kepada persamaan (*equilibrium*) antara satu sama lain sebagaimana penawaran dan permintaan untuk sebarang komoditi dibawa ke dalam persamaan. Kita akan mentakrifkan simpanan dan pelaburan sebagai bentuk permintaan dan penawaran modal baru. Sebagaimana penawaran dan permintaan untuk sebarang komoditi disamakan oleh harga, maka penawaran dan permintaan untuk modal disamakan oleh kadar faedah. Kadar faedah hanyalah nama khas bagi harga pinjaman modal. Ia adalah harga seperti yang lain.

Keseluruhan subjek ini kelihatan begitu mengelirukan dalam tahun-tahun kebelakangan ini disebabkan oleh sejumlah ahli falsafah yang rumit dan dijadikan asas dasar kerajaan yang buruk di mana seseorang boleh putus asas untuk menggunakan akal dan sikap waras mengenainya.

Ada kebimbangan besar pada kadar faedah "yang tinggi". Hujah yang dikemukakan ialah jika kadar faedah terlalu tinggi adalah tidak menguntungkan bagi industri untuk meminjam dan melabur pinjaman ini ke dalam kilang dan jentera baru. Hujah ini begitu berkesan sehingga kerajaan di mana-mana pun dalam dekad terkebelakang ini meneruskan dasar "wang murah" buat-buatan (*artificial cheap money policy*). Namun hujah, dalam kaitan peningkatan permintaan untuk modal, yang diberikan melepas pandang kesan dasar ini terhadap bekalan modal. Ia adalah satu lagi contoh falasi yang hanya melihat kesan dasar tertentu kepada satu kumpulan tertentu dan melupakan kesannya kepada yang lain.

Jika kadar faedah secara buatan dikekalkan terlalu rendah dalam hubungannya dengan risiko, ia akan menyebabkan penyusutan dalam simpanan dan pemberian pinjaman. Pemuka "wang murah" percaya bahawa simpanan akan terus disimpan secara automatik, terlepas berapa pun kadar faedah yang ditetapkan, kerana orang kaya yang puas tidak ada tujuan lain dalam penggunaan wang mereka. Mereka seterusnya memberitahu kita

dengan tepat apakah jumlah kadar minimum tahap pendapatan sendiri yang disimpan seseorang terlepas apa juga kadar faedah atau risiko untuk meminjamkan wang tersebut.

Sebenarnya, meskipun meskipun perubahan kadar faedah diragui akan memberi kesan lebih rendah kepada jumlah simpanan mereka yang sangat kaya berbanding mereka yang sederhana kaya, secara praktikalnya simpanan semua pihak akan terkesan pada tahap tertentu. Untuk berhujah dengan asas contoh yang melampau, jumlah simpanan sebenar tidak akan dikurangkan oleh pengurangan besar kadar faedah adalah seperti berhujah jumlah pengeluaran gula tidak akan berkurangan dengan kejatuhan besar harganya kerana pengeluar yang cekap dan menggunakan kos yang rendah akan tetap menaikkan pengeluaran sebanyak sebelumnya. Hujah ini tidak melihat kepada penyimpan kecil, iaitu jumlah penyimpan teramai.

Kesan memastikan kadar faedah rendah secara buatan sebenarnya sama seperti memastikan sebarang harga lain lebih rendah daripada apa yang berlaku dalam pasaran bebas. Ia meningkatkan permintaan dan mengurangkan penawaran. Ia menyebabkan herotan ekonomi. Adalah benar bahawa pengurangan buatan dalam kadar faedah menggalakkan peningkatan pinjaman. Sebenarnya dalam kecenderungan menggalakkan usaha yang sangat spekulatif, yang tidak boleh diteruskan kecuali di bawah situasi buatan yang membolehkan ini berlaku. Dari segi penawaran, pengurangan kadar faedah secara buatan tidak menggalakkan sikap berhemat, menyimpan dan melabur yang biasa. Modal yang dikumpul berkurangan. Ia menyebabkan kekurangan perbandingan (*comparative shortage*) dalam modal sebenar.

Memang, kadar wang boleh dipastikan rendah secara buatan hanya dengan suntikan baru mata wang atau hutang bank secara berterusan di tempat simpanan sebenar. Ini akan mewujudkan ilusi pertambahan modal seolah-olah seperti tambahan air yang mewujudkan ilusi lebih banyak susu. Ia adalah dasar untuk meneruskan inflasi. Ia adalah proses yang melibatkan bahaya terkumpul. Kadar wang akan meningkat dan krisis akan dibina jika inflasi diterbalikkan, atau hanya dihentikan, atau mungkin berterusan pada kadar yang berkurangan.

Adalah jelas sementara suntikan baru mata wang atau kredit bank boleh pada awalnya, dan secara sementara, menyebabkan kadar faedah yang rendah, pengekalan dalam cara ini akhirnya akan meningkatkan kadar faedah. Ia berlaku kerana suntikan wang baru cenderung untuk mengurangkan kuasa beli wang. Pemberi pinjaman akan menyedari bahawa kuasa beli wang yang dipinjamkan hari ini akan berkurangan setahun daripada sekarang selepas mereka mendapatkan kembali wang yang telah dipinjamkan ini. Oleh itu bagi kadar faedah biasa mereka menambah satu premium untuk membayar pampasan kerugian yang telah dijangka dalam kuasa beli wang mereka ini. Premium ini boleh menjadi tinggi, bergantung kepada tahap jangkaan inflasi. Maka kadar faedah tahunan kepada bil perbendaharaan British meningkat 14 peratus pada tahun 1976; bon kerajaan Itali menghasilkan 16 peratus pada tahun 1977; dan kadar diskaun bank pusat Chile melonjak kepada 75 peratus pada tahun 1974. Ringkasnya, dasar wang yang murah akhirnya membawa lebih banyak keganasan tidak menentu dalam perniagaan berbanding cadangan mengadakannya bagi pemulihan dan pencegahan.

Sekiranya tidak ada tindakan dibuat untuk mengganggu kadar wang melalui dasar inflasi kerajaan, peningkatan simpanan akan mewujudkan permintaan dengan pengurangan kadar faedah dengan sendirinya. Bekalan simpanan lebih besar mencari penyimpan untuk pelaburan pada kadar rendah. Bagaimanapun kadar yang rendah juga bermaksud lebih banyak perusahaan mampu untuk meminjam kerana prospek keuntungan mereka pada mesin atau kilang baru yang dibeli mereka dengan wang tersebut kelihatan melebihi apa yang harus dibayar mereka untuk dana yang dipinjam itu.

Kini falasi terakhir tentang simpanan yang saya mahu tangani. Andaian paling kerap dibuat ialah adanya tetapan had kepada jumlah modal baru yang boleh diserap, meskipun had pengembangan modal telah dicapai.

Adalah menakjubkan apabila pandangan sebegitu boleh timbul di kalangan mereka yang jahil, apatah lagi ia diambil oleh ahli ekonomi yang terlatih. Hampir keseluruhan kekayaan dunia moden, hampir semua yang membezakannya daripada dunia pra-industri pada abad ke-17 terdiri daripada modal terkumpul.

Modal ini dibentuk daripada sebahagian banyak perkara yang mungkin elok dipanggil barang pengguna yang bertahan lama - kenderaan, peti sejuk, perabot, sekolah, kolej, gereja, perpustakaan, hospital dan selain itu rumah persendirian. Dalam sejarah dunia ini tidak pernah cukup. Meskipun terdapat cukup bilangan rumah, penambahbaikan kualitatif adalah mungkin dan dimahukan tanpa had yang jelas dalam semua kecuali rumah-rumah terbaik.

Bahagian kedua modal ialah apa yang kami panggil sebagai modal bersesuaian (*capital proper*). Ia melibatkan alat-alat pengeluaran, semuanya termasuk kapak, pisau atau pembajak yang paling tajam kepada peralatan mesin terbaik, penjana elektrik terbesar atau siklotron, atau kilang yang dilengkapi peralatan terhebat. Di sini juga secara kuantitatifnya dan sebenarnya kualitatif tidak ada had kepada pengembangan yang mungkin dan dimahukan. Tidak akan ada "lebihan" modal sehingga negara paling mundur juga dilengkapi dengan teknologi lebih baik sebagimana negara paling maju, sehingga kilang paling tidak cekap di Amerika setara dengan kilang yang dilengkapi peralatan terbaik dan terkini, sehingga peralatan pengeluaran paling moden mencapai tahap di mana kebijaksanaan manusia telah menemui jalan buntu untuk penemuan baru, dan peralatan ini tidak boleh dimajukan lagi. Selagi mana-mana situasi ini kekal tidak tercapai akan ada ruang yang tidak terhad kepada lebih banyak modal.

Namun bagaimana tambahan modal boleh "diserap"? Bagaimana ia boleh "dibayar"? Jika ia ditetapkan dan disimpan, ia akan menyerap dengan sendirinya dan membayar untuk dirinya sendiri. Bagi pengeluar yang melabur dalam barangan modal yang baru - mereka membeli peralatan baru dan lebih baik serta lebih pintar - kerana ia mengurangkan kos pengeluaran. Ia sama ada mewujudkan barangan yang jika tidak dibantu tenaga buruh maka ia langsung tidak akan dihasilkan (dan ini kini melibatkan banyak barangan di sekeliling kita - buku, mesin taip, kenderaan, lokomotif, jambatan gantung); atau ia meningkatkan kuantiti pengeluaran dengan banyaknya; atau (dan ini hanyalah mengatakan perkara ini dengan cara berbeza) ia mengurangkan kos unit pengeluaran. Kerana tidak ada had yang ditentukan kepada had di mana unit kos

pengeluaran boleh dikurangkan - sehingga semua boleh dihasilkan tanpa kos langsung - tidak ada had ditentukan kepada jumlah modal baru yang boleh diserap.

Unit kos pengeluaran yang dikurangkan secara berterusan dengan tambahan modal baru menyebabkan satu antara dua perkara berlaku, atau kedua-duanya. Ia mengurangkan kos barangan kepada pengguna dan meningkatkan gaji buruh yang menggunakan barangan baru kerana kuasa produktif buruh tersebut ditingkatkan. Maka mesin baru memanfaatkan kedua-dua pihak yang bekerja secara langsung dengannya dan dengan jumlah pengguna yang ramai. Dalam kes pengguna kita akan mengatakan sama ada mereka dibekalkan dengan barangan yang lebih banyak dan lebih baik untuk jumlah wang yang sama, atau gaji sebenar mereka meningkat sama. Bagi kes pekerja yang mengguna mesin baru ia meningkatkan gaji sebenar mereka dengan dua cara termasuk pertambahan wang gaji mereka juga. Ilustrasi biasa ialah perusahaan kenderaan. Industri kenderaan Amerika membayar gaji lebih tinggi di dunia, dan antara yang paling tinggi bahkan di Amerika. Bagaimanapun (sehingga sekitar tahun 1960) pembuat kereta Amerika hanya boleh menjual lebih murah berbanding di seluruh dunia, kerana unit kosnya lebih rendah. Rahsianya ialah modal yang diguna bagi menjadikan kereta di Amerika lebih besar bagi setiap pekerja dan setiap kereta berbanding di mana-mana di dunia ini.

Bagaimanapun ada yang berfikir kita telah sampai kepada akhir proses ini,[1] dan masih ada yang berfikir jika kita belum tiba, maka adalah bodoh jika dunia mahu terus ikut menyimpan dan menambah kepada stok modal.

Seharusnya selepas semua analisis ini tidak sukar menyatakan siapa yang sebenarnya bodoh. (Adalah benar bahawa Amerika Syarikat kian merosot dalam kepimpinan ekonomi dunia sejak kebelakangan ini, namun ia berpunca daripada dasar kerajaan yang anti kapitalis, bukan kerana "kematangan ekonomi.")

1 Untuk penyangkalan statistik falasi ini sila rujuk George Terborgh, *The Bogey of Economic Maturity* (1945). "Stagnationist" yang disangkal oleh Dr. Terbogh ini telah diambil alih oleh Galbrathians dengan doktrin yang sama.

Ekonomi, sebagaimana dapat kita lihat lagi dan lagi, adalah sains untuk menyedari kesan kedua. Ia juga adalah sains untuk melihat kesan umum. Ia adalah sains untuk mengesan natijah sebahagian dasar yang dicadangkan atau sedia ada bukan hanya kepada sebahagian pihak tertentu yang berkepentingan dalam jangka masa pendek, tetapi kepada kepentingan umum dalam jangka masa panjang.

Ia adalah pelajaran yang menjadi perhatian khusus buku ini. Kita nyatakannya buat pertama kali dalam bentuk rangka, dan kemudian meletakkan otot dan kulit padanya melalui lebih daripada satu contoh praktikal. Tetapi dalam menunjukkan ilustrasi khusus kami menemukan petunjukan pelajaran am yang lain; dan kami perlu melakukan dengan baik dalam mengemukakan pelajaran ini kepada diri kami dengan lebih jelas.

Dalam melihat ekonomi sebagai sains untuk menjejak kesan yang ada, kami mesti menyedari bahawa, sebagaimana logik dan matematik, ia adalah sains untuk mengesan implikasi yang tidak dapat dielakkan. Kami boleh menggambarkan hal ini dengan persamaan asas dalam algebra. Jika kami berkata jika x = 5 maka x +y = 12. "Penyelesaian" kepada persamaan ini ialah y sama dengan 7; Ia tidak menyatakannya secara langsung, tetapi pembayangnya memberi panduan.

Apa yang benar dalam persamaan asas ini adalah benar dalam kebanyakan persamaan yang lebih rumit dan sukar ditemukan dalam matematik. Jawapannya telah sedia ada dalam kenyataan masalah. Ia mesti"dicari." Memang jawapannya kadangkala boleh ditemukan oleh seseorang yang mengerjakan persamaan tersebut sebagai suatu kejutan yang menakjubkan. Dia mungkin mempunyai rasa menemukan sesuatu yang keseluruhannya baru - cabaran yang menyeronokkan seperti "beberapa pemerhatian ke langit, apabila planet baru melintasi pandangannya." Jiwa meneroka seseorang boleh dijustifikasi oleh kesan-kesan teoretikal atau praktikal jawapannya. Namun jawapannya telah sedia terkandung dalam formula masalah tersebut. Ia hanya tidak disedari lebih awal. Matematik memberi kita peringatan bahawa implikasi yang tidak dapat dielakkan tidak semestinya implikasi yang jelas.

Semua ini sama dalam ekonomi. Dalam hal ini ekonomi boleh dibandingkan juga dengan kejuruteraan. Apabila seorang jurutera mempunyai masalah, ia mesti terlebih dahulu menentukan semua fakta yang terkait dengan masalah itu. Sekiranya dia membina sebuah jambatan merentangi dua titik, dia mesti terlebih dahulu tahu jarak tepat antara dua titik ini, corak topografinya yang tepat, beban maksimum yang boleh ditampung oleh jambatan yang dia mahu bina, dan ketegangan dan tarikan yang akan dikenakan. Kebanyakan fakta penyelidikan ini telah dibuat baginya oleh pihak lain. Pendahulunya telah mengembangkan persamaan matematik di mana, mengetahui kekuatan bahan dan ketegangan yang dikenakan kepadanya, dia boleh menentukan diameter, bentuk, bilangan dan struktur menara, kabel dan galang yang sesuai.

Dengan cara yang sama ahli ekonomi yang ditugaskan dengan masalah praktikal mesti tahu kedua-dua fakta penting masalah tersebut dan pengurangan yang sah untuk diambil daripada fakta tersebut. Sisi pengurangan ekonomi tidak kurang penting berbanding fakta. Seseorang boleh berkata tentangnya sebagaimana kata Santayana tentang logik (dan apa yang boleh juga dikatakan dalam matematik), iaitu ia "mengesan radiasi kebenaran," maka "apabila satu istilah sistem logik diketahui untuk menjelaskan satu fakta, keseluruhan sistem yang dikaitkan dengan istilah tersebut menjadi pijar."

Kini beberapa orang menyedari keperluan implikasi kenyataan ekonomi yang mereka sering nyatakan. Apabila mereka mengatakan cara menyelamatkan ekonomi ialah dengan menambah hutang, mereka seolah-olah berkata cara untuk menyelamatkan ekonomi ialah dengan menambah hutang: ini adalah nama lain untuk perkara yang sama tetapi dilihat dari sisi bertentangan. Apabila mereka berkata cara untuk makmur ialah dengan meningkatkan harga pertanian, ia seperti berkata cara untuk makmur ialah membuat makanan yang lebih disukai oleh pekerja di bandar. Apabila mereka berkata cara mencapai kekayaan nasional ialah dengan memberi subsidi kerajaan, mereka sebenarnya berkata cara untuk mencapai kekayaan ialah dengan menaikkan cukai. Apabila mereka menjadikan objektif utama adalah untuk meningkatkan eksport, ramai di kalangan mereka tidak sedar

mereka sebenarnya menjadikan objektif utama yang terakhir ialah untuk meningkatkan import. Apabila mereka berkata dalam hampir setiap keadaan cara untuk pemulihan ialah dengan menaikkan kadar gaji, mereka hanya menemui cara lain berkata cara pemulihan ialah dengan meningkatkan kos pengeluaran.

Ia tidak semestinya menjadi seperti itu kerana setiap cadangan ini, sebagaimana sekeping wang syiling, mempunyai sisi lain, cadangan yang sama, nama lain bagi ilusi, yang bunyinya kurang menarik, menjadikan semua cadangan asal tidak meyakinkan. Mungkin ada kala apabila peningkatan hutang adalah pertimbangan kecil berbanding keuntungan yang dicapai dengan dana yang dipinjam; subsidi kerajaan tidak dapat dielakkan bagi mencapai satu tujuan tertentu ketenteraan; apabila industri tertentu mampu meningkatkan kos pengeluarannya, dan seterusnya. Namun kita mesti memastikan dalam setiap kes kedua-dua belahan syiling telah dipertimbangkan, dan semua implikasi cadangan yang diberi telah dikaji. Ini jarang dilakukan.

Penegasan

Analisis ilustrasi kami telah mengajar sampingan yang lain. Kesimpulan yang kami dapati ketika mengkaji kesan-kesan pelbagai cadangan yang dikemukakan ialah mereka yang berfikiran biasa hanya melihat kesan kepada pihak tertentu dalam jangka masa pendek, tetapi mengabaikan kesan kepada semua pihak dalam jangka masa panjang. Mereka yang tidak tahu atau separa-celik tentang ekonomi akan berkata adalah bagus untuk memecahkan cermin tingkap dan memusnahkan bandar; tidak membazir mengadakan projek-projek awam yang kurang diperlukan; tidak bahaya membiar sekumpulan manusia tidak kembali bekerja; mesin yang meningkatkan pengeluaran kekayaan dan menjimatkan tenaga manusia ditakuti, pengeluaran dan penggunaan bebas meningkatkan kekayaan perlu dihalang; sebuah negara bertambah kaya dengan menekan negara lain bagi mendapatkan barang yang lebih murah berbanding kos pengeluaran mereka; adalah bodoh atau jahat untuk menyimpan dan pemborosan membawa kemakmuran.

"Apa yang baik dalam tindakan untuk keluarga sendiri," menurut pemikiran Adam Smith dalam menjawab ahli falsafah pada zamannya, "boleh menjadi sangat bodoh jika dilakukan oleh sebuah kerajaan yang besar." Ramai yang hilang arah dengan kerumitan yang ada. Mereka tidak meneliti semula pemikiran mereka meskipun melihat kesimpulan yang jelas tidak masuk akal. Pembaca, bergantung kepada kepercayaan sendiri, mungkin boleh menerima pepatah Bacon yang berbunyi "Falsafah yang sedikit membawa fikiran manusia kepada ateisme, tetapi kedalaman falsafah membawa fikiran manusia kepada agama." Memang pengetahuan ekonomi yang sedikit boleh dengan mudah mendorong kesimpulan yang bertentangan dan tidak munasabah seperti yang telah kami tunjuk, sebaliknya kedalaman

ekonomi akan membawa seseorang kembali kepada akalnya. Ini akan mendorong seseorang membuat pemerhatian kepada semua kesan-kesan daripada sesuatu dasar berbanding hanya untuk satu pihak dengan kesan segera yang boleh dilihat.

Dalam proses kajian ini juga kami menemukan semula seorang rakan lama. Dia ialah William Graham Sumner, Lelaki yang Dilupakan. Pembaca akan ingat dalam esei Sumner yang diterbitkan pada tahun 1883:

> Sebaik sahaja A mendapati sesuatu yang kelihatan padanya sebagai satu kesalahan yang perlu diperbetulkan, kerana X menderita disebabkannya, A memberitahunya kepada B, dan selepas itu A dan B membawa usul untuk diluluskan undang-undang bagi memperbetulkan kezaliman ini dan seterusnya membantu X. Undang-undang yang diusulkan sentiasa mencadangkan agar ditentukan apa yang sepatutnya dilakukan oleh C kepada X atau dalam kes yang lebih baik, apa yang A, B dan X patut lakukan untuk… ..Apa yang saya mahu lakukan ialah untuk kita melihat C… Saya memanggilnya Lelaki yang Dilupakan… Dia adalah lelaki yang tidak pernah difikirkan. Dia adalah mangsa kepada pemimpin pembaharu, spekulator sosial dan dermawan, dan saya harap dapat menunjukkan kepada anda sebelum saya pergi bahawa dia (iaitu C) berhak mendapat perhatian anda kerana keperibadiannya dan beban yang diletakkan kepada dirinya.

Adalah satu ironi yang bersejarah apabila frasa ini, Lelaki yang Dilupakan, muncul kembali pada tahun 1930-an, namun kali ini ia digunakan bukan untuk C, tetapi untuk X; dan C yang pernah diminta menyokong lebih ramai X telah dilupakan sepenuhnya berbanding sebelum itu. Itulah C, Lelaki yang Dilupakan, yang sentiasa disebut untuk menyokong kemahuan dan kehendak ahli politik dengan membayar X bagi pihak mereka.

Kajian kami tentang pelajaran kita tidak akan lengkap sekiranya kita cuai untuk melihat bahawa asas falasi yang menjadi perhatian kami berlaku bukan secara tidak sengaja tetapi berbentuk sistematik. Sebenarnya ia adalah kesan yang hampir tidak dapat dielakkan daripada pembahagian kerja.

Dalam komuniti primitif atau di kalangan perintis, sebelum adanya pembahagian kerja, seorang lelaki bekerja semata-mata untuk dirinya dan keluarga terdekat. Apa yang didapatkan oleh mereka adalah sama dengan apa yang dihasilkan. Sentiasa ada hubungan langsung dan segera antara penghasilan dan kepuasannya. Bagaimanapun apabila pembahagian kerja yang rumit dan teliti berlaku, hubungan langsung dan segera ini hilang.

Saya tidak membuat semua perkara yang saya gunakan kecuali mungkin hanya satu. Dengan pendapatan yang saya dapat melalui pembuatan satu komoditi, saya mengadakan satu perkhidmatan, selainnya saya beli. Saya harap harga semua yang saya beli adalah rendah tetapi menjadi keinginan saya agar harga komoditi atau perkhidmatan yang saya berikan dapat dijual pada harga tinggi. Maka, meskipun saya berharap dapat membeli banyak barang-barang lain, saya berharap ada kelangkaan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh perniagaan saya. Semakin banyak langka dalam barang atau perkhidmatan yang ingin saya bekalkan, semakin tinggi hasil yang boleh saya dapatkan daripada usaha saya.

Ini tidak bermaksud saya akan mengekang usaha atau pengeluaran saya sendiri. Sebenarnya, sekiranya saya hanyalah seorang daripada ramai yang membekalkan komoditi atau perniagaan yang sama, dan persaingan bebas wujud dalam bidang ini, kekangan individu ini tidak berbaloi untuk saya. Sebaliknya, jika misalnya saya menanam gandum, saya mahu hasil tanaman yang dibuat menjadi sebanyak mungkin. Bagaimanapun, jika saya hanya pentingkan kebajikan sendiri, dan tidak ada rasa bersalah terhadap kemanusiaan, saya mahu pengeluaran gandum oleh orang lain menjadi serendah mungkin; kerana saya mahu kekurangan gandum berlaku (dan dalam sebarang barang makanan yang menjadi gantian kepadanya) maka hasil tanaman saya akan mendapat harga setinggi mungkin.

Biasanya perasaan pentingkan diri sendiri tidak mempunyai kesan kepada jumlah pengeluaran gandum. Di mana wujudnya persaingan, setiap pengeluar sebenarnya terpaksa memberikan usaha terbaik untuk menambah sebanyak mungkin hasil tanaman daripada tanah mereka. Dengan dorongan kepentingan diri sendiri dimanfaatkan untuk pengeluaran maksimum. (atas maksud baik atau buruk, yang lebih berkuasa dibanding dengan sifat pemurah)

Bagaimanapun jika penanam gandum atau kumpulan pengeluar yang lain bergabung untuk menghilangkan persaingan, dan kerajaan membenarkan atau menggalakkan hal itu, situasi berubah. Penanam gandum boleh memujuk kerajaan – atau lebih baik organisasi sedunia – untuk memaksa mereka mengurangkan luas tanah untuk tanaman gandum. Dengan cara ini mereka akan menyebabkan kekurangan dan meningkatkan harga gandum; dan sebagaimana mungkin berlaku, jika kenaikan dalam harga bagi setiap busyel berkadar lebih besar berbanding pengurangan pengeluaran, maka keseluruhan penanam gandum akan menjadi lebih baik: kerana jika semua perkara tidak berubah, semua yang lain perlu memberi lebih banyak apa yang dihasilkan mereka untuk mendapatkan kurang daripada apa yang dihasilkan penanam gandum. Negara secara keseluruhannya akan menjadi lebih miskin. Ia akan menjadi lebih miskin dengan jumlah gandum yang tidak ditanam. Namun sesiapa yang melihat hanya kepada penanam gandum akan melihat keuntungan, dan terlepas pandang kerugian besar yang akan menghilangkan keuntungan tersebut.

Ini terpakai dalam semua perkara lain. Jika kerana situasi iklim yang janggal maka berlaku pertambahan hasil tanaman oren semua pengguna akan mendapat manfaat. Dunia menjadi semakin kaya dengan lebih banyak buah oren. Oren akan menjadi lebih murah. Namun fakta ini mungkin menjadikan penanam oren sebagai satu kumpulan lebih miskin berbanding sebelumnya kecuali bekalan oren yang lebih banyak dapat mengganti harganya yang lebih rendah bahkan lebih daripada itu. Tentunya di bawah situasi demikian jika hasil tertentu tanaman oren tidak lebih besar berbanding biasa, maka saya pastinya akan rugi dengan kejatuhan harga disebabkan pertambahan lebih banyak oren secara umumnya.

Apa yang terpakai kepada perubahan dalam penawaran terpakai kepada perubahan dalam permintaan, sama ada disebabkan oleh penemuan dan rekaan baru atau kerana adanya perubahan selera. Mesin pemetik kapas yang baru, meskipun mengurangkan kos seluar dalam dan baju kapas kepada semua dan meningkatkan kekayaan umum, juga bermaksud pengurangan kerja bagi pemetik kapas. Mesin tekstil yang baru, menenum pakaian yang lebih baik pada kadar yang lebih pantas akan membuat ribuan mesin

lama tidak berguna lagi dan menghilangkan sebahagian nilai modal yang dilaburkan ke dalamnya, menjadikan pemilik mesin-mesin tersebut lebih miskin. Pembangunan lanjut kuasa nuklear, meskipun boleh memberikan manfaat yang cukup banyak kepada manusia adalah sesuatu yang ditakuti oleh pelombong arang batu dan telaga minyak.

Oleh kerana tidak ada pertambahan teknikal yang menjejaskan sesiapa maka tiada perubahan dalam selera atau moral meskipun untuk kebaikan, yang akan menjejaskan sesiapa. Semakin ramai hidup tenang akan menyebabkan pelayan bar kehilangan pekerjaan mereka. Penyusutan bilangan orang yang berjudi akan mendorong krupier (orang yang bertugas menjaga meja judi, membahagi kad dan sebagainya) dan penjual tiket lumba mencari pekerjaan yang lebih produktif. Semakin ramai lelaki yang menjaga kesucian diri mereka akan menjejaskan kerjaya tertua di dunia iaitu pelacuran.

Namun bukan hanya mereka yang menjadi pelayan maksiat akan terjejas dengan peningkatan mendadak dalam moral awam. Antara yang akan terjejas ialah mereka yang terlibat dalam perniagaan untuk meningkatkan moral tersebut. Pendakwah akan mendapati kurangnya rungutan; pemimpin pembaharu akan kehilangan agenda perjuangan mereka; permintaan untuk perkhidmatan mereka dan sumbangan untuk menyokong mereka akan merosot.

Jika tidak ada penjenayah kita patut mempunyai peguam, hakim dan pendakwa yang sedikit, dan tidak ada pemenjara, tidak ada tukang kunci, bahkan tidak ada polis (kecuali untuk perkhidmatan mengawal lalulintas yang memeningkan).

Ringkasnya, di bawah sistem pembahagian buruh adalah sukar untuk memikirkan sebarang keperluan manusia yang lebih besar dipenuhi tanpa, sekurang-kurangnya sementara, menjejaskan pihak lain yang melabur atau bersusah untuk mendapatkan kemahiran bagi memenuhi keperluan khusus tertentu.

Sekiranya kemajuan keseluruhannya sama dalam kitaran ini, percanggahan kepentingan seluruh komuniti dan kumpulan tertentu tidak akan, jika ia disedari, memberikan sebarang masalah serius. Jika dalam tahun yang sama hasil gandum sedunia meningkat, hasil saya

bertambah pada kadar yang sama, jika hasil oren dan produk pertanian lain bertambah secara sepadan, dan jika pengeluaran semua barangan industri juga bertambah dan unit kos pengeluarannya jatuh sepadan, maka saya sebagai penanam gandum tidak akan terjejas kerana pengeluaran gandum meningkat. Harga yang saya dapat untuk satu busyel gandum akan berkurangan. Jumlah penuh daripada pengeluaran lebih besar mungkin berkurangan. Namun jika saya boleh membeli pengeluaran setiap pengeluar lain pada harga lebih murah kerana peningkatan bekalan, maka saya tidak ada sebab untuk merungut. Jika harga lain merosot pada nisbah yang sama sebagaimana penurunan harga gandum saya, sebenarnya saya akan menjadi lebih baik, berkadar dengan jumlah kenaikan hasil tanaman saya; dan begitu juga yang lain akan mendapat manfaat secara berkadar daripada peningkatan bekalan semua barangan dan perkhidmatan.

Namun kemajuan ekonomi tidak pernah berlaku dan mungkin tidak akan berlaku dengan cara sepenuhnya seragam. Peningkatan kini berlaku dalam cawangan pengeluaran dan kini dalam perkara lain. Jika terdapat peningkatan mendadak dalam bekalan barangan yang saya bantu keluarannya, atau jika penemuan dan rekaan baru menjadikan apa yang saya hasilkan tidak lagi diperlukan, maka keuntungan kepada dunia adalah satu tragedi buat saya dan kumpulan produktif yang berkaitan.

Kini yang tersebar bukanlah peningkatan dalam bekalan dan penemuan baru, tetapi tambahan kerugian di mana banyak tunjuk perasaan berlaku termasuk yang disertai oleh pemerhati yang sebelumnya tidak berminat. Hakikat bahawa adanya kopi yang lebih banyak dan murah buat semua adalah pemerhatian yang singkat; apa yang dapat dilihat ialah hanya beberapa penanam kopi yang tidak dapat mengadakan penghidupan pada harga rendah. Pertambahan pengeluaran kasut pada harga kos oleh mesin baru dilupakan; apa yang dapat dilihat ialah sekumpulan lelaki dan wanita kehilangan pekerjaan. Semuanya keperitan mereka ini perlu disedari dan diberikan rasa simpati dan kita cuba untuk melihat sama ada sebahagian keuntungan daripada kemajuan khusus ini boleh digunakan untuk membantu mangsa mendapatkan tugas yang produktif di tempat lain – sebenarnya adalah perlu untuk memahami sepenuhnya masalah ini.

Namun penyelesaiannya bukan dengan cara mengurangkan bekalan sewenang-wenangnya, menghalang penemuan atau rekaan baru, atau menyokong mereka untuk meneruskan khidmat yang telah kehilangan nilainya. Namun orang ramai terus berulang kali meminta dilakukan perlindungan tarif, kemusnahan jentera, pembakaran kopi, ribuan skim kekangan. Ini adalah doktrin kekayaan yang gila, dijana dengan cara mengekalkan kelangkaan.

Ia adalah doktrin yang mungkin sentiasa benar jika dilihat secara khusus (tanpa melihat kesan kepada yang lain), malangnya bagi kumpulan pengeluar tertentu yang dinilai secara berasingan – jika mereka boleh menjadikan sesuatu yang ingin dijual itu kurang sambil menyimpan dengan banyak semua barangan yang ingin mereka beli. Bagaimanapun ia adalah doktrin yang secara terbukanya sentiasa salah. Ia tidak akan dapat dilaksanakan dalam kitaran penuhnya. Pelaksanaannya adalah satu tindakan bunuh diri bagi ekonomi.

Dan ini adalah pelajaran kita dalam bentuknya yang paling umum. Bagi banyak perkara yang kelihatan seakan benar apabila kita menumpukan kepada kumpulan ekonomi individu nampaknya hanya ilusi apabila kepentingan semua dipertimbangkan, sebagai pengguna tidak kurang daripada pengeluar.

Matlamat sains ekonomi adalah untuk melihat masalah yang ada secara keseluruhan, dan bukan dalam bentuk serpihan.

IDEAS
Institute for Democracy and Economic Affairs

Penubuhan Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) diilhamkan oleh wawasan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri pertama Malaysia. IDEAS berkongsi wawasan yang sama dengan Tunku yang disebutkan beliau dalam Pemasyhuran Kemerdekaan 1957, iaitu negara ini seharusnya:

> "menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa."

IDEAS adalah badan pemikir Malaysia pertama yang memberikan tumpuan terhadap usaha mempromosikan penyelesaian-penyelesaian berasaskan pasaran untuk persoalan-persoalan dasar awam. Badan ini dilancarkan secara rasmi pada 8 Februari 2010, bersempena sambutan hari lahir Almarhum Tunku Abdul Rahman yang ke-107, oleh YBM Tengku Razaleigh Hamzah, di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur, dalam acara yang diserikan dengan kehadiran anggota-anggota keluarga Almarhum Tunku daripada tiga generasi.

IDEAS adalah sebuah badan bebas yang tidak berorientasikan laba. Sebagai sebuah badan pemikir, kami bekerjasama dengan semua parti politik. Matlamat kami ialah untuk mengembangkan prinsip-prinsip berasaskan pasaran, justeru itu kami tidak terikat dengan mana-mana parti politik, kaum atau agama.

Misi kami ialah untuk meningkatkan tahap pemahaman dan penerimaan terhadap dasar-dasar awam yang berasaskan prinsip-prinsip kedaulatan undang-undang, kerajaan terhad, pasaran bebas dan kebebasan individu.

IDEAS menerima pengiktirafan antarabangsa kerana komitmennya terhadap kualiti. Pada 17 Januari 2013, IDEAS diumumkan sebagai badan pemikir baru ke-5 terbaik di dunia (meningkat dari tangga ke-13 pada tahun 2011) dalam sebuah tinjauan yang dibuat ke atas 6,603 badan pemikir dari 182 buah negara.

Maklumat lanjut tentang IDEAS boleh didapati di www.IDEAS.org.my

BANTU KAMI MEREALISASIKAN WAWASAN TUNKU ABDUL RAHMAN UNTUK MEMBINA NEGARA MALAYSIA YANG BERASASKAN "KEBEBASAN DAN KEADILAN"

IDEAS bergerak dengan bantuan para penderma yang pemurah seperti tuan/puan. Kami mempunyai dasar yang mudah tetapi tegas dalam menerima derma: kami terhutang budi kepada semua penderma, tetapi kami sama sekali tidak akan menjejaskan komitmen terhadap misi kami, iaitu untuk meningkatkan tahap pemahaman dan penerimaan terhadap dasar-dasar awam yang berasaskan prinsip-prinsip kedaulatan undang-undang, kerajaan terhad, pasaran bebas dan kebebasan individu. Dengan itu, kami tidak menerima bantuan dana daripada parti-parti politik atau sumber-sumber yang boleh menjejaskan sifat kami yang mandiri dan rentas-parti.

Kami amat memerlukan bantuan anda.

Sebagai sebuah badan bertaraf yayasan yang mendapat pengecualian cukai, kami akan mengeluarkan resit rasmi untuk semua derma yang dihulurkan.

BORANG DERMA

( ) Saya menyertakan cek atas nama "IDEAS Berhad"

( ) Saya telah menyalurkan derma ke akaun IDEAS
(Akaun CIMB: 1456 000 178 6053)

JUMLAH

( ) RM500 ( ) RM1,000 ( ) RM2,500

( ) RM5,000 ( ) RM10,000

( ) jumlah lain: _____

Sila sertakan maklumat di bawah untuk tujuan penyediaan dan pengiriman resit.

Nama (beserta gelaran): _____

Alamat: _____

Bandar / Negeri: _____ *Poskod:* _____

Emel: _____ *Tel/Faks:* _____

( ) Untuk derma melebihi RM5,000, sila tanda di kurungan sebelah jika anda bersetuju untuk disenaraikan sebagai penderma dalam laman web dan penerbitan kami.

Sila hantar borang ini (atau salinannya) bersama derma anda kepada:
Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
D6 Taman Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia



Dasar ekonomi memberi kesan kepada kehidupan setiap seorang warga sesebuah negara. Tiada seorang pun yang terkecuali. Namun, banyak kesilapan dalam memahami ekonomi telah dilakukan sepanjang sejarah. Untuk sebuah negara yang ekonominya sedang pesat membangun seperti Malaysia, buku seperti *Jalan Pintas ke dalam Ilmu Ekonomi* ini adalah amat berguna untuk memberi kefahaman asas ekonomi kepada setiap warga dalam bahasa yang mudah dan padat.

Dengan membaca buku ini, pembaca akan dapat mengenalpasti corak kesalahan yang sering dilakukan oleh banyak negara dunia dalam menetapkan dasar ekonomi dan politik, terutama apabila ahli politik dan masyarakat umum hanya melihat kesan jangka pendek daripada sesuatu langkah dan melupakan kesan jangkamasa panjang.

IDEAS
Institute for Democracy and Economic Affairs

AkademiMERDEKA.org

9 789671 009468